

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 45**      **Selasa**      **26 November 2013**

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

## **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):**

- Mengemacau Pengintipan Amerika Syarikat, Australia dan Singapura Yang Boleh Menjejaskan Keselamatan Negara - Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Kuantan)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

### **Jawatankuasa:-**

### **Jadual:-**

- B.29 (Halaman 27)  
B.30 (Halaman 80)  
B.43 (Halaman 117)

## **USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat**

(Halaman 27)

## Usul Anggaran Pembangunan 2014

### **Jawatankuasa:-**

- P.29 (Halaman 27)  
P.30 (Halaman 80)  
P.43 (Halaman 117)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 26 November 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No.1 – Y.B. Datuk Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor) tidak hadir]*

2. **Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan keluasan tapak projek tambak laut yang telah diluluskan oleh Kementerian untuk negeri Melaka. Adakah semua projek tambak laut ini mempunyai kajian EIA dan adakah kajian ini termasuk kesan-kesan Ekosistem Benthic.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, keluasan tapak projek tambak laut yang telah diluluskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk negeri Melaka adalah 2,835 hektar. Melalui kajian makro penilaian kesan kepada alam sekeliling atau pun makro EIA. Kajian makro bagi cadangan penambakan laut di Melaka adalah melibatkan beberapa cadangan projek dan kesannya dilihat secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemantauan yang dijalankan mendapati bahawa hanya sebahagian cadangan projek yang dinyatakan di dalam kajian EIA makro tersebut yang dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Melaka juga terdapat projek-projek tambak laut di Melaka yang telah menjalankan kajian EIA secara individu termasuklah kajian hidraulik yang perlu diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran sebelum kerja-kerja penambakan laut dan pembinaan semula.

Kajian kesan kepada Ekosistem Benthic adalah merupakan sebahagian daripada kajian EIA yang kritikal, yang perlu dijalankan oleh sesuatu cadangan projek tambak laut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya setuju bahawa projek ini masih terus dilaksanakan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa keluasan atau anggaran keluasan yang telah ditambahk laut iaitu tapak itu, berapa cadangan dan berapa kontraktor yang terlibat? Akan tetapi setakat ini berapa yang telah ditambahk laut dan bagaimana menjalankan pemantauan atau pun penguatkuasaan? Juga saya ingin tanya, bagaimana dengan

kegiatan yang jual secara haram tentang pasir laut yang telah menyedut dari proses tambak laut ini. Bagaimana dengan penguatkuasaan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Projek ini adalah di bawah kerajaan negeri, di bawah (UPEN) atau Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Walaupun ia demikian penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Jabatan Alam Sekitar telah pun di dalam penguatkuasaan menilai bahawa pemaju-pemaju tidak mengikuti syarat. Apabila mereka tidak mengikuti syarat, maka satu *stop work order* juga telah diberi kepada pemaju-pemaju projek supaya mereka mesti mengikut syarat-syarat kelulusan EIA di situ. Tentang berapa besar kawasan yang telah pun dibangunkan, ini saya kurang pasti sebab kementerian kami tidak ada menerima maklumat daripada kerajaan negeri tentang sebesar mana yang sedang dibangunkan sekarang.

Walaupun ia demikian aktiviti menambak apabila ia dijalankan dengan tidak mengikut syarat laporan EIA, pemaju projek tidak mendapatkan kelulusan laporan EIA. Di dalam projek ini, oleh sebab kerja pembangunan belum lagi dibuat, apabila laporan EIA makro dinilaikan, maka *stop work order* diturunkan kepada pemaju supaya mereka tidak meneruskan projek-projek pembangunan apabila tidak mengikut syarat-syarat EIA. Sekian terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Sulong. Memang nampak pada hari ini.  
[Ketawa]

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Baju merah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Fasal pakai baju merah itu.

#### ■1010

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Tuan Yang di-Pertua pagi ini pakai *tie* merah [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya saya diendahkan, fasal nampak ada merah. Kadang-kadang Ahli Yang Berhormat tidak nampak Tuan Yang di-Pertua duduk di atas [*Ketawa*]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya terus kepada soalan tambahan saya yang kedua. Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah syarat-syarat dan garis panduan yang ditentukan oleh kementerian, apabila kementerian meluluskan apa-apa juga projek tambak laut ini supaya pemaju-pemaju yang memohon, mengikut panduan yang dinyatakan? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Untuk projek ini, di Melaka ada 25 syarat-syarat kelulusan, tetapi garis panduan untuk menjalankan EIA adalah dibincangkan apabila *terms of reference*, dan *scope of EIA* itu dibentangkan kepada Jabatan Alam Sekitar.

Namun untuk projek penambakan, yang penting sekali ialah kajian hidraulik. Kajian hidraulik yang menyeluruh. Ini sememangnya ada kaitan dengan ekosistem akuatik juga termasuk seperti yang ditanya oleh rakan kita daripada Yang Berhormat Kota Melaka iaitu zon *benthic*, Yang

Berhormat. Oleh sebab zon *benthic* ini ia lebih di tepi pantai tetapi *benthos* ini, atau makhluk-makhluk laut ini, ianya di bawah air laut.

Jadi, inilah yang seharusnya sebagai garis panduan untuk memastikan bahawa zon *benthic* tidak dirosakkan supaya makhluk-makhluk ini akan terus hidup di situ kerana ada di dalam spesis makhluk ini, yang jadi makanan laut juga, yang kita boleh makan. Oleh itu, dua garis panduan ini adalah yang paling penting, yang pertamanya yang telah saya sebut tadi adalah kajian hidraulik yang terperinci, dan keduanya, ekosistem akuatik untuk melihat sama ada kehidupan di dalam marin itu pupus nanti, atau pun rosak. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, apakah peranan kerajaan negeri dalam proses kelulusan penambakan laut ini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Bidang kuasa kerajaan negeri adalah untuk meluluskan pembangunan seperti ini. Oleh sebab ini adalah tanggungjawab bidang kuasa kerajaan negeri. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan adalah untuk memastikan syarat-syarat yang tertentu untuk pembangunan yang sensitif seperti ini, sebab pembangunan ini di laut, penambakan di tepi pantai sememangnya sensitif.

Oleh itu, EIA semestinya dibuat, dan kajian terperinci yang saya sebut tadi iaitu kajian hidraulik juga mesti dibuat. Kalau tidak nanti mendapan berlaku, ledakan di Sungai Melaka sudah pun berlaku sebab projek ini. Oleh itu, Jabatan Alam Sekitar Melaka terpaksa memberi *stop-work order*, supaya semua syarat ini di dalam kelulusan EIA diikuti oleh pemaju-pemaju. Kita tidak mahu di Sungai Melaka ada kelodak berlaku. Nanti ia tidak menarik lagi kepada pelancong-pelancong yang melawat Melaka. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) langkah mewujudkan suasana perniagaan komprehensif bersandarkan kepada undang-undang persaingan; dan
- (b) bagaimana kementerian melihat amalan-amalan kartel, monopolii dan berpaktat dalam menetapkan harga bakal menjurus kepada pasaran bebas tanpa kawalan dan pengguna dinafikan perlindungan yang lebih adil.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jasin.

Untuk jawapan soalan bagi:

- (a) Pengenalan Akta Persaingan 2010 iaitu AP 2010 di Malaysia, merupakan satu langkah positif ke arah negara mencapai status negara maju, dan juga sebagai satu langkah penting di dalam menggalakkan transformasi ekonomi negara di persada ekonomi global di mana perusahaan berlumba-lumba untuk mengaut keuntungan yang semaksimum. Hanya penguatkuasaan Undang-undang Persaingan yang berkesan akan dapat memastikan proses pasaran bebas dan liberalisasi yang giat dijalankan di negara buat masa kini dilindungi dan tidak akan terjejas dengan anasir-anasir negatif seperti kartel, untuk menetapkan harga pasaran atau pun penyalahgunaan kuasa dominan yang mungkin dimiliki oleh sesuatu perusahaan.

Akta Persaingan juga merupakan satu bentuk perundangan substantif bagi mengawal selia tatacara komersial perniagaan di mana perjanjian-perjanjian antipersaingan disalah guna kuasa di pasaran adalah dilarang.

Manakala Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 merupakan satu akta yang memberi kuasa bagi Penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) serta punca kuasa di dalam melaksanakan dan juga menguatkuasakan Akta Persaingan 2010.

- (b) Yang Berhormat, di era globalisasi pasaran dunia termasuk pasaran di Malaysia rata-rata sedang menuju ke arah konsep pasaran bebas tanpa sempadan. Hasil daripada pasaran bebas ini, penawaran dan permintaan terhadap barang-barang dan perkhidmatan akan menentukan keseimbangan sendiri dalam menetapkan harga. Namun demikian, hasil daripada kepincangan pasaran bebas ini ada di kalangan pihak industri yang mengambil kesempatan dengan memanipulasikan pasaran untuk mendapat keuntungan yang tidak wajar. Jadi oleh itu, Akta Persaingan 2010 diperkenalkan untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku manipulasi pasaran. Akta Persaingan 2010 menekankan peran pentingnya pihak industri untuk bersaing dan bergerak maju berasaskan prinsip-prinsip kecekapan, dan bukannya berasaskan kepada manipulasi pasaran, dan juga penyalahgunaan kedudukan dominan pasaran serta kawalan terhadap sumber serta rantai pasaran yang menekan serta membebangkan pesaing dan juga pengguna secara amnya.

Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebelum ini saya ingin mengalau-alukan kehadiran kawan-kawan kita daripada JKK Bukit Gantang, Perak [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kepentingan kewajipan kita, untuk menjaga kepentingan pengguna bagi mendapatkan sebanyak mungkin barang-barangan serta perkhidmatan yang berkualiti dan juga dengan harga yang berpatutan. Yang demikian, di dalam masa yang sama, kita juga terikat dengan perundangan-perundangan seperti Akta Persaingan dan selaras dengan apa juga peraturan-peraturan seperti perjanjian kita serantau dan juga antarabangsa - AFTA, GATS dan juga WTO, yang sebenarnya memberikan kebebasan untuk semua produk dalam negeri ASEAN masuk ke negara kita tanpa tarif tetapi dalam masa yang sama, kita juga kena menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar barang tempatan yang sekarang sedang bersaing dan bertatih, dan adalah mustahil untuk mereka bersaing dengan pasaran-pasaran gergasi.

#### ■1020

Dalam masa yang sama, adalah menjadi kewajipan kerajaan supaya kita dapat mengawal dan juga memberikan *protectionist* ataupun perlindungan supaya bukan semua barang boleh kita import.

Jadi soalan saya, dengan hal yang demikian, apakah sebenarnya tindakan kerajaan untuk menyeimbangkan kedua-dua perkara ini yang menjadi tuntutan dan keperluan dalam pasaran. Seterusnya, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Kawalan Harga kerana kita dapat menjaga supaya apa juga tuntutan pengguna dan juga pembekal dapat sama-sama diatasi. Dalam masa yang sama, adakah kerajaan mahu mewujudkan stok penimbal dalam usaha kita memastikan supaya barang keperluan kita sentiasa cukup. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan mengenai dengan kepentingan pengguna. Memang menjadi hasrat kerajaan untuk kita utamakan kepentingan pengguna lebih daripada kepentingan pengusaha-pengusaha ataupun peniaga. Kedua-dua juga kita ambil perhatian kerana yang penting bagi kita ialah supaya peniaga-peniaga ini tidak menggunakan kesempatan untuk membuat sesuatu. Meletakkan harga yang tidak sepatutnya terhadap pengguna-pengguna. Jadi untuk itu, kita yakin dengan Akta Persaingan 2010 dan juga Akta Suruhanjaya Persaingan yang ada untuk kita mengambil pendekatan kepada semua syarikat supaya tidak mengamalkan, agar kepentingan pengguna ini harus diletak terlebih dahulu.

Jadi untuk itu, contohnya Yang Berhormat, dalam kita menjalankan kawalan bagi segi Akta Persaingan, ada tindakan-tindakan yang telah kita ambil. Untuk makluman kepada Yang Berhormat juga kerana akta ini adalah akta yang masih baru kerana Akta Persaingan ini bermula pada tahun 2010. Kita kuat kuasa pada 1 Januari 2012. Dalam tempoh dua tahun iaitu daripada 2012 hingga 2013, kita percaya bahawa memang akta ini adalah masih baru dan perlu untuk kita memberi penerangan dan penjelasan kepada keseluruhan terutama sekali peniaga-peniaga mengenai dengan wujudnya akta ini. Oleh sebab untuk hendak memastikan agar kawalan harga

dan juga mungkin mereka ingin mengambil kesempatan daripada kenaikan harga dan sebagainya untuk mereka meletakkan ataupun memberi harga yang di luar daripada sepatutnya berlaku.

Jadi kita percaya melalui akta yang ada dan kita mungkin untuk sementara waktu kita tidak bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Kawalan Harga dan juga stok penimbang, kerana kita yakin dengan Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 ini mencukupi untuk sementara waktu. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Peranan yang dimainkan oleh akta ini adalah sangat mustahak. Kita ada sekarang Suruhanjaya Persaingan di Malaysia. Ia terlibat dengan persaingan liberalisasi dan sebagainya. Proses ini adalah sangat mustahak di mana ia akan membawa perseimbangan kepada *consumer* di negara ini. Adakah kerajaan berpuas hati setakat ini? Sudah dekat dua tahun peranan yang dimainkan oleh pesuruhjaya tersebut. Apakah kawal selia oleh kerajaan supaya ia lebih memainkan peranan yang ia ditubuhkan dan khasnya di mana saya difahamkan tidak ada apa-apa kawalan terhadap pemberian kontrak-kontrak kerajaan, di mana kontrak-kontrak sekarang bukan *hands on*, bukan... tetapi adalah di antara satu *private dealing*. Di mana tidak ada persaingan langsung dan peniaga-peniaga tidak mampu untuk memainkan sesuatu peranan supaya harga yang ditawarkan oleh kontraktor-kontraktor lebih kurang dari yang telah dipersetujui.

Jadi apakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam kawal selia pesuruhjaya ini. Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan. Kita yakin dan kita percaya melalui akta yang saya sebut tadi, dia termasuklah untuk mengawal selia harga-harga yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat. Jadi sama ada proses untuk melalui Akta Persaingan ini seperti contoh saya sebut tadi setakat hari ini kita telah pun mengambil tindakan ataupun memberi amaran kepada syarikat-syarikat yang terlibat. Contohnya baru-baru ini ialah MAS dan juga AirAsia yang kita dapat ada menjalankan perbincangan, persetujuan antara mereka untuk harga dan sebagainya. Itu pun tindakan telah pun kita ambil.

Pertama dulu ialah mengenai dengan kenaikan harga bunga. Mereka telah berbincang untuk menaikkan sebanyak 10%.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kontrak-kontrak kerajaan?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kontrak kerajaan belum lagi setakat ini. Cuma kita akan bagi perhatian sekiranya terdapat. Contohnya bagi segi pengangkutan. Kita telah ambil tindakan kerana ada perbincangan untuk menaikkan kos pengangkutan di antara negeri-negeri. Itu pun kita sudah ambil tindakan.

Terakhir ialah Megasteel. Itu juga kerana mereka telah ada perbincangan untuk menaikkan harga bekalan-bekalan dan juga mereka bercadang untuk tidak membekalkan *steel* kepada syarikat-syarikat kecil tetapi kepada kontraktor-kontraktor yang besar. Ini semua di dalam pemerhatian kita. Untuk itu kita dapat maklumat-maklumat ini untuk Yang Berhormat melalui sama ada aduan daripada pengguna ataupun inisiatif kita sendiri untuk memastikan supaya melalui akta

ini, kita boleh mengambil tindakan dan juga mungkin arahan-arahan yang lain yang akan kita ambil dan membuat siasatan daripada semasa ke semasa. Ini supaya apa juga tindakan-tindakan yang dibuat sama ada bagi segi pengangkutan ataupun perkilangan yang berhasrat untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya akan diambil tindakan dan juga siasatan seterusnya. Terima kasih.

**4. Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab cuti menunaikan haji kepada kakitangan kerajaan dihadkan kepada 40 hari sahaja sedangkan tempoh masa menunaikan haji di bawah kelolaan Tabung Haji ada yang mencecah 45 hari. Adakah kerajaan bercadang menyelaraskan cuti haji sehingga maksimum 50 hari sejajar dengan tempoh masa menunaikan haji kelolaan Tabung Haji.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan cuti haji adalah merupakan peruntukan cuti bergaji penuh yang diberi kepada penjawat awam yang beragam Islam bagi tujuan menunaikan fardu haji. Kemudahan cuti haji dengan tempoh maksimum selama 40 hari yang diperuntukkan telah pun meliputi satu tempoh yang munasabah iaitu terdiri daripada tempoh menunaikan fardu haji di Mekah, tempoh persediaan sebelum pergi dan tempoh rehat setelah kembali. Mana-mana tempoh yang lebih daripada 40 hari yang diperuntukkan, pegawai perlu menggunakan kemudahan cuti rehat atau apa-apa kemudahan cuti yang pegawai berkelayakan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Gaji Pekerja Sektor Awam pada 7 September 1983.

Tempoh 40 hari yang kemudahan cuti haji tersebut adalah berdasarkan kepada 30 hari menunaikan fardu haji serta tempoh lima hari persediaan sebelum pergi dan lima hari tempoh rehat setelah kembali ataupun masih berada di sana. Sebagai contoh, jika tempoh penerbangan pegawai adalah sebanyak 20 hari, maka tempoh minimum pegawai boleh diberi cuti haji adalah sebanyak 30 hari. Sekiranya tempoh penerbangan pegawai adalah sebanyak 30 hari, maka pegawai layak untuk diberi cuti sebanyak 40 hari. Manakala sekiranya tempoh penerbangan pegawai adalah 40 hari, maka jumlah haji yang dilayaki ialah 40 hari juga. Tempoh keseluruhan maksimum cuti haji boleh diberikan kepada pegawai adalah 40 hari sahaja. Perkara ini telah dibincangkan berkali-kali. Walaupun mesyuarat terakhir bersama pihak Majlis Bersama Kebangsaan pada 25 April 1994, tetapi tempoh yang diberikan tersebut masih mencukupi.

#### ■1030

Oleh yang demikian, kemudahan cuti haji sedia ada adalah memadai dan dasar sedia ada dikekalkan. Didapati bahawa tempoh urusan berkaitan haji yang melebihi tempoh 40 hari berlaku berikutan jadual penerbangan yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan adalah bergantung kepada jenis-jenis kapal terbang termasuklah yang disewa dan bilangan jemaah haji yang semakin bertambah di mana perkara ini masih dikawal selia oleh Lembaga Tabung Haji. Dalam menunaikan haji, seseorang itu perlu melalui proses rukun haji dan wajib haji. Rukun haji hendaklah ditunaikan.

Sekiranya tidak dilakukan ianya adalah tidak sah. Bagi wajib haji sekiranya ditinggalkan ia adalah berdosa namun hajinya sah tetapi perlu membayar dam.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua dan Dewan. Keupayaan Tabung Haji mengelolakan urusan ibadah haji dengan baik ini bergantung kepada kekuahan kewangannya. Tabung Haji ada membuat beberapa pelaburan yang mencecah RM100 juta dengan sebuah syarikat yang bernama Silver Bird Group Berhad yang baru-baru ini pegawai-pegawai kanannya telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menyeleweng dana FELDA melalui skim pelaburan yang hampir sama dengan apa yang dimeterai dengan Tabung Haji.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri apakah asas-asas yang mendorong Tabung Haji memeterai perjanjian pelaburan-pelaburan ini? Apakah prestasi setakat ini? Kenapa melabur di dalam syarikat yang diragui integritinya yang mana pegawai-pegawai kanan syarikat itu telah pun dihadapkan ke mahkamah kerana menyeleweng dana?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab kerana soalan ini tidak berkenaan dengan... Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berlainan daripada soalan asal yang ditanya, jadi saya menjawab ini bagi pihak JPA. Akan tetapi kalau haji kena menteri haji yang menjawab. Jadi saya akan sampaikan maklumat ini kepada Menteri haji untuk menjawab.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya suka merakamkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak kakitangan kerajaan kerana telah memberi banyak faedah dan kebaikan kepada kakitangan kerajaan terutama sekali dalam bab haji ini. Justeru itu berkaitan dengan perkara ini, suka saya menarik perhatian minta pihak Yang Berhormat Menteri juga berbincang membawa kepada pengetahuan Kementerian Sumber Manusia agar perkara yang sama dipanjangkan juga kepada pekerja-pekerja swasta. Ini kerana pekerja swasta ini kalau hendak mengerjakan haji kami menggunakan cuti sendiri. Kalau tidak ada cuti sendiri maknanya kami akan menunaikan haji dalam keadaan cuti tanpa gaji. Ada juga syarikat swasta tidak dibenarkan dan mereka tidak dapat menunaikan rukun haji ini.

Saya juga ingin menyambung untuk bertanya adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah dasar bagi memperuntukkan cuti khas kepada penjawat awam yang ingin melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan yang tertentu? Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyokong dan menggalakkan pihak swasta untuk memberi cuti haji tetapi pihak swasta itu kena faham bahawa haji ini kita tidak perlu tempoh 40 hari dan 40 hari ini ialah keistimewaan yang luar biasa yang diberikan oleh kerajaan kepada kaki tangannya. Akan tetapi kita kena maklum bahawa kaki tangan kerajaan ada sejuta lebih jadi ada kemampuan untuk menggantikan tempat jika sekiranya orang itu pergi bercuti. Akan tetapi saya tahu swasta ini ada yang kecil dan ada yang besar mengikut kemampuan. Walau bagaimanapun untuk seseorang itu menunaikan haji, dia hanya perlu

menunaikan rukun dan juga wajib haji yang kalau ikut perkiraannya kalau wukuf pada 9 hari bulan, kita sampai 8 hari bulan, kita mungkin bertolak pada 7 hari bulan.

Itu terpulang kepada Kerajaan Saudi bila yang terakhir kita boleh masuk. Kadang-kadang dia benarkan masuk hanya pada 4 hari bulan. Jadi kalau 4 hari bulan ia memerlukan mungkin 12 hari. Itu maksimum. Kalau biasanya hanya lapan hari. Kalau masuk 8 hari bulan, 9 hari bulan kita wukuf, 10 hari bulan kita berada di Mina. Kita melontar tiga hari, kita balik buat tawaf wida' dan terus pergi ke Madinah. Selepas itu balik ke Malaysia. Lapan hari mencukupi. Jadi kita menggalakkan pihak swasta melihat bahawa buat haji ini ialah yang paling penting ialah rukun haji. Keduanya wajib haji yang boleh diambil kira dalam tempoh sepuluh sampai 12 hari. Jadi pihak swasta saya rasa boleh berbuat demikian yang mungkin mereka tidak mampu kalau kita bagi 40 hari.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan persoalan tentang keistimewaan yang diberi dari segi cuti kepada kakitangan walau pun soalan asal daripada Yang Berhormat Pandan kemudiannya diubah kepada yang lain. Akan tetapi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga tahniah kepada Tabung Haji. Walau pun dalam keadaan apa sekali pun yang dinyatakan tadi, Tabung Haji berjaya mengekalkan dan menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit mereka dengan pulangan yang boleh dikatakan *commendable*, dengan pulangan dividen 8% yang diberi pada tahun 2012 malahan lebih tinggi daripada kadar *fixed deposit* dan tabungan-tabungan yang lain.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan dengan bantuan-bantuan yang dibuat melalui 1MDB yang diberi peluang kepada jemaah-jemaah haji menunaikan daripada kelompok kalangan yang tidak berkemampuan, apakah kerajaan ada perancangan untuk memberi insentif kepada mereka yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan bawahan yang telah berkhidmat lama dalam sektor perkhidmatan awam ini untuk membolehkan mereka menunaikan haji? Ini kerana ada kalanya mereka di saat sampai ke umur usia persaraan pun mereka masih belum mampu untuk menunaikan haji, tambahan pula ini merupakan rukun yang kelima.

Barangkali inilah antara penghargaan yang kerajaan beri kepada kakitangan awam dan bukannya menganggap kakitangan awam ini macam kucing kurap atau pun anjing sebagaimana yang dikatakan oleh puak-puak tertentu. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cadangan yang cukup baik, teramat baik dan kita akan beri perhatian yang sewajarnya. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, oleh kerana kekuatan kewangan Tabung Haji yang di antara yang luar biasa, maka pakej muassasah yang mana harganya melampaui RM16,000 tetapi Tabung Haji beri di tahap RM9,980. Makna kata kalau dia tidak ada kekuatan kewangan tidak mungkin Tabung Haji boleh memberi subsidi yang begitu tinggi kepada semua jemaah haji. Inilah suatu yang kita patut bagi tabik hormat kepada Tabung Haji. *[Tepuk]*

Bagi mereka yang kaya bolehlah mereka ambil pakej Almas yang berjumlah RM145,000, Zamrud sebanyak RM83,000 dan pakej Nilam sebanyak RM41,000. Akan tetapi pakej pegawai

kerajaan ini makna kata mereka masih berada di tahap kemampuan. Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan dalam aspek-aspek yang lain seperti Yang Berhormat sebutkan bahawa bagi kerajaan setiap anggotanya termasuk rakyat jelata ialah bertaraf manusia dan tidak bertaraf seperti yang disebutkan oleh pihak-pihak tertentu.

Keduanya Yang Berhormat, kita menggalakkan pihak swasta untuk membuat penajaan atau memberi sedekah untuk orang menunaikan haji bagi mereka yang tidak mampu seperti 1MDB. Mungkin juga Amanah Raya yang mempunyai pelaburan yang cukup besar boleh berbuat demikian dan juga lain-lain pihak. Mereka boleh berbuat demikian dari semasa ke semasa sebab haji ini adalah rukun dan sudah pasti kalau kita laksanakan kita adalah yang terbaik dalam kehidupan kita.

Yang Berhormat Pandan baru balik dari Makkah. Pak Haji selamat mendapat haji yang mabrur. Semoga kita sentiasa menjaga perawakan lidah kita supaya sentiasa bertaraf haji... [Tepuk] Bukan dia seorang tetapi semua sekali. Ramai di sini juga bertaraf haji. Jagalah taraf haji kita dengan menjaga mulut kita. Terima kasih. [Ketawa]

#### ■1040

**5. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mekanisme kementerian dalam mengatasi kelewatan penempatan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di IPTA dan IPGM ke sekolah semenjak akhir-akhir ini; dan
- (b) perancangan jangka panjang untuk graduan ini sekiranya tidak ditempatkan di mana-mana sekolah sedangkan mereka ini memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis atas soalan yang terdiri daripada dua perkara. Tuan Yang di-Pertua, penempatan graduan adalah berdasarkan kepada kekosongan perjawatan yang ada. Apabila bekalan diterima, penempatan akan dilaksanakan mengikut kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen. Mulai tahun 2012, pelantikan dan penempatan graduan pendidikan keluaran IPTA dan Institut Pendidikan Guru (IPG) tidak lagi secara automatik yang mana pelantikan adalah dibuat secara lantikan tetap dan tiada lagi lantikan secara sandaran.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa tidak timbul isu kelewatan dalam penempatan guru baru memandangkan semua graduan pendidikan perlu menjalankan prosedur pelantikan dan penempatan yang telah ditetapkan. Graduan pendidikan yang tamat pengajian dan diperakukan oleh Senat IPTA dan IPG perlu memohon di portal [www.jobsmalaysia.gov.com](http://www.jobsmalaysia.gov.com) bagi tujuan panggilan temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Bakal guru hanya akan ditempatkan ke sekolah-sekolah setelah mereka lulus temu duga dan diperakui oleh pihak SPP. Ini bertujuan untuk memastikan guru-guru yang dilantik berkualiti dan memenuhi Standard Guru Malaysia. Mereka akan ditempatkan ke sekolah dengan tawaran jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41. Sama seperti jawatan perkhidmatan awam yang lain, pelantikan dan penempatan guru adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, secara umumnya, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menjanjikan penempatan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Perguruan IPTA kerana sebahagian besar daripada mereka bukan ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan tiada sebarang ikatan perjanjian dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan tambahan. Sekarang ini, terdapat lebih kurang 4,000 lebih ataupun lebih kurang 4,400 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan lebih kurang 3,500 daripada IPTA yang sedang menunggu penempatan, dianggarkan lebih kurang dalam 8,000 yang masih menunggu penempatan.

Kalau kita melihat harapan mereka ini terlalu tinggi untuk mendapatkan pekerjaan sebagai seorang guru kerana mereka ini telah dilatih secukupnya semasa mereka sama ada di maktab perguruan ataupun Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam jangka masa yang panjang. Sudah pastilah mereka ini tidak mungkin boleh mendapatkan pekerjaan di sektor-sektor lain kerana mereka adalah merupakan graduan di dalam bidang pendidikan. Kita pula ahli-ahli wakil rakyat ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sering kali pergi merasmikan berbagai-bagai program di peringkat sekolah dan ada ketikanya kita menanyakan kepada pihak-pihak sekolah ataupun pengetua dan guru besar terdapat masih banyak keperluan yang diperlukan penempatan seperti yang kita perlu isi di dalam kekosongan tersebut.

Saya mohon soalan tambahan, bilakah pelantikan-pelantikan ini, walaupun Menteri menjawab ia bergantung kepada kekosongan tetapi mereka ini ada yang sudah mencecah sehingga setahun yang menunggu untuk ditempatkan di dalam sekolah-sekolah yang mempunyai kekosongan? Soalan saya, bilakah sebenarnya, walaupun tidak ada jaminan, sekurang-kurangnya pihak Kementerian Pendidikan boleh memberi satu jaminan sekurang-kurangnya untuk menentukan bilakah mereka ini boleh dipanggil temu duga dan boleh ditempatkan di dalam tempat kekosongan-kekosongan tersebut?

Kita semua juga tahu pihak kementerian mewujudkan program-program latihan perguruan seperti Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Diploma Perguruan Lepasan Ijazah, guru sandaran dan kursus dalam cuti dan sedangkan, kita tahu bahwasanya yang saya sebutkan dua daripada UPSI dan maktab perguruan ini, sudah tentu terlatih. Kenapa kita kadang-kadang menyebabkan lambakan guru yang banyak kerana berdasarkan yang saya nyatakan tadi, kursus-kursus perguruan lepasan sedangkan sebagai contoh, mereka seorang jurutera, mereka seorang arkitek

tetapi tidak dapat kerja, masuk, minta dalam lepasan ijazah. Maka, mereka ini yang dapat dahulu daripada mereka yang empat tahun duduk di dalam UPSI dan juga di maktab perguruan. Ini harus dipertimbangkan supaya lambakan ataupun pembaziran tidak berlaku. Soalannya, mohon penjelasan daripada Menteri.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis atas soalan tambahan yang berkaitan dengan bila Kementerian Pendidikan Malaysia boleh janji. Jadi di sini, saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa temu duga sedang dijalankan dan semua seramai 6,341 graduan tamat pada bulan Jun dan Ogos termasuk seramai 6,020 GSTT sudah dipanggil untuk temu duga dan akan ditempatkan di bulan Januari pada tahun depan dengan mengambil kira kekosongan jawatan dan keperluan opsyen, keputusan Senat IPTA dan IPGM dan keputusan temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Berkaitan dengan IPTA, memang Kementerian Pendidikan juga bekerjasama dengan SPP untuk temu duga dijalankan. Apa yang sangat penting di sini, kita mesti memahami bahawa penempatan guru mengambil masa dan ini beroperasi dalam satu proses yang mana kita Kementerian Pendidikan Malaysia hendak dapat senarai graduan yang lulus daripada Senat universiti-universiti dan selepas itu, Kementerian Pendidikan Malaysia akan serah senarai itu kepada SPP yang mana tanggungjawabnya adalah untuk panggil graduan yang sudah lulus untuk menghadiri temu duga.

Paling penting adalah yang mana graduan-graduan tidak boleh sangka bahawa mereka akan diberi penempatan sekiranya mereka tidak lulus temu duga. Memang saya sudah memberi banyak nasihat kepada graduan-graduan apabila mereka berkomunikasi dengan saya melalui Facebook, e-mel atau SMS bahawa apa yang sangat penting adalah mereka sepatutnya menggunakan masa untuk buat persediaan supaya apabila dipanggil untuk menghadiri temu duga, mereka bersedia dan jangan gagal temu duga. Kalau gagal dalam temu duga, ini bermakna mereka hendak menunggu selama enam bulan lagi dan selepas itu ikut prosedur yang mana mereka hendak memohon melalui [www.jobsmalaysia.gov.com](http://www.jobsmalaysia.gov.com) lagi dan tunggu untuk dipanggil menghadiri temu duga sekiranya ada kekosongan dan perkhidmatan opsyen mereka diperlukan. Sekian terima kasih.

#### ■1050

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya faham kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan tidak pernah menjajikan kerja kepada pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan swasta terutamanya daripada IPTS. Cuma, yang mereka kecewa dan yang perlu dijawab oleh kerajaan kelulusan untuk menganjurkan dan menawarkan kursus-kursus ini di IPTS termasuklah yang dimiliki oleh parti-parti di dalam kerajaan, IPTS-IPTS ini perlu melalui proses kelulusan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi.

Dia juga perlu melalui proses akreditasi dan juga proses oleh PTPTN untuk diberikan pembiayaan. Kita juga perlu ingat bahawa di dalam Malaysia hanya sekolah-sekolah sahaja yang menerima pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan untuk pekerjaan. Tidak ada syarikat lain

yang akan terima. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri kenapakah agensi-agensi di bawah Kementerian Pendidikan masih terus dan sebelum ini terus memberi kelulusan kepada IPTS untuk menawarkan kursus-kursus ini sedangkan Kementerian Pendidikan sendiri tahu bahawa tidak ada tempat yang mencukupi untuk menyerap pelajar-pelajar ini.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan kelulusan untuk kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS. Bagi saya kursus-kursus yang ditawarkan khasnya yang berkaitan dengan pendidikan diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dimana kita mesti faham bahawa di Malaysia bukan hanya kita ada IPTA sahaja dan sekolah-sekolah kerajaan tetapi kita juga ada institusi swasta seperti sekolah swasta dan sekolah antarabangsa dan institusi kemahiran yang swasta. Jadi, ini bermakna bahawa pihak graduan yang sudah dilatih atau sudah graduate dari IPTS, maka mereka ada peluang untuk bekerja di dalam institusi pendidikan yang swasta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang di-Pertua yang baik budi memberi ruang kepada Kuala Langat untuk soalan nombor 3. Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, di samping kita...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Belum lagi sampai kemuncaknya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, di samping kita memperkasakan atau pun melihat dari sudut IPTA diberi ruang untuk mereka menjadi pengajar dan juga kelulusan daripada Sarjana Muda Pendidikan, saya dimaklumkan amalan kegunaan guru sandaran masih dilakukan. Tiga, empat tahun mereka bekerja menjadi guru sandaran. Kalau benar, baru soalan saya. Apakah mereka ini juga tidak diberi peluang untuk menjadi guru tetap kerana amalan itu berterusan sehingga empat, lima tahun?

Saya mohon kementerian untuk melihat juga kumpulan ini yang menjadi guru sandaran yang mele过asi empat, lima tahun itu diberi peluang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Huh, dahsyat.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat dan ini merupakan satu cadangan dan cadangan diterima dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengkaji cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dia tidak sebut tadi, siapa yang dahsyat. Diakah, Tuan Yang di-Pertuakah atau Menteri? *[Ketawa]* Jangan bola tanggung Yang Berhormat.

6. **Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah hutang PTPTN yang tertunggak pada masa kini, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menyenaraihitamkan nama pelajar-pelajar yang gagal membayar hutang PTPTN di bawah sistem CCRIS atau C-TOS.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Oktober 2013 seramai 1,345,894 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM9.7 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 900,046 peminjam atau 60% telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.87 bilion atau 50.4%. Manakala sebanyak RM4.8 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 430,148 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar.

Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh untuk menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut. Pertama, mengadakan program mesra pelanggan. PTPTN telah mengadakan beberapa aktiviti dalam mendekatkan lagi PTPTN dengan penerima biaya. Antara aktiviti yang dilakukan adalah kempen dan ceramah di institusi kerajaan dan swasta, taklimat bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau AKPK, Bank Negara kepada pelajar-pelajar tahun akhir di IPTA dan agihan buku pengurusan kewangan peribadi secara percuma.

PTPTN juga telah membuka 12 pejabat PTPTN negeri iaitu PPN Selangor, PPN Perak, PPN Negeri Sembilan, PPN Kelantan, PPN Pulau Pinang, PPN Sarawak, PPN Melaka, PPN Pahang, PPN Terengganu, PPN Sabah, PPN Kedah dan Perlis dan PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor.

Selain itu, terdapat 4 buah pejabat PTPTN cawangan PPC iaitu PPC UTC Perak, UTC Pahang, UTC KL dan UTC Kedah serta dua *one stop centre*, dengan izin atau *one stop centre* KL Sentral dengan izin dan *one stop centre*, Putrajaya dengan izin.

Langkah yang kedua adalah untuk mewujudkan sistem pegawai bertanggungjawab iaitu PTJ. Bermula 1 Disember 2012, PTPTN juga telah mewujudkan sistem PTJ di mana setiap pegawai PTPTN ditugaskan menyelia hampir 6,500 penerima pembiayaan PTPTN. PTJ akan berhubung secara terus dengan penerima biaya berkaitan soalan bayaran balik dan juga menjawab setiap soalan berkenaan pembiayaan pendidikan. Mereka juga akan bertindak dalam melakukan pemantauan dan tindakan susulan untuk sentiasa mengemas kini rekod penerima di bawah seliaan masing-masing.

Langkah yang ketiga, mengadakan insentif penggalakan bayaran dan semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi insentif kepada peminjam PTPTN bagi menggalakkan pembayaran balik seperti diskaun 20% akan diberikan ke atas baki peminjam yang dapat menyelesaikan hutang sekaligus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober 2012. Manakala diskaun 10% setahun akan diberikan kepada peminjam yang membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Oktober tahun 2012.

#### ■1100

Tindakan yang keempat ada berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan. Tindakan penguatkuasaan seperti saman dan senarai hitam di Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebagai langkah terakhir untuk memberikan peringatan kepada peminjam tegar setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan senarai hitam dibuat selepas lima notis peringatan dihantar kepada peminjam, atau 16 bulan selepas tamat pengajian. Tindakan tersebut diambil bagi meningkatkan tahap kesedaran, kefahaman dan bertanggungjawab rakyat terhadap keperluan pembayaran semula pinjaman PTPTN ini. Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel di dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum senarai hitam peminjam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak bercadang melaksanakan tindakan menyenaraikan nama peminjam yang gagal membayar balik hutang PTPTN di bawah sistem CCRIS atau CTOS. Sekian, terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Tindakan untuk menyenaraihitamkan nama peminjam yang ingkar dalam CCRIS adalah satu tindakan yang amat drastik dan ia akan membawa beban, kesan yang buruk kepada peminjam tersebut. Ia juga akan menjelaskan masa depan... *[Disampuk]* Tunggulah! ...Masa depan peminjam-peminjam tersebut. Daripada jawapan yang kami dapat tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, terdapat rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti, program-program yang dijalankan untuk mendapat balik pinjaman ini. Saya dapat lihat, baru-baru ini daripada kenyataan Timbalan Menteri daripada seramai 132,801 di mana tindakan telah diambil, terdapat lebih kurang 45,000 telah mengambil tindakan untuk membayar balik. Saya nampak ini telah mendatangkan hasil, untuk mendapat balik tunggakan PTPTN ini.

Jadi soalan saya, kenapa kerajaan tidak tingkatkan usaha ini, dan perlu ada rancangan ataupun pelan untuk menyenaraihitamkan dalam CCRIS ini. Bukankah langkah-langkah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adalah lebih kurang dikatakan boleh berkesan sebab daripada tindakan yang diambil terhadap 132,000 itu lebih kurang 30% telah membayar balik. Jadi kenapa perlu ada tindakan untuk menyenaraihitamkan di dalam CCRIS dan CTOS ini?

Soalan yang kedua yang lagi satu yang saya hendak tanya, adakah kerajaan menjalankan apa-apa kajian ataupun langkah-langkah untuk memastikan sama ada PTPTN ini dapat dihapuskan sebab semua orang tahu PTPTN ini adalah membebankan graduan-graduan yang baru keluar. Di mana mereka keluar, ada hutang PTPTN berpuluhan-puluhan ribu di mana mereka keluar perlu kahwin, perlu dapatkan kerja dan mereka perlu menyara kos sara hidup yang kian meningkat. Itulah soalan saya. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas kedua soalan. Soalan pertama ada kaitan dengan pembayaran- senarai nama peminjam yang gagal bayar hutang PTPTN di bawah sistem CCRIS atau CTOS. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian sedang mengkaji satu modul iaitu *Income Contingent Loan Recovery* atau ICLR, untuk melihat keberkesanan jika dilaksanakan terhadap peminjam yang tidak membayar balik. Isu ini sebenarnya Yang Berhormat ada berkaitan dengan integriti seorang peminjam.

Soalan yang kedua ada berkaitan dengan, adakah kementerian mengadakan rancangan untuk menghapuskan PTPTN? Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang berhormat sekalian, memang perbincangan dan pemikiran ada di buat. Sekiranya kita menghapuskan PTPTN, kita boleh melihat beberapa kekurangan.

Satu daripadanya adalah, sekiranya kita membatalkan atau menghapuskan PTTPN, ini akan melibatkan cukai yang lebih tinggi akan dikenakan.

Kedua, *opportunity cost*, dengan izin, dan sekiranya kerajaan terpaksa membelanjakan berbilion ringgit bagi menyediakan pendidikan percuma, terdapat peluang kos perbelanjaan dan peruntukan akan berkurang di sektor-sektor lain seperti pembangunan, pembinaan, kesihatan, pertanian dan lain-lain termasuk pengurangan cukai.

Apa yang berkaitan dengan kualiti pendidikan, kita boleh melihat dari segi kebebasan akademik apabila pendidikan dibiayai sepenuh oleh Kerajaan Persekutuan akan terdapat garis panduan khusus atau peraturan yang mesti dipatuhi oleh institusi dan tenaga pengajar. Dan ini akan mengehadkan kebebasan akademik atau keupayaan pengajar untuk mengajar apa yang mereka fikir adalah terbaik untuk pelajar-pelajar. Kebergantungan yang terlalu tinggi ke atas subsidi kerajaan dalam pendidikan tinggi mungkin akan menggalakkan ketidakcekapan pentadbiran serta kualiti kursus yang ditawarkan oleh universiti.

Berikutnya ada berkaitan dengan satu sikap kurang menghargai nilai pendidikan apabila seorang membayar untuk pendidikan sama ada untuk mereka sendiri atau anak mereka lebih terlibat dalam proses pendidikan secara menyeluruh. Apabila ibu bapa membayar untuk pendidikan anak, mereka mengharapkan untuk mendapatkan sesuatu yang terbaik untuk nilai wang mereka.

Jadi dalam sistem pendidikan yang lebih tinggi, pelajar-pelajar yang membayar bagi semua atau sebahagian daripada pendidikan mereka adalah lebih cenderung untuk menghargai pendidikan mereka berbanding dengan orang-orang yang mendapat pendidikan secara percuma. Membayar sendiri untuk pendidikan membantu pelajar-pelajar belajar lebih bertanggungjawab serta bekerja lebih keras untuk mendapatkan gred yang baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Boleh minta penjelasan? Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan apabila seorang membayar untuk pendidikan ia akan menghargai. Saya rasa itu kenyataan yang tidak tepat sebab untuk menghargai pendidikan bila seseorang itu diberi peluang dan bukan untuk membayarnya. Kita tengok, bila mereka kena bayar pendidikan bila ke luar negeri, mereka tidak akan balik- di Singapura, di Amerika Syarikat, di Britain, Australia semua tidak balik, kenapa? Ini kerana tidak ada peluang untuk pendidikan di sini. Jadi kenyataan itu adalah tidak tepat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, ini adalah Yang Berhormat punya ‘pendapatan’, *and you are entitled to your own opinion*. Terima kasih [*Disampuk*] [*Dewan Riu*]

Maafkan saya- pendapat, *your opinion*, dengan izin. Bukan “pendapatan”. Maafkan saya.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: [Bangun]**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini kualiti cikgu..

■1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mersing. Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Aiyo, kasihan.

**Datuk Dr. Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. PTPTN ini adalah satu dasar yang mengikut fitrah di mana kita nak lihat lebih ramai lagi rakyat kita berpendidikan tinggi keluaran universiti maka kerajaan membuat dasar terbuka. Lebih banyak universiti awam dan universiti swasta digalakkan dan pada waktu yang sama diberi kemudahan pinjaman. Mana yang cemerlang diberikan percuma kerana tidak perlu bayar kalau *first class honours*. Akan tetapi ada juga pendapat-pendapat songsang khususnya daripada pembangkang di mana pendidikan di peringkat tinggi pun seharusnya *gratis* atau percuma.

Justeru itu saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah saranan songsang daripada pihak pembangkang, yang mana kita tahu 10 universiti yang terbaik dalam dunia [*Disampuk*] semuanya mengenakan bayaran, *first ten best university* ada dikenakan bayaran, *in the world*. Saya nak tanya adakah saranan pendidikan percuma ini yang diuar-uarkan oleh pembangkang yang membuatkan peratusan mereka-mereka yang enggan membayar pinjaman PTPTN ini meningkat. Ada tak kajian yang dibuat?

**Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin:** Yang berkaitan dengan kajian, saya sudah bagi tahu bahawa proses perbincangan dan proses yang bukan hanya memantau tetapi refleksi yang berkaitan dengan pelaksanaan PTPTN memang dijalankan secara berterusan. Saya boleh di sini berkongsi dengan Yang Berhormat yang berkaitan dengan satu perbincangan dan satu refleksi yang berkaitan dengan kesan-kesan sekiranya kita nak mansuhkan PTPTN. Selain daripada apa yang saya sudah berkongsi dengan Yang Berhormat yang berkaitan dengan kekurangan, sekarang saya nak berkongsi tentang kesan dan sekiranya kita mansuhkan PTPTN, kita akan mengehadkan akses kepada pengajian tinggi dalam kalangan pelajar miskin. Di sini kita sudah kesan bahawa sebelum melaksanakan PTPTN, kerajaan hanya mampu menyediakan biasiswa untuk sekitar 26,000 orang pelajar sahaja setahun. Pada tahun 2012 sahaja, sejumlah 209,963 orang telah berjaya melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi dengan bersumberkan pembiayaan PTPTN. Tahun 2012, kerajaan perlu menyediakan pembiayaan pendidikan berjumlah RM4.2 bilion untuk membiayai kos yuran dan sara hidup pelajar di IPTA dan IPTS. Jumlah ini tidak termasuk 90% subsidi yuran pengajian yang telah ditanggung oleh kerajaan pada masa ini.

Kerajaan terpaksa menghapus kira hutang-hutang PTPTN sebanyak RM31.1 bilion dan membuat pembiayaan semula kepada pelajar yang telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM4.1 bilion sehingga 31 Mei 2013. Ia menyebabkan ketiadaan sumber untuk pembiayaan yuran pengajian pelajar IPTS dan menyebabkan ketiadaan sumber untuk membayar kos sara hidup pelajar IPTA, IPTS. Di mana bagi pelajar IPTA hanya sekitar 15% hingga 30%

pinjaman PTPTN digunakan untuk membayar yuran, manakala 70% hingga 80% digunakan bagi menanggung kos sara hidup.

Manakala bagi pelajar IPTS pula, 70% digunakan untuk yuran dan 30% untuk sara hidup dan merancakkan usaha bagi mencapai hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi negara pada tahun 2020. Jadi saya rasa pelajar atau rakyat Malaysia sepatutnya bersyukurlah bahawa kerajaan sudah mewujudkan satu skim PTPTN khasnya untuk membantu pelajar yang miskin untuk melanjutkan pelajaran mereka ke IPTA. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, nota daripada Yang Berhormat Sibuti. Kita mengalu-alukan Ketua Masyarakat dan NGO-NGO dari kawasan Parlimen Sibuti dan Bandar Miri yang diketuai oleh Temenggung Haji Abdul Rahman Fadzil. *[Tepuk]*

7. **Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** minta Perdana Menteri menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk membina stesen NGV atau menambah pam daripada jenis NGV di stesen minyak sedia ada di Pulau Langkawi.

**Menteri di Jabatan Perdana [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Petronas kini mempunyai sebanyak 176 buah stesen-stesen yang membekalkan gas asli untuk kenderaan ataupun NGV di Malaysia. NGV ini digunakan oleh lebih daripada 57,000 buah kenderaan, termasuklah lebih kurang 55,000 buah teksi dan 93 stesen tersebut terletak di Selangor dan Wilayah Persekutuan manakala 10 buah terletak di negeri Kedah. Walau bagaimanapun, buat masa ini Petronas tidak mempunyai rancangan untuk membuka stesen NGV di Pulau Langkawi.

Ini adalah disebabkan oleh tiga perkara. Pertama sekali di mana tiada rangkaian infrapaip untuk gas untuk menyalurkan gas asli dari Semenanjung ke Pulau Langkawi. Keduanya daripada segi kos pembangunan stesen yang agak tinggi iaitu sekurang-kurangnya RM250 juta setiap stesen dan ketiganya ialah disebabkan oleh kos subsidi yang amat tinggi. Sebagai contoh, harga NGV di pam ialah 68 sen seliter berbanding dengan kos RM2.03 seliter. Ini bermakna Petronas memberikan subsidi sebanyak RM1.35 seliter dan untuk tahun 2012, sejumlah RM600 juta telah pun dibelanjakan oleh Petronas untuk subsidi NGV. Jadi buat masa ini, tiada perancangan untuk dikembangkan di Pulau Langkawi. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengetahui bahawa apa Yang Berhormat Menteri maklumkan tadi ada kesukaran daripada segi infrastruktur untuk membawa gas ke Pulau Langkawi. Sedangkan di Pulau Langkawi ini sebagai pusat pelancongan, ianya amatlah sesuai sekiranya kita menggunakan gas kerana ia tidak ada pembakaran yang tinggi daripada segi karbon dioksida. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sekarang ini kita sudah ada satu feri iaitu feri yang dipanggil RORO (*roll in roll out*) yang boleh membawa lori, *tanker*, bas dan juga kereta dari Kuala Perlis ke Langkawi. Kalau

Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa di sana, di Kedah sudah terdapat 10 stesen, sudah tentu ada pusat untuk mengambil gas ini dari negeri Kedah.

Jadi apa salahnya kalau *tanker* ini dia berjalan lebih jauh sikit menyeberangi lautan selama dua jam untuk menghantar gas ini ke Pulau Langkawi kerana bagi saya, penggunaan gas ini sangat penting kepada pengguna. Pengguna macam rakyat tempatan, macam orang lain yang bukan sahaja di Kedah ataupun di Kuala Lumpur tetapi kami di Langkawi juga memerlukan kos penggunaan kenderaan yang murah kerana kalau kita beli minyak RM2.10 seliter RON 95, di Langkawi kita tak ada RON 97, kita hanya ada RON 95.

#### ■1120

Pada masa yang sama dengan menggunakan NGV kos penggunaan kereta akan menjadi satu pertiga murah daripada kos minyak petrol. Dengan demikian itu, saya dapat juga membantu untuk teksi-teksi di Langkawi untuk mendapat pendapatan yang lebih dan juga kepada masyarakat yang menggunakan kenderaan di Langkawi untuk mendapat kos penggunaan yang berkurangan.

Ditambah lagi pula saya difahamkan bahawa dalam negara kita ini *gas reserved* adalah tiga kali ganda daripada minyak. Yang saya tengok dalam internet tadi ada 14.67 bilion *barrel of equivalent oil barrel* berbanding dengan 5.46 bilion *barrel* sahaja minyak. Jadi makna kata di dalam negara kita ini kita banyak gas. Kalau kita tidak guna gas itu siapa lagi hendak guna. Jadi saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Kita perlu melihat daripada sudut manfaat dan juga *cost benefit analysis*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sebab yang saya sebutkan tadi ialah kos subsidi yang ditanggung oleh Petronas ketika ini adalah amat tinggi di mana berdasarkan kepada kadar RM1.35 seliter yang ditanggung oleh Petronas untuk tahun 2012 sahaja telah meningkat kepada RM600 juta. Ini hanya terhadap 176 buah stesen. Jadi bagi mereka sekiranya mereka memperkembangkan lagi jumlah stesen ini akan meningkatkan lagi kos mereka.

Berkenaan *reserved gas* memang benar dari segi jumlah *reserve*. Kita mempunyai 13.6 bilion *barrel of oil equivalent* dengan izin dan ini cukup untuk pengeluaran sebanyak pada kadar 1,000 juta tong sehari *barrel equivalent*. Ini cukup untuk 43 tahun *reserve* kita. Walau bagaimanapun, jumlah penggunaan di negara kita ini lebih daripada pengeluaran kita dan sebab itulah Petronas kini telah pun membeli gas daripada luar dan kita telah pun membina satu *degassification plan* dengan izin yang terletak di Melaka.

Jadi untuk itu kita perlu lihat *cost benefit* dan untuk masa ini setakat 600 juta setahun kos yang ditanggung oleh Petronas adalah merupakan kos yang tidak mahu ditingkatkan lagi. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang arif lagi budiman memberi peluang kepada Bakri tanya soalan tambahan. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan meletakkan sasaran bahawa setiap daerah akan mempunyai stesen NGV. Jika ya, bilakah tempoh masa sasaran ini akan dipenuhi? Sekiranya gagal mencapai

sasaran, siapakah yang perlu bertanggungjawab? Syarikat, kerajaan atau kekurangan permintaan? Adakah NGV ini hanya disediakan oleh Petronas sahaja atau syarikat-syarikat lain turut menawarkan NGV? Minta penjelasan dan jawapan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Buat masa ini memang hanya Petronas sahaja yang membekalkan NGV di stesen-stesen mereka yang saya katakan tadi sebanyak 176 buah. Syarikat minyak lain sebenarnya tidak berminat untuk melaksanakan NGV ini kerana harga subsidi NGV ini adalah pada kadar 68 sen seliter. Jadi mereka memang tidak akan buka stesen di mana bagi setiap liter NGV yang mereka jual mereka akan kerugian RM1.35 kerana kos mereka adalah RM2.03 seliter. Jadi begitu juga dengan Petronas. Ada sampai satu tahap di mana Petronas memang tidak boleh lagi membelanjakan lebih banyak lagi.

Jadi setakat 176 stesen ini sudah pun sampai kepada tahap RM600 juta setahun. Jadi mereka tidak merancang untuk memperkembangkan lagi. Jadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bakri tadi tidak ada rancangan untuk mengembangkan NGV ini kepada setiap daerah selagi harga NGV ini ditetapkan pada kadar 68 sen seliter. Jadi kalau harga pasaran dan itu memang syarikat-syarikat minyak mungkin berminat untuk memperkembangkannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ini makluman kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau saya panggil Yang Berhormat Bakri untuk menyatakan bukan bermakna selalu dia panggil saya budiman [*Ketawa*] atau sedemikiannya. Saya suka panggil Yang Berhormat Bakri sebab soalan Yang Berhormat Bakri padat, ringkas, tidak ada sindir-menyindir dan sinis politik. Jadi kadang-kadang membuka mata juga. Saya pun mahu tahu juga kenapa NGV ini tidak dibuat di merata tempat. Itu sebab. Bukan kerana dia puji saya. [*Ketawa*]

**8. Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia untuk mendapat rawatan di sini. Berapa jumlah pusat perubatan yang menjadi tempat kunjungan mereka dan jumlah anggaran hasil untuk negara.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh. Soalan ini berkenaan dengan pelancongan perubatan. Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan kesihatan adalah antara sektor perkhidmatan yang berpotensi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) telah merancang pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk industri bagi menjadikan Malaysia sebagai salah satu hab pelancongan kesihatan yang terunggul di arena antarabangsa. Hasilnya terbukti dengan kedatangan pelancong kesihatan kerana negara Malaysia yang semakin meningkat setiap tahun.

Pada tahun 2010, jumlah pelancong kesihatan yang datang ialah 392,996. Tahun 2010 meningkat lagi kepada 583,296 dan tahun 2012 - 672,727. Pada tahun ini sehingga bulan Jun sudah meningkat kepada 401,000. Makna mungkin jangkaan kita lebih kurang 800,000 akan

datang pada tahun ini. Pendapatan juga *naturally* Tuan Yang di-Pertua meningkat iaitu pada tahun 2010 RM338.7 juta, tahun 2011 RM511 juta dan tahun 2012 RM524 juta dan pada tahun ini dijangka dalam RM630 juta Tuan Yang di-Pertua. Jumlah hospital yang terlibat dalam industri pelancongan kesihatan ini ada 72 hospital semuanya dan antara sepuluh yang terutama dan terunggul ialah:

- (i) Alin Hospital di Pulau Pinang;
- (ii) *Penang Adventist Hospital*;
- (iii) Prince Court Medical Centre;
- (iv) Gleneagles Kuala Lumpur;
- (v) LohGuanLye Specialists Centre di Pulau Pinang;
- (vi) Mahkota Medical Centre di Melaka;
- (vii) Gelugor Specialist Centre;
- (viii) Sime Darby Medical Centre di Subang Jaya; dan
- (ix) Hospital Pakar KPJ.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Makna pada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Malaysia berupaya untuk menjadi ataupun berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan terkemuka di dunia berlatarbelakangkan kepada negara kita yang aman, tenteram dengan keindahan alam semula jadi yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita.

Di samping itu kita juga mempunyai kemudahan kesihatan perubatan yang setanding dengan negara-negara lain khususnya di sektor swasta dan juga di pihak kerajaan. Jadi kita perhatikan bahawa kebanyakan pengunjung-pengunjung ini datang untuk mencari pusat-pusat kesihatan yang dipihak swasta sahaja. Di pihak kerajaan mungkin hospital-hospital kita sudah terlalu sesak dan juga padat dan tidak boleh menandingi keselesaan dan juga khidmat kesihatan atau perubatan yang diberikan oleh di hospital-hospital swasta.

Jadi saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan atau mencari atau menjadikan beberapa pusat-pusat kesihatan kita setanding dengan pusat-pusat kesihatan swasta dan seterusnya mempromosikannya juga untuk pelancong-pelancong atau pengunjung-pengunjung dari luar negara yang ingin mendapatkan rawatan di negara kita. Kedua ialah tentang negeri saya Kelantan adakah di sana promosi yang juga dilakukan oleh pihak *Malaysian Healthcare Travel Council* ini untuk mempromosikan pusat-pusat kesihatan di negeri Kelantan. Saya percaya di Kelantan pun ada dan saya ingin bertanya sama ada sudah pun dilakukan untuk mempromosikan pusat-pusat kesihatan di negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

#### ■1130

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pihak kerajaan memang- yang ada cuma ada dua pusat iaitu di Hospital UKM dan juga Universiti

Malaysia yang ada dipanggil sebagai *private wing*. Ini memang cukup popular dan memang kena bayarlah. Kadarnya kena ikut hospital itulah. Setakat ini, kerajaan tidak bercadang untuk hendak tambahkan lagi kerana masalah kita terlalu sesak dan tidak cukup katil kalau kita hendak promosikan *private wing* begini. Cuma, ada di situ sahaja yang disebut.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat adalah kita promosikan keseluruhan perkhidmatan di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak kita promosikan dan terpulang kepada pelancong yang datang ini sama ada dia hendak pilih yang mana. Jadi kita tidak hadkan di mana dia pergi. Setakat ini yang paling popular ialah di Pulau Pinang, kedua di Melaka dan ketiga di Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Sila.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

#### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

#### **MENGECAM PENGINTIPAN NEGARA AMERIKA SYARIKAT, AUSTRALIA DAN SINGAPURA YANG BOLEH MENJEJASKAN KESELAMATAN NEGARA**

**11.34 pg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mencadangkan bahawa Dewan yang mulia ini mengambil maklum bagi membahaskan satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bagi mengecam negara Amerika Syarikat, Australia dan Singapura di atas pengintipan yang dilakukan yang boleh menjelaskan keselamatan negara.

Merujuk kepada pendedahan *akhbar Der Spiegel* dan *Sydney Morning Herald* yang melaporkan pemberi maklumat perisikan, Edward Snowden bahawa berlaku risikan dibuat ke atas Malaysia oleh Kedutaan Amerika Syarikat dan Suruhanjaya Tinggi Australia bagi memintas maklumat radio telekomunikasi dan *internet*. Tindakan yang tidak bertanggungjawab negara-negara ini mengintip aktiviti-aktiviti pemimpin negara merupakan satu tindakan biadab serta mencabar kedaulatan negara sebagai sebuah negara yang merdeka.

Terkini, seperti yang dilaporkan oleh media Belanda iaitu *NRC Handelsblad*, Singapura juga didebakkan sebagai turut membantu menyediakan akses komunikasi dan menjadi rakan utama di dalam kumpulan perisikan 5-Eves yang diketuai oleh Amerika Syarikat bagi tujuan merakam perbualan telefon dan memantau rangkaian komunikasi di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selanjutnya, media Australia - *Fairfax* pula mendedahkan bahawa perisikan Singapura merupakan rakan kepada agensi perisikan elektronik Australia iaitu *Defence Signals Directorate*, dengan izin, untuk memintas kabel *South East Asia (SEA)*, *Middle East (ME)*, *Western Euro 3 (WE)* yang merupakan kabel telekomunikasi yang terpanjang di dunia dan diuruskan oleh *Singtel*, syarikat telekomunikasi milik Kerajaan Singapura.

Sementara kita memperakui hubungan diplomatik yang telah terjalin di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, Australia serta Singapura, yang mana asas utama kepada perhubungan ini ialah kepercayaan sesama negara iaitu teras. Akan tetapi, aktiviti pengintipan dan perisikan terhadap setiap pimpinan negara ini tentunya mencabuli negara Malaysia yang berdaulat dan merdeka. Beberapa tindakan tegas pimpinan negara-negara lain yang didedahkan berlakunya aktiviti pengintipan ke atas negara mereka seperti Brazil, Jerman dan Indonesia sewajarnya kita contohi.

Presiden Brazil telah membatalkan lawatan rasmi beliau ke Washington. Canselor Jerman, Angela Merkel telah mengeluarkan kenyataan yang keras mendesak Presiden Obama sendiri untuk menjelaskan aktiviti pengintipan ke atas beliau. Presiden Indonesia juga menuntut permohonan maaf daripada Australia dan memanggil pulang Duta Besar Indonesia di Australia. Oleh yang demikian, saya yakin satu tindakan mengecam yang keras daripada Dewan yang mulia ini dilihat perlu bagi memberikan tekanan kepada ketiga-tiga buah negara.

Kita sudah banyak ketinggalan daripada segi aspek *foreign policy*, dengan izin. Banyak isu tidak kita respons dengan baik seperti isu yang berlaku di Rohingya, isu Hamas, isu Selatan Thai dan saya fikir mesej yang jelas dan tegas perlu dizahirkan oleh rakyat Malaysia kepada mereka ini. Kegagalan pihak kerajaan khususnya Perdana Menteri untuk mengeluarkan pendirian yang tegas akan menyebabkan tindakan biadab ini terus berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Bukit Katil pada hari Jumaat, 22 November 2013.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) syarat tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (ii) untuk kepentingan orang ramai - ya, adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia harus berkehendakkan untuk disegerakan untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Kementerian Luar Negeri telah memanggil Duta Besar Amerika Syarikat dan Pesuruhjaya Tinggi Australia pada 1 November 2013, dan telah pun mengemukakan Nota Bantahan bagi menyuarakan kekecewaan ataupun dalam bahasa Inggerisnya, "*Displeasure of Malaysian*" terhadap dakwaan tersebut.

Kedua-dua kedutaan tersebut telah pun mengemukakan Nota Bantahan tersebut kepada ibu negara masing-masing dan akan mengemukakan penjelasan lanjut kepada Kerajaan Malaysia. Jadi ini bermakna, tindakan telah pun dibuat oleh Kerajaan Malaysia. Dengan itu perkara ini, bagi pendapat saya, tidaklah perlu disegerakan untuk dibahaskan, sehingga *order paper* kita singkirkan pada hari ini.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan daripada apa yang telah dimaklumkan oleh Kementerian Luar Negeri kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa nota telah diberikan dan pihak kedutaan telah pun menghantar nota itu kepada kerajaan mereka. Akan tetapi, apakah jawapan daripada kerajaan mereka? Sehingga sekarang kita tidak tahu. Apakah pihak kerajaan mereka itu telah pun membuat satu kenyataan memohon...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawapannya dalam proses Tuan Yang di-Pertua. Saya telah dimaklumkan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Kami memohon maaf, menghentikan sebarang pengintipan. Itu yang sangat penting. Kalau sekadar kita memberikan Nota Bantahan, kemudian mereka menerima Nota Bantahan tetapi pengintipan terus dilakukan dan tidak ada permohonan maaf secara terbuka kepada Kerajaan Malaysia, itu satu yang sangat mencabul keharmonian dan kedaulatan negara kita. Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya, saya bangkitkan isu ini. Jawapan daripada kementerian ialah mereka menunggu pengesahan. Akan tetapi, kalau ikut Usul ini adalah sesuatu event yang telah kita dapat lebih banyak pendedahan.

So isunya, dari 1 November ke 26 November, sudah 26 hari tetapi kita tidak nampak ada *sense of urgency* oleh kerajaan. Itulah sebab kita kemukakan perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua boleh cuba mempertimbangkan kerana kalau tidak, Dewan ini gagal untuk memberi desakan kepada pihak eksekutif.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin sikit. Sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, isu ini dua, tiga minggu yang lalu, saya sudah bahas. Sudah saya kemukakan tetapi kita telah diberi penjelasan bahawa negara kita mengamalkan protokol yang berbeza dengan negara-negara yang lain. Ada yang menggunakan kekerasan, ada yang menampakkan kekuasaan masing-masing tetapi pendekatan kita berbeza. Kita dimaklumkan

bahawa pihak Kementerian Luar Negeri sedang menunggu jawapan daripada beberapa negara yang telah kita hantar surat.

Jadi, kita hormati pendirian Tuan Yang di-Pertua selaku Pengerusi kita. Jangan lagi kita mempertikaikan Yang Berhormat Pokok Sena, sebab kalau kita mempertikaikan, akhirnya kita mungkin berlarutan sampai ke situ.

Jadi mana-mana keputusan Pengerusi, saya baca juga dalam peraturan mesyuarat kita, ia muktamad. Apabila muktamad, bermakna tidak perlulah *dinegotiate*. Begitulah ceritanya. Ini bukan soal kempen undi pilihan raya, boleh-boleh kita runding, boleh kita tolak campur. Ini dalam Dewan Rakyat.

#### ■1140

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kementerian Pertahanan kata ketegasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Makna sudah kalah, kalahlah. Terima hakikat kekalahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, isu ini sangat penting walaupun telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan kerajaan mengatakan sedang menunggu, sedang menunggu maklum balas daripada pihak kerajaan negara-negara yang terlibat tetapi apa yang kita lihat bahawa terlalu perlahan tindakan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Takkan hendak tunggu. Bila hendak tunggu, pengintipan terus berlaku. Kita tidak boleh tunggu. Kita mesti ada satu tindakan yang tegas terhadap kedua-dua negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini harus, ini nampak Yang Berhormat Kinabatangan sudah goyang, goyang, goyang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengintipan di mana-mana Tuan Yang di-Pertua, DAP pun mengintip kepada PAS. Memang berlaku. Jadi dia berlaku. Sama, salah kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa apabila saya buat keputusan, keputusan itu muktamad dan itu menurut peraturan mesyuarat dan kalau juga Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan tindakan-tindakan saya lima tahun yang sudah apabila saya benarkan sesuatu usul di bawah 18(1) itu untuk dibaca dalam Majlis, lepas itu saya tolak. Itu bermakna bahawa kerajaan harus ambil perhatian yang serius. Itu sebab ada perkara-perkara saya buat begitu. Bukan bermakna apabila saya tidak benarkan untuk dibahas, perkara itu bukan mustahak.

Akan tetapi ada usul-usul yang saya rasa menghabiskan masa Dewan dan semata-mata dibuat untuk tujuan peribadi dan sedemikianya. Minta maaf saya cakap begitu, saya tolak dalam kamar. Kalau ada peruntukan mesyuarat lagi, saya tolak dari tandas.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi dia kata dari kamar saja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi tidak minta Tuan Yang di-Pertua tarik balik keputusan, itu saya tidak minta. Saya minta penjelasan, apakah yang diberikan oleh pihak kerajaan itu hanya sekadar menunggu maklumat. Tidak adakah satu tindakan lanjut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak minta, saya tahu Tuan Yang di-Pertua seorang yang tegas dan keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh bergenjak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu kita minta kerajaan, dia mesti memberikan penjelasan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk hendak tolak itu, maknanya mesti ada alasan-alasan yang cukup kukuh. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua berikan alasan yang tidak cukup kerana dibekalkan maklumat yang tidak mencukupi, ini kelemahan dari pihak kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab yang telah menyebabkan Tuan Yang di-Pertua terpaksa bertindak juga untuk sedemikian rupa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi itu yang saya minta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Penjelasan saya setakat itu Yang Berhormat. Jadi kerajaan ambil perhatian kepada apa yang dihujah oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Sila setiausaha, teruskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketujuh]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu sila Yang Berhormat Menteri, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.43 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa serius dan tegas mengambil apa-apa tindakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 27 November 2013”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.29 [Jadual] –**

**Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Kapar.

**11.46 pg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar.

**Tuan Pengerusi:** Ini Kapar kalau dia *good mood*, dia ikut peraturan mesyuarat. Kalau dia sudah naik angin sikit. Tuan Pengerusi pun dia cabar. Saya nampak video itu. Dia minta untuk diusir. Sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sebelum mula Tuan Pengerusi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini hari saya tengok dia okey Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya menunggu dia hari tidak okey waktu saya duduk. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, sebelum saya mula minta izin, semalam Tuan Pengerusi ada menegur Yang Berhormat Shah Alam kalau menukar dengan Kementerian Kerja Raya. Saya duduk dekat sini pun rasa begitu.

**Tuan Pengerusi:** Saya tahu, saya tahu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Frustration* itu.

**Tuan Pengerusi:** Kerana video-video sebelum ini sudah saya tonton. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Salam Sejahtera, Salam Tengah hari, *vanikam* dan salam reformasi. Terima kasih Tuan Pengerusi yang saya hormati kerana memberi peluang untuk saya untuk berbahas peruntukan bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi dan Dewan yang mulia ini tentang anggaran perbelanjaan mengurus bagi kod 30000 untuk bahagian aset. Peningkatan sebanyak 1,533% atau peningkatan sebanyak 15 kali apabila dibundarkan tahun ini berbanding dengan tahun 2013. Pada tahun 2013, peruntukan ialah 120,000 manakala untuk 2014, kenaikan mendadak iaitu 1,840,000. Saya menuntut penjelasan daripada kementerian. Pertama, rasional kenaikan peruntukan secara mendadak ini. Kedua, keperincian aset yang akan dibeli. Ketiga, tahap *transparency* dalam belian aset dan perbelanjaan data tersebut.

Tuan Pengerusi, sudah berubah pula ya? Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi dengan Dewan yang mulia ini tentang anggaran pembangunan pula bagi kod yang sama. Peningkatan sebanyak 206% iaitu daripada RM819,150,300 telah meningkat menjadi RM1,691,926,800. Tuan Pengerusi, daripada jumlah dana yang diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan untuk kementerian ini, 86% adalah belian aset. So, sekali saya menuntut penjelasan kementerian mengenai nombor satu, rasional 86% perbelanjaan pembangunan dibelanjakan untuk belian aset. Saya perlukan penerangan.

Kedua, keperincian aset yang akan dibeli. Ketiga, tahap *transparency* dalam belian aset dan perbelanjaan dana tersebut. Tuan Pengerusi, rujukan kembali kepada RM1,840,000,000 yang akan dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus adalah *one-off* dan diperincikan mengikut bekalan 070000. Mengikut Bekalan 070600, RM500 ribu untuk Membangun Pusat Pemulihan Bencana dan Infrastruktur Pusat Data Hijau. Apakah kegunaan aset yang akan dibeli ini? Adakah aset ini akan mengurangkan dan memulihkan bencana yang sedang berlaku di Malaysia.

Saya juga ingin menuntut penjelasan mengenai maksud Pusat Pemulihan Bencana. Sila terangkan bencana dekat sini adalah mengenai bencana yang apa? Apa yang dimaksudkan sebagai bencana dekat sini? Begitu juga dengan Bekalan 070700 – Menaiktaraf Sistem

Keselamatan Data Rangkaian sebanyak RM400 ribu. Apakah kegunaan aset yang akan dibeli dan saya juga menuntut penjelasan mengenai penggunaan sistem keselamatan data rangkaian ini.

Tuan Pengerusi saya sekarang meneruskan dengan bekalan 010200 - Bahagian Tenaga. Perbelanjaan mengurus tenaga telah berkurang daripada RM5.9 juta pada tahun 2013 kepada RM4.8 juta pada tahun 2014 iaitu pengurangan sebanyak RM1.1 juta dalam anggaran 18.6%. Aktiviti butiran tersebut berobjektifkan untuk menyelaraskan perancangan tenaga negara serta mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan berkaitan bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan dapat dibekalkan sejajar dengan keperluan pembangunan sosioekonomi negara.

Minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan rasional untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus bagi butiran tersebut memandang pengawasan pelaksanaan projek-projek pembangunan tenaga negara perlu ditingkatkan. Contoh, tragedi pelepasan air dari Empangan Hidro Elektrik Sultan Abu Bakar, Cameron Highlands. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa kerajaan tidak memandang serius risiko banjir Lembah Bertam yang sudah lama dibangkitkan oleh penyelidik-penyelidik sehingga menyebabkan empat nyawa terkorban dalam banjir yang berlaku pada 23 Oktober lalu. Banjir kilat tersebut disebabkan oleh pelepasan air dari Empangan Hidroelektrik Sultan Abu Bakar, Cameron Highlands yang dikendalikan oleh TNB.

▪ **1150**

Tuan Pengerusi, di samping itu juga, saya minta Menteri menjelaskan, apakah pemantauan yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap 12 empangan yang dibina oleh Kerajaan Negeri Sarawak? Adakah persekitaran tapak pembinaan empangan dijalankan penyelidikan dengan sewajarnya supaya kes seperti di empangan Cameron Highlands tidak akan berlaku? Adakah semua Orang Asli di sekitar kawasan tersebut dirunding, dan diberi pampasan dengan sewajarnya?

Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi, menurut aktivis alam sekitar, Empangan Bakun dan Batang Ai yang sudah beroperasi, tidak mempunyai sistem *alarm* pelepasan air untuk memberi amaran kepada penduduk di hilir untuk berpindah. Ia akan membawa risiko seperti tragedi di Cameron Highlands berlaku. Air yang dilepaskan di empangan tersebut dianggarkan akan menenggelamkan seluruh Bandar Sibu dengan paras air setinggi tiga kaki. Seperti yang dinyatakan juga oleh Pengarah SUARAM, Datuk Kua Kia Soong, isu empangan bukan isu negeri Sarawak sahaja, tetapi ia membabitkan semua rakyat Malaysia kerana hampir semua projek pembinaan empangan mengalami peningkatan kos daripada nilai kontrak asal, dan kos-kos pembinaan tersebut dibayar oleh hasil-hasil cukai yang dibayar oleh semua rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menekankan bahawa walaupun Sarawak Hidro Sdn. Bhd. atau SHSB dimiliki oleh Kementerian Kewangan tetapi saya ingin menekankan di sini, pemantauan yang dibuat oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terhadap Empangan Bakun, memandangkan ia adalah tanggungjawab mereka dalam menyelaraskan perancangan tenaga kerja

serta mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan berkaitan. So saya menuntut penjelasan, apakah pemantauan yang sedang dilakukan oleh kementerian tersebut?

Di samping itu, saya juga ingin menekankan pertubuhan hak asasi juga menyatakan kapasiti penjanaan kuasa Batang Ai dan Bakun telah berlebihan dan tidak perlu membina empangan baru. *Transparency International* turut melabelkan pembinaan empangan di Sarawak sebagai, “*monument of corruption*”, dengan izin, dan mengkritik pembinaan empangan merupakan satu rancangan bekalan tenaga yang ketinggalan zaman. Datuk Kua juga menyatakan bahawa projek pembinaan 12 empangan oleh Kerajaan Negeri Sarawak telah membawa kemusnahan kepada alam sekitar, sosial dan ekonomi terutamanya dengan kos pembinaan yang melonjak melebihi kos asal. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sarawak telah menegaskan untuk membina lebih banyak empangan bagi membekalkan lebih banyak kuasa tenaga.

Dengan izin Tuan Pengerusi, berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan sebentar tadi oleh saya, perlu diingatkan bahawa isu empangan bukan isu negeri Sarawak sahaja. Minta Kerajaan Persekutuan menjelaskan rasional Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina lagi empangan baru, memandangkan kedua-dua empangan yang sedang beroperasi tersebut telah menjana kapasiti kuasa yang berlebihan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan terhadap isu tersebut?

Tuan Pengerusi, isu yang berbangkit dengan isu tenaga juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar, gulung.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini ada kena mengena dengan isu program *Rebate Save*. Menurut Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, dia telah mengumumkan bahawa program *Rebate Save* ini telah menjimatkan RM64.1 juta tetapi daripada teks *email* yang saya peroleh daripada Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia, Saudara Piarapakaran, dia telah menafikan bahawa ini adalah benar. Dalam pembukaannya dia kata, angka ini adalah angka palsu- iaitu RM64.1 juta penjimatan ini dia katakan adalah sebagai satu angka palsu, kerana sebab yang sah yang telah diakui oleh pegawai-pegawai kementerian sendiri semasa proses perundingan dengan persatuan ini pada tahun 2011.

Dalam teks ini juga, ada soalan yang telah dikemukakan oleh persatuan ini yang berbunyi sebegini. Soalan Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia ialah- kepada Menteri bahawa, siapa yang mengaburi Yang Berhormat untuk mengaburi Parlimen? Sila jangan berdiam diri seperti mana kementerian telah berdiam diri dalam kenyataan palsu yang diumumkan oleh kementerian pada tahun 2012 bahawa kerajaan dapat menjimatkan RM800 juta dengan menukar semua lampu bangunan kerajaan kepada lampu LED. Tindakan berdiam diri ini bagaikan menutup bangkai gajah dengan nyiru. Adakah kementerian selalu mengeluarkan nombor-nombor palsu untuk mendapatkan lebih banyak belanjawan untuk dilaksanakan setiap tahun? Ini teks yang diberikan dalam *email*

kepada saya. Saya menuntut Menteri untuk menjawab persoalan daripada persatuan ini. Terangkan dari mananya datang RM64.1 juta melalui proses program *Rebate Save*.

Sebagai penggulungan dan terakhir Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Bekalan 050000 – Program Khusus. Ada dua bahagian. Yang pertama adalah sebanyak RM1,700,000 akan dibelanjakan mengikut Bekalan 050100 - Bertugas ke Luar Negara. Saya ingin menuntut, mengapa peruntukan dana yang begitu banyak disalurkan kepada bekalan ini? Bagaimana ini boleh memberi manfaat kepada kementerian dan setiap lapisan masyarakat di Malaysia dengan menghantar petugas ke luar negara. Saya menuntut jawapan untuk ini.

Kedua dan terakhir Tuan Pengerusi, sebanyak RM11 juta diperuntukkan untuk *Malaysian Green Technology Corporation*. Pada tahun 2013 sebanyak RM10 juta, pada tahun ini sebanyak RM11 juta. Saya ingin tahu, apakah peranan *Malaysian Green Technology Corporation*, dan bagaimana badan ini boleh menjana dana untuk negara melalui teknologi hijau? Adakah tahap masa dengan izin, *time frame* diletakkan kepada mereka untuk menjana dana ini.

Saya menuntut semua jawapan secara lisan diberikan, walaupun saya tiada di Dewan kerana ada wakil-wakil saya yang akan mencatat jawapan ini daripada kementerian sebentar lagi. Terima kasih. Salam reformasi. *Nandri*.

Saya minta maaf Tuan Pengerusi. Ada masalah yang saya kena lari keluar. Kalau andai kata saya tidak ada, dengan izin saya minta kementerian jawab juga. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey. Saya benarkan dua orang daripada Barisan Nasional, dan dua daripada Pakatan Rakyat. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

Yang Berhormat Hulu Rajang. Selepas itu Yang Berhormat Tebrau. Selepas Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Wangsa Maju.

### 11.57 pg.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin merujuk kepada Butiran 11600 – Rancangan Bekalan Air Negeri Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pendek-pendek sahaja, Yang Berhormat. Pendek sahaja.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Ya. Saya memohon agar Rancangan Bekalan Air dapat memberi fokus khusus kepada kawasan pedalaman di Sarawak yang banyak masih belum dapat bekalan air bersih dan terawat. Di samping itu, saya ingin memberitahu di sini bahawa bekalan air di kawasan pedalaman juga tidak stabil. Contohnya masalah paip pecah sering kali terjadi di stesen pam air di Daerah Kapit. Ini kerana paipnya sudah usang dan tidak dapat menahan tekanan air yang tinggi.

Saya difahamkan saiz paip yang lama hanya berdiameter enam inci berbanding dengan saiz yang bakal diganti iaitu 12 inci. Sekiranya berlaku kejadian paip pecah, penduduk tidak dapat menggunakan sumber air kerana ia keruh dan kotor.

Manakala di daerah Belaga, saya mohon juga agar paip ini dapat digantikan dengan paip yang lebih besar kerana di Belaga sering berlaku masalah kapasiti paip yang tidak mencukupi bagi menampung permintaan daripada penempatan yang kian bertambah. Di Sungai Asap ada 15 buah rumah panjang yang telah disambungkan kepada bekalan air. Banyak lagi rumah panjang masih menanti dan meminta untuk disambungkan dengan bekalan air terawat. Maka, saya mohon agar Kementerian dapat melihat masalah ini supaya masalah bekalan air ini dapat diselesaikan dengan segera. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gombak.

### **11.59 pg.**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan pada pagi ini di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan merujuk kepada Butiran 020000 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor yang telah menerima anggaran jumlah peruntukan sebanyak RM4.3 juta dalam Bajet 2014.

### **■1200**

Isu perkhidmatan air di negeri Selangor telah lama menjadi perbahasan di pelbagai peringkat. Saya yakin sekiranya Kerajaan Persekutuan dan Yang Berhormat Menteri sendiri berpegang kepada prinsip dan semangat *federalisme*, pertelingkahan ini dapat kita selesaikan mengikut kerangka Perlembagaan dan undang-udang yang sedia ada demi kepentingan rakyat di negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya. Antara perkara yang masih menjadi pertikaian adalah dakwaan yang meleset oleh kementerian dan juga pihak SPAN bahawa rizab air terawat terlalu kecil. Keduanya kadar air tidak berhasil atau pun NRW yang sudah diturunkan. Ketiga, soal pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bagi pihak rakyat negeri Selangor bahawa margin yang dikira oleh Kerajaan Pusat adalah berdasarkan keupayaan SYABAS iaitu 0.5% dan juga Kerajaan Pusat serta kementerian tidak mengambil kira keupayaan loji rawatan air yang sebenarnya pada tahap 3.6%. Walaupun kita mengakui peratusan ini masih rendah, namun sekiranya kita mengambil kira kemampuan beberapa loji rawatan air untuk menggunakan pendekatan *overload* ia boleh mencecah sehingga 12.7%.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa seperti yang kita sedia maklum, negeri Selangor mempunyai empat syarikat yang mengendalikan 34 loji rawatan air dan keupayaan pengeluaran oleh 34 loji rawatan air ini adalah sebanyak 4,832 juta liter sehari. Angka ini tidak mengambil kira keupayaan loji-loji yang saya nyatakan tadi yang dioperasi secara *overload* iaitu melebihi keupayaan reka bentuk termasuk Loji Rawatan Air Semenyih dan Loji Rawatan Sungai Langat yang telah pun beroperasi secara *overload* melebihi 10 tahun. Aspek ini boleh diberikan penelitian jika isu kekurangan air menjadi perdebatan dan adalah dijangkakan dengan usaha *overload* ini

kapasiti pengeluaran di 34 loji rawatan air boleh meningkat sekurang-kurangnya 5,252 juta liter sehari.

Fakta yang kedua yang ingin saya rakamkan di Dewan yang mulia ini ialah pengagihan air terawat kepada pengguna di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dikendalikan oleh SYABAS. Keupayaan pengagihan air terawat yang boleh diagih oleh sistem yang dikendalikan sepenuhnya oleh SYABAS bagi Oktober 2013 adalah sebanyak 4,686 juta liter sehari. Sedangkan purata permintaan air terawat oleh SYABAS pada Oktober 2013 adalah hanya 4,660 juta liter sehari.

Maka jika kita bandingkan dengan kapasiti pengagihan yang dijalankan sepenuhnya oleh SYABAS dengan permintaan air terawat yang sebenar, kita masih ada rizab sebanyak 0.5%. Walau bagaimanapun, seperti yang saya tegaskan tadi jika kita bandingkan dengan keupayaan pengeluaran oleh 34 loji, rizab bekalan air adalah sebanyak 3.6%. Maka ini bermakna dakwaan yang menyatakan bahawa Selangor sedang mengalami krisis kekurangan air adalah mengelirukan. Kita tegaskan, kita mempunyai rizab pengeluaran sebanyak 3.6%, namun masalah di peringkat pengagihan yang harus diberikan perhatian supaya air yang berupaya yang dikeluarkan oleh 34 loji rawatan ini dapat sampai kepada pengguna.

Manakala jika kita bandingkan pula dengan keupayaan 34 loji rawatan yang sebahagiannya dioperasikan secara *overload*, keupayaan pengeluaran air terawat adalah sebanyak 5,252 juta liter sehari. Maka rizab bekalan air adalah sebanyak 12.7%...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani bangun. Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak, dengan data-data yang Yang Berhormat Gombak berikan tadi, setelah SYABAS mendapat kontrak dan juga kebenaran untuk mengagihkan air-air yang terawat ini, tetapi nun di sana masih lagi ramai orang-orang yang menggelupur, malah di saban minggu dan saban bulan kerana tidak mendapat air terawat. Adakah ini disebabkan oleh kegagalan SYABAS untuk betul-betul melihat masalah sebenarnya atau pun ia mempunyai masalah kewangan kah, atau pun ia ambil tidak kisah kah atau apa sebenarnya yang berlaku? Sedangkan mengikut data-data yang Yang Berhormat Gombak sebutkan tadi nyata masalah itu bukanlah besar kecuali *management problem*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Gombak tentang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani yang akan saya hujahkan selepas ini. Saya telah tegaskan tadi, loji rawatan air di negeri Selangor mampu mengeluarkan air terawat sebanyak 4,660 juta liter sehari. Akan tetapi saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat Sungai Petani ialah sehingga Oktober 2013 penggunaan sebenar atau

yang disebut dalam istilah industri air ini *billing consumption* ialah hanya 3,067 juta liter sehari. Apa bahasa mudah ialah SYABAS ambil air terawat daripada loji rawatan air di negeri Selangor sebanyak 4,660 juta liter. Sebanyak 4,660 juta liter ini sudah pun masuk dalam paip SYABAS kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengagihkan air terawat ini kepada semua pengguna sama ada *household* atau pun industri. Akan tetapi yang sampai kepada pengguna hanya 3,067 juta liter sehari. Maknanya ada sebanyak 1,605 juta liter sehari yang hilang dalam proses pengagihan air terawat itu yang kita sebut sebagai air tidak berhasil atau pun *non-revenue water*. Apa sebabnya? Kita boleh hujah, kegagalan SYABAS untuk mengambil tindakan seperti yang terkandung dalam Perjanjian Konsesi untuk membaiki paip-paip dan mengurangkan kadar *non-revenue water* ini.

Mengikut Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani oleh Kerajaan UMNO-Barisan Nasional dengan SYABAS. SYABAS menjanjikan pada tahun 2012, mereka mampu menurunkan NRW ini kepada 19.98%, tetapi sehingga hari ini tidak berlaku. Hari ini kadar air tidak berhasil telah mencecah sebanyak 34.4%. Maknanya bukan ia menurun, semakin banyak CAPEX diberikan semakin tinggi NRW. Akan tetapi alasan yang kita dengar oleh pihak kementerian yang menjadi jurucakap kepada syarikat kroni UMNO mengatakan kerajaan negeri gagal mengeluarkan CAPEX atau pun pembayaran ini kepada pihak SYABAS.

Saya hendak nyatakan di sini, SYABAS memerlukan jaminan untuk berbelanja bagi tujuan CAPEX, kononnya untuk baiki paip dan mengurangkan kadar air tidak berhasil. Apa yang menghalang atau pun yang tidak meluluskan ini bukan sahaja Kerajaan Pakatan Rakyat. SYABAS pernah memohon RM3 bilion pada Ogos 2007 ketika Kerajaan Negeri Selangor ditadbir oleh Barisan Nasional. Ketika itu pun kerajaan negeri tidak meluluskan CAPEX sejumlah RM3 bilion ini kerana SYABAS tidak mencerakinkan atau pun memberikan perincian projek-projek mana yang hendak diberikan perhatian.

## ■1210

Kita tidak mahu memberikan *open cheque* atau pun kelulusan dengan secara terbuka tanpa mengetahui bagaimana perbelanjaan akan dibuat kerana pengalaman yang kita lalui dengan SYABAS, wang yang sepatutnya digunakan untuk baiki paip digunakan untuk buat pejabat, *office renovation*, membeli kenderaan, elauan yang begitu tinggi dan mewah oleh pemimpin dan pengurusan SYABAS. Maka sudah tentu kerajaan negeri tidak akan memberikan kelulusan sewenang-wenangnya kalau SYABAS gagal memberikan perincian kepada pihak kerajaan negeri bagaimana wang itu akan digunakan.

Walau bagaimanapun selepas tahun 2008, kita kena maklum di sini bahawa kelulusan untuk perbelanjaan *capex* SYABAS telah diambil alih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN. Bukan sahaja diletakkan kepada beban tanggungjawab kerajaan negeri. Walaupun kerajaan negeri bersama-sama dengan SPAN akan membincangkan dan menghalusi permintaan SYABAS untuk meluluskan tetapi kelulusan yang akan kita berikan hanya berkisar dan berkaitan

dengan perkhidmatan air, bukan untuk *renovation*, bukan untuk kenderaan, bukan untuk ubah suai pejabat pengurusan tertinggi SYABAS. Ini yang harus kita maklumkan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Sungai Petani, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sehingga akhir tahun 2012, perbelanjaan *capex* untuk NRW yang telah diluluskan secara bersama di antara SPAN dengan kerajaan negeri adalah sejumlah RM1.2 bilion. Ini melebihi daripada jumlah yang telah ditandatangani di dalam perjanjian konsesi. Ini kerana dalam perjanjian konsesi di antara kerajaan negeri dengan SYABAS bagi tujuan dan tempoh yang sama jumlahnya hanya RM995 juta. Akan tetapi kita telah memberikan RM1.2 bilion dengan harapan SYABAS dapat mengurangkan kadar air tidak berhasil. Namun sehingga hari ini, apa yang dijanjikan untuk mengurangkan kepada tahap 20% atau pun yang lebih tepat 19.98% telah gagal dicapai tetapi angka yang tercatat hari ini NRW mencecah 34%.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat Gombak, cukuplah boleh gulung Yang Berhormat Gombak.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Satu, satu *last* sekali.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Rakyat jelata dimaklumkan bahawa kalau sekiranya Langat 2 tidak disediakan atau pun tidak diteruskan, maka Selangor dan Wilayah Persekutuan akan menjadi masalah yang besar di masa depan. Akan tetapi kalau melihat, dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak tadi maknanya *priority* SYABAS sekarang ini bukanlah Langat 2, *priority* SYABAS sekarang ini adalah untuk *detect*, mengenal pasti di mana tempat paip-paip bocor, menyelesaikan masalah itu, saya kira dengan *the expenditure* ataupun dengan kewangan yang diberikan, saya kira SYABAS mampu melaksanakan daripada ia sibuk hendak buat Langat 2. Apa pandangan Yang Berhormat Gombak tentang ini?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Pendirian kerajaan negeri ialah kita bersetuju supaya Langat 2 ini dibangunkan dengan syarat, ianya bersyarat. Penstrukturkan industri air di negeri Selangor ini mesti dimuktamadkan terlebih dahulu iaitu semua syarikat konsesi air di negeri Selangor, empat-empat syarikat yang telah diberikan dan diswastakan oleh UMNO dan Barisan Nasional ini mesti menyerahkan industri perkhidmatan air ini kepada kerajaan negeri. Ini adalah akta yang telah diluluskan di Dewan Rakyat ini iaitu Akta Perkhidmatan Industri Air 2006.

Tujuan akta ini digubal ialah supaya Kerajaan Pusat dengan *regulator* yang dibentuk iaitu SPAN boleh mengawal industri perkhidmatan air. Sebelum itu apa yang berlaku ialah sebagai contoh, saya hendak beri contoh di sini. Pada tahun 1995, UMNO Selangor telah meluluskan loji rawatan air ini diswastakan kepada Puncak Niaga. Tahun 1995, loji rawatan air ini adalah aset kerajaan negeri. Ia telah swastakan kepada Puncak Niaga. Maka Puncak Niaga guna loji rawatan air ini untuk merawat air dan oleh sebab mereka yang *operate* LRA ini, mereka yang menentukan kadar taraf air untuk dijual kepada PUAS. Maka kadarnya tinggi.

Apa yang berlaku, PUAS tidak mampu membayar kadar tarif air yang terlalu tinggi menyebabkan PUAS berhutang dengan Puncak Niaga berjumlah RM3 bilion. Maka bila PUAS berhutang RM3 bilion, ia sudah puas hutang, tidak mampu hendak bayar. Pada tahun 2005 sekali lagi UMNO parti yang memperjuangkan Melayu, Islam, rakyat didahulukan, dia swastakan pula PUAS kepada SYABAS. Ini yang berlaku. Maka SYABAS sekarang ini menguasai PUAS, memang ‘puas’ sungguh dan dia juga menguasai loji rawatan air melalui Puncak Niaga.

Maka atas kesedaran inilah Kerajaan Pusat dan Dewan yang mulia ini pada tahun 2006 menggubal akta yang saya sebut tadi, Akta Perkhidmatan Industri Air supaya negeri-negeri lain jangan ikut jejak langkah UMNO Selangor yang menswastakan industri perkhidmatan air kepada syarikat-syarikat swasta.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sikit lagi, sikit lagi, satu-satu...

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit lagi.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang cukuplah, cukuplah

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya, soalan saya sikit saja.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah panjang sangat sudah bagi masa ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehlah sikit saja. Adakah Yang Berhormat Gombak bersetuju dengan saya bahawa dari segi Islam sendiri, air dan elektrik khususnya ialah komoditi yang sepatutnya *share* oleh semua orang. *[Membaca sepotong hadis]* yang bermaksud manusia ini berkongsi tiga perkara. *[Membaca sepotong hadis]* Air, api dan juga padang ragut. Jadi berdasarkan kepada hadis ini bersetuju atau tidak dengan saya Yang Berhormat Gombak bahawa benda-benda yang seperti ini tidak seharusnya diswastakan sebab ia adalah keperluan bersama. Maknanya kita patut memikirkan bagaimanakah mereka mendapat menikmati kemudahan asas ini dengan harga yang paling minimum? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tuan Penggerusi saya akan gulung. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang bahawa air ini ialah *public utility*, anugerah yang diturunkan oleh Allah SWT untuk diagihkan, untuk dimanfaatkan untuk semua rakyat secara adil. Sebab itu Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mewakili Pakatan Rakyat mengambil pendekatan terikat dengan Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 dan telah membuat lima kali tawaran kepada syarikat konsesi. Kali yang terakhir pada 21 November yang lalu.

Kali ini kita membuat tawaran kepada empat syarikat dengan jumlah RM9.6 bilion. Akan tetapi sehingga hari ini keempat-empat syarikat tidak dijawab kerana di belakang mereka adalah Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Sepatutnya peranan Kerajaan Pusat Yang Berhormat

Menteri, saya hendak minta jaminan Kerajaan Pusat pada tengah hari ini patutnya *facilitate*, bantu kerajaan negeri supaya membolehkan empat syarikat konsesi ini bersetuju dengan tawaran kerajaan negeri.

Semalam, malam tadi saya dengar Yang Berhormat Tanjong Karang dia bangun, oh dia kata ini ‘*willing seller, willing buyer*’. Ini kalau jual udang bolehlah begitu. [Ketawa] [Tepuk] Ini industri perkhidmatan air. Yang Berhormat Menteri tidak boleh nafikan bahawa Kerajaan Pusat ada *golden shares* dalam SYABAS, gunakan *golden shares* itu untuk *persuade* dan yakinkan keempat-empat syarikat lepaskan pegangan mereka dan terima tawaran oleh kerajaan negeri sebanyak 9.6 bilion.

Ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kabinet Tuan Pengerusi pada Januari 2008. Jemaah Menteri Kabinet telah meluluskan dan telah membuat keputusan dan telah keluarkan secara bertulis di mana pada Januari pada tahun 2008, Jemaah Menteri Kabinet menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor diluluskan untuk mengambil alih Industri Perkhidmatan Air. Kemudian melantik pula Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) sebagai operator kepada Langat 2. Mengapa tidak guna pakai keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri Kabinet?

#### ■1220

Bukan baru, sudah lima tahun. Sebagai Menteri, Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab. Pertama, berpegang kepada Perlembagaan dan akta yang saya nyatakan tadi iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 supaya industri perkhidmatan air ini lebih cekap, lebih efisien. Nyata, di bawah SYABAS dan empat syarikat ini, industri perkhidmatan air membebankan rakyat.

Baik, bila saya hendak jawab, saya hendak tegur Yang Berhormat Tanjong Karang, dia kata ini *willing seller, willing buyer*. Pertama, kita ada *golden shares*. Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya minta pengesahan pada pagi ini, tawaran RM9.65 bilion ini adalah yang terkandung dalam perjanjian konsesi yang mana dalam perjanjian itu dinyatakan bahawa 12% pulangan kepada ekuiti. Kita terikat. Kita bukan hendak rampas daripada SYABAS. Kita berlaku adil, kita buat tawaran dan nilai tawaran ini adalah nilai tawaran yang terkandung dalam perjanjian konsesi iaitu 12% pulangan kepada ekuiti. Ia berjumlah RM9.65 bilion. Maka, tawaran ini adalah tawaran yang termaktub dalam perjanjian.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri gagal untuk menggunakan kuasa *golden shares* itu, *persuade* dan meyakinkan empat syarikat, sepatutnya membenarkan kita untuk pergi kepada timbang tara antarabangsa. Kerajaan negeri telah menyatakan secara terbuka, kita akan terima apa juga keputusan timbang tara antarabangsa. Kalau timbang tara antarabangsa menyatakan RM9.65 bilion tidak cukup, kena bayar RM10 bilion. Kami akan bayar RM10 bilion. Kita ada kemampuan, asalkan industri perkhidmatan air ini mesti dikuasai oleh kerajaan negeri yang mewakili rakyat Selangor kerana kita tidak mahu kadar tarif ini ditentukan oleh syarikat-syarikat milik kroni UMNO dan Barisan Nasional.

Keduanya, sekiranya timbang tara antarabangsa menyatakan bayaran balik ini lebih rendah daripada RM9.65 bilion, kita di negeri Selangor telah menyatakan, kita akan tetap memakai RM9.65 bilion. Adil atau tidak? Mengapa Yang Berhormat Menteri melengah-lengahkan lagi penstrukturkan industri air di negeri Selangor? Mengapa Yang Berhormat Menteri hendak mempertahankan syarikat dan tidak mempertahankan rakyat? Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab mempertahankan rakyat, bukan syarikat SYABAS dan empat syarikat konsesi [*Tepuk*] Ini sebab Tuan Pengerusi, syarikat SYABAS menuntut kita hendak bayar RM9.65 bilion kerana itu termaktub dalam perjanjian. Syarikat minta berapa? RM13 bilion! Sedangkan kita hendak ikut perjanjian. Akan tetapi Yang Berhormat Tanjong Karang kata, “*Tidak boleh. Kena ikut syarikat*”. Maknanya, Yang Berhormat Tanjong Karang juga mempertahankan syarikat dan bukan mempertahankan rakyat [*Tepuk*] Oleh sebab itu negeri Selangor kalah UMNO dan Barisan Nasional.

Jadi Yang Berhormat Menteri, pada tengah hari yang baik ini, Yang Berhormat Menteri pun baru dilantik menjadi Menteri, jangan takut dengan Yang Berhormat Tanjong Karang [*Tepuk*] Jangan takut dengan SYABAS. Yang Berhormat kena takut dengan rakyat dan takut dengan Tuhan. Kalau Yang Berhormat tidak patuh kepada akta yang telah kita luluskan dalam Dewan, Yang Berhormat juga melanggar keputusan Jemaah Menteri Kabinet, Yang Berhormat bertanggungjawab untuk menjawab kepada rakyat di negeri Selangor.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi... [*Disampuk*] Ini seorang lagi tauke. Saya berharap, bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor dan rakyat Selangor, saya pohon supaya kementerian dapat mengemukakan satu jalan penyelesaian yang adil kepada negeri, rakyat dan juga keempat-empat syarikat konsesi air yang saya katakan tadi tetapi mestilah dalam kerangka Perlembagaan, undang-undang dan juga perjanjian yang telah kita tandatangani di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat serta keempat-empat syarikat konsesi ini.

Jadi saya ucapkan terima kasih dan saya pohon penjelasan yang munasabah dalam perkara ini. Kita berharap pertelingkahan ini dapat dimuktamadkan dalam keadaan yang singkat demi kepentingan rakyat di negeri Selangor. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh kerana panjang sangat, masa tiga kawan lain telah diambil. Selepas Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Tebrau.

## 12.24 tgh.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa isu yang saya tidak sempat hendak sentuh semasa perbahasan di peringkat Dasar. Jadi, isu-isu yang saya sentuh dalam Kepala B.29 dan P.29 dan butiran yang ada berkaitan termasuklah Butiran 070500, Butiran 20000 dan Butiran 010300.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit tentang kes-kes usik meter TNB yang Pusat Khidmat Ahli Parlimen sering menerima aduan. Daripada segi ini, beberapa soalan yang saya hendak minta penjelasan ialah selama ini, berapa kes usik meter yang telah dikesan dalam tahun

semasa dan berapa kes yang terima hukuman tanpa mencabar pihak TNB? Berapa kes yang dituduh ke mahkamah dan kadar kejayaan TNB bagi kes-kes yang dibawa ke mahkamah?

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya, apakah SOP TNB untuk menangani kes-kes yang disyaki usik meter? Oleh kerana saya pernah terima aduan bahawa apabila pegawai TNB pergi ke premis yang tertentu, tuan punya premis tiada di tempat itu dan dia tunjukkan meter yang sudah dibuka kepada seorang budak yang hanya berusia 13 tahun. Kadang-kadang ditunjukkan kepada orang gaji yang langsung tidak tahu apa yang berlaku. Jadi, adakah ini boleh diterima dan adakah ini boleh menjadi saksi? Saya juga ingin faham, apakah formula yang diguna pakai oleh TNB untuk mengira pampasan ganti rugi yang harus dibayar untuk pihak yang disyaki mengusik meter? Ini kerana kadang-kadang, mereka seolah-olah dengan sewenang-wenangnya membuat kiraan tanpa berdasar.

Sebenarnya Tuan Pengurus, ramai daripada pengguna kecil yang diambil tindakan oleh TNB ini, tidak mencabar kepada mahkamah oleh sebab beberapa faktor. Pertamanya ialah jumlah yang dituntut ini bukan besar sangat dan kalau mereka bawa ke mahkamah, kos ke mahkamah lagi tinggi. Keduanya, mereka memang tidak ada *resource*. Saya juga ingin bertanya, adakah kerajaan menimbaangkan untuk menubuhkan satu tribunal untuk membantu pengguna-pengguna kecil ini apabila mereka ada salah faham dengan TNB? Misalnya mereka tidak setuju dengan jumlah pampasan yang dituntut oleh TNB.

Tuan Pengurus, isu kedua yang saya hendak sentuh ialah baru-baru ini, ada syarikat-syarikat yang menawarkan projek memasang *solar panel* di bumbung rumah untuk dijual balik kuasa elektrik ini kepada TNB dan mendapat pendapatan. Jadi, saya ingin tahu, setakat ini ada berapa buah syarikat yang dibenarkan untuk projek pemasangan *solar panel* itu untuk dijual balik kepada TNB? Kalau boleh, kalau ada lebih dan tolong, saya minta nama syarikat itu disenaraikan.

Keduanya ialah saya juga ingin tahu apakah jangka hayat *solar panel* itu? Oleh sebab dalam risalah promosi yang mereka hantar, saya pun ada terima, ia kira sampai 20 lebih tahun boleh dapat berapa? Akan tetapi saya khuatir sama ada *solar panel* ini boleh tahan sehingga 20 lebih tahun atau pun tidak? Juga, saya ingin tahu, adakah kemungkinan TNB membatalkan projek pembelian balik kuasa elektrik itu dan menyebabkan kerugian kepada pihak-pihak yang sudah memasang *solar panel* itu?

#### ■1230

Katakan selepas dua tahun, sepuluh tahun mereka kata kita tidak perlu, kita hendak batalkan ini, kita hendak batalkan kontrak. Jadi mungkin pihak-pihak yang sudah pasang ini tidak boleh dapat balik. Kos ini bukan murah. Saya tengok risalahnya lebih RM10,000 dan juga adakah kemungkinan TNB kurangkan kadar pembayaran kuasa elektrik yang dibeli balik ini dan menyebabkan kerugian kepada pembekal-pembekal tersebut oleh kerana mereka akan kira sebulan boleh dapat berapa dan kalau sekiranya kadar itu dikurangkan mungkin mereka akhirnya tidak akan dapat apa yang mereka jangka.

Sekiranya kalau projek ini adalah sesuatu yang baik dan boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat, saya ingin tahu sama ada pihak kerajaan ataupun bank, ataupun TNB yang sudi menyediakan pinjaman kepada pihak-pihak yang ingin memasang. Mungkin oleh kerana kos ini bukan murah, mungkin ada yang berminat tetapi tidak ada kemampuan, adakah pihak yang sudi menyediakan pinjaman?

Saya juga hendak tanya adakah bangunan-bangunan kerajaan sendiri bersedia untuk memasang solar-solar panel ini sebagai satu langkah efektif yang kita boleh kurangkan pembayaran bersih kos elektrik ini? Jadi kalau ini memang boleh dilaksanakan, saya percaya banyak bangunan kerajaan boleh pasang dan kemudian kos elektrik yang dibayar itu akan berkurangan.

Akhir sekali saya hendak tanya pada beberapa tahun yang lepas, kerajaan pernah melancarkan program Rancangan Bangunan Hijau. Jadi saya ingin tanya apakah kadar kejayaan program Rancangan Bangunan Hijau ini setakat ini? Sekian terima kasih dan saya memohon menyokong.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Tuan Pengerusi, minta tolong. Ini penting.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu, dua, tiga. Menteri, kita jawab pukul 2.30 petang ya Menteri? Ya sila Yang Berhormat Kulai. Selepas Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Wangsa Maju.

### 12.32 tgh.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pendek-pendek sahaja. Bagi peluang kepada kawan lagi dua orang.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya 10 minit. Ya, mesti. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada kami. Butiran 030000 - Bekalan Air.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Fasal hormat Yang Berhormat Gombak. Sila.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Setakat ini Kerajaan Negeri Johor menerima RM230,000 setiap bulan daripada negeri Melaka kerana negeri Johor menjual air 'muntah' kepada negeri Melaka. Walaupun negeri Johor kami merupakan salah satu penjual air 'muntah' kepada Melaka tetapi apa yang sangat ini adalah air...

**Beberapa Ahli:** Air mentah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Air mentah, mentah tetapi apa yang saya tidak faham adalah air terawat di Johor tarifnya adalah lebih tinggi daripada tarif air di negeri Melaka. Saya memberi beberapa contoh. Untuk air kegunaan perniagaan dan industri, tarifnya adalah untuk di negeri Johor adalah 0.35 meter padu pertama tarifnya adalah sebanyak RM2.60 setiap meter padu tetapi di negeri Melaka untuk 50 meter padu pertama tarifnya hanyalah RM1.67 per meter padu. Untuk di

negeri Johor, untuk air melebihi 35 meter padu tarifnya adalah sebanyak RM2.96 meter padu tetapi di negeri Melaka, tarif air untuk 51 meter padu hingga 100 meter padu hanya RM1.70.

Saya rasa walaupun negeri Johor, kami menjual air kepada negeri Melaka tetapi rakyat di Melaka boleh menikmati perkhidmatan air dengan satu tarif air yang lebih rendah. Jadi saya rasa ini amatlah tidak adil. Jadi saya harap bahawa Menteri kita bolehlah membantu rakyat Johor supaya kita boleh menikmati perkhidmatan air dengan satu tarif air yang lebih rendah.

Jadi saya rasa ini amatlah tidak adil. Jadi saya harap bahawa Menteri kita bolehkah membantu rakyat Johor supaya kita boleh menikmati air dengan satu tarif yang lebih munasabah. Selain daripada itu, selain daripada menjual air mentah kepada negeri Melaka, negeri Johor juga ada jual air mentah kepada negara Singapura tetapi dengan harga yang berbeza. Air mentah yang dijual ke negeri Melaka, harganya adalah 30 sen untuk setiap 1,000 gelen tetapi air mentah yang kita jual ke negara Singapura harganya adalah 3 sen untuk setiap 1,000 gelen.

Jadi saya rasa ini adalah satu tarif ataupun satu harga yang amat berbeza kerana apabila kita jual air kepada negara jiran kita, harganya banyak amat murah lagi dan saya rasa tarif ini ataupun harga ini belum dikaji selama 52 tahun. Jadi saya tahu bahawa Kerajaan Negeri Johor telah mengemukakan satu permintaan untuk mengkaji semula harga kita jual air mentah kepada negara Singapura. Jadi saya hendak tahu di sini bahawa sama ada kementerian ini, Menteri kita akan mengizinkan membenarkan permintaan ini.

Isu terakhir adalah tentang tarif elektrik. Saya rasa kebelakangan ini kita banyak baca daripada surat khabar, sudah ada pegawai-pegawai yang cakap bahawa sekarang setakat ini kerajaan kita memberi subsidi sebanyak 75% untuk tarif elektrik dan subsidi ini tidak dapat *cannot sustain* dengan izin *any longer*. Jadi saya hendak tanya sama ada kementerian kita akan mengkaji semula tarif elektrik ini dan kalau memanglah tarif elektrik ini akan dinaikkan, bila ia akan dinaikkan dan berapa banyak ia akan dinaikkan?

Saya rasa tidak kira sama ada tarif elektrik ini akan dinaikkan atau tidak, saya rasa selepas pelaksanaan GST, memanglah harga yang kita bayar untuk elektrik ini akan meningkat kerana setakat ini hanyalah 200 unit elektrik yang untuk kegunaan domestik atau untuk kegunaan kediaman adalah dikecualikan untuk GST tetapi untuk elektrik untuk kegunaan industri ataupun perniagaan, semua akan dikenakan GST.

Jadi maksudnya selepas pelaksanaan GST, harga elektrik ini akan meningkat sebanyak 6%. Saya hendak tanya sama ada kementerian kita sudah buat satu kajian apa itu kesan dan impak GST terhadap harga elektrik ini dan apakah kesan kepada industri kita dan juga perniagaan-perniagaan kita? Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Jerlun.

### **12.38 tgh.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya bersyukur kerana dapat turut berbincang dan berbahas

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Saya akan mengambil masa yang begitu singkat. Pertama sekali 06500 kepalanya, Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah. Dalam rekod yang ada di sini jumlah anggaran asal projek adalah RM158 juta. Perbelanjaan sebenar tahun 2011 dan 2012, RM32 juta. Anggaran dipinda tahun 2013 RM18.7 juta dan peruntukan untuk tahun 2014 hanyalah RM3.5 juta. Mohon kementerian cerita sedikit projek yang mana satu? Adakah Kerajaan Negeri Kedah yang dahulu atau sekarang ini tidak mahu lagi buat bekalan air? Itu yang pertama.

Kedua saya juga turut terharulah apabila mendengar beberapa negeri seperti Pahang bekal air ke Selangor, Johor bagi kepada Melaka, Johor bagi dekat Singapura tetapi semua ada walaupun 1,000 gelen 3 sen tetapi ada nilainya. Di Kedah ini kita pun membekalkan air ke Pulau Pinang dan juga ke Perlis tetapi kononnya atas faktor sejarah, kita tidak boleh hendak buat tuntutan.

#### ■1240

Jadi, katanya atas konvensional peringkat dunia di mana apabila dua buah negeri berjiran itu menggunakan saluran sungai yang sama, maka negeri yang tidak ada sumber *ayaq* itu pun dia tidak gaduh untuk *bayaq* kepada negeri yang ada sumber *ayaq*.

Yang Berhormat Tuan Penggerusi, Kepala 11200 - Penyaluran Air Antara Negeri. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM155 juta. Kedah ini ada tiga empangan. Kedah ini memanglah empangannya menggunakan air terutama sekali bekalan air untuk padi. Akan tetapi, kita sedar bahawa padi ini sebenarnya kita tidak perlu banyak sangat *ayaq*. Kita mempunyai tiga *dam*, tiga empangan yang besar iaitu Ahning, Muda dan juga Pedu yang digunakan untuk pengaliran air ke projek tanaman padi.

Namun, kita kena sedar bahawa tiga *dam* ini mempunyai *cashment area*, kawasan tadahan seluas 1,267 km persegi, dan kawasan takungan itu- *surface areanya* adalah 82 km persegi. Punya lah luas. Kemudian, empangan-empangan ini mampu menakung sebanyak 1.5 bilion *meter cube*. Sedangkan kita hanya memerlukan setiap tahun 987 *million meter cube*. Jadi yang lebih itulah yang disalirkan ke luar melalui Sungai Muda sampailah ke Kuala Muda. Jadi, di situlah yang Kerajaan Pulau Pinang ambil untuk jadi bekalan air mentah negeri mereka.

Kemudian, di Kedah ini kita ada- setelah selesai *corporatize*, kita ada Syarikat Air Darul Aman (SADA). Akan tetapi sebelum SADA ditubuhkan juga Lembaga Urus Air Negeri (LUAN) yang menguruskan air mentah, yang menjual air mentah kepada SADA. Sedangkan SADA ini anak syarikat Kerajaan Negeri Kedah. Sepatutnya ia tidak payah bayar harga air mentah. Jadi, walaupun kita sedar bahawa air di Pedu itu, di Empangan Muda itu diperlukan untuk padi tetapi padi ini kita adalah untuk *food security*. Kita diarahkan oleh kerajaan dan seluruh negara memerlukan beras daripada Kedah. Kita membekalkan hampir sekarang ini sudah 50%. Jadi, oleh kerana di bawah *food security*, maka kita tidak boleh tanam selain daripada padi.

Tuan Penggerusi bayangkan- 100,000 hektar yang ada di Kedah ini, yang ditanam padi ketika ini, katalah kawasan ini kita tanam sawit. Kalau kita tanam sawit 100,000 hektar dengan kadar *average-fresh fruit bunches* ini, buah tanam baik (BTB), dengan kadar *average* negara hari

ini 20 tan satu hektar, kita akan dapat OER iaitu *oil extraction ratenya* 18%, secara rendah Kedah boleh dapat setiap tahun bersih dalam RM5 bilion.

Jumlah RM5 bilion dibahagikan dengan 55,000 *household* atau isi rumah yang terlibat dengan padi, mereka ini boleh dapat sebulan RM9,000. Setahun sudah RM90,000. Sedangkan sekarang ini *depa* buat padi, kita dapat setakat hari ini hanya RM32,000. Sasaran tahun 2020, RM48,000. Jadi, atas pengorbanan Kedah ini, saya hendak tanya kementerian, apakah pandangan kementerian terhadap isu bekalan air mentah Kedah ini ke Pulau Pinang, dan juga air mentah Kedah ini ke Perlis sebab di Pulau Pinang, urusan air diproses ini ialah oleh sebuah syarikat yang membuat untung, yang mampu buat untung dan bagi elaun, bagi gaji kepada pekerja, petugas dan sebagainya, sedangkan air yang didapatkan itu hanyalah percuma?

Jadi, saya minta kepada kerajaan, kepada pihak kementerian untuk mengkaji semula ini. Kalau betullah saya dengar dalam surat khabar katanya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang tidak boleh hendak duduklah, tak boleh nak 'sembang', Penang kata, "*No talk!*", sebab ini sejarah. Dia kata daripada dahulu, kita tidak pernah bayar. Maka saya minta dan merayu bagi pihak negeri Kedah supaya kementerian, juga di bawah Kepala yang sama- 11200 ini, "*Penyaluran Air Antara Negeri*", yang ada RM150 juta, mungkin tahun depan sudah tidak sempat, tetapi untuk tahun-tahun yang akan datang, dapat menimbaangkan pengorbanan Kedah itu.

Kiralah berapa banyak jumlah air yang digunakan. Tidak payah lah kira air yang digunakan untuk padi di kawasan AEDP Kepala Batas, Tasek Gelugor dan sebagainya, kita kira sejauh mana Kerajaan Pulau Pinang ambil air mentah itu, pakai meter yang besar di tempat sedutan itu, tempat pam itu, maka bagilah kepada Kedah. Tidak payahlah bagi 3 sen 1,000 gelen pun, mungkin 2 sen pun sudah cukup daripada tidak dapat apa langsung. Jadi, ini juga akan membantu Kerajaan Negeri Kedah untuk membangunkan negeri yang memang selama ini terkenal dengan kemiskinan, kerana apa? Kerana orang kaitkan tanaman padi itu dengan *poverty*- kemiskinan.

Mohon mencadangkan, dan saya menyokong di atas bajet yang diberikan kepada Kementerian KeTTHA ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

#### **12.45 tgh.**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Salam sejahtera dan selamat tengah hari.

Di bawah tajuk Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau, dan Air, saya hendak sentuh dua perkara iaitu nombor satu tentang Tenaga Nasional. Ini tarif yang begitu tinggi, tidak kira dari Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional, tadi kita dengar *comment* dari Yang Berhormat Tebrau.

Ada beberapa tempat tarif TNB ini dalam dua tahun sudah naik, ada 100%, ada sudah naik 200%. Mungkin ini tarif baru sudah *link* dengan meter baru, iaitu guna teknologi baris iaitu digital.

Kita dengar TNB terpaksa lantik empat *supplier* untuk meter baru ini. Parti Keadilan mahu satu *independent audit*, sebab ini *bill* yang tinggi terlibat dengan berjuta-juta pelanggan, dan sepatutnya melantik ‘*Energy Commission*’, buat satu *independence audit* sebab kita pun dengar ada satu skim baru iaitu *knock-on effect*, dan juga dengar pada tahun depan 2014, TNB ingin naikkan tarif lagi.

Sebagai Wakil Rakyat di Wilayah Persekutuan, kita baru-baru ini dapat satu Cukai Taksiran yang begitu tinggi, dan semua kos pun sudah naik. Bagaimana rakyat prihatin dan boleh menghadapi masalah yang akan datang.

Nombor dua Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan malapetaka di *Bertam Valley* Cameron Highlands iaitu pada tanggal Oktober 23 tahun ini. Ini berbeza dengan taufan Haiyan di *Philippines*. Taufan Haiyan di *Philippine* boleh dikatakan, minta izin, satu *act of God*. Baru-baru ini di satu negara di *Eastern Europe*, di Latvia satu bumbung di atas *supermarket* sudah jatuh, dan 66 orang maut. Perdana Menteri negara berkenaan memanggil ini sebagai dikategorikan ‘kes pembunuhan’- *murder*, tetapi di *Bertam Valley*, Senior Staff TNB buka *valve* tiga kali, dan dua maut, banyak yang cedera, rumah rosak, kereta rosak dan harta berjuta-juta rosak dan hilang.

Akan tetapi kalau mengikut contoh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, bila dia hendak buat apa-apa pengumuman, dia guna jip sendiri, dan *round* di Kepong dan dengan *loud healer* satu jam, semua orang di Kepong pun tahu apa dia mahu, buat ceramah dan apa-apa pun. So, sebab itu, apa sebab? TNB jawab, dia guna siren. Akan tetapi itu tempat yang luas. Mungkin orang tidak ada di rumah, kerja. Mungkin orang tidak boleh dengar tetapi pihak TNB tidak guna langkah-langkah proaktif. Sebagai wakil Parti Keadilan, kita tidak puas hati.

#### ■1250

Nombor satu, Tuan Pengerusi TNB patutnya pecat itu *engineer* yang *in charge*. Nombor dua, *charge* itu *staff* TNB dengan kes pembunuhan- ini bukan *act of God*, and nombor tiga, patutnya kalau ikut contoh lain-lain negara, Pengerusi TNB berkenaan patut letak jawatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tuan Pengerusi, boleh bagi peluang?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

#### 12.50 tgh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya debat dalam isu dalam Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi Maksud B.29, Butiran 010300 - Teknologi Hijau dan Air. Pendek sahaja Menteri.

Saya hendak tahu di bawah Kementerian Teknologi Hijau dan Air, kementerian telah tubuhkan satu badan dipanggil SEDA untuk *promote* penggunaan teknologi hijau. Sepanjang ini dia penuh dengan banyak masalah. Saya hendak tahu kerana orang yang bayar TNB bil *subsidized* tabung-tabung yang digunakan oleh SEDA. Jadi saya hendak tahu berapakah dana yang telah

dikutip oleh SEDA sejak *Feed-in Tariff* program telah dilaksanakan. Setakat ini berapa dana yang telah dikutip?

Soalan kedua adalah berapakah jumlah yang SEDA telah bayar kepada pemegang FiT sejak program ini dilaksanakan? Sila nyatakan pecahan antara solar, hidro dan biomas. Kita tahu bahawa sekarang macam solar cukup popular, tetapi hidro dan biomas tidak berapa mendapat sambutan. Jadi saya hendak tanya bagaimana kementerian untuk melaksanakan lebih banyak projek-projek hidro dan biomas. Terutamanya di kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak, di mana kita mempunyai potensi yang cukup baik untuk *small hydro electric generator*. Di mana saya terbaca tentang *small hydro program* yang telah dilaksanakan di Sarawak. Di mana mereka berupaya untuk dengan *small hydro generator* dia boleh *generate electricity* untuk satu kampung daripada pedalaman. Jadi kita tidak payah menyambungkan grid-grid yang panjang untuk membekalkan *electricity*.

Soalan ketiga adalah berapakah permintaan pemegang FiT yang telah diluluskan oleh SEDA? Jumlah *voltage* yang digunakan oleh pemegang individu? Ini sebab ramai yang ingin individu-individu yang inginkan *participate* dalam program FiT solar tetapi selalunya kuota itu tidak cukup untuk pemegang individu. Pada hari pembukaan untuk permohonan, dalam satu jam sahaja kuota telah habis. Akan tetapi ada banyak lagi kuota untuk *none* individu terutamanya syarikat yang belum digunakan atau tergendala atau tidak mampu *deliver*. Maka saya rasa saya hendak cadangkan kepada Menteri untuk memberikan banyak kuota kepada pemegang individu.

Soalan keempat adalah berapa *solar farm* yang telah dibina oleh pemegang oleh individu? Berapakah *voltage* yang telah dijanakan? Saya difahamkan ada rancangan daripada kementerian untuk membuka *solar farm* di banyak tempat. Akan tetapi saya rasa tidak berapa masuk akal sebab ada projek-projek yang dicadangkan adalah untuk membuka tanah menebangkan pokok-pokok bukan *solar farm*. Kalau kita objektif adalah untuk *promote* teknologi hijau satu yang untuk *environment*, maka tidak wajar kita membuka tanah, menebangkan pokok tetapi bina *solar farm*. Lebih baik dikenalkan hutan-hutan supaya kita lebih menjaga alam sekitar. Akan tetapi saya juga hendak cadangkan kerana ada potensi-potensi yang besar di tempat-tempat lain seperti katakan kilang-kilang. Di atas bumbung kilang-kilang yang boleh diguna pakai untuk memasang PV, memang *solar panel*.

Walau bagaimanapun kebanyakan kilang mereka menghadapi masalah kerana itu adalah satu *capax* yang cukup tinggi. Mereka tidak nampak *return* yang munasabah untuk masa yang terdekat. Jadi mereka tidak ada halangan yang cukup besar terhadap kilang-kilang. Akan tetapi kalau kementerian boleh berbincang dan *facilitate* satu tabung untuk kurangkan pinjaman *loan* dengan kaedah faedah yang rendah. Maka saya rasa kita boleh *promote* *solar panel* di kawasan-kawasan kilang terutamanya di kawasan-kawasan Bayan Baru. Di mana kilang begitu banyak, saya nampak selalu di atas bumbung mereka tidak ada apa-apa. Kalau semuanya digalakkan untuk memasang *solar panel* maka mereka boleh menjana *electricity* yang banyak untuk penggunaan kilang sendiri dan juga untuk menjana tenaga untuk TNB juga. Jadi ini adalah beberapa soalan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bayan Baru. TNB apabila menghantar bil kepada kita dan sebahagian ada kutipan-kutipan untuk tenaga diperbaharui dicaj kepada kita. Bolehkah Yang Berhormat Bayan Baru bertanya Menteri, yang pertama bagaimana wang ini dikumpulkan? Adakah di bawah kementerian ataupun di bawah dijaga oleh Kementerian Kewangan? Kita hendak tahu berapakah jumlah sekarang ini kutipan yang telah pun dibuat? Itu pertama.

Kedua kita Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak dikelilingi oleh laut. Tidakkah kementerian berhajat untuk melihat ombak itu sebagai salah satu alternatif bagaimana kita boleh generatekan kuasa di masa hadapan. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya minta supaya soalan-soalan Yang Berhormat Sungai Petani dimasukkan dalam ucapan saya. Saya juga ada satu beberapa soalan seperti di Sabah dan Sarawak. Saya selalu dengar bahawa Sarawak memerlukan- tadi Yang Berhormat Kapar kata ada 12 empangan baru totalnya untuk dibina di Sarawak sahaja. Kita sudah ada satu empangan yang besar iaitu Bakun yang paling besar di dunia. Dulu apabila Tun Mahathir ingin membina Bakun dia kata kuasa yang dijanakan oleh Bakun itu cukup besar, terlalu banyak sehingga kena disalirkan ke Semenanjung. Sekarang kerajaan pula kata jana kuasa itu tidak cukup dan perlu bina empangan di Baram dan Batang Ai. Itu saya cukup *confused*. Jadi saya hendak tanya menteri, berapa keperluan, berapa megawatt yang diperlukan di Sarawak untuk *in terms of demand, electricity demand* di Sarawak?

Berapakah tenaga yang dijanakan oleh empangan-empangan? Adakah ia cukup atau tidak cukup? Mengapakah kita perlukan empangan yang baru seperti Baram, Batang Air dan sebagainya? Kita tahu bahawa empangan-empangan ini dia punya *life spent* tidak panjang hanya lebih kurang 40 tahun sahaja. Selepas itu dia akan menjadi ada mendapan dan *efficiency* untuk jana elektrik itu akan berkurangan. Maka memang tidak berapa cukup untuk menjana elektrik untuk lepas lebih kurang 40 tahun. Jadi untuk itu, saya sokong apa yang Yang Berhormat Kapar cakap tadi, sebenarnya *is not the best way to generate electric* melalui empangan *and is full of corruption*.

Kita tebangkan pokok dan merosakkan alam sekitar demi membina empangan, itu tidak munasabah. Saya hendak minta Menteri, adakah kita masih bertegas untuk membina 12 empangan di Sarawak? Dengan kata-kata ini sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya mesyuarat bersidang dalam Majlis. Pukul 2.30 petang menteri menjawab ya. Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**[Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Majlis bersidang dalam Jawatankuasa. Jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### **2.32 ptg.**

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya bagi pihak Kementerian KeTTHA, Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian untuk membahaskan kepala-kepala peruntukan di bawah P.29 dan B.29 di bawah kementerian ini. Keseluruhannya begitu banyak, 16 orang semuanya yang telah pun membahaskan. Ada yang panjang lebar, ada yang *auto point* tetapi kebanyakannya memang ada kaitan dengan perkara-perkara di bawah kepala-kepala, butiran di bawah kementerian ini.

Untuk perhatian ataupun sebagai ulasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu kerana banyak perkara yang dibangkitkan adalah berlapis ataupun berkali-kali dibangkitkan. Maka saya akan beri ulasan berdasarkan kepada kepala-kepala isu tertentu seperti satunya, mengenai dengan IGEM. Kedua, mengenai dengan tenaga yang boleh diperbaharui ataupun perkara-perkara di bawah MGTC iaitu *Malaysia Green Technology Corporation*, dan SEDA, dan seterusnya perkara-perkara berkaitan dengan negeri seperti negeri Sarawak, Sabah dan negeri-negeri seperti Johor dan Melaka.

Selepas itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan tarif, perkara-perkara yang berkaitan dengan kemalangan di Cameron Highlands dan juga *metering* dengan TNB dan akhirnya nanti perkara-perkara berkaitan dengan bekalan air negeri Selangor kerana itu Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyentuh dan kebanyakannya berisi politik jadi saya mahu beri ulasan dan jawapan yang berdasarkan kepada fakta keadaan sebenar, *and my saudara*, Yang Berhormat Gombak ini kerana banyak yang dibangkitkan tadi daripada segi fakta pun banyak yang boleh dipersoalkan. Barangkali mahu tunggu jadi Menteri Besar baru dapat maklumat yang tepat dan seterusnya...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ha, itulah jawapan politik. Bagi fakta.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *No, no. Nanti akhir-akhir [Ketawa]*

Yang penting, kita mahu cari penyelesaian kepada keadaan bukan sahaja di Selangor tetapi di seluruh negara kita mahupun daripada segi bekalan air ataupun bekalan elektrik, pembetungan dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, antara yang telah pun berucap dan membangkitkan beberapa perkara yang banyak adalah semalam. Yang lain ini baru timbul tadi pagi, semalam kita sampai 10.30 malam, saya harap-harap mahu tutup sudah semalam tetapi disambung lagi dengan lima orang, enam orang lagi pagi tadi tetapi Yang Berhormat Hulu Langat, bekas mantan profesor antaranya pembangkang yang cukup *balance* dia punya pandangan, dia bekas saintis.

Saya pun dahulu duduk sana dekat Bagan sama ini dua penggal, lapan tahun di sana. So pernah duduk sana, sini tiga penggal dan di sana dua penggal, so *I know how you feel but I want to say that, the way we deal with this thing, we are very sincere. I want to find a solution...*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:**...Kalau tidak, kena bagi sini.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Ketawa]* Itu lama lagi, belum tahu lagi. Kamu bilang, "Ini kalilah." Lain kali pun belum tahu lagi *[Ketawa]*

Okey, pertamanya berkaitan dengan MGTC. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh perkara ini. Sejak penubuhan *Malaysia Green Technology Corporation* atau MGTC pada tahun 2010, pelbagai pencapaian telah dicapai dalam usaha membangunkan bidang teknologi hijau, dan MGTC telah dipertanggungjawabkan untuk merancang dan membangun kerangka dan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif teknologi hijau di negara ini, MGTC juga bertindak sebagai pusat rujukan kepada pihak industri daripada segi latihan, keusahawanan, *business matching*, dan *technology transfer* dalam usaha memastikan bidang teknologi hijau sebagai pemaju ekonomi negara.

Sememangnya banyak program yang telah pun dikendalikan. *Annual Report* pihak MGTC ini boleh diperoleh, dan saya boleh bekalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin dan minat untuk meneliti lebih terperinci mengenai peranan dan sumbangan.

Antaranya ialah untuk memainkan peranan bersama dengan SIRIM dan Jabatan Standard dalam membangun standard-standard dan produk dan perkhidmatan hijau khasnya melibatkan perusahaan kecil dan sederhana menerusi pelaksanaan Program *MyHijau* dalam meningkatkan daya saing pengeluar dan pembekal tempatan di pasaran tempatan dan juga global dan program antaranya ialah *MyHijau Procurement*, *MyHijau Labeling*, *MyHijau Directory*, *MyHijau SME* dan industri. MGTC juga telah dilantik sebagai *industry lead body* oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk membangun modul-modul latihan kemahiran berkaitan teknologi hijau yang akan dibangunkan oleh institusi-institusi latihan kemahiran.

Selain daripada itu, MGTC juga telah membangunkan rangka-rangka ataupun *framework* perbandaran hijau, berlandaskan konsep perbandaran rendah karbon atau *low carbon city*, dan konsep yang dibangunkan secara kolaborasi dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa itu kini dalam proses pilot, melibatkan empat lokasi iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya di Melaka, Majlis Perbandaran Miri di Sarawak, Kampus Universiti Malaya, dan kampus utama di SK Skudai, Johor.

Seperti mana juga yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ialah berkaitan dengan IGEM iaitu *International Green Tech and Eco Product Exhibition and Conference Malaysia*.

**■1440**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya maklumkan bahawa sememangnya program ini sudah adalah tahun yang keempat ia dilaksanakan dan sememangnya pada kali ini dia dianjurkan sekali dengan *Global Entrepreneurship Conference Summit* sebenarnya dan yang pada mulanya Presiden Amerika Syarikat itu, Tuan Obama dijangka untuk hadir dan akhirnya *Secretary Statenya* yang telah mewakili dan sedikit sebanyak sebenarnya program itu yang sekali gus dilaksanakan pada tempoh IGM itu dilaksanakan telah pun KPI-KPI yang tertentu.

Hanya saya katakan bahawa seperti Yang Berhormat Parit Sulong telah menyentuh bahawa berasas kepada laporan nampaknya ada mengurangkan sikit jumlah *business transaction*, dengan izin, yang telah pun diperoleh tetapi untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya pada tahun kali ini bilangan pengunjung pun hampir sama iaitu 56,552 dan transaksi perniagaan adalah RM466 juta berbanding dengan RM1.3 bilion pada tahun yang lalu. Dari segi *booth* sebenarnya pun ada menurun 467 saja disebabkan dua program yang di anjur bersama. Satu, *Global Entrepreneurship Conference Summit* mereka pun menggunakan *space* untuk *booth* tertentu, sekuriti yang *tight* juga pada waktu itu maka sekali gus dia mengurangkan kehadiran pihak awam.

Namun itu satu pengalaman bagi kita dan kita yakin bahawa lahir daripada pengalaman sekali gus menganjur satu program antarabangsa, global. Kita boleh memperkasakan lagi IGM pada masa-masa akan datang. Keseluruhan KPI adalah tercapai kecuali jumlah transaksi perniagaan tetapi dalam perkara ini pihak MIDA masih lagi meneliti, menyusuli apa-apa juga *networking* yang telah diadakan sepanjang perkembangan ataupun perjalanan IGM.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Menteri minta...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Soalan Yang Berhormat daripada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat ya.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Boleh minta sedikit penjelasan contoh potensi daripada pameran itu, apa yang kita buat *transfer* ke Malaysia ini. Umpamanya katalah dari segi *hybrid* kah, dari segi *green incinerator* kah ataupun apa-apa yang berkait dengan itulah? Saya rasa banyak pameran yang diadakan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sememangnya pada waktu itu 40% daripada semua pameran pun daripada luar daripada dari negara kita dan pada kali yang pertama kita dapat sambutan yang begitu banyak. Bukan saja negara-negara ASEAN tapi negara di Asia. Saya melihat pada waktu itu, inovasi-inovasi dari segi pameran-pameran yang diadakan kebanyakan memanglah berasas kepada *green technology* dalam bidang *power electricity*, tenaga, dalam bidang air, dalam bidang pembetungan dan seterusnya kerana itulah tumpuan konferensi tersebut.

Daripada saya katakan tadi RM466 juta nilai *business transaction* yang dijalankan sememangnya ini melibatkan juga teknologi-teknologi daripada buatan Malaysia sendiri dari segi inovasi, kreativiti, *power check* yang dikeluarkan yang sekali gus bergabung bersama dengan pihak-pihak pelabur daripada luar negara. Kalau Yang Berhormat lebih minat daripada itu saya boleh bekalkan secara bertulis jenis-jenis transaksi yang telah pun berjalan sebagai contoh-contoh tertentu. Tetapi kebanyakannya dalam bidang *energy, anything*, dengan izin yang *pertaining to energy efficiency*, penggunaan teknologi dari segi berbagai-bagai jenis LED.

Satu daripada teknologi yang menarik dan saya melihat pada waktu itu ialah satu projek yang dari segi IP nya dari Australia, dia tangkap *sunlight* dan dia punya konsep *during the day*, dengan izin, tidak harus kita menggunakan tenaga daripada mahupun yang merupakan fosil. Dia tangkap matahari dan dia *modify, translate* dan *magnify* dan keluar sebagai lampu seperti ini tapi cahaya daripada langit sahaja. Okey, ini antaranya yang begitu menarik yang pihak kementerian bantu untuk memperluaskan sebagai boleh digunakan di tempat-tempat yang sesuai seperti tempat-tempat pelancongan, *single storey houses*, dengan izin dan seterusnya. So, saya boleh bekal senarai-senarai tertentu jika Yang Berhormat terus minat.

Yang Berhormat daripada Hulu Langat antara mereka yang telah menyentuh perkara nuklear ini dan ada peruntukan sejumlah setengah juta untuk tujuan promosi dan pendedahan. Saya hanya mengatakan di sini berkaitan dengan tenaga berasaskan kepada nuklear, ini masih dalam tajuk perbincangan di peringkat kerajaan. Masih ingat lagi Ahli-ahli Yang Berhormat tiga tahun dulu mantan Menteri KeTTHA pernah juga memberi taklimat bersama dengan MOSTI mengenai dengan potensi penjanaan tenaga melalui nuklear. Pada waktu itu, nampaknya sebenarnya dari segi Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli daripada pembangkang neutral dia punya gambaran bagi pihak kami yang meneliti bahawa ada sambutan yang bukan menyeluruh tetapi yang menggalakkan dan berasaskan kepada kejadian di peringkat Fukushima, maka pihak kerajaan telah memberi tumpuan lebih banyak kepada pendedahan, potensi dan juga apa perkembangan terkini dari R&D dalam bidang keselamatan.

Jadi selain daripada itu, belum ada perkembangan yang terbaru. Satu badan di peringkat di Jabatan Perdana Menteri yang disebutkan MNPC telah pun ditubuhkan untuk terus bersama dengan KeTTHA dan kementerian lain untuk menerajui program-program promosi dan pendedahan. Pada masa yang sama difahamkan perundangan yang perlu jika kita hendak pilih hala tuju untuk membekal sebahagian *energy mixed* kita daripada sumber tersebut juga telah pun dijalankan dan dalam proses perhatian bagi pihak kerajaan. Ini sememangnya baik dari segi *cleanliness*, dengan izin, dari segi kos, dari segi *sustainability*, satu-satunya opsyen yang perlu dipertimbangkan oleh pihak negara walaupun belum ada keputusan muktamad dalam perkara ini.

Saya, tiga bulan lalu menghadiri satu seminar antarabangsa di Rusia dan laporan di situ ialah selepas Fukushima, jumlah permohonan dan perancangan projek yang dijalankan oleh pihak negara-negara yang ingin *tapping*, yang ingin menggunakan sumber ini sebagai tenaga lebih banyak daripada minat tinggi lebih banyak daripada sebelumnya Fukushima terjadi. Perbincangan-

perbincangan terkini dan R&D yang dijalankan adalah berasaskan kepada jenis penjanaan tenaga nuklear melalui nuklear sederhana dia punya saiz seperti 200 meg, 300 meg dan bukan yang ribu-ribu meg.

Antaranya, misalnya dalam modul yang dikatakan 50 sampai 100 meg yang berasas kepada diangkat dalam baj boleh dipindah daripada kawasan satu kepada kawasan sini. Okey, teknologi ini masih muda tapi dijangka dalam tiga tahun dia akan menjadi amalan dan maka itu pihak kerajaan Malaysia perlu menelitilah walaupun belum ada keputusan dari segi dasar. Saya harap itu memuaskan Yang Berhormat daripada Hulu Langat. Seterusnya saya ingin sentuh apa yang telah dibincangkan dimulai dengan tenaga dan *dam*, bekalan tenaga dan juga bekalan tenaga di Sarawak dan di Sabah.

Dari segi Yang Berhormat Tuaran telah menyentuh beberapa perkara di bawah Butiran di sini, ada di sini. Kalau tidak nanti saya tukar tajuklah. Okey, banyak yang dibincangkan oleh Yang Berhormat daripada Tuaran dan banyak terfokus kepada perkara SESB dan perkara-perkara berkaitan dengan SAIDI dan seterusnya. Saya hanya mengatakan bahawa usaha untuk mengurangkan gangguan kuasa elektrik di Sabah ini adalah satu usaha yang berterusan yang telah diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat sebanyak-banyaknya semenjak tiga tahun ini khususnya.

#### ■1450

Jumlah peruntukan yang diberi untuk mengurangkan SAIDI dan termasuk tahun hadapan yang sejumlah RM265 juga termasuk dalam perkara-perkara ini. Hasil sebelum itu pun, *cumulatively*, terdapat 460 juta telah digunakan dalam tempoh tiga tahun untuk mengurangkan gangguan elektrik.

Masalah di Sabah ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dan khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah ialah kita perlu teliti juga sejarah pembangunan sektor tenaga di Sabah ini. Walaupun usaha telah pun banyak dilaksanakan, dalam pandangan saya, barangkali koordinasi dan juga penelitian yang lebih rapi adalah amat diperlukan. Hendak mengurangkan, hendak menyelesaikan SAIDI ataupun mengurangkan SAIDI, mengurangkan *interruption* ini, *we need to handle* daripada tiga perspektif *power generation*. Daripada segi penjanaan *generation*, daripada segi *transmission* ataupun penyampaian dan akhirnya pengagihan, *distribution*.

Masalah di Sabah di saat ini, memang *building capacity* kira-kira 1.2 juta megawatt ataupun 1,200 megawatt. Kapasiti untuk *actual* kerana setiap hari saya menerima laporan daripada SESB setiap hari, dua kali sehari, *how much power is generated today, how much is the margin* dan seterusnya? Saya boleh katakan bahawa daripada 1.2 megawatt itu, kira-kira 880 adalah kegunaan harian. Daripada *generation* 900 megawatt daripada 1.2 megawatt itu, maka hari ini marginnya adalah di antara sekadar 30 megawatt marginnya kerana banyak *outages* yang IPP perlu ada di dalam keadaan penyelenggaraan dan seterusnya. So we need talking about 30 atau 40 megawatt daripada *actual generation*, for the day is only taking about 4.4 margin. Okey, peratusan tetapi ini keadaan.

Namun, dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya tiga tahun ini, SAIDI telah menurun daripada 2,000 lebih dalam 2009 kepada sasaran kita pada tahun ini 450 minit, satu pengguna, satu tahun. Saya sedia maklum ini masih tinggi berbanding dengan Semenanjung yang mana kira-kira 60 minit sahaja satu pengguna, satu tahun dan di Sarawak kira-kira 120. Usaha kita adalah untuk *to deal with this but we have to deal with it at three levels - generation, then transmission and at the same time, distribution*. Saya katakan pada tahun depan ada 385. *Almost 400 megawatt will come in stream*, dengan izin iaitu 100 daripada SPR dan 300 daripada *Kimanis power, plus beberapa lagi renewable*. Ada yang 10 meg daripada *biomass* dan ada barangkali 5 megawatt daripada solar. *Once it is done, next year we should have*, kita harus ada penjanaan *generation* mencukupi untuk tiga tahun sahaja, tiga tahun dan *then we have to build*. Banyak lagi perlu yang dijalankan.

*We need-* kita perlu sambungkan *transmission* ke *Southern Link*, dari Tawau balik pergi Tenom untuk Ulu Padas sampai ke Sipitang balik ke KK. *Estimate* pun 1.2 bilion untuk *transmission*. *Next will be*, kita perlu *deal with* pengagihan. Oleh sebab wayar-wayar pengagihan di Sabah ini, 80% adalah *bare uncoated connectors*. Di Semenanjung pula, 85 sampai 90 *all the aerial coated cables (ABC)*. Itulah di Sabah. Kayu *touching*, memang *there are short tripping*. Monyet sangkut pun dia *tripping* kerana dalam usaha dulu membangun, memanglah peruntukan tidak mencukupi ataupun kurang, jadi perlu itu.

Ini *estimate* kalau hendak lima tahun, empat tahun, kita hendak ubah, kita ganti ini pun RM1.2 bilion. So, kita perlu mengatasinya dan Kerajaan Persekutuan- terima kasih kerana Barisan Nasional menang lagi di Sabah dengan dua per tiga. Jadi, *this is the time*. Bila lagi? Ini kalilah untuk hendak buat perubahan. Akan tetapi kita perlu sabar juga peringkat demi peringkat. Tidak boleh selesai sekali gus [*Disampuk*]

Akan tetapi saya yakin, kalau semua bekerjasama daripada pihak pembangkang termasuk dan juga pada masa yang sama kita kurangkan *wastage, increase energy efficiency*, kurangkan yang mencuri semuanya ini, saya yakin bahawa *by 2020, we are building 30% margin* seperti di Semenanjung sekarang pun, 32%, 35%, 38% *margin*. Di Sabah 5% *today and we can do it*, kecuali kerajaan kita, *and we have to* bekerjasama. Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Sandakan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Eh! Sorry. Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jangan ingat Kota Kinabalu sahaja, Sandakan di sini [*Dewan riuh*]

Ya, Tuan Pengurus *and* Yang Berhormat Menteri. Satu masalah yang kita hadapi ialah bagaimana Menteri ada undang-undang bagaimana menghentikan ini pencurian daripada PTI-PTI ini, bagaimana? Sebab kita mendapat tahu, sebanyak ini *power* yang telah dicuri oleh PTI ini. Akan tetapi daripada Yang Berhormat Menteri punya pegawai yang sebab ini PTI tidak ada dokumentasi. Jadi, kerajaan atau SESB tidak mampu *charge* ini PTI. Jadi, saya mahu dapat tahu Yang

Berhormat Menteri ada apa langkah-langkah menghentikan atau menghalang ini satu masalah yang begitu besar?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih daripada Yang Berhormat Sandakan. Kita sedia maklum mengenai perkara tersebut. Akan tetapi keseluruhannya, sebenarnya, walaupun ada ketara juga kes-kes pencurian ini termasuk oleh kawasan-kawasan setinggannya, tetapi tidaklah begitu tinggi sekali. Kita *estimate less than 3%* tetapi kalau *translate* itu kepada *power*, kepada Ringgit Malaysia pun puluh-puluh juta juga. Antara masalahnya ialah satu, ini sifat mencurilah.

Sebenarnya, kita tidak boleh salahkan juga pegawai-pegawai SESB. Mereka pernah perlihatkan saya satu video yang mana mereka putuskan pada jam 10 dan pukul 3 iaitu beberapa orang itu pergi sambung balik. Pada hari yang sama pun mereka boleh sambungkan, ini di kawasan-kawasan setinggan yang ada *either PTI* ataupun orang *local* tetapi yang tinggal sementara di situ. Oleh sebab wayar itu, kabel kita itu *bare*, dia main macam cowboy punya stail. Dia ambil itu wayar begini-begini, dan dia buang, sangkut sudah sana. Sangkut di sana, dia boleh *tap the wire, tap the energy* sudah. Akan tetapi ini perlu kerjasama daripada semua pihak. Satu, majlis daerah tempatan iaitu *Municipal Council have to corporate than of course SESB officers surveillance have to be*, perlu juga dijalankan dan masyarakat kita perlu juga dide dahkan dalam perkara ini. Satu, ia bahaya.

Kedua, memang ia salah daripada segi perundangan. Ada juga beberapa kes yang telah pun diambil tindakan dan seterusnya. Saya tidak boleh bekal berapa banyak kerana pada saat ini tetapi saya boleh bekal secara bertulis kepada satu Ahli Yang Berhormat juga yang menyentuh dalam perkara ini. Akan tetapi keseluruhannya adalah berbanding dengan Semenanjung, memang ada tinggi sedikit tetapi dalam keadaan di bawah 3% daripada pencurian. Akan tetapi, ini kita tidak boleh *tolerate* dan perlu kerjasama semua pihak termasuklah JKKK, JKDB untuk memberi laporan apabila ada bukti bahawa ada orang yang telah pun mencuri tenaga melalui *illegal connections* dan seterusnya.

Yang Berhormat dari Tuaran juga telah menyentuh, memang pihak berkaitan dengan pengurusan SESB. Kutipan keseluruhan yang diperoleh oleh SESB daripada segi tarif yang dikutip hanya mampu untuk mengutip 80% sahaja daripada kos keseluruhan operasi. Itu pun dengan Kerajaan Pusat membayar *capital development (CAPEX) which is annually*. Kalau tahun depan sahaja pun 200 berapa, 262 juta.

#### ■1500

Belum masuk lagi projek-projek khas di bawah SAIDI. Pada masa yang sama juga diesel subsidi pada tahun yang lalu RM560 juta subsidi Kerajaan Persekutuan. Tanpa itu memang pendapatan mereka tambah lagi merosot tapi sukar kita untuk mengatakan bahawa ini salah SESB ataupun ini kelemahan pengurusan. Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran dan yang lain, sebenarnya dia adalah anak syarikat TNB. TNB menentukan KPI-KPI tertentu bagi pengurusan SESB untuk mencapai dari segi *income* dan banyak lagi segi. Kita di kementerian melalui

Suruhanjaya Tenaga juga menentukan beberapa KPI bagi mereka menerima. Untuk makluman misalnya saya rasa baru sahaja selepas hampir enam tahun *salary scale* untuk SESB ini disemak balik dan gaji mereka dibanding dengan *statutory body* di Sabah memang begitu rendah.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akan tetapi baru sahaja baru sahaja dalam dua tiga bulan ini lulus supaya dia *fit*, dia disamakan dengan TNB. Jadi ini antaranya...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Dan sememangnya saya perakui masih ada ruang untuk memperbaiki tetapi untuk mempersalahkan mereka kerana di situ pun 90% juga adalah rakyat tempatan. *Engineers* pun majoritinya adalah anak tempatan dan mereka bekerja keras tapi dengan sekatan yang tertentu dan tarif Yang Berhormat telah sentuh. Yang Berhormat Tuaran tutupkan perbahasan mengatakan harap tarif itu tidak dinaikkan tapi itulah antaranya tarif hampir 22 tahun tidak naik kecuali pada tahun 2011.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran bangun.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jadi kerana tarif itu rendah dan yang terendah di Malaysia *which is about almost 14%* rendah daripada Semenanjung dan itu juga menjadi satu halangan untuk meningkatkan pendapatan. Kita dalam proses semakan berbincang dengan kerajaan negeri mengenai perkara ini.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, saya tidak mempersalahkan individu, pengurusan SESB sebenarnya. Saya ingin bertanya adakah pihak TNB berpuas hati dengan Yang Berhormat Menteri mengatakan dia bagi KPI pada SESB. Adakah TNB berpuas hati sebagai sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham dengan kedudukan sebuah anak syarikat dalam keadaan yang begitu, yang bergantung kepada geran dan subsidi daripada Kerajaan Persekutuan. Itu satu.

Kedua, kalau pihak TNB tidak berpuas hati dan keadaan memang begitu, adakah pihak TNB tidak akan bercadang sesuatu untuk merubah keadaan yang ada sekarang? Sebagai contoh adakah dia boleh berterusan dengan keadaan begitu, selepas itu kita mempunyai cabaran untuk kenaikan tarif, lepas itu dari segi *power purchase agreement* dengan IPP yang sedia ada yang memang pun tidak boleh dikaji semula dan sebagainya. Mohon penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sememangnya pihak TNB dalam keadaan yang bukan senang kerana *cumulative advances* yang telah diberi oleh TNB kepada SESB sekarang hampir meningkat RM1.8 bilion untuk menutup ruang dari segi pendapatan dan dari segi *opex* tersebut. So, sememangnya *I don't have to inform you here but* mereka terbuka. Kalau ada *bidder* untuk hendak *take over* pun dia terbuka sebenarnya dalam keadaan tersebut tapi dalam keadaan begitu dia sebagai utiliti negeri yang perlu dilindungi, maka saat ini dia masih lagi di bawah jagaan TNB walaupun TNB pernah membuat cadangan sebenarnya untuk *divestment*.

Terus-terang kepada Dewan yang mulia ini tetapi selagi dalam pandangan kita dia belum ke tahap yang mempunyai nilai yang tinggi dia masih lagi dalam bentuk insolvency saat ini hanya sekadar boleh *recover* kira-kira 80% dikatakan kos di situ. Maka dia perlu bantuan, perlu sokongan demi rakyat Malaysia di Sabah daripada pihak Kerajaan Pusat. Jadi kalau ada apa-apa *proposal* hendak serahkan kepada kementerian kita terbuka dalam perkara ini.

Secara keseluruhan saya katakan pihak SESB juga sebenarnya dalam keadaan di mana mereka telah pun membuat perubahan di mana yang perlu menerusi strategik pelan ini. Juga McKenzie baru sahaja diamanahkan oleh pihak TNB dan Suruhanjaya Tenaga untuk membuat kajian dalaman bagaimana lagi hendak buat peningkatan dari segi pengurusan dan juga dari segi memperluaskan pendapatan mereka.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili:** Yang Berhormat Putatan saya muh sampai sudah **MTAHPI** itu.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya menunggu jawapan Yang Berhormat Menteri soal walaupun dijawab tadi secara keseluruhan bahawa kita tidak boleh ambil menyelesaikan masalah dengan *overnight*. Memang saya setuju. Perkara penjanaan elektrik Sabah itu bukanlah perkara yang kecil. Memang saya sedar bahawa tugas Yang Berhormat Menteri ini memang berat untuk mengatasi masalah kekurangan penjanaan kuasa elektrik di Sabah tetapi apa yang saya lihat walaupun kata Yang Berhormat Menteri we *cannot do it overnight* melihat dengan pergerakan Yang Berhormat Menteri di seluruh Sabah bahawa ada program-program yang tertentu yang menyelesaikan masalah kekurangan penjanaan elektrik di Sabah.

Jadi soalan saya itu adakah kementerian sudah mengenal pasti jenis-jenis program dan dimana letaknya dan apa? Adakah ia melalui loji minyak? Adakah ia melalui solar? Adakah ia melalui *biomass* dan adakah tempat-tempat itu sudah dikenal pasti dan adakah projek-projek ini sudah mulai dibina atau dilaksanakan? Itu soalan saya tapi saya sebenarnya menunggu jawapan itu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili:** Terima kasih. *Last round* untuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Diulang semula soalan yang dibahaskan sebenarnya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnnity Ongkili:** Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Tuaran, mereka yang telah membahaskan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan tenaga di negeri Sabah pada saat ini misalnya *diversification* kita untuk dari segi *energy mix* pun sedang kita bertindak dengan pantas. Saat ini 67% adalah daripada gas, diesel 14%, *fluid oil* 9%, *biomass* 4%, hidro 7% dan untuk masa akan datang ini saya katakan tadi 385 *meg on stream* by tahun depan dan usaha yang lain ini adalah antaranya Ulu Padas 180 megawatt *per stream*, 218.

Kalau kita boleh *kick off* projek pada tahun depan. Cadangan 300 megawatt di Lahad Datu dengan menggunakan gas LNG dalam tempoh satu bulan ini harus diputuskan perkara ini sebab dari segi kos sememangnya begitu tinggi. Memang Yang Berhormat Tuaran telah menyentuh perkara arang batu ini. Kalau tengok betul ini yang paling rendah. Kalau 300 *meg coal fired is only about 1.2 b*. Kalau LNG *is about 2.6b*, kalau *bring in the gas is about 3.2b*. So kita sedang meneliti *options* ini khususnya dari segi arang. Walaupun...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Di negeri Sabah NGO-NGO itu seperti kawan baik Yang Berhormat Gombak, Wang Tat yang mengelilingi dunia akhirnya jadi *politician*. So, you know you just politicizing all kind of issue and not genuine environmentalist. I'm sorry to pick on him. I know him. Termasuk untuk *tab* tenaga *generation* dari arang daripada Indonesia. Kita sedang di bawah **Asian RIP Agreements** kolaborasi.

#### ■1510

*So, ini lah antara - meanwhile, renewable we will continue to push.*

*Geothermal- they just got their FiT, 30 megawatt.*

Dari segi *biomass*, mesti ada kuota yang belum terpakai habis untuk *biomass*. Pada saat ini, *biomass* saya katakan tadi, baru empat *megawatt* pada tahun ini, tapi sebenarnya lebih daripada itulah kalau mahu lihat betul. *I think this data is a bit outdated*. Dari segi *biomass*, TSH plus di sana pun dapat 22 *megawatt* ya, potensi masih banyak tapi *it is easy to talk about generating power from biomass*. When it comes to acting on it bukan senang, *millls are disperse everywhere*. *KPI for mills manager is to get as much oil, not to get money from the waste*. So, it is not so easy tetapi kita welcome, siapa-siapa *investors* dan juga *entrepreneurs* yang ingin melabur dalam sektor tersebut.

Mengenai dengan jual air ini...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat boleh saya sebut sikit, satu saja dalam hal ini. Okey, yang soal sama ada gas dengan arang batu tadi itu. Memang popular bagi rakyat untuk mengatakan bahawa arang batu, *coal* ini jangan- dan baru-baru ini saya punya kawan dari Sandakan, dari Kota Kinabalu juga beritahu, kita *pressure* kerajaan, janganlah buat arang batu atau sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama, apabila kita menggunakan gas, kita tidak diberitahu, berapakah subsidi yang kerajaan harus bayar untuk tarif nanti, sebab gas ini jauh lebih mahal daripada berbanding arang batu. Jadi barangkali Yang Berhormat Menteri perlu sebut ini kerana rakyat sendiri pun boleh faham, dari segi pilihan kita, dari segi *energy mix* tadi itu. Kalau kita, arang batu bagaimana, berapa kos dan dari segi subsidi kerajaan yang perlu diberi, dan kalau gas bagaimana? Mohon penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Memang betul juga itu, barangkali dari segi memberi penerangan kepada pihak umum, kita perlu ambil kira elemen subsidi. Dari segi *coal* ini, arang batu, ia *at world price*, ia sekadar *at world price*. It almost reflectively of the cost that TNB level. It almost actually- it's *world price*, plus some margin for them, you know, tapi dari segi

gas sememangnya ini dan juga diesel, dan seterusnya, ia *the subsidy element you know, very much, I don't*- tidak payah, saya perlu analisis sedikit untuk negeri Sabah tapi sememangnya pada masa ini, kebanyakan mereka adalah *is 40*, dan kalau *market price is 44, 36 I think* for MMBTU. So, memang begitu besar sekali. Bagi rakyat menghayati *option* mereka perlu diberitahu *the real cost of energy*.

Okey saya rasa cukup lah itu untuk negeri Sabah kecuali ini Yang Berhormat Tuaran menyentuh perkara Majlis Teknologi Hijau. Ada RM1 juta peruntukkan untuk negeri dan juga ada beberapa Ahli Yang Berhormat juga menyentuh ini. Ini adalah untuk Jawatankuasa Majlis MTHPI di peringkat negeri. Saat ini hanya satu majlis di peringkat Pusat. Kita bercadang dan telah pun diputuskan dalam mesyuarat MTHPI baru-baru ini untuk menubuhkan jawatankuasa tersebut ke peringkat negeri. Jadi ia akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sekali gus melibatkan pergerakan dan program untuk promosi penggunaan teknologi hijau. Seterusnya sekali gus akan bekerja sama dengan pihak agensi-agensi yang berkenaan, khususnya agensi-agensi Kementerian Pelajaran.

Pihak KeTTHA seperti mana yang dimaklumkan dalam Ucapan Belanjawan, telah pun setuju dengan menubuhkan satu yayasan yang kita sebut "Yayasan Hijau Malaysia" atau pun YAHIJAU. Ini bertujuan untuk bekerjasama dengan pihak MGTC iaitu *Malaysia Green Technology Corporation* untuk membuat pendedahan mengenai dengan penggunaan dan gaya hidup hijau di peringkat belia, di peringkat sekolah, di peringkat wanita, di peringkat akar umbi. Ini kerana *we believe* untuk mengukuhkan semangat *energy efficiency- kasi off light*, jangan buang sampah, jangan boros air, *we have to start with the young people*. Ini tujuannya, dan dia akan bekerjasama sekali gus dengan MTHPI di peringkat kawasan.

Ahli Yang Berhormat seterusnya daripada Sarawak telah menyentuh juga mengenai dengan perkara-perkara berkaitan dengan air dan juga berkaitan dengan *dam* di Sarawak. Seterusnya saya hanya mengatakan di sini bahawa air di negeri Sabah dan Sarawak adalah sebenarnya di bawah jagaan negeri masing-masing. Akta WASIA tidak berkuasa di negeri Sabah dan Sarawak, kerana kedua-dua negeri telah pun dikecualikan. Dari segi bidang kuasa akta WASIA kecuali mereka sendiri setuju dan memohon supaya Akta Pengurusan Perkhidmatan Air itu dipanjangkan kedua-dua negeri.

Maka dengan itu peranan Kerajaan Persekutuan dalam kedua-dua negeri adalah sekadar sebagai tempat pinjam duit, *almost like that*, yang minta pinjaman dan sering kali juga minta perkara seperti dana, *grant*. Maka kita tidak ada kuasa keseluruhan untuk memantau atau pun menyelaras berkaitan dengan air.

Mengenai dengan *dam* ini atau pun empangan yang disentuh perkara-perkara seperti ini juga, bagi kuasa-kuasa berkaitan dengan empangan di negeri Sarawak, ia sekali gus di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini kerana empangan ini ada tiga jenis sekurang-kurangnya iaitu empangan tenaga, empangan untuk air, empangan untuk *irrigation*. Seperti di Semenanjung juga, kecuali empangan untuk perihal air sebahagianya empangan yang berkaitan dengan bekalan

tenaga, ia di bawah kawalan KeTTHA, kementerian ini. Akan tetapi bagi di negeri Sabah dan Sarawak, ia sekali gus adalah di bawah kuasa negeri masing-masing.

Mengenai dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, kawan lama kita, tapi dia sudah pergi lari sebelah sana. *No way, he said*, dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah pun menyentuh berkaitan dengan perkara empangan di Cameron Highlands, saya telah pun jawab ini dengan panjang lebar, dua kali di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya mahu menyentuh bahawa dalam apa yang terjadi pada 23 Oktober itu, tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh pihak TNB, sebenarnya telah memenuhi SOP yang telah ditetapkan dalam perkara ini.

Hanya pada waktu itu hujan yang begitu kuat sekali, dalam dua hari itu, kira-kira 70 milimeter dalam satu hari, dan coverage di sana hanya sekadar untuk satu bulan adalah kira-kira 280 milimeter, berbanding 300. *So, you talking about almost berapa, it's very basics, it is almost 30%* dalam satu hari air turun pada pertengahan malam 22 hari bulan itu, dan awal 23 Oktober. Dengan itu air begitu cepat meningkat. Seperti mana yang saya katakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jangan dulu. Biar saya kasi jelas dulu.

...Air meningkat, dan mengikut SOP, apabila ia sampai kepada 3,504, dia mesti *activate* semua, termasuk makluman kepada pihak polis, kepada pihak bomba dan seterusnya. Sebenarnya ketinggiannya 207 itu, dia sudah pasang siren. Yang Berhormat mengatakan, orang tidur pun macam mahu dengar siren? Sebenarnya itu empangan, kalau Yang Berhormat pernah ke sana, ia tidak juga jauh daripada kawasan pekan kecil di situ, okey tetapi masalahnya sebenarnya, satu air dengan cepat naik; kedua, lumpur yang turun. Masalah di situ tidak ada satu pihak yang boleh dipersalahkan. Satu-hujan kuat dan cepat air naik. Kedua, lumpur daripada *upper stream*, kerana orang buka tanah, tanpa ikut peraturan, maka lumpur turun saja. Itu satu. Di bawah sana pula, di bawah empangan sana, orang buat rumah di atas sungai- bukan sungai lah, macam parit saja. Akan tetapi kalau hujan kuat, memang ia akan banjir juga.

#### ■1520

Sekolah pun ada di sana, *sorry to say* lah, satu pasar umum pun ada di sana. Banyak bengkel dan bila dikeluarkan sebenarnya mereka lepaskan satu inci sahaja daripada di situ, pada *first run* itu pun lumpur turun bukan lagi air turun tetapi lumpur turun. Air bertakung lagi di situ menjadikan mangsa yang terjadi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Wangsa Maju supaya pegawai-pegawai *engineer* kita di caj dengan membunuh dan seterusnya saya rasa itu luar biasa dari segi perundungan yang ada di Malaysia. Mereka telah mematuhi SOP yang ada dan langkah-langkah diambil, namun tidak mencukupi untuk menyelamatkan keadaan waktu itu. Selepas saya lawat di situ, saya telah minta TNB *revise* itu SOP dan sekarang ini dalam stage bersama dengan Majlis Keselamatan Negara,

kita telah kurangkan 3,000 bukan lagi 3,004 kaki. 3,500 ia masih lagi *activate warning system* sebelum pun 3,504 *according to the previous SOP*.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** *[Berdiri]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** So we tell them berdasarkan apa yang perlu dilaksanakan, dan di situ semua pihak perlu dipersalahkan kerana dari segi yang membuka tanah, dari segi enforcement, dari segi enforcement downstream, di bawah kerana mereka semua – saya melihat sekolah pun duduk di situ. Jadi siapa yang dipersalahkan?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya rasa perlu kita bekerjasama untuk menyelesaikan perkara.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, kawan baik. Akan tetapi ini perkara tidak boleh memperkecilkan sebab apa, ini empangan atau *dam* di Cameron Highlands sudah dibina lebih kurang 30 tahun. Walaupun hujan lebat, apa sebab tidak ambil langkah yang lebih proaktif dan juga saya ingat kalau panggil TNB buat siasatan sendiri memang tidak boleh. Mesti panggil audit dari luar TNB. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, pihak kita sedar juga dalam perkara ini dan itulah untuk makluman sebagaimana saya bentangkan pernah di Dewan yang mulia ini, minggu lalu bahawa pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengarahkan supaya satu badan kawal selia harus ditubuhkan untuk tujuan mengawasi semua empangan di negara kita ini. Ini termasuk dari segi teknikal perspektif seperti dari segi engineering kerana saya katakan tadi kira-kira 30 lebih jumlah empangan. Sebahagian adalah empangan tenaga, empangan air, empangan irrigation. Untuk makluman, kebanyakan mereka ini sudah tua-tua dan perlu diawasi dari engineering dan seterusnya. Jadi perlu satu badan kawal selia. Pihak Kabinet akan mempertimbangkan perkara ini dalam masa yang terdekat kerana PEMANDU telah mengadakan satu *lab* dan cadangan-cadangan telah pun dibentuk untuk tujuan pengawalan dan juga badan pengawal selia berkaitan dengan empangan-empangan di negara kita hari ini daripada terletak di dalam tangan jabatan-jabatan tertentu yang tidak diselaraskan. Terima kasih.

Saya ingin terus maju. Ada beberapa lagi perkara sebelum saya bergerak kemuncak iaitu perihal air di negeri Selangor. Satu lagi perkara yang telah pun...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri. Dari sebelah sini depan kawan, Yang Berhormat Bakri hendak tanya satu soalan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Bakri tidak ada ucap.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tadi tidak sempat, berkenaan TNB. Pendek sahaja, saya hendak minta penjelasan...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Apa yang pendek? You pendekkah, I pendek, you bercakap..

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tidak apa, soalan yang pendek. Yang Berhormat Menteri pun boleh jawab pendek sahaja. Di sini saya ingin meminta penjelasan berhubung, adakah bidang kuasa pemasangan dan penjagaan tiang lampu dibahagikan kepada tiga agensi-agensi iaitu TNB (tunggu, nanti, baiki), PBT (perlu, baiki, tunggu) dan Kementerian Luar Bandar? Adakah TNB mempunyai kuasa muktamad untuk memasang dan membaiki? Pendek sahaja. Minta penjelasan, jawapan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Entah siapa punya, *nomenclature* Yang Berhormat Bakri punya kah, you belajar daripada yang jahat-jahat sini. *[Ketawa]* Tidak jahat lah, yang *mereng* sikit.

Saya pernah menjawab soalan ini bahawa di kawasan perbandaran atau pun di kawasan di mana kuasa itu adalah di bawah kawasan TNB maka sememangnya TNB, tanpa tunggu pun, adalah badan pengawal selia serta juga badan yang menjaga infrastruktur tersebut. Mereka ini dikawal selia oleh satu *Regulator Energy Commissions*. Luar bandar ini seperti mana yang saya katakan kalau di negeri-negeri yang lain ini adalah kawasan-kawasan yang baru, kawasan-kawasan yang belum lagi mendapat penjanaan dan itulah untuk pembinaan infrastruktur tersebut, ia dilaksanakan oleh pihak KKLW.

Selepas siap itu baru ia diserahkan kepada pihak TNB atau pun SESB atau SAB kalau di Sarawak. Mereka tidak terlibat untuk membuat apa-apa pembinaan infrastruktur di dalam kawasan yang telah pun menerima penjanaan dan perkhidmatan daripada TNB, SESB atau pun SAB. Kalau ada, *normally* pernah dikatakan dahulu bahawa *local government* pun ada kuasa pasang, harus ini tidak wujud. Tidak wujud kerana ia memang kawasan perbandaran adalah di bawah kuasa, bidang perkhidmatan TNB. So kalau ada yang *normally* sila beritahu sama kita barangkali kuota yang sudah tua. Betul-betul lah belum lagi dikawal selia. Okey.

Yang Berhormat Gerik itu adalah perkara yang dibangkit begitu spesifik sekali. Namun maklumat yang saya beri maklum adalah berkaitan dengan SAIDI di kawasan Gerik adalah sebanyak 8.6 minit pengguna satu tahun. Bagi kawasan yang sedang membangun tahap ini adalah setara sebenarnya. Saya katakan tadi kira-kira 60 di seluruh negara sama setaraf dengan UK dan Australia. Demi memperkuuhkan lagi sistem pembekalan elektrik di kawasan Gerik terutama di Pengkalan Hulu. Pihak TNB telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-

- (i) merentang kabel voltan tinggi 11kv dari pencawang pembahagian utama Banding ke pencawang elektrik ke Belum Rainforest dengan kos RM150,000 yang telah disiapkan pada pertengahan November 2013 yang lepas;
- (ii) memelihara pencawang masuk utama Baling dengan kos RM5.3 juta dan dijangka siap pada bulan Februari 2013;
- (iii) meningkatkan keupayaan pencawang pembahagian utama Gerik dengan kos RM5.72 juta dan dijangka siap pada bulan Julai 2014; dan

- (iv) merenteng talian voltan 33kv yang kedua dari pencawang masuk utama Baling ke pencawang pengagihan utama Pengkalan Hulu dengan kos RM1.90 juta dan dijangka siap pada bulan Ogos 2014.

Saya harap Yang pihak Berhormat Gerik mengambil perhatian dan apa-apa perlu susulan, sila maklumkan kepada pihak kita.

Yang Berhormat Paya Besar, minta membantu dalam mengatasi masalah bekalan air di negeri Pahang. Saya maklumkan di sini bahawa sememangnya perkara seperti juga di Selangor nanti, saya akan sentuhkan bahawa perkara-perkara mengenai dengan NRW ini adalah perkara-perkara yang di mana negeri-negeri telah *migrate* kepada Akta WASIA, maka mereka sebenarnya yang mengendalikan ini. Sememangnya pada tahun yang lalu, belum masuk tahun ini beberapa negeri termasuk negeri Pahang adalah antara negeri yang memang begitu tinggilah daripada negeri saya sendiri seperti negeri Sabah yang melebihi juga... Mana Pahang, ia 53%, 52.9%.

▪ 1530

Ini adalah satu sasaran bagi negeri-negeri yang sudah *migrate* kepada WASIA akta kita, dan pengurusan sekali gus di bawah pengurusan kerajaan negeri, dan kami sekadar menjadi *regulator* di dalam perkara ini khususnya di dalam bidang tarif. Akan tetapi sememangnya, saya difahamkan ada satu kajian sedang dijalankan khas untuk negeri Pahang untuk mengatasi masalah berkaitan dengan NRW di peringkat negeri Pahang.

Yang Berhormat Tanjung Karang dan sememangnya Yang Berhormat Gombak memberi perhatian khusus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan negeri Selangor yang saya akan ulas sekejap lagi.

Yang Berhormat Bukit Katil mengenai dengan meter. Sorry, ramai Yang Berhormat tadi yang berucap. Jadi ada tersisip sedikit di sini dan sana. Dan Yang Berhormat Kulai seorang lagi.

Mengenai dengan *metering* ini, saya hanya mengatakan di sini bahawa meter yang sedang dilaksanakan secara sebahagiannya adalah peringkat pertama, dan banyak aduan yang telah pun diterima berkaitan dengan soal *accuracy*, dan saya telah mengambil perhatian mengenai perkara ini dan telah meminta Suruhanjaya Tenaga untuk menganalisis semua aduan yang telah dikemukakan oleh *customers* termasuk daripada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, dan bersama dengan SIRIM, dan saya telah meminta mereka supaya melantik juga satu lagi pakar rujuk daripada universiti-universiti untuk meneliti dan laporan keseluruhan- adalah meter yang dipasang itu adalah meter yang sah dari segi kecekapananya dan telah memenuhi piawaian-piawaian antarabangsa, dan piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh pihak SIRIM.

Namun, masih terlampau banyak aduan. Jadi kita akan terus membuat siasatan-siasatan tertentu. *My own interpretation*, dengan izin, *they use to make a meter* yang tidak tepat. Bila meter yang *accurate* ini, maka tercerminlah bahawa tenaga sebenar. Saya sedia maklum. Termasuk di Sabah ada juga ini- sepuluh tahun dahulu, saya masih duduk di sebelah sana, kerana satu kontraktor, bukan SESB ya, tetapi satu kontraktor cakap, "Datuk..." Masa itu saya belum "Datuk" lagi waktu itu- "Yang Berhormat, mahu meter yang cepat kah atau yang *slow*?" Ini kerana

kontraktor- ini bukan pegawai-pegawai SESB ataupun pegawai *technician*, tetapi kontraktor tertentu. Nampaknya ia memang boleh dilakukan.

Akan tetapi dengan teknologi yang baru, meter yang baru ini, *opportunity*, peluang untuk *interfere with the meter is almost zero*. Itu juga barangkali dengan itu, kerana meter lebih *accurate*, maka gambaran dari segi kos ataupun sebenar itu meningkat dan itulah aduan-aduan. Jika masih ada aduan yang spesifik daripada pihak umum, saya sedia untuk mengambil perkara ini ke tahap yang lebih tinggi dari segi penyelesaian.

Kita tidak mahu meter yang *malfunction*, yang tidak betul tetapi di mana yang telah dibuktikan secara saintifik ia adalah betul, maka kita perlu juga *adjust* kepada penerimaan teknologi seperti ini. Ada juga cadangan-cadangan yang kita boleh monitor meter ini dari segi melalui kamera dan seterusnya. Pihak kita di KeTTHA sedang meneliti teknologi yang ada ini, yang digunakan di negeri-negeri seperti Korea. *They install the meter together with the camera*. Tidak perlu lagi masuk rumah, pergi ganggu. Dia boleh teropong dari luar, dan dia boleh *capture and reading and this will be even more accurate* dengan sistem yang sedia ada. So bagi Yang Berhormat Gerik, itulah ulasan saya di dalam perkara ini.

Bagi yang begitu spesifik seperti mana yang telah pun di sentuh oleh Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil ini orang yang pintar. Mengenai dengan sama juga tarif tenaga. Untuk makluman, sememangnya *cost for fuel* telah pun meningkat dan usaha kerajaan untuk mengurangkan subsidi adalah satu usaha yang berterusan. Mengenai dengan tenaga, belum ada keputusan yang muktamad walaupun TNB telah pun menyarankan supaya mereka dipertimbangkan ketetapan dalam perkara ini. Belum lagi sampai ke tahap di mana ada keputusan yang muktamad. Akan tetapi usaha untuk mengurangkan subsidi, juga *to reflect cost of capital* dan juga kos dari segi tenaga kerja di peringkat utiliti. Ini perlu juga diambil kira dalam soal mengkaji tarif tenaga yang sedia ada.

Akan tetapi apa yang penting ialah pihak kerajaan akan memastikan bahawa kumpulan-kumpulan berpendapatan rendah akan terus dilindungi supaya bantuan-bantuan yang sedia ada akan berterusan, dan kita tidak mahu apa-apa kenaikan jika ada mengakibatkan penurunan *level standard of living* bagi mereka yang berpendapatan rendah. Pada saat ini, *concession* diberi kepada mereka. Penggunaan sampai ke 200, dan begitu juga sampai ke 200 hingga 300, dan kumpulan ini perlu dilindungi dari segi apa-apa kenaikan jika ada, seperti mana yang dipohon oleh pihak utiliti. Itu sahaja yang saya boleh jawab dari perkara itu kerana ini...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengurus, Yang Berhormat Menteri, sedikit mengenai tarif ini.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat biasanya tidak cakap tarif *[Ketawa]*

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Walaupun kelulusan belum ada tetapi pihak TNB telah pun memecahkan ataupun mengadakan lima band. Jadi maknanya, secara tidak langsung tarif juga naik. Memanglah 200 pertama itu okey, 22 sen per *kilowatt one hour* tetapi selepas

daripada itu, sampai ke lima, katalah lebih 350 *kilowatt*, darab dengan 45 sen, itu yang menyebabkan terlalu tinggi. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Seperti saya katakan tadi, sebagai utiliti, mereka memanglah boleh membuat cadangan tetapi saya katakan tadi perbincangan masih berterusan dan belum ada lagi kata muktamad yang telah dicapai sehingga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air buat apa-apa pengumumanlah, okey? Akan tetapi *the request* dari kedua-dua SESB dan dari segi TNB, sememangnya seperti mereka telah pun maklum, mereka telah memohon. Jadi ini dalam penelitian tersebut. Apabila selesai penelitian nanti, barulah itu menjadi muktamad. Belum ada ketetapan muktamad sehingga sesuatu ketetapan dibuatlah.

Yang terakhir saya mahu sentuh Tuan Pengurus ialah berkaitan dengan...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengurus, satu, *last*. Saya ingin sangat penjelasan dari segi bangunan LEO itu, berapa banyak penjimatan yang kita boleh dapat, ada maklumat atau tidak?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya tetapi tidak terperinci sedikit dengan data-data tertentu. Saya bekal secara bertulis kepada Yang Berhormatlah. Ini kerana memang ada peningkatan ini di bawah MGTC dan seterusnya, tetapi saya memerlukan penelitian lebih lagi daripada itu. *So far, respond* masih sederhana dari segi perkara ini dan mereka inginkan insentif yang lebih luas untuk membolehkan matlamat-matlamat tersebut tercapai.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengurus.

Saya ada bangkitkan khusus mengenai *non-revenue water* (air tanpa hasil) di mana saya fikir ini adalah merupakan isu yang agak *significant* dan penting untuk kita tangani. Saya belum dengar lagi jawapan Yang Berhormat Menteri khusus berkaitan dengan perkara ini.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Bukit Katil, sedikit sebanyak saya sentuh tadi dari segi kedudukan di negeri-negeri lain dan sememangnya ini satu perkara yang bagi pihak kami di KeTTHA ingin memberi penelitian. Antara negeri yang tinggi ialah Kedah. Memang Kelantan 52%, kalau *quarter* yang terakhir, Negeri Sembilan pun melebihi paras 36%, Pahang melebihi paras 50%, Sabah dan Perlis pun melebihi paras 50%, Selangor 3.46%.

#### ■1540

Saya katakan bagi negeri-negeri yang sudah *migrate* kepada *wasiah*, tanggungjawab untuk infrastruktur di peringkat tersebut adalah di bawah negeri masing-masing walaupun mereka biasanya memohon peruntukan untuk CAPEX secara pinjaman daripada kerajaan-kerajaan negeri. Bagi negeri-negeri yang belum lagi *migrate* ini pihak SPAN yang mengawal dan melalui peruntukan permohonan daripada negeri-negeri, kita cuma membantu.

Sememangnya ini satu sumber dari segi *efficiency water use* yang boleh di *tap emerging* di tempat. Kalau di negeri Sabah yang dikatakan pada saat ini adalah dalam kadar 52%. Jumlah air yang dirawat apabila disalurkan dari segi pengagihan setengah daripadanya tidak sampai ke rumah-rumah. Dengan itu tidak ada hasil, maka satu sumber untuk menambahkan lagi *supply*

sememangnya dengan penggantian paip-paip tertentu. Akan tetapi ini pun kita tidak boleh *harvest* atau tangkap. Kita boleh peroleh dalam masa yang singkat dan memerlukan peruntukan yang begitu banyak. Kedua proses untuk penukaran dan seterusnya.

Di beberapa negeri paip-paip ini tidak ada *mapping*, tidak ada *central data base*. Kadang-kadang ia di bawah parit air, ia di tengah-tengah jalan raya dan seterusnya. *So this is a major work that we are trying to do* di peringkat KeTTHA for menggunakan teknologi yang sudah digunakan di Korea dan di negara-negara lain untuk *pipe mapping* bagi mengetahui sebenarnya lokasi-lokasi tertentu ini supaya usaha-usaha untuk membaiki penukaran paip ini dapat dijalankan. Saya rasa mulai tahun hadapan kita berharap bahawa tumpuan untuk mengurangkan NRW *because it's a waste*, kita dapat mulakan berdasarkan kepada kemampuan kerajaan juga permohonan-permohonan dari segi negeri-negeri yang telah pun memohon.

Untuk makluman pada saat ini *I think* mengikut data yang ada pada saya hanya tiga negeri sahaja yang di bawah paras 25% iaitu Johor, Labuan dan Pulau Pinang. Yang lain ini semua di atas paras 34%. *So we can indeed harvest* seperti Yang Berhormat Bukit Katil katakan. *We could harvest a lot more* air dengan sekadar memastikan *non revenue water* yang hilang begitu sahaja dapat dikurangkan tetapi *estimate* dari segi kewangan ini sememangnya begitu banyak sekali. Dari segi *asbestos pipe* pun masih lagi itu satu tumpuan utama untuk mengurangkan NRW...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: [Bangun]**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, sekadar- saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan tadi cuma saya fikir bukan sekadar KeTTHA sahaja yang harus memainkan peranan. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk meneliti laporan terbaru yang dikeluarkan oleh *Asian Development Bank* yang mengungkapkan tentang isu *challenges of reducing non-revenue water*. Ini sebab saya fikir NRW ini merupakan satu pembaziran yang berleluasa dan terdapat pelbagai cadangan yang boleh dilaksanakan yang tanpa memerlukan belanja yang besar selain daripada masalah infrastruktur agar NRW ini dapat diatasi untuk memastikan agar tidak ada pembaziran berlaku. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau juga bangun.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Pengurus, tadi saya ada tanya tentang isu-isu usik meter TNB dan juga berkenaan dengan panel solar. Jadi kalau sekiranya tiada jawapan serta-merta saya minta sekurang-kurangnya bagi jawapan bertulis.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Maklumat terperinci. Pada keseluruhannya saya katakan tadi dari segi tenaga boleh dibaharui yang dikendalikan oleh SEDA, tujuan kita adalah menjelang tahun 2015 sebenarnya tenaga diperbaharui harus mencapai 6% dan 11% dari segi semua *energy mix* pada tahun 2020. Saat ini pihak SEDA telah pun meluluskan yang boleh mendapat sokongan dari segi FIT kira-kira 550 megawatt dan yang dalam operasinya sekadar dari segi 120 megawatt.

Untuk makluman solar adalah yang *over-subscribed*, terlampaui banyak yang memohon untuk tujuan FIT. Namun begitu ada dua jenis. Satu adalah dalam bentuk *farm*. Jenis kedua atas bangunan, *factory* atau pun industri dan satu untuk rumah sendiri. Untuk rumah sendiri kuota masih ada lagi kerana ini adalah kecil-kecilan dan pihak SEDA telah memperoleh tiga bank yang sedia membayai jika sesuatu pelanggan ingin memasang solar di atas rumah masing-masing. Kita buat *double metering*. Siang dia jual kuasa kepada TNB atau SESB dan malam baru dia pakai dan kontrak apa yang dia jual dan beli. Ini begitu popular dan sememangnya kita bercadang untuk meneruskan ini.

Bagi bangunan-bangunan industri, *the exact amount I cannot give you because I've just lost my slip* di sini tetapi *I can* bekalkan secara bertulis. Yang dikatakan untuk terus *solar farm* ini kita pun dalam keadaan berjaga-jaga juga sebab kalau kita katakan *solar energy* adalah hijau, green tetapi kita potong kayu juga untuk memasang *solar farm*, maka *may be almost a zero impact*. Teguran seperti tadi itu kita akan ambil perhatian.

Mengenai dengan teknologi dan seterusnya ini masih lagi dengan keadaan open market tetapi kalau pembiayaan bank itu saya rasa mereka menentukan apa model yang mereka sedia untuk membayai dan pihak SEDA akan membuat ujian kepada beberapa pembekal-pembekal dan ada senarai yang boleh kita bekalkan mana pembekal yang telah pun diuji untuk tujuan menggunakan teknologi dari segi pembekal tersebut. *Technology is moving very fast* dalam bidang ini. *There is a glut for instance in China but if you go for the-* kita pilih jenama yang besar-besar itu *it shouldn't go wrong*. *Efficiency* sahaja yang berbeza dan ini ada kaitan juga dengan harga panel-panel tersebut. Jika Yang Berhormat atau sesiapa yang berminat pihak SEDA boleh memberi taklimat mengenai program yang ada dari segi penggunaan tenaga suria dan program-program yang ada dari segi program FIT...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Belum sampai Selangor lagi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** NRW.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sabar dahulu. Saya akan sentuh Selangor nanti. NRW.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** NRW Selangor.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sebab Selangor punya *not so simple*. You tidak payah- you tidak kasi benar tarif naik macam mana hendak bayar NRW? *[Disampuk]* Johor punya air itu Pulai bukan? Ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Tuaran. Dia bilang katanya kawasan eksport air kepada kawasan lain tetapi tidak kena bayar. Akan tetapi perkara itu adalah dalam negeri dan negeri-negeri Sabah itu adalah perkara dalaman kerana pengurusan air adalah peringkat negeri.

Begitu juga Yang Berhormat Jerlun ada menyentuh mengenai dengan air daripada Kedah yang dihisap oleh negeri Pulau Pinang. Dia mengatakan bahawa ini harus bukan percuma. Ini adalah

perkara antara negeri. Pandangan KeTTHA keseluruhan adalah kedua-dua negeri harus duduk berbincang dan pihak KeTTHA boleh menjadi *mediator*.

**■1550**

Akan tetapi pihak kami memang setuju bahawa kerana kita jaga sungai, kita jangan terungkai supaya *water catchment* itu terpelihara dan *you* ambil air dari sungai saya dengan percuma, *I think* ada asas untuk berbincang untuk menentukan *rate*. Perkara ini dalam masa Kedah di bawah Pakatan pun ia telah memohon, Menteri Besar telah memohon kepada Ketua Menteri Pulau Pinang untuk minta bayaran. Okey, so *I think* Kerajaan Negeri Kedah yang sekarang ini mempunyai asas untuk *follow up* kerana dari dahulu pun begini sudah terjadi.

Memang ada yang mengatakan Kerajaan Pulau Pinang menggunakan *they are using the concept of building values* tetapi *reasonable values* ini biasanya ertinya boleh mandi, boleh memancing, boleh menyeberang sebagai *transport* tetapi, *if you make money out of water by sucking the water, it is* termasuk dalam apa yang dipanggil *reasonable values* kalau punya *land ordinance repairing reserve, and all these things*.

Baik, so *I let you know*, kedua-dua negeri sebab semasa Kedah di bawah Pakatan pun mereka telah tulis surat kepada Ketua Menteri Pulau Pinang untuk minta bayar dan pihak KeTTHA, kami boleh menjadi orang tengah jugalah dalam perkara ini walaupun ini adalah perihal kerajaan...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta mencelah sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya melihat bahawa isu ini penting. Jadi terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kata boleh jadi orang tengah tetapi kalau boleh itu kira bagi dahulu sedikit kepada Kedah ini, kira Kerajaan Pusat pegang atau macam mana? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Di bawah akta yang sedia ada, *wasiah* itu air mentah itu di bawah negeri apabila ia *ditreatment*, dirawat baru ia *falls under*, di bawah akta *distribution* kecuali dengan diberi *concession* di bawah tersebut. Jadi kita beli secara sah. Saya telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan perkara ini bahawa kita sedia menjadi *mediasi* jika diperlukan.

Yang Berhormat Kulai mengenai dengan air ini ke Melaka itu antara dua negeri punya hal tetapi *keep in mind*, kualiti *water* di Johor ini adalah *not as good* daripada kualiti di negeri-negeri lain. Jadi kos rawatan adalah tinggi. Okey *most of the*, mengikut saintis yang telah memberi makluman kepada saya, kos rawatan di Johor airnya adalah lebih tinggi daripada negeri-negeri yang lain.

Okey so apabila ia jual kepada Melaka, memanglah *may be at the premium price* tetapi ia jual kepada pengguna, *at the lower proce because* ia *mixed* dengan air-air yang dirawat di negeri Melaka sendiri. So is normal *just* air Johor tetapi dicampuradukkan sudah dengan air yang ditapis sendiri di peringkat Melaka dan seterusnya. So adakah kos itu *reflective of our cost of treatment?* Kita berpendapat bahawa itulah keadaan yang sebenar.

Mengenai dengan soal Singapura itu, belum ada cadangan terbaru untuk *review* apa-apa kerana perjanjian masih lagi terlantak seperti mana yang sedia ada.

Okey akhirnya Tuan Pengerusi...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sudah habis.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Hendak tanya sedikit Menteri. Tadi sebut itu perjanjian antara Johor dan Kerajaan Singapura. Perjanjian itu untuk tempoh masa berapa panjang kerana setakat ini sudah 52 tahun tetapi kadar ataupun harga air mentah itu sampai sekarang masih belum dikaji semula. Jadi saya hendak tanya perjanjian itu sampai bila? Ini bukan saya, ini sebenarnya permintaan daripada Kerajaan Negeri Johor. Mereka minta supaya Kerajaan Pusat boleh mengkaji semula kadar air mentah yang kita jual kepada Kerajaan Singapura.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya faham juga itu tetapi perjanjian ini adalah perjanjian di peringkat nasional yang melibatkan diplomasi. Maka dalam perbincangan dari semasa ke semasa Perdana Menteri Singapura dan Perdana Menteri Malaysia kita sememangnya ini dibangkitkan dari semasa ke semasa tetapi *last* semasa dibangkitkan, *I think* tiga tahun dahulu, dan telah pun diperakui apa-apa *arrangement*, dengan izin, yang telah pun dipersetujui.

Saya rasa apa-apa perkara yang baru dalam perkara ini terpaksa dibawa di peringkat bilateral kerana ia bukan sekadar antara negeri. Jadi pihak kementerian perlu merujuk kepada kuasa yang tertinggi jika ada apa-apa sentuhan daripada rakyat Johor mengenai perkara ini.

Baiklah, terakhir saya ingin sentuh bagi mereka yang begitu spesifik soalan dan pertanyaan, saya nanti kita akan menjawab secara bertulis dan sekali gus untuk membincangkan dan memberi maklumat yang penting di mana taklimat itu perlu khususnya berkaitan dengan teknologi hijau, pihak kita sedia untuk membincangkan perkara-perkara tersebut.

Baiklah mengenai dengan Selangor, saya tahu Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat banyak juga Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Tanjung Karang menyentuh perkara-perkara ini. Saya ingin mengatakan di sini bahawa sebagai permulaan banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak adalah tidak tepat dari segi maklumat, dan saya ingin perbetulkan di mana saya katakan tadi, terutamanya perkara bekalan air dan kedudukan air Selangor ini, saya boleh iktiraf bahawa ia di dalam keadaan krisis.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya katakan di sini bahawa apa yang disentuh tadi dari segi maklumat segi *production*, dan mengatakan bahawa maklumat yang ada itu adalah dalam kadar melebihi 3.5% dari segi margin- ini tidak betul bagi keadaan yang terkini misalnya pada bulan Julai, belum masuk lagi kuota pada kali ini.

Okey pada tahun yang terkini November, pengeluaran daripada 34 loji sekadar 4395 *million max liter* dan pengeluaran daripada 24 loji kecil adalah 273 juta *million mlg* dan permintaan keseluruhan adalah ataupun yang boleh diagih adalah 4686 *million max liter*. So bagi 1 November, ini *week-by-week, mostly 1%* sahaja *margin* dan bagi 18 November 0.38 *margin* sahaja. *This figure was disputed*, dikatakan tidak betul. Ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberi oleh

*treatment plans* yang tiga itu. Okey ada empat di sana SYABAS, Puncak, *of cause we have ABBAS and SPLASH- ABBAS and SPLASH* adalah sebahagian milik Kerajaan Negeri Selangor.

So maklumat yang diberi ini sememangnya maklumat yang tepat, kerana ini maklumat yang asas untuk minta bayaran daripada SYABAS, dan berdasarkan kepada data itu, *I expect actually there may be a bit higher than real*, dan *really*, sebab dia mahu pembayaran yang besar, berasas kepada bayaran persetujuan. Dan SYABAS, SPLASH- Kerajaan Negeri Selangor memiliki 30%, ABBAS adalah 90% milik Kerajaan Negeri Selangor.

■1600

Maka, data yang mereka keluarkan ini sememangnya data yang betul kerana asas tuntutan dia untuk meminta bayar daripada pihak SYABAS. So, saya ingin mengatakan bahawa data yang ada sekarang ini yang *dicollect* melalui pihak SPAN melalui pihak SYABAS dan juga tiga syarikat perawat itu adalah tepat dan mencerminkan bahawa kedudukan air di negeri Selangor dalam kedudukan kritis. Maka, berdasarkan kepada itulah saya katakan tadi bahawa berdasarkan kepada maklumat yang diberi itu, 833 projek saat ini adalah tidak diluluskan untuk pembinaan oleh sebab tidak mencukupi air untuk mereka meneruskan pembinaan tersebut.

Pada masa yang sama, saya sedia maklum juga bahawa *non revenue water* adalah dalam kadar yang juga sama *figurenya* iaitu 34.6 % berkenaan dengan yang tinggi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tunggu dahulu Yang Berhormat Gombak. Jadi, berdasarkan kepada semua yang telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Gombak untuk memberi gambaran menyalahkan pihak Kerajaan Pusat atau pun pihak SYABAS dan pihak Puncak Niaga, ini adalah tidak tepat oleh kerana perlu ambil perhatian kepada keadaan sebenar.

Memang ada perjanjian di antara SYABAS dengan Kerajaan Pusat serta juga dengan kerajaan negeri. Perjanjian itu banyak. Antaranya dari segi kenaikan tarif. Kenaikan tarif harus dilaksanakan pada tahun 2009 tetapi Kerajaan Negeri Selangor tidak setuju dan ini dalam kes pengadilan di Mahkamah Tinggi. Seharusnya juga semakan dijalankan pada 2012 tetapi ini pun belum lagi diperakui oleh kerana masalah di antara kerajaan negeri bersama dengan SYABAS. Maka, dalam soal ini, soal NRW, *investment in* mengurangkan NRW memang tidak boleh dilaksanakan.

Pada masa yang sama SYABAS hanya boleh membayar 40% atau 50% sahaja air yang dibekalkan oleh tiga konsesi yang lain itu termasuklah SPLASH Puncak Niaga dan ABASS kerana dia tidak cukup duit kerana dia punya *request*, permintaan untuk tarif itu tidak diluluskan semenjak 2009. Jadi, ini perlu mengambil kira kalau hendak menyalahkan satu pihak tidak betul kerana dalam keadaan ini, inilah keadaan yang sebenar bahawa negeri Selangor juga dua kali lima bersalah. Itulah saya masuk dalam kementerian ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Perdana Menteri katakan, “*Max, you see if Selangor got a problem*”? Saya telah minta supaya perihal politik dan *we need to go from*

*moderation* untuk menyelesaikan perkara ini. Kalau tidak, tidak boleh jalan *crisis situation*. *Feeling that*, saya telah memberi... Sedikit lagi, tiga minit dan saya beri ruang. Berasaskan kepada itu, pihak kita Tuan Pengerusi, pihak kita telah... dan cuba buka gambaran baru untuk menyelesaikan. Saya telah bertemu dengan semua *concessionaires*, saya telah berbincang dengan Menteri Besar dua kali untuk mencari penyelesaian. Okey, dan dua kali, banyak lagi yang *informal*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, boleh saya mencelah sedikit?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tunggu, tunggu. Selepas pada itu, saya katakan Kerajaan Pusat, Kabinet telah setuju okey, boleh kita kasi kepada Selangor kalau dia betul-betul hendak *take over water subject to* tiga perkara:

- (i) mesti mematuhi Akta WASIA yang mengawal perkhidmatan dan pengurusan air;
- (ii) *willing buyer, willing seller.* Ertinya *willing buyer willing seller*, tidak boleh paksa mereka ini. Tidak boleh paksa menggunakan akta batalkan lesen dia orang kerana melakukan itu saya perlu cari pasal dengan mereka dan tidak benar dari segi *industry behavior*;
- (iii) Langat 2 mesti berjalan sebab penyaluran paip mentah sudah 82% keseluruhan siap. Langat 2 harus siap untuk buat rawatan April tahun depan tetapi mereka jadi gajah putih. Air mengalir tetapi Langat 2 belum jalan. *Where do you want to send the water. Send the water to the Klang punya river ataupun pergi mana?*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pada masa yang sama begitulah keadaan. Jadi, dengan itu ...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bagi saya minta penjelasan mengenai isu...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sekejap, nanti saya beri. Selepas itu, Kerajaan Pusat telah memberi tawaran ini kepada kerajaan negeri secara terbuka dan kami telah berbincang. Saya difahamkan dalam minggu yang lalu mereka telah menawarkan secara terbuka untuk ambil RM9.6 juta kepada mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Gombak RM9.6 itu bukan sekadar ekuiti, RM9.6 itu termasuk ekuiti dan termasuk juga nilai infrastruktur yang dimiliki oleh mereka ini. Ini bukan tersenarai dalam perjanjian, di dalam yang dipatuhi. Nilai itu tertakluk kepada termasuklah *depreciation* dan begitu semua. So, you have to be accurate dari segi memberi maklumat mengenai perkara ini kerana Kerajaan Pusat cukup *sincere* untuk mencari penyelesaian. Kalaupun untuk Selangor beri *development order* untuk memulakan tetapi dengan *margin* kurang 1%, even if I accept to that percent, what are you going to do 833 projek telah ditunda. It will affect Selangor dan Wilayah and the whole country. We still have to get mitigation untuk memastikan kerana kalau Langat mula pun, tiga tahun baru dia siap dan pada masa yang sama begini. So, the situasi dalam

keadaan adalah kritikal dan jika negeri Selangor tidak mahu bekerjasama *then Federal Government has no option to involve* kuasa yang ada dalam akta tersebut untuk memastikan *national interest* dan keselamatan air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan itu dapat kita jamin.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan yang panjang lebar, saya juga minta untuk memberi sedikit ruang bagi mohon penjelasan. Jawapan Yang Berhormat Menteri itu lebih bersifat politik daripada memberikan fakta yang sebenarnya.

Kalau soal pembangunan Langat 2, kalau kita boleh setuju petang ini, esok kerajaan negeri boleh tangan kebenaran merancang untuk diberikan tetapi syaratnya selesai dahulu beberapa perkara pokok yang kita bahaskan pada petang ini. Pertama, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa fakta yang saya beri itu tidak tepat sedangkan kalau kita boleh rujuk *Hansard* perbahasan saya pada pagi tadi tidak berubah. Saya mengakui bahawa keupayaan pengagihan air terawat yang boleh diagihkan oleh sistem yang dikendalikan oleh SYABAS adalah 4,686 juta liter sehari. Itulah angka Yang Berhormat Menteri gunakan juga. Itu yang pertama. Jadi, tidak ada percanggahan.

Saya juga sebut dalam perbahasan pada pagi tadi bahawa saya mengakui *margin* itu masih rendah dan perlu dipertingkatkan. Maka, kita telah bersetuju untuk mencadangkan supaya loji-loji rawatan yang ada kemampuan untuk menggunakan kaedah *overload* ini dibenarkan untuk mengeluarkan air terawat dan ini telah berlaku iaitu di loji rawatan air. Ada dua loji rawatan air yang telah menggunakan tindakan *overload* ini iaitu Loji Air Rawatan Sungai Semenyih dan Loji Rawatan Sungai Langat selama 10 tahun.

Kalau inilah diteruskan, kita berkeyakinan paling rendah, minimum pengeluaran air terawat ialah 5,252 iaitu mewakili 12.7%. Maka, tidak timbul krisis air yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Kalau kita hanya meneruskan cara lama, memang benar marginnya masih rendah. Kita boleh menggunakan angka yang kita setuju pagi tadi iaitu 3.6%. Akan tetapi kalau kita teruskan pendekatan *over load* ini untuk beberapa loji yang ada kapasiti dan kemampuan dan tidak boleh diragui dari segi teknikalnya, maka kita boleh meningkatkan pengeluaran kepada 5,252 yang mewakili 12.7% *reserve* bekalan air yang terawat. Itu yang pertama yang ingin saya minta penjelasan.

#### ■1610

Kedua, sekali lagi angka Datuk Seri, bagi pihak kementerian tidak lari daripada apa yang saya nyatakan pagi tadi tentang kadar air tidak berhasil atau NRW. Datuk Seri menyatakan hanya tiga negeri yang mencatatkan kadar NRW di bawah 20% iaitu Sarawak, Johor, Pulau Pinang. Ingat?... Dan menyatakan Selangor 34.6%. Angka yang saya gunakan pagi tadi 34.4%. Baik, persoalan yang saya bangkitkan, mengapa tidak ada tindakan oleh Kerajaan Pusat terhadap SYABAS yang telah menyatakan persetujuan di dalam perjanjian konsesi iaitu pada tahun 2012, NRW akan diturunkan kepada 19.98%. Kementerian kena jawab. Dalam perjanjian konsesi, SYABAS bersetuju pada tahun 2012 NRW akan diturunkan tetapi bukan diturunkan *capaxnya*

sudah melebihi daripada persetujuan. Akan tetapi NRW tidak turun, malahan meningkat kepada 34.4%. Kementerian setuju, negeri Selangor juga mencatatkan angka yang sama tetapi kementerian masih mendiamkan diri, masih menjadi pemerhati, tidak ada tindakan terhadap SYABAS.

Saya hendak beritahu sekiranya SYABAS berjaya menurunkan NRW pada tahun 2012 kepada 20%, berlaku penjimatan sebanyak 663 juta liter sehari, dan dengan penjimatan inilah kita boleh menampung permintaan industri baru yang Datuk Seri sebutkan tadi, lebih 800 industri baru yang sedang menunggu daripada kelulusan daripada SYABAS untuk mendapat bekalan air terawat. Akan tetapi SYABAS dengan mendapat bantuan dan sokongan daripada kementerian telah menghalang industri-industri ini mendapat kelulusan kerana ini adalah tindakan politik bagi menghukum Kerajaan Negeri Selangor. Itu sahaja.

Kalau SYABAS dipantau oleh kementerian berdasarkan perjanjian konsesi mesti patuh turunkan NRW kepada 19.98% tetapi tidak berlaku. Mengapa kementerian masih mendiamkan diri? Itu persoalan yang perlu dijawab. Jadi ada dua contoh yang saya menunjukkan, fakta dan angka tidak lari daripada apa yang disebutkan oleh kementerian. Itu yang kedua.

Ketiga, Datuk Seri sebut bahawa oleh kerajaan negeri tidak membenarkan kenaikan tarif maka inilah yang berlaku. Akan tetapi Datuk Seri dan kementerian harus ingat, salah satu elemen dalam kenaikan tarif adalah penurunan NRW. Kalau NRW tidak diturunkan, malahan ditingkatkan, mengapa harus kita membenarkan kenaikan tarif yang akan membebankan rakyat? Itu juga Datuk Seri kena jawab pada petang ini di dalam dewan yang mulia ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat, ini pencelahan Yang Berhormat. Saya terpaksa minta Yang Berhormat ringkaskan kerana kita dalam pencelahan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi tiga itu dahulu saya mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya sedikit kalau boleh. Sedikit sahaja, *just a small point*. Saya rasalah ...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tadi Yang Berhormat tidak berucap walaupun kawan lama...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Betul tetapi saya hendak membantu Yang Berhormat Menteri juga dan membantu dewan ini.

Tuan Pengerusi saya mencadangkan ada baiknya kiranya saya yakin, saya percaya kepada keikhlasan Yang Berhormat Menteri apabila mengatakan mahu menyelesaikan masalah ini. Jadi apakah salahnya kalau sekiranya, pihak kementerian dengan pihak Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Menteri sendiri mengetuai sebelah kementerian, dan Menteri Besar Selangor sendiri di sebelah Selangor, dan ajak Yang Berhormat 'Ampang', sorry Yang Berhormat Gombak, minta Yang Berhormat Gombak sekali. Saya percaya kalau semua ini ikhlas, benda ini boleh selesai. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Gombak ini mana dia mahu duduk itu, dia mahu tunggu jadi Menteri Besar Baru boleh selesai [Ketawa]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Inilah jawapan politik yang kita dengar pada petang ini. Saya bagi angka, bagi fakta, saya minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau betul saya tidak memberikan angka yang tepat saya akan beri....

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, okey.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi dua contoh saya beri, angka kita sama.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Betul saya beri penjelasan, saya beri penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi kementerian gagal jelaskan kepada rakyat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih. Sebenarnya kita menuju ke Yang Berhormat dari ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Yang Berhormat Indera Mahkota. Begitulah tujuan kita sebenarnya. Secara dasar dan secara telus kita telah menawarkan kepada kerajaan negeri. *You want to take over water? Yes, subject to this, okay.* So itu dia sudah terima. Dengan itu kami berjumpa, saya juga berjumpa sama concessionaire dan memang perkembangan baik secara rasmi, kerajaan negeri telah menawarkan kepada empat concessionaire itu nilai-nilai harga yang perlu dipatuhi. Kami pihak kerajaan, kementerian juga telah pun mengatakan bahawa, "*You need to make the offer.*" Ini sebab pihak kementerian tidak boleh pakai akta. *It has to be willing buyer, willing seller but* kami katakan, kita boleh facilitate- we can talk to them because menggunakan lain daripada itu, ertinya dia orang ingin supaya saya paksa mereka untuk menerima offer, tidak boleh. Kita ada golden share- di Sabah sahaja kita tidak ada golden share di PUNCAK, kita tidak ada golden share di ABBAS, tidak ada golden share di SPLASH, di sana...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi kementerian, Kerajaan Pusat ada golden share di SYABAS.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** SYABAS sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dari segi pembeli tetapi dari segi kita tidak boleh paksa *water treatment companies* yang tiga itu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Datuk Seri, Kerajaan Pusat ada pengalaman dengan IWK. Bila diswastakan IWK, kemudian kerajaan ambil balik, ambil alih dan menanggung kerugian, boleh menggunakan golden shares. Mengapa dalam keadaan ini tidak boleh menggunakan pendekatan yang sama?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dalam SYABAS kita boleh tetapi dalam tiga syarikat yang menjual air, membuat rawatan itu, tidak ada.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tunjukkan keikhlasan *golden shares* itu dengan SYABAS dahulu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kita terpaksa membatalkan atau dengan mencari fasal- mahu *find reason for course*, itu tidak boleh. Itulah kalau *you bilang*, basis begini- *willing buyer, willing seller*, pihak *Federal*, kita boleh *facilitate*. Baik *I can sit in the discussion for instance*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Datuk Seri boleh terus jawab yang penjelasan yang awal tadi.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Selepas itu... Okey.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Selain daripada WASIA yang boleh diguna pakai, satu lagi yang saya sebut keputusan Jemaah Menteri Kabinet. Saya hendak baca di sini- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau, dan Air, melalui surat bertarikh 11 Februari 2008 telah memaklumkan Kerajaan Negeri Selangor bahawa melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah menimbangkan dan memutuskan. Pertama KDEB mengambil alih operasi dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk Loji Langat 2. Ini saya baca keputusan Kabinet...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ini...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Supaya Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan kementerian dan Pengurusan Aset Air Berhad dalam melaksanakan penstrukturkan semula perkhidmatan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya secara holistik. KDEB akan menjadi peneraju utama dalam konsortium baru. Kabinet sudah buat keputusan. Mengapa Kabinet punya keputusan Menteri tidak mahu patuh? Ini dibuat pada Januari, sebab apa keputusan politik? Ini sebab keputusan ini Januari 2008, Mac 2008 UMNO kalah. Bila UMNO kalah, tidak dilaksanakan keputusan Jemaah Menteri Kabinet...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ini sebab kerajaan negeri....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah ini bukan tindakan politik Kerajaan Pusat terhadap rakyat negeri Selangor? Jawab yang itu Datuk Seri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Senang sahaja jawapan. Bila hendak bincang dengan kerajaan negeri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat duduk.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kerajaan negeri tidak mahu duduk berbincang, *simple*. Bila kita angkat....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita sudah duduk, kita sudah bincang....

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bila SYABAS angkat untuk semakan tarif 2009, kerajaan negeri tidak...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sudah sebut, salah satu elemen hendak naikkan kadar tarif mesti ada penurunan NRW. NRW tidak turun, tapi meningkat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** No, no, no...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang bercakap Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau NRW meningkat mana boleh kita benarkan untuk kenaikan tarif.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak, waktu itu menurun sudah, memang semakan ada ....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bila pula menurun daripada berapa? Bagi angka, bagi angka...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Semakan 28.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Berapa?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sudah sampai 28 pada waktu itu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Angka 28 masih tinggi sebab...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, itulah semakan berasas kepada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang bercakap Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini sebab dalam perjanjian, saya ikut perjanjian, perjanjian konsesi. Dengar dulu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akan tetapi mereka tidak mahu berbincang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh berbahas macam ini Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Sampai pergi mahkamah sekarang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, sebab dalam perjanjian konsesi disebut mesti diturun kepada 19.98%.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, ia tidak boleh diturunkan sekali gus, baru satu tahun perjanjian.

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa dia? Bangun, bangun.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey I have the floor. Thank you, thank you.

■1620

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, yang saya ingat apabila Kerajaan Negeri Selangor menang, dia janji kepada rakyat negeri Selangor dia bagi air

*free*, sebab dia nak bagi air *free*. Sampai sekarang mana air *free*? Hendak sekarang berbahas, tekan dengan Menteri. *[Disampuk]* Saya tahu kerana saya ada rumah di Selangor.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Air percuma memang diteruskan, sudah enam tahun dah. Apa masalahnya?

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih. Okey Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, duduk Yang Berhormat. Menteri menjawab ya.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, saya katakan tadi bahawa *reduction in water* memang dia *pack* dengan tarif. Kalau dia tak kasi naik tarif, daripada mana dia nak jana duit untuk nak *reduce* NRW?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, di sini ada maklumat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, tak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Cukup, cukup.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tak, saya nak buat penjelasan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak boleh macam ini, dia penjelasan mesti dengan peraturan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya nak minta izin.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya nak habiskan, nanti saya beri. Nanti saya beri peluang.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Sehingga akhir tahun 2012...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...*High Court at the moment, challenging decision.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya, tak apa. Saya nak beri angka, saya nak beri angka. Sehingga akhir tahun 2012, *capex*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Siapa yang Menteri ini Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ... untuk NRW telah diluluskan sebanyak RM1.2 bilion. Dah bagi dah bukan tak bagi tetapi *capex* kita bagi *RM1.2 billion and yet* NRW tak dapat diturunkan. Jadi bagaimana kementerian boleh pertahankan syarikat yang seperti ini.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak. Sebenarnya pihak SYABAS juga telah melaksanakan NRW punya projek *you see*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akan tetapi *the capacity* untuk melakukan itu tertakluk kepada semakan tarif. Tahun 2009 you tak benarkan, *now* dalam mahkamah minggu depan *I think hearing and then* harus *due* untuk semakan lagi 2012, tidak dibenarkan. Jadi itulah tak ada, terpaksa *Federal has to coming* dan tolong untuk *mitigation* sama ini. *So it's not so simple, it's a chicken and the egg.* Tak boleh siapa boleh dipersalahkan, okey?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pada saat ini, Selangor *if you allowed increase, I believe that they would have implement the NRW towards kadar yang seperti mana dalam perjanjian. That's why under arbitration di mahkamah. Now anyway, I just finish first.* Daripada segi perbincangan seterusnya, kita cukup terbuka. Saya perlu orang bagus juga bah, saya mahu cari penyelesaian. *When you talk about RM800 billion project KIV, hotel lima bintang mahu buka tak ada air because there is no margin, how? So I said even if Selangor kasi DO esok, tiga tahun baru siap. Mana mahu cari 1,000 million megawatt per liter?*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, nanti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya nak minta penjelasan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *So we have to work together.* Pendek kata, kita perlu *sit down together because the conclusion from the Government Selangor side is very slow.* Saya telah beri maklumat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Menteri.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *First of January, tapi kita kena selesai ...*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Menteri, saya hendak cadang...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *... I cannot invoke the akta.*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Menteri, saya dah cadang tadi menteri dengan Menteri Besar dengan Yang Berhormat Gombak *sit down, solve it out. [Dewan riuh] [Tepuk]*

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bagilah.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *I just complete that one.* Sebenarnya begitulah tujuan kita, lepas ini *offer is closed on the fourth* saya difahamkan dan kita kembali. Kami - saya cukup terbuka kepada apa yang telah diisyiharkan oleh Kerajaan Selangor.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dia kata 9.66, okey *and then* lepas itu dia kata pendapat saya kami katakan Federal *will appoint international audit company to do the due diligence, so ada back up dan arbitration*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Pohon penjelasan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...kalau tidak, *company tak setuju go arbitration* dan Yang Berhormat telah katakan kalau lebih daripada itu bayar, kalau kurang pun bayar *is a good offer.* Akan tetapi *only the volume so all heading* di sana, tetapi terlampau lama. *For me, no on the Kerajaan Negeri Selangor side* tapi *on the fourth it would be over there.* So mengenai dengan komen tadikan, kasi *burst* ini loji tak bolehlah Yang Berhormat. *I tell you ya, sila duduk dulu Yang Berhormat Gombak.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk sekejap Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Over now is Semenyih. Semenyih over loading dia punya kapasiti daripada segi *design* 545, today is 647. It can burst anytime. Langat, 386, it is at now 437. Actually aside from that, Sungai Selangor Fasa 1, dia punya *design* 950 - 1,013. Daripada segi ini, Selangor Fasa 2, 950 juta liter sehari, 956. Daripada segi mana lagi? Sungai Batu, 114 juta liter, 132 today. Daripada segi Sungai Labu, Sungai Labu sahaja sama Bukit Nanas yang ada kapasiti for bursting.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tak boleh, cukuplah ini. My brother, tak boleh, cukup. Hendak cari satu juta liter per day untuk bekalan keseluruhan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jadi saya punya nasihat, minta Kerajaan Negeri Selangor bertindak cepat, saya sudah cukup beri *facilitation* dan begitu semuanya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey. Ada dua perkara saya nak tanya.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kami mahu duduk tapi come first Januari kalau belum lagi, situasi adalah dalam keadaan krisis *then I will have to invoke provision based on National Security section 114*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tak usah ugutlah, jangan ugutlah.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** I know we have to find the solution. Keadaan teruk, keadaan teruk.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey, cuma saya nak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sebut tadi di awal bahawa Selangor, NRW 34.6% telah dikurangkan kepada 28%, pernah berlaku. Saya minta kementerian beri bila tempoh NRW itu turun kepada 28%, saya minta penjelasan. Baik, sekiranya tidak benar kerana rekod kami tidak pernah berlaku penurunan NRW Selangor kepada 28%. Sekiranya Yang Berhormat Menteri gagal memberikan jawapan yang tepat, saya nak cadangkan Yang Berhormat Menteri dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Itu yang pertama, nanti dulu.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bukan, no, the exact figure ...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Nanti, baru-baru.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Now, the exact figure I don't have...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, ini satu ugutan. Tak baik. Menteri, bila Yang Berhormat Gombak jadi Menteri Besar baru boleh runding. [Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bukan ugutan, saya tanya. Saya tanya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Apa ini Yang Berhormat Putatan? Bising apa?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bukan ugutan, saya tanya, saya minta penjelasan. [Dewan riuh]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini ugutan, ini ugutan. Lebih baik kalau Yang Berhormat Gombak tunggu jadi Menteri Besar dulu, kita runding kemudian.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya kata saya minta penjelasan, saya tidak minta

...

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya katakan saya tengok *record* tetapi memang dia pernah rendah daripada sekarang ini yang 34 ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Dia pernah rendah?

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Oh yes.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ha 33 lah, bukan 28.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tak, tak around that lah. *I would check the figure*, secara bertulis.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ha tengok, dah mula. Dah goyanglah itu, dah goyanglah itu.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tak, tak. *I have to check*, saya akan bagi secara bertulis.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tidak pernah berlaku penurunan NRW. Sebab itu menteri kena jawab...

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak pernah daripada 34? Tidak pernah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya minta menteri rujuk dengan pegawai di belakang adakah angka itu betul atau tidak, itu yang pertama. Yang kedua, Yang Berhormat Menteri sebut tentang *overload* ini yang menimbulkan bahaya. Baik, Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum biasanya bila kita bina loji rawatan air ini, dia punya reka bentuk kejuruteraan itu membenarkan untuk *over design* bagi menampung *overload* ini. Sebab itu dalam konteks dua loji rawatan Sungai Semenyih dan Sungai Langat ini, walaupun dia tidak mengambil tindakan *overload* dah lebih 10 tahun, Alhamdulillah selamat dan kita teruskan pemantauan, tak ada masalah tetapi saya nak beritahu dengan Yang Berhormat Menteri. Saya cadangkan kalau Yang Berhormat Menteri *dispute* angka yang saya kemukakan, saya nak cadangkan kepada Kerajaan Pusat setuju atau tidak, kalau kita bentuk satu konsultan yang bebas untuk melakukan audit bagi empat perkara.

Pertama, keupayaan semua loji. Kita ada 34 loji rawatan air, saya beritahu keupayaan setiap loji begini tetapi Yang Berhormat Menteri tidak setuju. Kita lakukan audit bebas. Yang kedua, permintaan air terawat. SYABAS sudah tentulah mengemukakan angka yang memberi dan berpihak kepada SYABAS tetapi kita adakan audit. Lihat berapa permintaan industri dan juga *household* di Negeri Selangor bagi tujuan air terawat. Yang ketiga, kita nak lihat unjuran SYABAS dan SPAN itu betul atau tidak dan yang keempat, soal NRW. Walaupun Yang Berhormat Menteri setuju dengan angka saya bahawa sekitar 34%, kita mahu satu audit bebas yang dapat mengesahkan angka-angka ini supaya kita boleh adakan jalan penyelesaian. Saya telah kemukakan cadangan ini dalam sesi yang lalu tetapi nampak tidak ada kesungguhan daripada kementerian untuk melakukan usaha ini.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri, saya nak minta penjelasan sekali lagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun membuat tawaran pada 21 November, ini tawaran yang kelima.

Jangan salahkan negeri, kita dah berusaha untuk mempercepatkan proses ini. Kali ini kita tawarkan RM9.65 bilion dan ini bukan konklusif. Kalau SYABAS tidak setuju, kalau Kerajaan Pusat yang menjadi penaung kepada SYABAS ini tidak setuju, kita setuju pergi kepada Timbang Tara Antarabangsa, saya dah nyatakan tadi. Jadi mengapa kerajaan tidak berusaha untuk *persuade* SYABAS? Gunakan *golden shares*.

■ 1630

IWK, kementerian boleh buat begitu. Mengapa tidak SYABAS? Mengapa SYABAS ini terlalu kebal dalam konteks ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ucapan kedua, ucapan kedua Tuan Pengerusi. Ucapan kedua sudah. Kita ambil perkara yang telah pun disentuh tadi but *you knowing overloading is not a good engineering practices*. Tapi saya akan, tidak payahlah ada konsultan buat, kita boleh buat *estimation*. Kalau lah kita boleh *burst* berapa banyak pun kita *burst*, *how much* berapa banyak sebenarnya air tambahan yang kita boleh. Pasti dia hanya boleh kira-kira maybe 30% daripada keperluan sebenarnya. *Maybe dia boleh paksa pergi paksa kita punya ke margin 1% atau 2% tapi menjamin untuk 833 projek, tiga tahun akan datang, I don't know to pray very hard to get the rain to come down. We have to go beyond raking engineering design and satu penyelesaian yang tepat ini, selesai Langat 2 ini, produce the D.O, we can work together then Federal Government maybe we can go and help with other mitigation in the mean time. If you don't look at other, the pipe, the water 85% saya akan kasi keluar Klang Valley saja, di sungai saja because water is not going anywhere. And talk always .....just because a politic, you know.*

*The Federal Government has been very consistent, we don't care much about politic, we care more about the people and investment climate in a Klang Valley, Wilayah Persekutuan and the country. High time, which out the side, semua ini. Kita maju ke hadapan.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Datuk Seri kalau kementerian boleh *persuade* empat syarikat konsesi ini esok, esok boleh dapat D.O daripada kerajaan negeri Selangor. Itu jaminan kita.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya mahu katakan..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tetapi kementerian kena pastikan ke empat syarikat konsesi ini terima tawaran yang dibuat oleh kerajaan negeri. Kalau terima pagi esok, petang esok dapat D.O. Itu jaminan yang saya boleh berikan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Itu, saya boleh beritahu itu Yang Berhormat, you know. Saya katakan *it has to be the basic of willing buyer but we can assist*. Untuk makluman saya telah jumpa satu persatu mereka. Ada yang dua kali saya jumpa untuk *facilitate* supaya dengar dua pihak *and find solution*. Saya mudah-mudahan *offer* yang telah diberi itu mereka akan pertimbangkan dan pihak kementerian sebagai mewakili kerajaan, *will do our best to*

*ensure. Failing that then we have to use the law.* Tapi saya inginkanlah ada supaya satu penyelesaian melalui sifat tolak ansur dan *moderation*.

Asingkan perihal politik. *Dont' take - I mean* seperti Yang Berhormat Tanjong Karang katakan *you know, pakatan no claim.* Nah, *we are able solved it. It all because of Pakatan. I mean nothing of that should be, we should find the solution* yang sebenarnya and tanpa ini *then solution can only be political then it will be very sad.*

So, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya rasa penjelasan yang sejelas-jelasnya. Kerajaan pusat ingin betul mencari penyelesaian mengenai air. *We are all sad about situation.* Bagi pihak kementerian kami telah teliti ini sebagai *crisis situation.* *We are looking at all kind of options* termasuklah D.O keluar esok. *What are the options to make sure that there is sufficient* untuk tiga tahun akan datang. *What did you do then it harder than 33 project* dan begitu semua. Jadi jalan yang terbesar, terbaik adalah kerjasama yang ikhlas dan saya memang berterima kasih kerana di kalangan ahli-ahli Yang Berhormat dari Pakatan banyak sudah yang kelihatan memang *worried about the situation asked the kerajaan pusat* dan kami pun *worried* juga dan kita mahu mencari penyelesaian.

Terima kasih kepada semua yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan peruntukan di bawah Kepala P.29 dan B.29. Apa-apa yang saya tidak sempat untuk menjawab, nanti bolehlah nanti kita jawab secara bertulis atau susuli dengan SMS kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM135,748,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM135,748,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,965,909,400 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.]*

*[Wang sebanyak RM1,965,909,400 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.30 [Jadual] –**

**Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2014]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Perbekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Hulu Langat.

**16.35 ptg**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Selangor]:** Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 20300 - Pusat Sains Negara yang peruntukannya bernilai RM12.1 juta. Memang menjadi minat saya dalam memberi kesedaran dan meningkatkan minat rakyat dalam sains, teknologi dan inovasi tapi saya kira adalah tidak cukup hanya dengan pameran sahaja dan apakah bentuk-bentuk lain yang dilaksanakan oleh kementerian bagi menyampaikan ilmu sains dan teknologi. Saya masih tetap mencadangkan penggunaan bidang-bidang elektronik yang ada sekarang supaya lebih berkesan dalam menyebarkan maklumat sains teknologi terutama mengenai sains dan masyarakat.

Berdasarkan butiran 00604 di bawah Pembangunan yang bernilai RM17 juta, adakah ada tambahan bangunan pusat sains yang akan dibina atau untuk meningkatkan keperluan asas dalam pusat sains itu sendiri.

Butiran 10200 - Dasar Sains Teknologi dan Inovasi bernilai RM19.3 juta. Adakah kementerian mempunyai dasar sains dan teknologi negara sebagaimana Dasar Automotif Negara atau Dasar Koperasi Negara dan lain-lain bagi memandu arah sains dan teknologi umpamanya dalam R&D dan pengkomersialan produk mereka. Apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi mengaitkan antara aktiviti sains dan teknologi dengan faedah kepada masyarakat. Dalam usaha menjaga diri mereka ataupun dari segi kesihatan mereka, dari segi masyarakat, kemasyarakatan dan juga persekitaran.

Kepala 30000, R&D, geosains teknologi yang bernilai RM118.9 juta. Saya memang menyokong dan perlu kita mengukuhkan pembangunan modal insan dan harta intelek dan dapat menjana pertumbuhan ekonomi. Jadi peruntukan tambahan R&D sebanyak RM5.5 juta di bawah 70400 dan Butiran 80300 bernilai RM4.5 juta yang disenaraikan dalam bajet, adakah ia juga sebagai tambahan ataupun ada fokus khas, ada tujuan khas untuk meningkatkan lagi R&D. Adakah kementerian juga merancang untuk membangunkan institusi R&D baru kerana diberi peruntukan pembangunan mengikut butiran 00800 bernilai RM220 juta.

**■1640**

Jadi antara peruntukan besar dalam R&D juga iaitu Agensi Nuklear Malaysia mengikut Butiran 030100 berjumlah hampir RM70 juta yang bertujuan bagi menjana produk dan teknologi baru. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri secara lengkap mengenai R&D yang dilaksanakan oleh Agensi Nuklear yang boleh memberi dorongan dan minat rakyat dalam teknologi nuklear dan faedah-faedahnya kepada masyarakat.

Apakah tujuan R&D yang akan dilaksanakan oleh Agensi Nuklear sama ada mengikut bidang Yang Berhormat Menteri ND3 ataupun bidang-bidang yang lain. Jadi saya minta penjelasan. Adakah ada begitu juga dalam P.30, ada di bawah Butiran 00900, ada RM20.9 juta untuk pembangunan?

Saya minta penjelasan, adakah ada lagi *lab* ataupun bangunan-bangunan yang akan dibina di bawah Agensi Nuklear ini? Dalam Butiran 040100 – Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) yang bernilai RM13.7 juta, yang saya memang difahamkan LPTA ini merupakan badan untuk mengawal aktiviti dalam teknologi nuklear bagi mengharmonikan kehidupan masyarakat. Jadi saya ingin mendapat penjelasan untuk pengetahuan Dewan dan juga masyarakat ataupun rakyat, apakah aktiviti-aktiviti LTPA yang disusun bagi menjaga keselamatan rakyat.

Akhir sekali, Akademi Sains Malaysia, Butiran 050100 bernilai RM8.8 juta. Adakah Akademi Sains Malaysia ini merupakan satu agensi kerajaan ataupun NGO dan apakah peranan utama yang dimainkan oleh ASM ini atau Akademi Sains Malaysia ini untuk mempromosi aktiviti sains, teknologi dan inovasi. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Sekijang.

#### 4.41 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkaitan dengan kementerian untuk Kepala 010000 - Pengurusan, bagi sub kepala 010200 - Dasar STI.

MOSTI ada menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan R&D dan antara Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu bagi program yang pertama berkaitan dengan pengurusan kementerian dan aktiviti kedua bagi Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu STI. Antara objektifnya ialah memperbaharui dasar dan program-program inovasi ke peringkat nasional dengan memastikan produk R&D dikomersialkan berdasarkan kepada program-program pembangunan masyarakat yang berdaya cipta serta bercirikan keusahawanan.

Terdapat pelbagai aktiviti yang melibatkan R&D di dalam MOSTI termasuk di dalam aktiviti yang ketiga iaitu perkhidmatan sains dalam program satu iaitu berkaitan dengan pengurusan.

Kementerian ada membuat:

- (i) untuk membiayai projek R&D;
- (ii) memberikan dana e-Content ataupun *Demonstrator Application Grant Scheme* (DAGS);
- (iii) memberikan kelulusan untuk projek di bawah sains *fund* ataupun *Techno Fund* dan juga *Inno Fund*.

Bagi menguruskan perkhidmatan ini, kementerian menganggarkan di dalam pengurusan perkhidmatan saiz ini pada tahun 2013, berjumlah RM116 juta dan dijangka meningkat sebanyak RM243 juta pada tahun 2014.

Soalan saya bagaimanakah kejayaan program yang mendapat pembiayaan ini dan apakah produk-produk yang sudah dikomersialkan oleh MOSTI sebagaimana tergaris dalam objektif pengurusan dasar, sains, teknologi dan inovasi dan bolehkah kementerian mengemukakan senarai penyelidikan yang sedang dibuat bersama dengan nilai pembiayaannya serta jangka masa

penyelidikan. Senarai dapatan untuk R&D bagi tahun 2011 dan tahun 2012, senarai program R&D yang akan siap dalam tahun 2013 dan juga tahun 2014 dan senarai program R&D yang kementerian harapkan yang belum dibuat R&D yang mampu memberikan kebaikan terutamanya kepada rakyat.

Untuk kepala 030000 – Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi bagi sub 030100 - Agensi Nuklear Malaysia. Dalam R&D yang berkaitan dengan sains dan teknologi, bagaimana pencapaian Agensi Nuklear Malaysia khasnya dalam mencapai objektif bagi menjana produk dan teknologi baru? Agensi Nuklear Malaysia adalah agensi di bawah MOSTI yang menjalankan R&D sains dan teknologi yang mendapat pembiayaan paling tinggi iaitu dengan anggaran sebanyak RM69 juta pada tahun 2013 berbanding dengan *Remote Sensing Malaysia* sebanyak RM31 juta manakala Angkasa Negara sebanyak RM24 juta.

Soalan saya, apakah hasilan ataupun pendapatan daripada R&D agensi-agensi ini bagi tahun 2011 dan tahun 2012 dan apakah kekangan yang dihadapi oleh Agensi Nuklear Malaysia sehingga tidak berjaya mencapai 30% nisbah pendapatan minimum daripada bajet mengurus tahunan menerusi pemindahan dan mengkomersialkan teknologi ini. Pada tahun 2012, Agensi Nuklear Malaysia hanya mencapai 20.8% sahaja nisbah. Apakah yang akan dibuat oleh Agensi Nuklear Malaysia untuk mencapai objektif 30% ini sebagaimana yang dianjurkan untuk tahun 2013 dan tahun 2014?

Bagi yang terakhir Tuan Pengerusi, bagi kepala 01100 - MIMOS Berhad. Yang ini tidak terlalu teknikal, ia hanya berkaitan dengan langkah MIMOS memperkenalkan teknologi Kampung WiFi. Walaupun ini sebenarnya di dalam Kementerian Penerangan dan Multimedia, tetapi saya ingin menyentuh kerana Kampung WiFi ini, teknologinya dibangunkan oleh MIMOS.

Namun, apa yang berlaku hari ini adalah teknologi ini dilihat masih belum mencapai tahap yang dikehendaki oleh sebab kita tahu beberapa kawasan-kawasan kampung terutamanya menggunakan teknologi ini, memberi respons yang mengatakan bahawa terdapat masalah terutamanya berkaitan dengan capaian kelajuan dan juga jarak untuk pencapaian teknologi WiFi ini memang agak rendah. Jadi minta supaya pihak kementerian dapat memantau, adakah teknologi daripada MIMOS ini benar-benar berkesan dan boleh membantu sebenarnya projek Kampung WiFi ini sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gopeng.

#### **4.47 ptg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Selepas Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Putatan bersedia. Sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** For start, saya ingin ambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian MOSTI. Memang antara objektif utama MOSTI adalah menjana ilmu bagi menerajui ekonomi baru melalui pembangunan modal insan dan harta intelek

dan pembangunan sains dan teknologi serta inovasi adalah kritikal. Antara faktor utama untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan tidak terperangkap dalam *middle income trap*. Oleh sebab itu, kementerian MOSTI memainkan peranan yang penting untuk menambah nilai kepada semua sektor ekonomi.

Malangnya, apabila kita meneliti fungsi MOSTI, kita dapat bahawa pertama dari segi peruntukan, hanya RM1.35 bilion. Sekadar 0.5% daripada jumlah belanjawan tahun 2014 iaitu sejumlah RM264 bilion.

Kalau kita bandingkan dengan Kementerian Pertahanan misalannya, walaupun kita tidak terlibat dalam sebarang peperangan dengan negara jiran, tetapi peruntukan untuk Kementerian Pertahanan, RM16.1 bilion. Ini bermakna, MOSTI ini walaupun satu aspek yang agak penting tetapi cuma dapat 8% daripada peruntukan kalau banding dengan Kementerian Pertahanan.

Jadi, saya ingin merujuk kepada spesifik kepala 00800 - Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Untuk tahun 2014, peruntukan RM220 juta diperuntukkan dan kalau kita lihat satu laporan oleh RD Booz & Company, *annual R&D expenditure* 2013 yang mengkaji peruntukan untuk R&D untuk syarikat-syarikat antarabangsa. Saya cuma petik satu syarikat sahaja yang saya pasti semua kenal syarikat itu iaitu Samsung Elektronik.

#### ■1650

Peruntukan perbelanjaan R&D untuk Samsung sahaja dalam satu tahun berjumlah USD10.4 bilion. Ini bermakna, peruntukan yang kita peruntukkan dalam kementerian MOSTI ini yang sejumlah RM220 juta ini berbanding dengan peruntukan oleh satu syarikat sahaja iaitu Samsung, 150 kali ganda peruntukan yang kita peruntukkan ini. Kalau kita bandingkan dengan peruntukan untuk seluruh kementerian MOSTI, Samsung sahaja, peruntukan untuk R&D adalah 25 kali ganda. Ini menunjukkan bahawa peruntukan, penekanan untuk R&D di Malaysia ini agak kekurangan daripada segi pihak *public* kerajaan. Kalau kita lihat daripada segi swasta, lagi kekurangan.

Jadi, kemungkinan kita perlu kaji aspek *approach* yang lain kalau kita hendak galakkan aktiviti R&D khususnya di peringkat swasta. Misalannya kalau kita lihat di Amerika Syarikat, purata perbelanjaan untuk R&D adalah lebih kurang 3.5% daripada *revenue* sesuatu syarikat. Jadi, kalau kita hendak hadkan untuk syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur misalannya untuk ada peruntukan untuk *human resource*, peruntukan untuk CSR misalannya, boleh atau tidak kita pertimbangkan supaya kita menetapkan bahawa setiap syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur mesti ada sebahagian daripada *revenue* mereka diperuntukkan untuk R&D? Ini cuma satu cadangan yang saya harap boleh dipertimbangkan.

Masalah yang satu bukan setakat kekurangan daripada segi dana tetapi apabila kita lihat daripada segi agensi-agensi di bawah MOSTI, memang kita lihat ada peranan yang bertindih khususnya dengan agensi-agensi di bawah kementerian yang lain. Saya hendak bagi sebagai contoh. Di bawah MOSTI ada Yayasan Inovasi Malaysia, Pusat Inovasi Negara dan sebagainya dan di bawah MOSTI ada dana-dana seperti *ScienceFund*, *TechnoFund*, *InnoFund*, ada *Biotech Commercialisation Fund*, ada *Technology Acquisition Fund*. Akan tetapi kita lihat di bawah

Multimedia Development Corporation, ada *Innovation, Research and Development Fund*, ada *MSC Malaysian Status Funding*. Di bawah Kementerian Kewangan, baru sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan MaGIC, apa yang dikatakan *creative global Malaysia*. Ada *Malaysian Venture Capital Management Bhd* di bawah Kementerian Kewangan, ada Cradle Fund Sendirian Berhad juga di bawah Kementerian Kewangan. Di bawah MITI pula ada *Service Sector Fund*, ada *Automation dan Modernisation Fund*, ada *Market Development Grants*.

Ini bermakna, kita lihat daripada segi dana berselerak antara MITI, antara Kementerian Kewangan dan antara MOSTI walaupun fungsinya agak bertindih. Saya harap mungkin kementerian boleh khususnya apabila perjalanan apa yang dikatakan *objective base budgeting* diperluaskan kepada semua kementerian, perkara ini akan dilihat supaya pertindihan-pertindihan ini mesti diselaraskan dan supaya tidak berlaku sedemikian. Saya pasti sesiapa *entrepreneur* yang ingin hendak melabur ataupun hendak memohon dana tersebut, mereka perlu buat satu kajian, perlu buat satu penyelidikan yang mendalam supaya mereka tahu mana satu dana yang mereka harus pergi, mana satu agensi yang mereka perlu *approach*.

Jadi di bawah Butiran 02100 – *Commercialization of R&D Fund* (CRDF). CRDF ini adalah dana untuk komersialkan teknologi yang berasal daripada teknologi tempatan dan jumlah peruntukan untuk projek ini adalah RM180 juta dan untuk tahun 2014 adalah RM23.6 juta. Dengar ya, RM180 juta untuk seluruh projek tetapi saya hendak bangkitkan sekali lagi satu skandal yang melibatkan RM280 juta yang saya pernah bangkitkan di peringkat Dasar dan sampai hari ini, tidak ada jawapan. Skandal yang saya maksudkan itu adalah skandal berkenaan dengan InventQjaya. Kebetulan, masalah ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau, sekarang sudah jadi Menteri, pada tahun 2009. Saya pernah buat semakan dan saya pasti sampai hari ini, tidak ada jawapan.

Saya hendak ulangkan sekali lagi InventQjaya ini adalah satu syarikat usaha sama antara Kerajaan Malaysia dengan seorang saintis dari Amerika Syarikat. Saintis yang bernama Dr. Sadeg Mustafa Faris. Dia dijemput oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk datang ke Malaysia. Tujuannya, syarikat itu ditubuhkan untuk menyelidik, membangunkan dan mengkomersialkan paten berdasarkan teknologi di Malaysia. Memang dia sepatutnya seorang saintis, seorang pakar. Jadi, peruntukan sebanyak RM437 juta diluluskan yang *disburse burse* disalurkan RM228 juta pada tahun 2002. Memang wang itu disalurkan kepada syarikat InventQjaya. Terus duit itu hilang. Sebab itu saya katakan ini Dr. Sadeg Mustafa Faris, dia bukan pakar saintis tetapi pakar *money laundering*. Dia mungkin pakar *black hole*. Bila duit masuk itu, masuk *black hole* itu, hilang habis.

Jadi selepas itu, InventQjaya gulung tikar dan Dr. Sadeg Mustafa Faris ini didakwa di mahkamah di bawah Akta Pengubahan Wang Haram. Memang ada keputusan daripada mahkamah untuk jual sebarang harta yang sedia ada dalam InventQjaya supaya bayar hutang tersebut tetapi sampai hari ini, tidak satu sen pun dapat dikembalikan. Sebab kalau kita lihat dalam kenyataan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012, memang hutang yang patut dituntut di bawah

InventQjaya berjumlah RM280 juta. Sampai hari ini, satu sen pun tidak dapat. Jadi saya mohon kali ini, saya harap dapat jawapan yang teliti dalam isu ini.

Di bawah Butiran **010300 – Perkhidmatan Sains**. Memang kita tahu *biotech* adalah satu bidang yang penting untuk kita terus majukan ekonomi. Akan tetapi, satu masalah spesifik yang ingin saya bangkitkan sebab saya ada hadapi masalah dengan mahasiswa dan ijazah lepasan bioteknologi. Semasa mereka belajar di universiti, memang ada pendedahan sedikit dalam bidang *biotech*. Akan tetapi, selepas *graduate* apabila mereka hendak dapatkan pengalaman dalam bidang tersebut, memang kalau kita lihat di pihak swasta, memang jarang, sukar hendak dapat pekerjaan. Jadi, kalau hendak dapatkan pengalaman dalam bioteknologi untuk membangunkan pengalaman dan sebagainya, mereka bergantung kepada agensi-agensi kerajaan tetapi malangnya, agensi kerajaan di bawah BIOTEK misalannya pun tidak dapat membekalkan latihan yang sepenuhnya untuk mahasiswa-mahasiswa tersebut. Jadi saya harap, kementerian boleh lihat dalam perkara ini.

Di bawah Kepala 020200 – Meteorologi. Ini saya hendak bangkitkan dengan spesifik sebab kita tahu ramalan cuaca ini penting. Sepatutnya, kalau kita ada ramalan cuaca yang tepat, kita boleh tahu, bila hujan, berapa inci dan sebagainya.

#### ■1700

Jadi malangnya kalau kita lihat apa yang berlaku, tragedi di mana empangan itu terpaksa dibuka di Lembah Bertam di Cameron Highlands. Memang kita lihat ada kegagalan dalam aspek mungkin pelaksanaan atau pun dari segi ramalan cuaca. Kalau pihak yang membuat ramalan cuaca ini boleh berikan ramalan yang tepat mungkin seminggu sebelum itu, jadi dia dapat memberi *warning* yang awal kepada pihak yang uruskan empangan tersebut supaya mereka boleh lepaskan air jauh lebih awal daripada apa yang sepatutnya dijadualkan.

Jadi saya mohon jawapan daripada kementerian berkenaan dengan isu ini. Apakah peranan pihak yang buat ramalan cuaca ini dalam isu misalannya di empangan Lembah Bertam di Cameron Highlands. Jadi ini beberapa isu yang saya bangkitkan mohon perhatian. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, walaupun saya ada ternyata banyak butiran di sini tetapi saya hanya sentuhkan satu butiran yang saya rasa agak penting yang mana ia dalam Maksud Pembangunan 30, Bekalan 61300 - *Technology Park Malaysia* yang saya lihat di sini peruntukan berjumlah RM2.7 juta sahaja. Apa yang saya maksudkan Tuan Pengerusi ialah terdapat *Technology Park* Sabah dan Sarawak di dalam butiran MITI apabila saya berbahas. Akan tetapi tidak mendapat jawapan dari MITI kerana ini dalam bidang kuasa Kementerian MOSTI.

Apa yang saya katakan pada perbahasan itu ialah agar *pengurusan Technology Park Malaysia* ini adakah ia juga sama-sama dengan pengurusan *Technology Park* Sabah dan Sarawak? Yang mana kita telah pun mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan untuk mewujudkan satu *Technology Park* di Sabah.

Ia mungkin bertempat di Tambunan atau di Keningau belum pasti lagi. Akan tetapi peruntukannya sudah sedia ada.

Apa yang saya katakan di sini sebab di Sabah *in particular*, kerana terdapat kekayaan khazanah antara yang terkaya iaitu berasaskan daripada sumber semula jadi yang mungkin berada di kaki pergunungan Gunung Trusmadi dan juga Banjaran Crocker yang mana terdapat taman-taman yang bertaraf *virgin forest* yang mana kita melihat keperluan untuk mencari jalan untuk membuat satu penemuan atas kekayaan kita daripada sumber-sumber asli iaitu dalam bentuk pemakanan misalnya biji-bijian atau buah-buahan serta daun daunan daripada kayu-kayu *native* kita di Sabah dan Sarawak.

Keduanya mungkin dari bentuk herba, *drugs*, *pharmaceutical* dan banyak lagi yang dikatakan dalam kenyataan yang baru ini oleh profesor universiti daripada USM yang mana kita memperkasakan teknologi-teknologi bukan sahaja dalam bidang pengajian, bidang pendidikan tetapi dalam bidang pertanian iaitu apabila kita melihat *Technology Park* ini kita mungkin mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat R&D daripada luar negara seperti daripada Britain iaitu ‘Scope International’ dari United Kingdom, ‘Havest Group Noveyet Zink Fisco’, *Lotus Engeenering*, ‘Stamepeutic’ Reseach India dan banyak lagi yang asalnya dari negara kita sendiri seperti ‘Patimas, Axiatic Centre for Genome’.

Apa salah kalau kita jemput juga pemain-pemain atau *players* daripada negara China, daripada Jepun, daripada Taiwan di mana baru-baru ini kita telah melawat di Tenom bersama-sama dengan Ahli Parlimen Tenom membawa wakil negara Taiwan ke Tenom untuk melihat penanaman koko di Tenom. Kita mengajak beliau supaya ada kerjasama antara kedua-dua negara ini untuk memajukan dalam bidang pertanian misalnya kalau negara China atau negara Taiwan dapat membesarkan buah *apple* itu, besar daripada keluaran daripada Eropah atau pun di Amerika atau pun di Australia, apa sebab kalau buah koko kita diperbesarkan supaya biji-biji koko itu dapat diperbanyak untuk menjadi satu buah, satu kilo bagi sebiji koko.

Ini adalah satu langkah yang difikirkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran koko di negara kita kalau itu dapat dibuat. Tambahan pula dalam lawatan itu kita juga melihat dalam *Research & Development* dalam bidang-bidang yang kena mengena dengan biodiversiti kita terutama sekali dalam biotek. Kalaulah ini wujud yang dikatakan dalam butiran bagi Maksud 02100 iaitu *Commercialisation of R&D Fund* atau pun CRDF yang telah diperuntukkan RM26.6 juta sahaja. Kita melihat ini adalah satu peluang kita untuk mewujudkan satu usaha untuk meningkatkan para ilmuwan kita, pakar-pakar kita daripada universiti untuk membuat kajian supaya menambahkan lagi jumlah yang akan berkelayakan PhD iaitu dalam *publication*, yang dikeluarkan pada Oktober minggu yang lepas.

Kenyataan oleh Profesor Datuk Dr. Omar Osman daripada Universiti Sains Malaysia yang mana Malaysia dijangka akan meningkatkan sampai ke 500 setiap tahun jumlah graduan PhD. Saya tahu Yang Berhormat Menteri juga seorang profesor. Jadi saya pasti Yang Berhormat Menteri

sedar soal objektif atau pun haluan kita untuk mempertingkatkan lagi jumlah yang membuat satu penemuan yang mana kita boleh komersialkan.

Satu soalan yang saya berkongsi dengan Yang Berhormat Gopeng tadi, soal CRDF ini *Commercialisation of R&D Fund* yang mana kita tidak melihat syarikat-syarikat gergasi kita membantu atau pun menyediakan dana atau pun memberikan sumbangan kepada pihak-pihak kementerian untuk menubuhkan dana untuk R&D di negara ini. Jadi saya mahu lihat, ini terlalu bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan dan juga saya minta penjelasan daripada pihak kementerian bahawa adakah kertas kerja yang *very convincing*, dengan izin kepada kementerian yang memerlukan betul-betul yang kita akan telus ke arah peningkatan R&D di negara ini?

#### ■1710

Kita mahu, apakah jenis-jenis penemuan yang cukup berkualiti yang tinggi, yang dilalui atau pun yang dihasilkan oleh pihak kementerian melalui agensi-agensi di bawah kementerian ini? Dan kita mahu melahirkan, bukan sahaja dalam tenaga modal insan, pembangunan modal insan tetapi dengan produk-produk yang ada kualiti yang boleh menembusi pasaran global. Saya minta pihak kementerian, kalau ada produk-produk kita yang telah menembusi hasil yang berkualiti tinggi dan adakah paten-paten itu telah pun diadakan?

*Last sekali Tuan Penggerusi, iaitu soal- walaupun tidak ada dalam Butiran ini iaitu Yayasan Inovasi Malaysia atau YIM, yang mana kita telah melibatkan para beliawanis kita, dan juga saya melihat usaha YIM ini dalam di peringkat-peringkat sekolah yang setahu saya ada 100 sekolah yang telah dikenal pasti untuk mencari atau pun memberi hasil kepada inovasi-inovasi di tiap sekolah. Apa yang saya lihat hanya tulisan hasil-hasil itu tetapi kita tidak melihat apakah ia punya kualiti, hasil-hasil yang diusahakan di peringkat-peringkat sekolah ini. Kita juga mahu tahu, Kelab Inovasi di peringkat sekolah, bagaimana kementerian, adakah pihak kementerian memberi peruntukan yang sepatutnya kepada sekolah-sekolah untuk kelab-kelab di sekolah masing-masing yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian?*

Jadi saya melihat di sini tiada langsung Butiran yang dibagi, dan saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimana pihak kementerian membantu kelab-kelab di peringkat sekolah ini supaya memberi kesedaran, *awareness program* kepada golongan muda kita terutama sekali murid-murid sekolah dan juga beliawanis melalui persatuan-persatuan belia, supaya meningkat atau pun berkecimpung dalam bidang inovasi di negara kita.

*Last sekali, ini bukan last ya. Terlupa tadi. Butiran bagi maksud 01600 –Siber Sekuriti Malaysia. Ini satu bidang yang saya tidak sedar bahawa ini juga dalam pihak kementerian, yang mana saya difahamkan ini *MyCert statistic* ini yang menyediakan, *to provide emergency response to computer security related to emergency as well as assistant to handling incident such as computer abuses, hacking, attempt and others information security breaches* seperti *espionage*, dengan izin. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian, jawapan atau pun reaksi daripada pihak kementerian, soal yang diheboh-hebohkan oleh pihak*

pembangkang bahawa *espionage* ini juga dengan melalui ICT dan elektronik-elektronik? Adakah pihak kementerian sedar atau pun ini juga terkandung dalam bidang kuasa pihak kementerian untuk melihat di mana kelemahan, dan kekuatan kita dalam bidang Siber Sekuriti ini?

Jadi itu sahaja lah Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mendengar, dia Profesor, dan juga terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang sabar mendengar ucapan yang tidak begitu hebat. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu.

#### 5.14 ptg.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin sambung dari Yang Berhormat Putatan dalam Butiran 01600 – Siber Sekuriti Malaysia. Saya menyambut baik Yang Berhormat Putatan yang juga menunjukkan keprihatinan terhadap kedaulatan negara. Dalam perbahasan ini saya mendesak supaya Kementerian MOSTI untuk memberi satu audit apa yang telah dilakukan oleh Siber Sekuriti untuk menjamin kedaulatan negara kita terlindung dengan baik, dan tidak ada pencerobohan oleh pihak-pihak kuasa-kuasa besar baik pun Amerika Syarikat, Australia atau Singapura, menggunakan *facility* yang ada untuk mengintip pemimpin-pemimpin negara atau apa-apa lagi aktiviti pengintipan ini. Kita harap satu penjelasan dari pihak kementerian, laporan dari Siber Sekuriti, apakah langkah-langkah diambil untuk melindungi negara kita?

Kedua, di bawah tajuk 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Tadi kita pernah bincang tentang *ScienceFund* dan *InnoFund*. Pertama sekali, saya ingin dapat satu senarai dari 2011 hingga 2012, setahu saya tahun 2013 masih menerima permohonan. Apakah kumpulan-kumpulan dan siapa yang telah terima sokongan daripada *ScienceFund* ini? Dan apakah keberkesanan mereka untuk menterjemahkan dana ini untuk meningkatkan produktiviti?

Seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Gopeng, purata *investment* kita dalam R&D hanya sebanyak 0.6 GDP sahaja. Kita ingin lihat, apakah yang kita laburkan dalam R&D ini? Bukan sahaja rendah tetapi kita juga ingin lihat, apa yang kita laburkan dalam ini dapat diterjemahkan untuk mempertingkatkan kenaikan GDP kita? Itu saya belum pasti, MOSTI buat *auditing* yang tepat supaya kita lihat, bukan sahaja kita meningkatkan kewangan dana terhadap projek-projek *research* ini tetapi juga ia betul-betul menyumbangkan peningkatan GDP negara.

Dalam isu *InnoFund* juga, kita didapati bahawa *InnoFund* ini bagi RM500,000 kepada syarikat, dan RM50,000 kepada individu. Untuk wang yang berjumlah kecil ini, saya tidak nampak bagaimana ia akan membantu satu inovasi yang akan membawa kesan yang besar. Itu sebab saya harap pihak MOSTI boleh bagi penjelasan, bagaimana dana-dana yang telah *distribute* melalui *InnoFund* ini, apa yang terjadi, dan siapakah syarikat-syarikat atau individu-individu yang telah terima dan bagaimana dana ini dapat membantu mereka? Kita perlu satu laporan yang lebih tepat supaya kita dapat mempertingkatkan, mempermantapkan lagi dana ini. Kita telah lihat ada

kekurangan dana yang telah dibagi kepada R&D tetapi saya anggap bukan sahaja jumlah yang penting tetapi *effectiveness* dana ini dapat dibawa untuk faedah adalah juga sama penting.

Kemudian dalam isu 040000 – Perlesenan dan Kawalan. Saya ingin bawa kepada satu isu yang sudah banyak dibahaskan iaitu isu Lynas. Pada 2 Julai tahun ini, syarikat Lynas telah *submit plan* untuk *permanent disposal facility*nya kepada pihak MOSTI untuk mendapatkan kelulusan. Saya ingin dapat tahu, apakah status permohonan ini? Sama ada telah diluluskan atau tidak, dan sehingga hari ini penduduk di Kuantan atau penduduk sekitar Gebeng belum tahu lagi di mana secara tepatnya *disposable facility* ini.

#### ■1720

Adakah ini adalah satu rahsia atau ia belum lagi dapat keputusan dari pihak MOSTI. Akhir sekali juga dalam isu yang sama iaitu Lynas. Yang Berhormat Menteri pernah nyatakan loji Lynas ini adalah selamat seperti kilang kicap. Kalau mengikut *Vice President* dan juga *Managing Director* Lynas Malaysia Sdn. Bhd. iaitu Datuk Mashal Ahmad bahawa kadar bacaan radioaktif Lynas ini sentiasa akan dipamerkan dan kini dalam tahap yang selamat. Dikatakan dipamerkan di dalam loji dan juga *online*. Saya ingin tahu, di mana bacaan radioaktif ini dapat kita monitor dari *online*? Adakah bacaan ini hanya dikatakan dipamerkan dalam loji tetapi dijanjikan oleh Datuk Mashal Ahmad iaitu *Managing Director of Lynas* ini menyatakan bacaan ini *transparent* dan orang awam boleh dapat tahu? Saya ingin dapat pengesahan. Adakah data-data ini boleh dapat akses dari orang awam. Dengan itu saya ingin tamatkan, dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila, yang belakang situ. Yang Berhormat Bakri.

#### 5.22 ptg.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah puji lagi Yang Berhormat *[Ketawa]*

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Ya, saya teruskan sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, terus *[Ketawa]*

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Saya hendak kasi peluang kepada kita punya- saya berucap.

Saya merujuk kepada Butiran B.29, Butiran 070300 dan 080300 – Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi. Di sini saya hendak minta satu penjelasan. Sehingga kini, berapakah jumlah saintis yang ada di negara ini sedangkan mengikut bidang kepakaran, bilangan saintis tempatan dari negara lain serta jumlah saintis asing mengikut negara. Berapakah sasaran terkini kementerian berhubung jumlah saintis? Adakah sehingga kini, ia mencapai sasaran? Jika tidak, mengapa? Adakah kerajaan menyediakan insentif atau kemudahan kepada saintis tempatan dan luar sebagai satu cara menggalakkan mereka terus menerokai bidang sains dan teknologi negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Rasah.

**5.23 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sebenarnya cuma ingin merujuk kepada satu perkara sahaja di mana di bawah Butiran 030300 – Angkasa Negara (ANGKASA) dan juga Butiran 01200 – Agensi Angkasa Negara (ANGKASA).

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum, pada perbelanjaan yang baru dibentangkan pada bulan lepas, kita dapat lihat subsidi gula telah pun dimansuhkan. Pelbagai langkah oleh pihak kerajaan untuk menambah pendapatan khususnya mengadakan sistem percukaian UFD untuk meningkatkan pendapatan kerajaan dan juga dapat meringankan beban kerajaan. Akan tetapi di sini saya cuma ingin merujuk kepada satu perkara di mana Agensi Angkasa Negara telah pun diberi peruntukan sebanyak RM100 juta. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Adakah peruntukan ini termasuk juga dengan Program Angkasawan Negara Kedua.

Ini kerana sebelum ini saya pernah bertanya soalan mengenai apakah perkembangan terkini dan juga apakah anggaran perbelanjaan yang akan dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk Program Angkasawan Negara Kedua tetapi pada masa tersebut, saya tidak mendapat jawapan daripada pihak kementerian mengenai berapakah kos yang sebenarnya akan dibelanjakan.

Pada masa tersebut, saya masih ingat lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi penjelasan. Banyak eksperimen telah pun dijalankan di stesen angkasa tetapi saya cuma ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Sebenarnya sebelum ini kita juga maklum banyak negara telah pun menghantar angkasawan mereka ke angkasa lepas dan banyak kajian ataupun banyak eksperimen telah pun dibuat oleh mereka. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian. Adakah eksperimen yang kita jalankan di angkasa lepas itu, adakah ia bertindih ataupun eksperimen yang pernah dilakukan oleh negara-negara asing.

Ketiga, saya bertanya soalan tersebut di media yang dikawal oleh Barisan Nasional, *Utusan* dan juga RTM yang telah pun mengatakan saya memperlekeh Program Angkasawan Negara. Saya hendak tegaskan di sini bahawa sebagai seorang wakil rakyat ataupun sebagai rakyat jelata yang biasa, kita berhak untuk mengetahui sesuatu projek besar yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Ini kerana saya lihat di sini RM100 juta kalau dibelanjakan untuk Program Angkasawan Negara, kalau kita bahagikan kepada keluarga-keluarga miskin, setiap keluarga katakan setiap tahun mereka boleh dapat RM3,600 setahun, melebihi 30,000 buah keluarga miskin boleh mendapat bantuan jika kita memperuntukkan sebanyak RM100 juta. Sama juga kalau kita beri BR1M sebanyak RM650 setahun secara *One-Off*, melebihi 180,000 individu boleh mendapat bantuan BR1M. Di sini, oleh kerana biasa, rakyat jelata mereka akan menganggapkan bahawa katakan kita cuma hantar seorang angkasawan ke luar angkasa, apakah kebaikan ataupun apakah *benefit* yang sebenarnya didapati oleh seluruh rakyat Malaysia.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Minta pencelahan. Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Adakah Yang Berhormat bersetuju. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang eksperimen-

eksperimen yang kita buat itu. Bolehkah kita *outsource* kepada negara lain supaya tidak perlulah kita menghantar, kita seronok sendiri bagi menjimatkan kos eksperimen. Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, masukkan ucapan ataupun soalan Yang Berhormat Stampin ke dalam ucapan saya. Jadi saya mintalah pihak kementerian supaya dapat memberi penjelasan sebab ramai yang bertanya adakah eksperimen-eksperimen yang kita jalankan itu bertindih ataupun eksperimen yang kita jalankan di angkasa lepas itu adalah satu eksperimen yang baru dan ia benar-benar mampu memberi kebaikan kepada negara kita.

Akhir sekali, semalam kita dapat mendengar perbahasan daripada kedua-dua pihak mengenai jalan raya di negara kita. Sememangnya tidak begitu tahan lasak. Saya juga ingin memohon kepada kementerian kalau ada peruntukan yang cukup, hantarlah satu pasukan ataupun beberapa pasukan saintis pergi mengkaji macam mana kita boleh membina jalan raya dengan lebih tahan lasak dengan kos yang lebih rendah. Saya rasa itu lebih penting dan juga lebih membawa kebaikan kepada negara kita...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah dan terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh mengenai jalan raya dan teknik teknologi membina jalan raya ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Rasah dan bertanyakan pendapat bahawa ada satu lebuh raya yang baru siap dibina di Kuala Lumpur ini iaitu *Duta-Ulu Klang Expressway* (DUKE). Satu jalan yang pada ukuran sayalah, 60% daripadanya atas *elevated*. *Elevated* dan lebih kurang 4% atas tanah tetapi bahagian *elevated* ini yang sepatutnya dibina dengan teknologi yang *simple* kerana konkrit dan sebagainya, tentulah boleh diratakan berbeza dengan apa yang Yang Berhormat Parit Sulong bangkitkan tempoh hari di kawasan tanah gambut boleh jadi gelombang.

### ■1730

Akan tetapi *highway* yang dibina dengan konkrit saya rasa DUKE ini adalah satu lebuh raya yang paling teruk sekali pembinaannya. Saya mengajak Tuan Pengerusi untuk mencuba DUKE ini dan alami sendiri *experience* jalan yang sangat bergelombang. Itu dibina di atas konkrit yang *elevated*. Ertinya tidak timbul soal tenggelam atau jerlus tetapi itulah yang berlaku. Jadi bagaimana satu lebuh raya yang begitu mahal dibina dan memang penting tetapi teknologi yang digunakan sangat-sangat rendah dan boleh membahayakan. Saya minta apa pandangan Yang Berhormat Rasah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kebanyakan projek-projek kita kalau stadium boleh runtuh, apa-apa pun boleh berlakulah. Jadi kementerian MOSTI memang mengambil satu peranan yang sangat penting untuk memastikan tidak kiralah jalan, bangunan atau pun segala-galanya di negara kita adalah dalam satu keadaan yang baik dan terkawal.

Akhir sekali saya cuma ingin sekali lagi menegaskan bahawa saya bukanlah menentang Program Angkasawan Negara tetapi saya cuma berharap pihak kerajaan atau pun pihak kementerian..

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Rasah, boleh?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tentang program angkasawan ini saya memang setuju dengan Yang Berhormat Rasah. Kita di Malaysia ini tidak ada *base*. Kita tidak ada roket. Kita tidak ada semua kelengkapan yang ada. Teknikal kita tidak ada. So kalau hendak hantar seorang angkasawan ke angkasa ini saya rasa bukan pada masa sekarang ini. Duit yang dikumpulkan ini lebih baik digunakan untuk hal-hal yang lain bukan untuk eksperimen. Eksperimen yang kita jalankan telah dijalankan oleh negara-negara lain. Tidak perlu untuk kita ulang lagi. Itu eksperimen yang tidak begitu penting.

Saya rasa buang masa dan buang duit rakyat. Apa yang penting guna duit itu untuk hal-hal yang lain dan bukannya untuk angkasawan. *Unless you ada segala kelengkapan. You ada roket. You ada segala teknikal yang boleh hantar. Okey saya tidak ada masalah tetapi bukan, kita semua tidak ada, hanya hendak tumpang sahaja. Tumpang. Itu masalahnya.*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Akhir sekali saya ingin mengharapkan pihak..

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Rasah, boleh mencelah sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Rasah, Tuan Pengerusi.

Sepututnya pada pandangan saya Yang Berhormat Rasah patut berbangga dengan angkasawan negara kerana beliau merupakan anak tempatan daripada Rasah. Adakah Yang Berhormat Rasah marah kerana dia tidak mengundi Yang Berhormat Rasah semasa pilihan raya atau pun saya tidak tahu dia mengundi di mana. Akan tetapi tentang penyelidikan Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita lihat penyelidikan pada saintis terdahulu pun macam Einstein, dia tidak membuat suatu penyelidikan dan terus digunakan ketika itu. Jadi inilah perkara-perkara yang bakal digunakan dalam masa ke hadapan.

Itulah tujuannya penyelidikan dan *research*. Nama lagi *research and development*. Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar tetapi saya hendak tegaskan saya tidak pernah kata tidak berapa banggalah. Akhir sekali saya cuma mengharapkan pihak kementerian kalau boleh sila jelaskan secara terperinci sebab selepas angkasawan kita balik daripada ruang angkasa, memang saya rasa banyak program telah pun dihadiri, banyak ceramah atau *talk* telah pun dianjurkan tetapi pada masa kini saya rasa pelajar-pelajar kita di sekolah rendah dan menengah mahu pun peringkat universiti kita jarang melihat ada bahan bacaan atau hasil kajian yang kita dapat dari angkasa lepas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri sedia menjawab selepas Yang Berhormat Stampin. Sila Yang Berhormat Stampin.

### **5.34 ptg.**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Selepas Yang Berhormat Sungai Petani. Sila.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih. Butiran 030000, Butiran 030200 iaitu Remote Sensing Malaysia dan Butiran 030300 – ANGKASA.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang menyatakan bahawa apakah prestasi RSM setakat menerima jumlah peruntukan yang diberikan pada tahun 2013? Saya juga masih belum mendapat jawapan daripada kementerian bagi soalan yang saya bangkitkan. Apa yang diminta adalah jawapan terperinci serta tindakan kementerian dan bukan jawapan kementerian yang seolah-olah hendak mengelakkan kes tersebut iaitu membabitkan ARSM, dengan izin, Agensi Remote Sensing Malaysia dengan PNAS, syarikat Pan Northern Air Services Sdn. Bhd. Jawapan yang saya terima daripada kementerian adalah lebih pendek daripada soalan yang saya kemukakan. Jadi ini bukan terperinci.

PNAS pada Mac 2009 menyaman Ketua Pengarah ARSM dan dua lagi bagi menuntut tunggakan dan pampasan sebanyak RM112 juta kerana didakwa melanggar kontrak program MACRES Airborne Remote Sensing. Selain ketua ARSM, plaintiff juga menamakan MOSTI sebagai defendant kedua dan Kerajaan Malaysia sebagai defendant ketiga. Terbukti kita tidak boleh membiarkan kes itu begitu sahaja. Soalan saya masih belum dijawab. Kenapakah kes seumpama itu boleh berlaku? Adakah ini disebabkan oleh kaki tangan ARSM yang terlibat yang tidak berkompeten terutamanya Pengarah ARSM. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan? Siapakah yang bertanggungjawab?

Soalan yang kedua. Kenapakah kontrak begitu banyak dikurniakan kepada syarikat yang hanya dimiliki oleh dua orang? Saya hairan apakah latar belakang serta kompetensi syarikat tersebut? Adakah tender terbuka? Tiada syarikat lain? Jumlah projek sebanyak lebih kurang RM143 *million* selama sepuluh tahun.

Soalan ketiga, RM88 *million* pampasan. Saya difahamkan ianya hanya diselesaikan di Arbitration Court dengan izin, ataupun Mahkamah Timbang Cara, Yang Berhormat. Jadi apa yang kita dapat selepas membuat pampasan RM88 *million* Yang Berhormat? Selesai begitu sahaja. *Pocket ATM million*. Senang.

Soalan keempat, memandangkan bahawa RSM juga terlibat dalam Program Satelit Malaysia di mana hal ini perlu diambil berat terutamanya ianya melibatkan peruntukan yang begitu banyak serta kerajaan perlu memastikan kaki tangan yang kompeten terutamanya kepada sesiapa yang dalam tahap pengurusan. Seperti pelancaran Satelit RazakSAT 1 pada tahun 2009, gagal apabila ianya di orbit melibatkan peruntukan kesemuanya RM142 *million* dan Razak Satellite 2 akan membabitkan peruntukan sebanyak RM271.9 *million*. Itu pun dalam masa dua tahun peruntukan itu daripada RM200 *million* dinaikkan RM71 *million*. Ini tidak termasuk keseluruhan program satelit yang kita ada termasuk TiungSAT-1 dan TiungSAT-2, CHIPSat, InnoSAT serta kos operasi jangka

panjang, kos *technological transfer*. Kesemua ini jika tidak diperhatikan berpotensi menuju ke tahap pembaziran ratusan *million* disebabkan oleh pengurusan yang tidak kompeten.

Memang harapan saya Yang Berhormat untuk melihat program satelit kita berjaya tanpa sebarang pembaziran yang tidak diperlukan. Bayangkanlah kenapa kerajaan membazirkan jutaan ringgit bagi mengatasi masalah *brain drain* sedangkan isu utama adalah isu kementerian itu sendiri? Kenakah projek-projek lumayan sentiasa diberikan kepada agensi-agensi di mana pengurusannya tidak kompeten? *What is the rate of success*, dengan izin. Adakah budaya kita sekarang yang selalu berlakunya pembaziran, penyelewengan atas nama sains teknologi, atas nama pertahanan, atas nama *technology transfer* seperti kes Yang Berhormat Gopeng katakan tadi. Innoque jaya berlaku.

Jadi Tuan Pengerusi, bayangkanlah contohnya dengan RM88 *million* ini, berapa banyak projek penyelidikan bertaraf antarabangsa yang boleh kita bawa jika ianya dikurniakan kepada universiti serta syarikat yang berkaliber? Sedangkan saya mendapat banyak aduan daripada para penyelidik, saintis, profesor-profesor bahawa banyak penyelidikan mereka yang bertaraf antarabangsa tidak mendapat peruntukan yang mencukupi. Itu pun tidak banyak. Berapa *Masters student*, dengan izin atau pelajar PhD yang kita boleh tawarkan biasiswa dengan RM88 *million* ini? Lebih kurang 880 pelajar. Itulah sebabnya saya pernah menyatakan bahawa kenakah kerajaan bercakap pasal *brain drain* dan itu banyak duit yang digunakan untuk menyelesaikan isu-isu *brain drain* sedangkan dengan izin, budaya rasuah, kronisme, *rent seeking activities* yang mengakibatkan bijak pintar kita meninggalkan Malaysia kerana mereka sudah *fed-up*.

#### ■1740

Golongan bijak pintar ini bukannya *ignorance*. Itulah sebabnya bagi mereka adalah lebih baik mereka pergi ke negara di mana keupayaan mereka boleh dihargai. Tuan Pengerusi, dengan izin *we don't have the environment and the ecosystem that appear to this type of people*, dengan izin. Itu sebab utamanya taraf pada pendapat saya taraf universiti kita turun dan tidak sampai pun top 100 universiti di dunia dengan izin. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sungai Petani. Selepas itu Menteri menggulung.

#### 5.40 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh cuma tiga perkara sahaja. Pertama tentang Butiran 020300 - Pusat Sains Negara. Saya hendak tahu siapakah pelanggan-pelanggan kita dan saya tahu yang pelajar-pelajar sekolah juga ramai menjadi pelanggan-pelanggan kita, yang melawat Pusat Sains. Saya hendak tahu jumlah pada tahun lepas 2013 dan adakah jumlah ini meningkat kalau dibandingkan dengan tahun sebelumnya?

Keduanya di samping pelajar-pelajar ini datang, adakah MOSTI juga turun ke bawah untuk melihat bagaimanakah keadaan sekolah-sekolah kita khususnya para pelajar yang mengambil bidang sains di sekolah-sekolah? Keadaan *lab* mereka walaupun ini dalam bidang Kementerian

Pendidikan tetapi sedarkah MOSTI keadaan *lab* kita makin hari makin teruk. Ada *lab-lab* yang mempunyai separuh kapasiti daripada yang sepatutnya ada. Jadi bagaimana kita membangunkan sebuah Pusat Sains dan selepas mereka *motivated*, balik ke sekolah, peralatan pun tidak cukup. Jadi ini nampaknya tidak ada *synchronization* di situ. Jadi soalan saya ialah berapakah jumlah pelawat kita? Kedua, ada tak program yang dibawa oleh MOSTI untuk melawat sekolah-sekolah bagi melihat keadaan *sunsight* kita di sana?

Kedua, saya juga turut bersama-sama dengan kawan-kawan Ahli Parlimen yang lain berbicara tentang Butiran 030300 iaitu Angkasa Negara dan juga sekaligus dengan Butiran 012200 iaitu Agensi Angkasa Negara. Isunya di sini dan hendak tahu apabila kita menghantar angkasawan kita ke angkasa, saya hendak tahu berapakah perbelanjaan yang digunakan daripada duit rakyat, duit negara dan berapakah yang kita dapat *sponsors*? Kita dimaklumkan ada juga pihak yang memberikan *sponsorship* untuk angkasawan kita berlepas. Kita hendak tahu berapakah perbelanjaan yang sebenarnya yang menggunakan wang negara dan apakah hasil yang kita dapat setelah berapa lama angkasawan kita balik, apakah hasil ini telah pun diperincikan dan dimaklumkan kepada rakyat?

Kemudian kita hendak tahu *what's next* kerana perbelanjaan yang akan diberikan selepas ini ialah RM100 juta. Jadi satu jumlah yang besar, kita berbangga dengan anak Malaysia yang mungkin akan pergi lagi tetapi kita hendak tahu untuk apa RM100 juta ini kerana satu jumlah yang besar. Silakan Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Sungai Petani, sedikit sahaja. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan Yang Berhormat Sungai Petani mengenai hasil beberapa kajian Tuan Penggerusi yang dibuat semasa angkasawan kita berada di angkasa lepas antaranya keupayaan gasing berpusing kalau tidak silap di kawasan angkasa lepas dan lain-lain. Sudah lama perkara ini. Saya rasa berapa tahun sudah.

Jadi kita dimaklumkan dahulu dalam masa enam bulan, hasil daripada penyelidikan yang dibuat oleh angkasawan kita itu akan dimaklumkan. Jadi tidakkah Yang Berhormat Sungai Petani berminat untuk mengetahui dan menuntut supaya ia didedahkan. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Penggerusi, sudah pasti rakyat menunggu dengan begitu sabar sebenarnya sekian lama kita sudah sambut angkasawan kita balik sebagai seorang wira. Saya sudah pasti sebagai anak Malaysia, gembira melihat seorang anak Malaysia dapat melepassi satu ujian yang cukup hebat. Akhirnya juga dapat bersama-sama dengan angkasawan lain pergi ke orbit tetapi persoalannya sekarang ini ialah sudah tentu kita menggunakan duit rakyat. Apabila kita gunakan duit rakyat, sudah tentu kita hendak tahu apakah hasil yang akhirnya, natijahnya boleh membantu rakyat dalam memperbaiki kehidupan mereka?

Sudah tentu kita buat bukan kerana kita seronok-seronok, bukan juga kita buat kerana kita hendak nama, bukan juga kita buat kerana orang lain boleh buat, kita buat. Sudah tentu kita ada objektif. Tidak mungkin kerajaan khususnya pegawai-pegawai kerajaan tidak mungkin akan nasihatkan kerajaan untuk buat sesuatu tanpa objektif yang jelas. Saya rasa pegawai-pegawai

kerajaan kita adalah di antara yang terbaik di dunia. Jadi sudah tentu mereka juga akan menasihati kerajaan untuk melakukan suatu yang berfaedah dan bukanlah hanya sekadar untuk mendapat nama.

Jadi satu jumlah yang besar RM100 juta kita hendak tahu secara terperinci apakah faedah yang kita akan dapat kepada rakyat khususnya? Adakah dengan membawa sekali lagi program ini ke angkasa lepas kita dapat satu projek yang boleh memberikan kehidupan yang lebih mewah dan lebih sempurna kepada rakyat? Itu yang kita hendak tahu.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah kembali kepada Akademi Sains Malaysia iaitu Butiran 050000. Saya hendak minta penjelasan daripada MOSTI, bagaimanakah kita manfaatkan *research* yang telah pun selesai dilaksanakan oleh akademi ini? Adakah ia dipamerkan ataupun bolehkah individu-individu ataupun syarikat-syarikat menggunakan *findings* ataupun *research result* ini bagi memperbaiki keadaan? Mungkinkah dengan *finding* ini juga boleh membantu contohnya melaksanakan jalan yang lebih baik contohnya ataupun *zoom in* kepada PBT. Adakah dengan *research-research* yang ada ini maka MOSTI akan nasihatkan PBT-PBT bagaimana mengurangkan penggunaan bil elektrik, bagaimana mungkin *straight lighting* yang lebih baik boleh diperkenalkan ataupun bagaimana boleh mengurangkan kehilangan air sebenarnya?

Sekarang ini bayangkan sekarang bincang tali, bagaimana jutaan gelen air yang terawat hilang begitu sahaja? Tidakkah MOSTI fikir harus ada satu kumpulan orang memikirkan boleh *detect* tak kalau air hilang, di mana punca hilang, bagaimana boleh hilang? Dengan *research-research* ini saya rasa memang penting kepada rakyat daripada kita melakukan *research-research* yang akhirnya ia menjadi bahan akademik sahaja tetapi tidak memberikan pulangan yang *immediate* kepada rakyat. Jadi saya hendak tahu sama ada *research finding* ini dipamerkan ataupun dihebahkan atau di mana boleh *commercialize* kalau ia memberikan faedah, *business in this trace* itu. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih dan saya ucapkan terima kasih kepada MOSTI.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **5.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada sembilan orang Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan ini dan melalui tiga celahan yang saya akan jawab satu persatu dan kebanyakannya adalah satu cadangan yang menggalakkan tetapi ada juga yang menunjukkan ketidakfahaman Yang Berhormat tentang penyelidikan dan pembangunan. Biar saya terangkan dengan jelas.

Penyelidikan ini kalau kita hendak faham, penyelidikan ini maksudnya adalah kita buat sesuatu untuk membaiki kehidupan, membaiki cara hidup tetapi di hujung sekali penyelidikan itu belum tentu sama ada ia boleh dilakukan berjaya atau tidak kerana kalau lah penyelidikan kita itu berjaya, itu bukan namanya penyelidikan. Itu namanya pembuatan, *manufacturing*. Penyelidikan

kita belanja duit untuk buat sesuatu yang kita tidak tahu, yang kita jangka dan kadang-kadang ia jadi dan kadang-kadang ia tidak menjadi. Itu maksudnya penyelidikan.

**■1750**

Kalau kita buat terus jadi, itu terus buat kilang namanya. Bukan di bawah MOSTI. Ini kena jelas. *[Tepuk]*. Ya, itu satu persatu saya akan tanya. Saya tanya yang kedua, yang *dok* cerita tentang Program Angkasawan itu, saya sudah jawab. Akan tetapi, duit RM100 juta itu, tolong tengok balik, adalah di bawah Program Angkasawan ataupun Program RazakSAT-2. Saya ingat saya tidak ada pun cakap, hari itu sudah jawab soalan mengatakan program itu hanya dibawa, kita tengah buat kajian, sedang kumpul beberapa banyak maklumat, barulah kita memikirkan bagaimana, apakah kita hendak hantar Program Angkasawan yang kedua. RM100 juta itu adalah Program RazakSAT-2 yang telah pun kita dapat peruntukan sebanyak RM271.1 juta, yang akan dibelanjakan RM100 juta pada tahun hadapan. Ini jelas.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tunggu saya, bagi saya jawab lagi. Saya belum jawab, Yang Berhormat sudah bangun. Saya hendak bawa satu persatu. Jangan risau.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Pasal penyelidikan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, saya boleh jawab.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini soal fungsi MOSTI.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, saya akan jawab.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya rasa ini isu pokok.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, saya akan jawab... *[Dewan riuh]*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Soal penyelidikan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya kata saya jawab. Saya mahir dalam bidang itu, jangan risau. Tadi ada wakil rakyat, ada Yang Berhormat sebelah sana kata duit tidak cukup, ada Yang Berhormat kata duit cukup, ada yang kata kita kurang, ada yang kata kita lebih. Sebenarnya, peranan MOSTI adalah untuk penyelidikan dan pembangunan dan mengkomersialkan produk-produk inovasi. Ini kerja kita.

Akan tetapi kita kena tengok, sebenarnya, untuk sebuah negara maju, peruntukan untuk penyelidikan adalah 2% daripada GDP. Ini adalah peruntukan kebanyakan negara maju lakukan. Ini hanya diperuntukkan di bawah MOSTI sahaja yang dikatakan 0.5% daripada peruntukan. Akan tetapi sebenarnya, duit peruntukan banyak juga disalurkan melalui Kementerian yang lain melalui bidang-bidang mereka. Di bawah Kementerian Kewangan, dia ada *Cradle*, dia ada DSKM, ada MDeC. Di bawah Kementerian Pertanian ada, di bawah Kementerian Pertahanan ada. Semua kementerian ada mengkhususkan kepada penyelidikan bidang mereka.

Kerajaan Barisan Nasional ini hebat pembahagian kerjanya. Dia faham apa yang dilakukan dan di hujung sekali, kita punya peruntukan ialah 1.72 daripada GDP. Kita menyasarkan pada tahun 2020, kita akan mencapai 2% daripada GDP yang sama dengan *rate* yang dibelanjakan oleh sebuah negara maju. Ini yang kita telah lakukan. Itu duit daripada MOSTI sahaja, daripada

kementerian saya. Akan tetapi banyak lagi kementerian yang kita salurkan kerana ini adalah bidang kajian di bawah bidang mereka. Bukan MOSTI semua hendak buat benda-benda ini kerana kalau dalam bidang buat jalan tadi, ia ada kajian di bawah kementerian lain. Akan tetapi, kalau dia minta duit daripada kita, tidak ada masalah, kita juga bagi.

Ini kerana ada kata sektor swasta tadi. Swasta sebenarnya memang menyumbang banyak penyelidikan kepada negara tetapi dia tidak lalu MOSTI. Dia pergi terus kepada institut penyelidikan. Macam mana kita hendak kesan? Dia hendak bagi pada institut penyelidikan. Dia bagi, dia tidak bagi pada kita? Kita bukan satu agensi untuk mengawal “*engkau hendak bagi berapa? Engkau hendak bagi?*” Ini bukan tugas MOSTI. Tugas MOSTI menyalurkan wang kerajaan kepada institut penyelidikan, soal universitikah, institusi *private*kah atau awamkah yang kita bagi. Ini wang yang diperuntukkan di MOSTI.

Saya tahu, banyak lagi swasta yang menyumbang kepada institusi penyelidikan. Dia tidak perlu *report* kepada MOSTI. Dia boleh bagi *direct* kepada universiti. Dia boleh bagi ke FRIM kah, dia boleh ke RII kah, dia boleh bagi dekat UiTM kah, dia boleh bagi secara terus. Ini tidak. Jadi, wang itu kalau dikira sumbangan daripada sektor swasta, dia mungkin sudah melebihi daripada 2% yang perlu diadakan oleh sebuah negara maju. Silakan. Saya belum habis cakap lagi. Baru mukadimah. Itu belum *start* tetapi sudah hendak tanya, saya tidak ada masalah.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini soal fungsi MOSTI, isu pokok sebab kalau kita bincang soal isu penyelidikan - penyelidikan ini ada dua aspek. Pertama, penyelidikan sains asas, *basic sciences* yang mana penyelidikan dibuat untuk *find knowledge, establish knowledge*. Misalnya, dalam kuantum fizik dan sebagainya, dalam *basic sciences*. Ini tidak kena- mengena dengan *applied science*. Jadi, satu aspek penyelidikan adalah penyelidikan untuk seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi untuk membaiki keadaan kehidupan.

Jadi, apakah pendirian, keutamaan MOSTI? Ini isu pokok. Adakah MOSTI ini berperanan dalam penyelidikan *basic science* ataupun *applied science* ataupun kedua-dua sekali? Ini saya rasa isu pokok MOSTI perlu jawab. Sekian.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sekali lagi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit, sedikit. Sama.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya merujuk kepada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Katakan 0.6% itu hanya dana untuk MOSTI. Ini...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya tidak kata yang itu... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya tidak kata...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebab mengikut...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya tidak kata 0.6% itu daripada data saya. Yang saya *respons* mengatakan 0.5% tadi daripada... Itu bukan data saya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat Batu kena tengok betul-betul.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey. Kalau saya dapat jawapan ini daripada bekas Menteri yang kini telah berpindah ke Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pernah menjawab, berkata - Ini dalam forum di *World Bank*. Secara *total, research and investment* untuk Malaysia 0.6%. So, saya ingin dapatkan, adakah 0.6% itu hanya untuk MOSTI atau secara *total*?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** ...0.6% itu daripada MOSTI sahaja, bukan daripada secara *total*. Itu daripada Yang Berhormat Menteri. Okey, sekali lagi tadi pencelahan itu, itu sekali lagi saya kata, saya belum hendak jawab, sudah mencelah. Sebenarnya, kita ada banyak duit *research*. Yang Berhormat cakap itu adalah dipanggil *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Itu tidak di bawah kawalan MOSTI. Itu bukan di bawah kawalan MOSTI, itu diletakkan di bawah universiti. Dia sudah bagi siap-siap kepada universiti. Dia bagi *among the university research* yang dia melalui Pusat Penyelidikan Universiti. Itu dipanggil *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Kita ini adalah dana pengkomersialan. Selepas kalau benda itu *Fundamental Research Grant* sudah nampak katanya produk itu akan menjadi, kita *put more money*, akhirnya untuk boleh dikomersialkan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Jadi, 'Program Angkasa Lepas' itu bagaimana kita hendak komersialkan apa yang kita belanja itu untuk Angkasawan itu? Bagaimana kita hendak komersialkan itu? Adakah komersialkan orang sahaja ataupun apa-apa produk yang akan kita dapat? Ini penting sebab ini bukan lagi program penyelidikan untuk komersialkan *pattern*, untuk komersialkan *applied science*. Ini penyelidikan *basic science*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** [Ketawa] Saya hendak jawab, nanti saya jawab, dia katakan saya sekolahkan dia. Akan tetapi Yang Berhormat, saya hendak cerita, Yang Berhormat baca atau tidak apa dia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu? Apa dia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi? Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu peranannya ada teknologi, sains dan teknologi itu termasuk penggalakan sains juga adalah di bawah bidang kuasa MOSTI. Penggalakan bidang sains dan teknologi juga di bawah pengelolaan MOSTI.

Okey, saya hendak mulakan jawapan saya. Saya harap tidak ada lagi gangguan terhadap saya. Tadi Yang Berhormat Hulu Langat ada bercerita pasal apakah kita tidak ada dasar sains dan teknologi. Sebenarnya kita ada satu dasar. Yang Berhormat, selalunya soalan Yang Berhormat adalah soalan yang bernalas. Saya suka dengan soalan Yang Berhormat. Saya tahu kerana soalan Yang Berhormat adalah seorang pakar radioaktif tetapi tidak bagi nasihat kepada kawan-kawan tentang Lynas punya program tetapi tidak apa.

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi telah pun diluluskan oleh kerajaan pada bulan Mac 2013. Jadi oleh sebab itu, maka apa yang kita buat yang dipanggil DSTIM digubal untuk memastikan sains dan teknologi terus menjadi asas kepada negara dan menjadi komponen serta

fokus utama dalam agenda transformasi negara. Bermakna, apa yang kita lakukan selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara. Itu yang pertama Yang Berhormat.

Mengenai peranan STI, di dalam tahun 2013 sahaja, sebenarnya 24 program penggalakan dan pembudayaan sains. Kita sebenarnya ada kajian. Kita memang kalau boleh hendak pergi kepada dua juta orang pelajar setiap tahun tentang penggalakan sains ini.

### ■1800

Sekarang ini kita punya laporan kita sudah hampir mencapai kepada itu. Sebenarnya ini telah pun kita jalankan, jadi MOSTI sangat aktif dalam bidang itu. Bukan sahaja kita ada di Pusat Sains Negara tetapi juga kita bergerak ke sekolah-sekolah. Kalau ada kawasan Yang Berhormat yang minta buat program ini *insya-Allah* kita akan pergi turun ke sekolah-sekolah. Hampir setiap hari kita *fully booked* kalau pergi tengok di sana dan sini membuat pameran. Kita bawa semua agensi di bawah MOSTI, 23 ini untuk membuat penggalakan bidang sains dan teknologi dan hasilnya sangat berkesan. Itu fasalnya Yang Berhormat Sungai Petani kata tadi berkenaan dengan sains itu sebenarnya budaya sains dan inovasi sangat subur di Malaysia. Kalau kita tengok banyak aktiviti hampir setiap hari dilaporkan di surat khabar kejayaan sekolah membuat pameran itu, mencipta itu. Kadang-kadang standardnya melebihi daripada sekolah-sekolah negara maju. Akan tetapi kita punya masalah dia kita tidak pernah mengiktiraf kebolehan yang kita lakukan oleh anak-anak bangsa kita sendiri.

Itu fasalnya saya kata kita sebenarnya di Malaysia ini budaya pendidikan sangat berkembang subur. Kita tidak ada ragu dan pensyarah kita buat penyelidikan. Kalau hendak bagi duit tadi ada wakil rakyat kata saya ada pensyarah yang menjerit-jerit hendak duit, duit tidak cukup. Saya kena jelas ya? Sebenarnya apabila dia *apply* kepada MOSTI, MOSTI ini dia tidak pernah *decide* hendak bagi berapa, berapa, berapa kita tidak *decide* Yang Berhormat. Kita akan hantar perkara ini kepada panel penilai yang terdiri daripada profesor-profesor dan saintis yang ada di Malaysia. Mereka akan buat penilaian, mereka akan baca, mereka akan buat penilaian lepas itu mereka panggil orang ini buat *presentation*. Selepas buat *presentation*, kalau perlu penilaian kedua mereka akan panggil untuk penilaian yang kedua. Selepas itu barulah mereka selalunya ini kalau kita bagi terus apa yang diminta ialah ada yang dapat begitu, tetapi kalau macam itu tidak pakarlah orangnya. Jadi mereka buat penilaian selepas itu dia rekomen kepada MOSTI dan barulah MOSTI bagi duit.

MOSTI punya kerja bagi duit apabila panel penilai sudah meluluskan apa yang perlu. MOSTI tidak pernah *decide* pun berapa hendak bagi. Maknanya mereka membuat penilaian mereka sendiri, mereka rekomen ke MOSTI dan sampai sekarang wang di MOSTI masih ada lagi walaupun sudah hampir ke hujung tahun. Kita ada wang tetapi penyelidikan itu mesti penyelidikan yang boleh bertaraf dunia, mesti bertaraf yang boleh dikomersialkan, mesti ada— tadi Yang Berhormat tanya kerana benda itu boleh berlaku. Jadi untuk itu kita tidak ada risau tentang budaya itu kerana ini adalah budaya pendidikan sangat baik di Malaysia.

Jadi sebenarnya memang saya tahu dia punya masalah, dia ada sedikit. Masalah dia, produk ini lepas dia buat penyelidikan hendak komersial itu ada *gap*, ada *gap*, itu ada masalah sedikit. Itu fasalnya bila saya masuk kepada kementerian saya membuat pendekatan itu fasal dalam surat khabar ada satu pertanyaan Dewan. Saya kata sampai tahun 2020 saya hendak komersialkan 360 produk. Saya hendak isytiharkan kalau boleh kementerian hendak isytiharkan kita akan isytiharkan dan tahun depan adalah dipanggil *Malaysia Commercialisation Year (MCY)*. Di mana kita akan buat maknanya kita akan terus melihat produk ini untuk dikomersialkan.

Sebenarnya walaupun begitu tidaklah berapa kalau kita hendak rasakan bukanlah teruk sangat. Dalam Rancangan Malaysia yang ke-10...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Hendak mencelah sedikit.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Timbalan Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini *commercialisation*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya belum cakap lagi *commercialisation* tunggu sekejap lagi saya bagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Fasal fakta yang diberikan menarik sebab saya ada jawapan tentang ini tadi.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak apa, saya terangkan lagi menarik.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, saya boleh bagi lebih menarik lagi kalau hendak.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bagi yang ini, yang ini.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya ada membuat satu soalan minta kerajaan menyenaraikan kajian dalam bidang perubatan yang hasilnya berjaya dipasarkan, dikomersialkan untuk manfaat rakyat Malaysia sejak lima tahun yang lalu. Ini perubatanlah. Jawapannya dalam lima tahun yang lalu ada satu projek yang berjaya dipasarkan, lima tahun yang lalu satu projek namanya Projek Megat Terapi. Ini pun Megat ini pun kerana Tuhan bagi, ciptaan Tuhan. Satu sahaja dalam lima tahun. Jadi, daripada 22 hasil penyelidikan, satu sahaja yang boleh dicommercialisekan. Dekat mana sangkutnya kita?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Itu saya hendak terangkan tadi, kan saya kata tadi hujung itu ada masalah ya? Kan saya cakap tadi. Saya tidak tahu itu laporan daripada mana itu, saya tidak tahu daripada MOSTI bukan tidak?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini jawapannya bukan Menteri ini.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bukan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya tanya pada Perdana Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya tidak tahu kata saya keluarkan borang itu kalau tidak jawapannya tidak begitu, kan? Sebenarnya itu yang saya kata tadi sebenarnya kita punya masalah. *Research* ini tidak ada masalah semuanya okey kita *funding* dengan baik. Bila

sampai hujung itu mana hendak disalahkan kerana ini kena ada kerjasama dengan pihak swasta. Bukan tidak ada berlaku. Kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya akan ulangkan balik. Kita berbelanja untuk *research* ini RM2.9 bilion Rancangan Malaysia Kesembilan. Paten sahaja tidak usah cerita fasal patenlah projek yang dikomersialkan 311 *alhamdulillahlah*, boleh tahan. Itu adalah untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh ini *latest* sampai penghujung bulan September apabila kita telah membelanjakan RM498 juta bermaknanya produk yang dikomersialkan 29.

Memang ada masalah di situ kerana orang kita ini dia bila hendak komersialkan produk dalaman ini dia rasa macam susahlah. Baik kita beli barang daripada China jual lagi senang. Baik kita import barang lagi senang. Itu fasalnya Perdana Menteri kata untuk mencapai sebuah negara maju pada tahun 2020 kita mesti menjadi negara penjual teknologi atau pengeluar teknologi bukan negara pengguna teknologi. Maksud dia mesti ada usahawan yang boleh mengkomersialkan produk R&D. Itu fasalnya pada bajet ini Perdana Menteri telah mengumumkan satu lagi badan baru pusat sehenti untuk mengkomersialkan produk dipanggil MaGIC yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan bukan diletak di bawah MOSTI. Yang Berhormat Hulu Langat cerita fasal MIMOS.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya sebenarnya, saya tertarik dengan apa yang telah disebut oleh Menteri dan saya setuju dengan apa yang disebut. Hanya apa soalan yang saya ialah kita ingin dapat satu penjelasan untuk senaraikan projek-projek yang telah dibagi dana. Kita ingin tahu sebab secara prinsip kita tahu tetapi mana projek yang telah terima *funding* ini dan apa yang terjadi dengan mereka? Sedikit lagi, konsep R&D. R&D ini maksudnya dapat dikomersialkan, R&D bukan *discovering new knowledge*. R&D itu adalah kita *research* supaya satu produk yang baru boleh kita pasarkan. Kalau kita telah *invest* dalam R&D dan selepas itu kata produk ini tidak boleh dipasarkan, maksudnya dia *defeat the purpose of doing R&D*lah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Masih lagi Yang Berhormat Batu kena baca lagi tentang *research* itu. Apa yang dicakap itu pun tidak berapa betul. Boleh baca balik semula. Ini kerana dia yang perlu dikomersialkan R&D itu tidak semestinya boleh dikomersialkan. Bila dia jadi inovasi, *innovation* kalau tidak dia jadi hak cipta, reka cipta itu tidak ada inovasi, tidak perlu dikomersialkan itu dipanggil - tetapi kalau dikomersialkan mesti ada inovasi. Bermakna kalau hasil itu ada *innovation* baru perlu dikomersialkan kalau tidak, dia jadi reka cipta tidak ada masalah. Yang Berhormat boleh baca lagi. Banyak lagi maklumat yang Yang Berhormat boleh baca. Tidak apa Yang Berhormat. saya bukan tidak hendak bagi senaraikan kepada Yang Berhormat tetapi terlalu banyak Yang Berhormat.

Yang Berhormat Batu tengok dekat saya. Ya saya hendak bacakan ini. Saya bukan tidak hendak Yang Berhormat hendak bagi senarai ini terlalu banyak Yang Berhormat. Untuk ScienceFund sahaja Rancangan Malaysia Kesembilan – 2,834 penerima, untuk Biotech – 25 penerima, ScienceFund – 10 penerima, TechnoFund – 286 penerima, InnoFund – 365 penerima, CRDF – 154 penerima, *TF TechnologyFund* – 32 penerima, *agro biotech R&D* – 41 penerima,

genomic – 25 penerima, farmaseutikal – 35 penerima. Banyak ribu. Untuk projek tahun ini sahaja yang kita sudah luluskan 1,700 lebih tetapi kalau Yang Berhormat hendak saya boleh bagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya dapatkan senarai ini?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Boleh, tidak ada masalah Yang Berhormat. Kita ada *good record*. MOSTI mempunyai rekod yang sangat baik untuk menyenaraikan benda-benda ini, tidak ada masalah kerana kita punya ....

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tulislah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Boleh, boleh tidak ada masalah Yang Berhormat, tidak ada masalah. Tidak ada masalah kerana benda itu memang kita ada rekod kerana setiap duit kerajaan dikeluarkan, kita monitor dengan baik. Kita tidak boleh main-main tentang perkara itu.

#### ■1810

Sehingga tahun 2013, Yang Berhormat Hulu Langat, MIMOS telah menghasilkan 50 *research lab prove of concept*, 19 teknologi *platform*, lebih 30 produk solusi, dan penerima teknologi MIMOS telah berjaya menghasilkan RM398.83 juta daripada pengkomersialan produk teknologi MIMOS. *Alhamdulillah*, boleh jugalah walaupun itu kecil kan tetapi adalah daripada tak ada langsung, kan.

Yang Berhormat Hulu Langat juga bertanya tentang Pusat Sains Negara, yang RM17 juta itu hanya ada bumbung, dah lama sikit. Itu sahaja wang yang kita minta, RM17 juta tapi kita ada bercadanglah, sebenarnya ada negeri yang bercadang nak minta itu dalam pertimbangan. Melaka pun ada minta nak buat pusat sains dan Terengganu juga ada *offer* kita bangunan untuk buat, tetapi kita dalam pertimbangan, *insya-Allah* kalau saya bentangkan bajet untuk tahun depan, saya harap Yang Berhormat Hulu Langat boleh setuju dengan saya, boleh buat bangunan baru.

Tentang LPPA. LPPA ini Yang Berhormat, dia tidak buat penyelidikan. Lembaga Pelesenan ini Yang Berhormat tahu kan, tugasnya hanya ditubuhkan di bawah Akta 304. Saya tahu Yang Berhormat aktif dan boleh hafal akta ini yang diluluskan oleh Parlimen pada April 1984, telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat. Melaksanakan aktiviti pelesenan bagi syarikat yang berurusan dengan sinaran. Ini tugas dia. Menjalankan dan menguatkuasakan dengan melakukan pemeriksaan rutin, berkala, dan mengejut ke atas pemegang lesen, melakukan pemantauan radiologi dan alam sekitar ke atas premis yang memegang lesen di bawah Akta 304. Jadi saya ingat jelas Yang Berhormat mengenai itu bahawa dia tidak buat penyelidikan, dia hanya mengawal. Agensi Nuklear pun dia kawal juga.

Yang Berhormat Hulu Langat juga bertanya tentang, ini bukan Yang Berhormat Hulu Langat. Yang ini telah bercampur tadi ini tapi tak apa, yang Agensi Nuklear. Yang Berhormat tanya saya tentang Agensi Nuklear, saya ingat Yang Berhormat pun lebih arif tentang Agensi Nuklear ini. Sebenarnya Yang Berhormat kita nak jadi satu masyarakat dipanggil '*nuclear ready*' Maknanya penyelidikan kita itu adalah menjadikan kita ini *nuclear ready*. Manalah tahu kalau kita buat *decision* esok nak tukar kepada nak menjadikan nuklear sebagai sumber tenaga, kita telah bersedia. Jadi

tak adalah kita diperlekehkan orang. Jadi apa yang berlaku di Agensi Nuklear, kita membuat penyelidikan ke arah itu, dan wang yang kita minta itu adalah untuk menukar peralatan-peralatan yang telah lama kita tak tukar kepada peralatan yang baru, supaya dilihat lebih sofistikated dan boleh menghasilkan hasilan yang baik daripada segi penyelidikan. Yang itu saya ingat saya tak perlu panjang-panjangkan.

Yang Berhormat Sekijang tadi dia kata pelaburan InventQjaya bukan Yang Berhormat Sekijang tak..., bukan ya? Yang itu Yang Berhormat Gopeng ya? Yang Berhormat Gopeng, yang InventQjaya itu sebenarnya *eventually* bukan di bawah saya, ia di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Kementerian Kewangan yang ada rundingan, itu dalam peringkat mahkamah. Yang itu saya tak boleh jawab kerana saya *check* tadi, sepanjang saya masuk dengan kementerian, tak pernah muncul perkataan "InventQjaya" dalam kementerian saya. Jadi saya tak boleh jawab dengan baik tentang itu, kerana itu bukan bidang kuasa saya, minta maaf Yang Berhormat Ya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri, sedikit ya.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi saya nak kembali kepada isu *nuclear ready* ini. Saya pernah dapat laporan daripada MOSTI bahawa lebih kurang 200 lebih tapak pernah diearmark berpotensi untuk pembinaan loji nuklear, tapi malangnya juga kerana tempat-tempat ini tidak dimaklumkan, dan banyak perkembangan perumahan dan lain-lain ini, dan tapak ini sekarang banyak yang sudah tidak sesuai lagi. Saya ingin dapat penjelasan, adakah kita *nuclear ready* juga dalam menyediakan tapak sebab kita tahu loji ini agak sensitif kalau tidak *diidentify* dengan betul, mungkin akan ada kontroversi baru. Saya ingin dapat penjelasan, sama ada ini masih kekal atau tidak?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu ni orang yang melihat ke hadapan. Sebenarnya kita tak ada *intention* lah. Nuklear kita sekarang ini hanya bawah peringkat penyelidikan. Apa yang kita ada itu pun adalah hanya untuk penyelidikan sahaja. Kita pun tidak dikategorikan di bawah negara nuklear, kerana kita punya *production*nya satu..., bila bawah dua- apa unitnya saya pun dah lupa? Kalau yang itu tidak dikira negara nuklear. Jadi kita tidak pernah ada *intention*. Saya pun tak tahu ada 200 itu daripada mana, macam juga saya tak tahu macam mana datang 400,000 pengundi Bangla itu [*Dewan riuh*] Saya pun tak berapa tahu, jadi 200 itu pun saya tahu juga.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri, ini kita pernah, sebelum Menteri dalam penggal yang lama. Kita ada dialog oleh MOSTI, yang kita dimaklumkan oleh pihak MOSTI bahawa ada persediaan begitu. Menteri kena semaklah balik rekod, dialog ini berlaku. Dalam penggal yang lalu, kami dimaklumkan bahawa dalam tahun terdekat- dua, tiga tahun ini kita akan *launch*, menyediakan loji penjanaan elektrik nuklear ini, so Yang berhormat Menteri tak bolehlah menafikan rekod kementerian sendiri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya tahu kemampuan Agensi Nuklear Malaysia, saya tahu apa kemampuan yang dia ada, saya tahu. Saya *detail* benda itu, saya tahu

dan setakat ini kita tidak ada cadanganlah. Jangan risau. Seperti tidak ada cadangan nak bawa 400,000 orang Bangla ke Malaysia.

Okey, Yang Berhormat Sekijang [*Dewan riuh*] Janganlah marah, petang-petang ini janganlah *tension* sangat. Jangan lah marah-marah!

Okey, Yang Berhormat Sekijang tanya saya- Yang sebenarnya untuk dana *e-content* itu, kita dah tak tawarkan selepas Rancangan Malaysia Kesembilan, *e-content* ini kita dah tak buat. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, sebenarnya sebanyak 97 projek telah diluluskan untuk dana- *e-content* ini untuk sebelum itu yang telah menghasilkan 115 jumlah IPR, yang merangkumi 11 reka hak cipta, dan 104 *trademarks* yang kita telah berjaya. Jumlahnya adalah RM109.12 juta yang telah kita belanjakan.

Yang Berhormat Sekijang juga tanya saya pasal MIMOS. Sebenarnya MIMOS membina solusi akses tanpa wayar, dengan izin, dipanggil *wireless access point* untuk projek Kampung WiFi. Masalah kelajuan akses untuk kawasan kampung adalah berkaitan dengan *back hole*. Biasanya *back hole* ini menggunakan satelit, ADHL atau 3G atau perkhidmatan ini dikendalikan oleh syarikat Telco. *The system is good* tapi Telco yang menimbulkan masalah.

Yang Berhormat Gopeng- minta maaf lambat sikit tapi saya merewang banyak tempat tadi. Jadi sebenarnya Yang Berhormat Gopeng, dia punya yang pertama tadi ada tanya saya pasal ramalan cuaca. Betul Yang Berhormat ya?

Saya dapat jawapan daripada pegawai ini, saya tahu jabatan itu di bawah jabatan saya. Dia kata hujan lebat di Cameron Highlands, ini teknikal- adalah disebabkan oleh aktiviti perolakan. Ramalan hujan hanya dihasilkan oleh awan perolakan ataupun dipanggil *convective*, tidak dapat dikeluarkan seminggu lebih awal disebabkan jangkaan hayat awan tersebut hanya dalam tempoh beberapa jam sahaja. Ini jawapan nyalah. Dia kata awan itu tak nampak, boleh kesan berapa jam...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Nanti, saya habiskan ayat ini lepas itu Yang Berhormat sampuk.

Ini berbeza dengan cuaca semasa musim tengkujuh ataupun Monsun Timur Laut di mana kedatangan monsun dalam *monsoon search* ini adalah disebabkan hujan lebat menyeluruh yang dapat diramalkan dalam masa tiga sampai tujuh hari sebelum kejadian. Nama pun ramalan. Nama pun ramalan bukan benda yang betul, nama pun ramalan, jadi maknanya kita kena terimalah ini kerana nama pun ramalan. Kalau tidak, nujum pun nanti kena pakai bomoh hujan pula kalau nak tahu hujan atau tak hujan, tapi namanya pun ramalan. Baik silakan Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Ini soal hujan itu, saya masih ingat ada hujan akibat perolakan, hujan akibat monsun. Itu berlainan- cuma kalau katakan kita katakan bahawa macam ramalan cuaca akibat hujan perolakan, tidak tepat kecuali beberapa jam sebelum ini. Ini bermakna setiap hari apabila kita katakan ramalan cuaca ini kecuali semasa *monsoon period*, semua tidak tepat. Yang kita boleh ramalkan mungkin

dua jam, tiga jam, kita tak dapat ramalkan- okey esok hari Rabu adakah kita akan hari hujan kah atau hari tidak hujan. Jadi ini saya rasa satu perkara yang menakjubkan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jelaskan setakat mana... *[Dewan riuh]* Ketepatan ramalan cuaca di Malaysia ini. *That's my question.*

■1820

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya pun sudah kata tadi. Namanya pun ramalan, kan? Ramalan. Saya kena tak boleh. Okey, pegawai pun cekap, dia kata ramalan untuk satu hari dia kata kecekapan dia 80% ke 85% yang dia kata. Dulu ada satu kes, saya sudah terlupa sudah satu kes itu dekat US. Dia baca ramalan kaji cuaca, tapi saya tidak sahkan, tapi ini surat khabar saya baca. Dia kata bila ramalan kaji cuaca hari itu tidak hujan dia keluar, lepas itu hujan berlaku, dia saman tapi mahkamah itu kata ini ramalan. *[Ketawa]* Macam ramalan nombor ekor, ramalan apalah agaknya. Tidak kena hendak buat macam manakan? Agaknyalah, tapi itulah yang dikata ramalan ya? Yang ini yang saya fahamlah. Saya minta maaf. Tapi nama pun ramalan. Kalau ahli nujum pun dikata ramalan jugakan? Jadi saya ingat *[Ketawa]* yang itu pun nama pun ramalan. Saya seronok perkataan ramalan itu, cakap orang putih dia kadang-kadang *prediction*kah apa itu?

Okey, Yang Berhormat Putatan. Ini saya suka betul dengan soalan Yang Berhormat Putatan ini. Saya masa masuk Parlimen dulu saya minat dengan Yang Berhormat Putatan ini. Sampai sekarang saya ikut saja. Soalan dia pun kadang-kadang ada bocor, kadang-kadang tidak bocor. Dia tanya pengurusan TPM. Untuk makluman, MOSTI pernah memohon untuk pembangunan *technology park* di Sabah dan Sarawak pada Rancangan Malaysia Kesembilan, namun permohonan ini tidak diluluskan. Oleh yang demikian pengurusan TPM di bawah MOSTI tidaklah sama dengan pengurusan *technology park* di Sabah dan Sarawak yang ada sekarang. Ya, itu bukan kita punya. Kebetulan nama yang sama. Kita ini *Technology Park Malaysia*, TPM Sdn. Bhd. *company* di bawah Kementerian Kewangan. Yang itu betul-betul *park teknologi* punya, taman teknologi ya? Yang itu lain, yang *Technology Park* ini nama syarikat yang gunanya untuk mengkomersialkan produk. Ini adalah di bawah TPM.

Jadi kita pun tadi sebenarnya Yang Berhormat Putatan saya pun ada bincang dengan pegawai saya. Saya kata *why not* kita bawa juga satu *technology park* buat di Sabah dan Sarawak. Kebetulan pun Yang Berhormat Menteri datang daripada orang sana kan. Jadi saya ingat itu fasal dia cakap dengan saya, *insya-Allah* kita akan pertimbangkan perkara-perkara ini tapi *Technology Park Malaysia*, bukan *technology park* yang ada di situ itu. *Technology park* yang macam *technology park* yang ada di Bukit Jalil itu kita buat di Sabah Sarawak. Yang itu kita akan pertimbangkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri saya minta penjelasan ini. Sebab yang mengumumkan *technology park* Sabah itu adalah Yang Berhormat Menteri MOSTI sendiri. Pada satu ketika apabila Yang Berhormat Menteri yang sekarang Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang mengumumkan. Jadi macam mana? Jadi

apabila saya soal berkenaan *technology park* Sabah dan Sarawak ini, MITI kata ini di bawah MOSTI. Jadi cuba beri yang mana yang betul ini.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey, okey. Sebenarnya Yang Berhormat ya, masa saya mula-mula pegang jawatan Timbalan Menteri pun saya pun *confuse* benda ini tapi sekarang saya sudah jelas. Sebenarnya kita bila kata *technology park* ini yang ada dekat MOSTI itu ialah *Technology Park Malaysia*. Yang ini yang orang selalu *confuse*. Yang *technology park* yang dimaksudkan yang hendak dibuat dekat Sabah dan Sarawak itu adalah *technology park*, taman teknologi di mana dalam itu ada industri begitu, begitu, begitu. Yang itu namanya *technology park*. Ini *Technology Park Malaysia*. Nama syarikat yang di bawah MOSTI, di bawah Kementerian Kewangan.

Jadi di situng timbulnya *confuse* kerana itu *technology park* yang buat taman teknologi macam kita hendak buat rumahlah. Ada taman perumahan, ini taman industri. Jadi itu walau macam mana pun dia sudah cuba minta hendak buat dia kata tahun 2009 tidak jadi. Akan tetapi *insya-Allah* saya boleh tengok kalau apa yang berlaku selepas ini nanti saya akan beritahu Yang Berhormat Putatan. *Insya-Allah* saya akan kalau saya ada kuasa untuk bagikan perkara itu, saya akan bagi keutamaan di bidang itu.

Tentang lepasan bioteknologi tadi ada yang beritahu saya fasal lepasan bioteknologi, kan? Sebenarnya yang tidak ada bekerja, siapa nama tadi, ada? Yang Berhormat Gopeng kah apa? Yang tanya saya fasal lepasan tidak bekerja tadi. Ya, Yang Berhormat ya? Yang Berhormat, sebenarnya saya mengaku benda ini ada berlaku sedikit. Masa mula-mula kita awal, kan semua orang hendak belajar bioteknologi. Saya ingat dalam 10 tahun dulu, begitu. Jadi masa itu berlumba-lumba universiti, masa itu saya bekerja dekat universiti. Banyak universiti hendak tubuhkan fakulti bioteknologi. Begitu ya, banyak. Memang saya mengaku masa itu saya *Head of Department* dekat Universiti Sains Malaysia.

Lepas itu saya tengok bila ramai sudah keluar, kita ada masalah sedikit. Oleh sebab kita seolah-olah macam tidak *ready* dengan syarikat-syarikat itu kerana mereka tidak boleh bekerja dengan syarikat swasta kerana tidak banyak. Kalau hendak pakai pun satu atau dua. Jadi ini bukanlah tanggungjawab MOSTI tapi MOSTI berusaha ke arah itu. Jadi kita sebenarnya melalui BiotechCorp memang *very active*. Kita pun dapat sertakan wang. Ada saya tengok dalam peruntukan itu dan kita juga mengiktiraf apa yang kita buat, kita bagi geran kepada mereka dan syarikat ini mestilah syarikat-syarikat yang ada berdaftar dengan BioNexus. Sekarang tidak salah saya ada 22 syarikat BioNexus di negara kita ini.

Jadi semua mereka ini bekerja di syarikat BioNexus itu. Di Biotech sendiri pun tidak berapa ramailah kerana kita tidak buat penyelidikan dalam bidang itu tetapi saya lihat Biotech...

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sekejap Yang Berhormat, saya habiskan ini sekejap Yang Berhormat. Sebenarnya dengan adanya Biotech ini, BiotechCorp ini kita menggalakkan banyak pelaburan bawa dalam bidang bioteknologi, kita *initiate*, kita buat kerjasama

dan *alhamdulillah* tapi sebanyak manalah kita boleh *employ* mereka. Akan tetapi *insya-Allah* banyak juga mereka yang kita telah pun, kita ambil bekerja tapi bukan di bawah MOSTI, daripada syarikat bawah syarikat BioNexus di mana MOSTI bertanggungjawab mewujudkan atau memberi *clarification* kepada *company* tersebut. Saya bagi Yang Berhormat Sungai Petani sekejap.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Kuala Krai. Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengurus. Menteri menyebut tadi bahawa pada ketika itu 10 tahun atau lebih yang lalu berlumba-lumba pihak pengajian tinggi pun membuka kursus-kursus *biotech*. Saya rasa berlumba-lumba ini sebenarnya adalah berpunca daripada dasar kerajaan untuk meningkatkan bioteknologi dalam negara kita kerana kita dilihat akan bergerak ke arah itu. Jadi IPT kita mengambil inisiatif untuk memberikan ruang untuk ilmu ini diajar. Maka ramailah pelajar kita mengambilnya.

Macam tahun 90-an bila kita bercakap mengenai ICT ya sebagai *flagship* yang kita hebahkan dulu, maka ramai yang ambil ICT. *Alhamdulillah* ICT ini berkembang dan memberikan ruang pekerjaan kepada anak-anak kita. Akan tetapi *biotech* ini yang dibangkitkan tadi dimulakan inisiatif oleh kerajaan tetapi tidak disediakan satu peluang untuk mereka bekerja. Saya khuatir kebanyakan daripada mereka yang lulus ini akhirnya tidak ada jalan lain mengajar biologi di sekolah. Bukan tidak boleh tetapi tidak bermaknalah apa yang dihasratkan asal oleh kerajaan. Terima kasih. Macam mana pandangan Timbalan Menteri?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Kuala Krai tadi. Oleh sebab kita tahu memang apabila kita ada mahasiswa yang berkaliber, yang dapat latihan dalam bioteknologi tetapi macam membazir apabila mereka tidak berpeluang untuk teruskan karier mereka dalam bioteknologi. Cuma saya menghargai segala usaha yang dibuat setakat ini. Cuma saya rasa yang setakat ini masih tidak mencukupi untuk selesaikan masalah yang ramai antara mereka yang *graduate* daripada bioteknologi yang masih menganggur, yang buat *sale*, yang buat kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan bioteknologi. Kebetulan memang saya bersetuju bahawa bioteknologi satu bidang yang begitu penting, yang begitu berpotensi untuk negara kita ini. Cuma kita gagal untuk memanfaatkan kelebihan yang kita ada ini. Sekian.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sebenarnya saya tidak kata, saya tidak suka dengan perkataan gagal itu. Sebenarnya kita kena lihat ini bukan sahaja tanggungjawab kerajaan. Kerajaan telah menyediakan dana, kita buat duit, kita tubuhkan BiotechCorp. Kita tengok dekat belah utara dia ada Kulim Hi-Tech Park. Dekat Melaka pun ada, banyak yang Melaka. Sebenarnya kita cuba melakukannya dan kita berbalik kepada kadang-kadang kan kita jangan tengok sebelah pihak saja. Kita tengok juga sebelah. Orang kita ini kadang-kadang produk yang dihasilkan oleh kita mereka pun tidak berapa hendak pandang. *That is a problem* lagi. Masa saya kata *promotion*. Kalau produk ini *biotech* yang datang daripada Malaysia, yang mereka, itu *alhamdulillahlah* boleh pakai. Akan tetapi kadang-kadang produk yang kita hasilkan orang Malaysia pun tidak mahu beli. Itu macam mana dia hendak buat, macam dia hendak mengembangkan perniagaan?

Akan tetapi kerajaan telah melakukan tugas yang sebaik mungkin. Adanya BiotechCorp, kita buat lagi *spin of company*, kita geran semua penyelidikan. Kita buat lagi mencari *company* BioNexus dan ini adalah peranan kerajaan dan kerajaan telah melakukan yang terbaik. Terpulang kepada pihak swasta untuk menyahut cabaran apa yang kerajaan telah lakukan.

Okey, Yang Berhormat Batu tadi. Sudah tak ada dah dia?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ada, ada, tak perasan, *sorry, sorry*. Tak nampak pasal dia sibuk sembang dekat situ tadi. Okey..

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri..

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya punya...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yayasan Inovasikah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Belum habis lagi?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Belum habis, belum habis lagi, sorry saya tersilap tengok ini. Untuk Yayasan Inovasi tadi. Sebenarnya Yayasan Inovasi Malaysia ini..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat, biar saya jawab sekejap selepas itu saya bagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Apa dia?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak berbalik balik kepada soal bio teknologi.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey, boleh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ringkas sahajalah. *[Dewan riuh]* Dia beri. Eh, siapa Speaker? Siapa Speaker? *[Dewan riuh]* Siapa punya floor? Beginilah Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Disampuk]* Saya hendak petik kata-kata timbalan menteri yang timbalan menteri tak suka dengan perkataan ‘gagal’. Akan tetapi perkataan itu wujud dalam kamus, ada sebabnya. *[Dewan riuh]* Kerana ada kadangkala kegagalan itu memang itulah yang terhasil.

Saya rasa pihak kerajaan kena akui bahawa setelah berusaha dan memberikan satu wawasan bahawa negara Malaysia ini merupakan sebuah negara yang kaya dengan biodiversity dan pernah meramalkan bahawa pasaran berhubung dengan hasil bio teknologi ini akan mencapai berbilion-bilion. Saya pun tak ingatlah jumlahnya yang sebenarnya yang disebut dahulu. Akan tetapi potensi itu tidak dapat dihasilkan dan ini kerajaan....

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Shah Alam hanya mengambil kehadiran. Yang itu sudah dijawab tadi. *[Ketawa]* Tidak adil bagi kami yang tunggu di sini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila pula dia jawab? Tadi dia bercakap pasal dia tak suka benda yang gagal.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Shah Alam, baru sampai. Baru sampai, tak perlu jawab. Dia buang masa saya mahu dengar jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ajar dia pasal peraturan mesyuarat. *[Ketawa]* Dia sudah berkali-kali jadi Ahli Parlimen, tak pandai-pandai juga.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dia hanya mengambil kehadiran sahaja ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya sudah masuk pagi tadi Yang Berhormat Putatan. Kalau hendak ambil kehadiran, tak payah datang dah. Lalu saya rasa kerajaan kena akui ada kesilapan, ada kekurangan dan telah gagal. Apabila kita mengakui benda itu, maka kita akan fikir balik. Jangan kita lepas tangan begitu sahaja. Pasal saya lihat di Malaysia ini, di bawah Barisan Nasional, banyak wawasan yang pada asalnya dikemukakan, selepas itu bila tidak berjaya, terbiar. Sebagai contoh, industri tinggi, industri berat, PERWAJA hendak buatkan *steel* dan sebagainya, akhirnya, negara hilang dan rugi berbilion-bilion.

Soal industri automotif, sampai hari ini Proton gagal. Soal Multimedia Super Corridor, Cyberjaya itu tetap lagi, separuhnya merupakan bagaikan bandar yang berhantu. Begitu juga dengan soal bio diversiti. Memang potensi itu ada. Lalu sepatutnya kerajaan memikirkan di manakah ia telah silap dan apa yang perlu dilakukan untuk menentukan bahawa teknologi ini dan bidang ini dapat dikembangkan supaya lulusan daripada universiti-universiti ini boleh kita gunakan dan manfaatkan. Akui kegagalan. *That is the very beginning. Admit your mistakes, admit where you went wrong. Admit where you failed. Then you come out with a new plan.* Akan tetapi jangan lepas tangan selepas itu salahkan rakyat or rakyat tak hendak beli produk Malaysia. Salahkan swasta, swasta tak hendak buat ini, tak hendak buat itu dan sebagainya. Sedangkan *investment* sudah beratus juta, kalau tak beribu juta. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya ingat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak payah jawab?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** *Admit* dahulu yang 40,000 orang Bangla itu tak pernah wujud. Saya ingat Yang Berhormat, bagi admit saya yang 40,000 yang datang sebagai pengundi hantu itu ada wujud ke tak wujud? Admit dulu benda itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tak mengikuti perbahasan dahulu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tak, tak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** tak, tak, *I go back to the fourty thousand bangla tadi. Saya...*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tak, tak, dulu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Timbalan Menteri! Saya, tak boleh macam ini. Tak payah, tak payah jawab. Yang menjawabnya, Yang Berhormat Timbalan menteri, Timbalan Menteri, saya tengah *off microphone* ini. Yang menjawabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey, saya jawab, saya jawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan dia unkitkan benda yang tidak ada kena mengena.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, jangan timbul isu yang tidak ada kena mengena.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila. Panjang lagi?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Hendak panjang pun boleh, hendak pendek pun boleh. Tidak ada masalah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau anggapan Timbalan Menteri itu pendek mencukupi, pendekkanlah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey boleh. Kalau macam itu, saya pendekkan sahajalah.

Berkenaan dengan Yayasan Inovasi Malaysia tadi. Yayasan Inovasi Malaysia ini adalah satu agensi, tidak di bawah peruntukan itu. Yayasan Inovasi Malaysia ini ia sebenarnya ia adalah untuk diwujudkan untuk menggalakkan inovasi akar umbi. Maksudnya dia ini, kerja dia cungkil inovasi rakyat. Dia pergi dekat kampung-kampung, dia pergi dekat universiti, dia pergi ke mana-mana, dapatkan inovasi ini dan dia uar-uarkan dan dia bagi publisiti, dan berharap produk inovasi ini, dia bagi *fine tune* sikit daripada segi teknikal, selepas itu berharap produk ini boleh dikomersialkan. Kalau Yang Berhormat Putatan ada masa, nanti boleh datang dengan saya. Kita tengok dia punya ruang pameran Yayasan Inovasi Malaysia yang diletak di Cyberjaya. *[Disampuk]* Sudah tengok? Sudah dapat ya? Okey, bagus.

Itu adalah sebahagian daripada apa yang kita lakukan. Okey, Yang Berhormat hendak keluar dah? Okey, terima kasih. *[Ketawa]* Okey, Yang Berhormat Batu tadi, tak salah saya, Yang Berhormat Batu tadi ada tanya saya yang paling penting sekali, ada tanya saya pasal paparan radio aktif tadi bukan? Dia boleh dapat di bawah ada tiga. Yang pertama, dia boleh buat di Balai Polis Gopeng. Yang kedua dekat depan Lynas punya depan pintu. Dia *on line*, www. .... Nanti saya, dia ada bagi sini, saya terlupa tadi di mana. Boleh tuliskan saya sekali lagi tak? www. Apa tadi? Sudah hilang dekat sini.

Dia ada , dia bagi saya tadi, tapi saya tersilap, saya simpan dekat mana. Okey, www.aelb.gov.my. Ya, boleh dapat dekat situ, www.aelb.gov.my. Bacaannya boleh dilihat secara

langsung oleh orang ramai terus di pintu masuk Lynas dan di IPD Kuantan kalau hendak boleh dibaca secara terus. Kita ada di bawah minggu ini.

Yang Berhormat juga ada bercakap tentang PDF. Sebenarnya PDF itu dia sudah *submit*, kita sedang buat pelan dan kita tak pernah benarkan PDF itu dibuat luar daripada kawasan Lynas. Dia mesti berada di dalam kawasan ini, dia sudah *submit* dan kita belum, kita sedang buat penilaianlah tetapi tidak luar daripada kawasan Lynas.

Tentang Yang Berhormat tegur saya tentang kilang kicap itu, sebenarnya Yang Berhormat macam ini ceritanya. Tadi Yang Berhormat pun dengar itu dengar baik-baik, masuk dekat *Youtube* itu, akan tetapi saya mengaku saya cakap, saya kata macam ini. Yang Berhormat, dengar baik-baik. You baca balik ya? Pasal surat khabar yang *spin* itu, dan saya suka dia sudah spin pun. Saya kata dia, saya datang, saya kata dia tanya Lynas. Saya kata dia, kilang Lynas ini selamat seperti kilang kicap, seperti orang lain cakap. Saya tak kata saya cakap.

Akan tetapi ayat itu tidak digunakan di dalam surat khabar. Akan tetapi saya suka pun. Memang kilang itu selamat kerana kilang itu sebenarnya memang selamat dan telah pun menepati semua apa yang dia hendak di bawah akta yang kita kehendaki. Jadi kilang itu selamat dan kalau kata saya hendak bercerita tentang pakar ini. Cerita saya sebenarnya, saya bukan pakar radioaktif tetapi saya ada agensi di bawah saya yang menceritakan itu dan ini. Alhamdulillah, saya puas hati dan saya kata kilang itu sebuah kilang yang selamat. Jadi, perkara itu kalau kita tengok, orang luar pun dia setuju dengan kita mengatakan kita mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang itu.

Saya ingat Yang Berhormat Hulu Langat boleh setuju dengan saya. Kita biasa jadi, dua orang, tiga orang daripada orang kita. Seorang, Profesor Dato' Dr. Nor Ramli Muslim, biasa menjadi *Deputy Director General and Head of Typical Department of Technical Assistant and Corporation International Atomic Energy Agency (AEAIAEA)* tahun 1986 sampai 1992. Kita sudah dirujuk dalam bidang atom.

Kedua, sekarang Dr. Dato' Daud Mohamad, Januari 2011 sampai sekarang, *Deputy Director General, Head of Department of Nuclear Science and Application International Atomic Energy Agency* yang juga sedang berkhidmat dan orang yang memberi nasihat kepada saya tentang Lynas ini, Yang Mulia Dato' Raja Abdul Aziz bin Raja Adnan yang sudah pun akan bersara tidak lama lagi. Beliau adalah Ketua Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Dia sekarang bermula pada Januari 2004. Dia akan menjadi *Special Advisor to Director General's of Policy Coordination and Implementation at International Atomic Energy Agency*.

Maknanya kita telah dibagi tanggungjawab untuk melaksanakan perkara itu. Tentang Yang Berhormat Bakri tadi. Yang Berhormat Bakri, saya ringkas-ringkas mana-mana yang lain-lain itu. Yang Berhormat Bakri, dia tak ada? Ada? Okey.

#### ■1840

Yang Berhormat Bakri sebenarnya untuk jurutera penyelidik sekarang ini jumlah saintis penyelidik dan jurutera penyelidik untuk *natural science* kita ada 26,563, *engineering and technology* kita ada 22,071, *medical and health sciences* 8,580, *agriculture science* kita ada 3,412,

*social science* kita ada 8,909, *humanities* kita ada 4,217 yang membawa jumlah 73,752 orang. Ini saya *off hand* sebenarnya kita sekarang ini bidang saintis per 10,000 guna tenaga di Malaysia adalah 58.2 sekarang ini *to date* dan kita pada tahun 2020 kita hendak sampai kepada 72 orang. Bermakna kita lagi tujuh tahun *insya-Allah* kita akan sampai dengan program-program yang kita ada.

Berkenaan dengan pengkomersialan produk tadi Yang Berhormat Hulu Langat saya sudah terangkan. Berkenaan dengan Yang Berhormat Stampin. Yang Berhormat Stampin, saya ingat saya hendak dengar cakap Tuan Pengerusi. Saya hendak jadi wakil rakyat yang baik sebenarnya. Itu pasal saya datang hari-hari hendak dengar apa mereka cakap. Yang Berhormat, sebenarnya saya sudah jawab pertanyaan Yang Berhormat itu dalam pertanyaan lisan. Yang Berhormat pun hadir pertanyaan itu. Jadi oleh kerana benda itu telah pun diselesaikan dan saya tengok Yang Berhormat pun ada keratan itu tunjuk kepada saya semasa saya menjawab yang lepas itu saya ingat itulah jawapannya walaupun satu helai. Tidak semestinya jawapan berjela-jela itu tepat tetapi satu muka juga adalah jawapan yang tepat...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat, saya sudah menjawab soalan itu bagi pihak *Remote Sensing* Malaysia. Ya? Saya ingat tidak payahlah Yang Berhormat panjang-panjangkan lagi. Itu sahaja yang saya jawab. Kalau Yang Berhormat cakap apa-apa pun itulah jawapan saya kerana benda ini telah diselesaikan melalui timbang tara.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya tidak bersetuju Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh saya mencelah sedikit?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat. tidak payahlah. Saya ingat itu sahaja jawapan saya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Siapa yang bertanggungjawab? Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin. Saya kena tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak payah. Saya ingat soalan itu saya sudah jawab banyak kali. Tidak payahlah Yang Berhormat. Baiklah saya teruskan lagi dengan jawapan yang lain.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Apa gunanya kalau saya tanya soalan dekat Parlimen Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu jawab. Tuan Pengerusi...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, tidak. Soalan itu telah pun dijawab dalam soalan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Soalan saya siapa yang bertanggungjawab RM88 million hilang. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Dalam jawapan itu *of course* lah kalau MOSTI yang bertanggungjawab...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** My question, soalan saya siapa yang bertanggungjawab?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Stampin.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bukan soalan itu kita tidak jawab. Benda itu saya sudah jawab. Saya sudah jawab benda itu di bawah MOSTI.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Of courselah kementerian kita bertanggungjawab atas perkara itu dan benda itu telah diselesaikan melalui...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Kenapa perkara itu berlaku?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Telah diselesaikan melalui timbang tara. Kalau kita teruskan produk itu mungkin kita melibatkan kerugian lebih besar kepada RM300 juta. Jadi kita kena tamatkan perkara-perkara yang diterangkan dalam jawapan itu maka kita telah bawa. Dia saman kita and then kita bawa ke timbang tara dan kita bayar RM80 juta.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Kenapa kita di saman?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Of course MOSTI perlu bertanggungjawab atas perkara tapi benda ini telah pun diselesaikan. Itu pasalnya dalam laporan audit tidak muncul kerana kita telah memberi audit tidak muncul kerana kita telah memberi jawapan yang baik dan benda itu tidak menimbulkan krisis lagi.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya punya soalan adalah siapa yang bertanggungjawab dan kenapa ia berlaku.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Stampin. Yang Berhormat lihat, rujuk Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) terang kalau yang sedang menjawab tidak bagi laluan mencelih tidak dibenarkan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Saya faham Tuan Pengerusi tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya. Apa gunakan saya kemukakan soalan tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu jawab di Dewan yang mulia ini?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya sudah jawab soalan daripada soalan yang ada.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sudah berapa kali?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat pun sudah tunjuk kepada saya kata oh, ini soalan satu muka sahaja. Tidak semestinya soalan satu fail itu jawapan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh saya baca jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Jawapan itu sudah tersedia sudah.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Iaitu RM88 million pampasan tapi soalan saya kenapa hal ini berlaku? Siapa yang bertanggungjawab?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, saya sudah kata tadi peruntukan ini di bawah Kementerian MOSTI. Of courselah MOSTI akan bertanggungjawab tapi kita sudah *explain* kenapa perkara itu berlaku dalam jawapan itu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tidak ada *explain* kenapa ia berlaku. Hanya pampasan RM88 million.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey, saya jawab. Maknanya kementerian kita bertanggungjawab. Itu hendak jawapan dia.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Kenapa ia berlaku?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Kenapa ia berlaku?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Mungkin...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tidak akanlah duit RM88 million hilang begitu sahaja?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ini bukan hilang. Itu yang saya kata ini adalah urusan yang perlu kita lakukan oleh kerana ada berlaku kegagalan di situ maka kita tidak boleh teruskan. Kalau kita teruskan kita ada kerugian kita kena bayar RM330 juta. Oleh sebab itu, maka kita berhentikan kerja kita itu dan dia saman kita, kita selesaikannya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Adakah ini disebabkan oleh *incompetency* oleh Pengarah RSM?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ini masalahnya benda itu tidak *viable* pada ketika itu. Jadi saya ingat saya berhenti setakat itu Tuan Pengurus. Saya ingat banyak lagi yang perlu saya jawab. Saya akan jawab soalan bertulis. Yang Berhormat Sungai Petani tadi nampak dia pun tidak ada.

Jadi saya ingat itu sahaja jawapan saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama dengan baik dan saya berharap kita dapat memajukan sains negara untuk masa akan datang. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh*.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM734,791,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM734,791,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM618,476,000 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM618,476,000 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.43 [Jadual] -  
Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2014]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahaskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong.

**6.46 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kerana turut diberi peluang untuk membahaskan di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin merujuk B.43 08000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pertama saya hendak ucapkan tahniahlah kepada kementerian kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan kerana membuat persediaan awal.

Saya terbaca kenyataan media tadi ketika hujung tahun ini ramai penjawat awam dan ramai orang bercuti tapi kakitangan dan pegawai-pegawai bomba cutinya dibekukan sebagai persediaan untuk menghadapi kemungkinan bencana alam banjir terutamanya di musim hujung tahun ini. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang sentiasa memberi perhatian soal kebijakan dan masalah rakyat dan sudah tentu ini adalah bukti bagaimana kerajaan yang bertanggungjawab membuat persediaan awal bagi memastikan kesulitan rakyat yang kita jangkakan akan hadapi dapat dilakukan terlebih awal. Sebab itu saya rakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada anggota bomba kita yang mengorbankan masa mereka dengan bersiap sedia untuk membantu bagi menghadapi masalah sedemikian.

Sebab itu saya fikir pihak kementerian mesti mengambil langkah untuk melihat perkara-perkara yang berkaitan yang berhubung dengan soal-soal kebijakan kakitangan bomba supaya perkhidmatan yang mereka berikan dapat lebih baik dengan adanya penambahbaikan yang saya percaya sentiasa dilakukan oleh kementerian. Saya ambil kesempatan ini, saya fikir apa yang saya sebut ini juga ia juga melibatkan di Gerik sama sebab kami ini berjiran, kawasan majlis perbandaran sama.

Yang Berhormat Menteri, di kawasan Parlimen saya dan juga dekat Gerik ini pembangunan bertambah meningkat, keperluan bertambah, jumlah penduduk ramai dan tanah pun ada dan sebab itu saya minta supaya kementerian memberi perhatian dan kalau boleh minta diluluskan untuk di naik taraf balai bomba yang ada di Gerik. Tanah pun ada di kawasan Parlimen saya di

kawasan Kampung Padang Kunyit itu untuk membolehkan satu balai bomba besar dengan perkhidmatan yang lebih besar dapat ditingkatkan.

Dalam pada itu juga oleh kerana di kawasan saya ini ada kampung banyak di seberang sungai, kampung-kampung yang memang agak sukar untuk diberi perkhidmatan melalui perkhidmatan bomba biasa. Sebab itu kampung-kampung berkenaan saya harap misalnya kalau di tempat saya di Kampung Beng, Luat, di Chepor, di Bukit Sapi dan sebagainya kampung-kampung di seberang sungai Perak yang kalau berlaku kebakaran memang bomba susah untuk sampai di tempat berkenaan apatah lagi kalau kita sebut di kawasan-kawasan penempatan Orang Asli.

#### ■1850

Saya tahu, bomba ada pasukan bomba sukarela, tetapi pasukan bomba sukarela ini kebanyakannya dibuat di kampung-kampung baru. Saya harap, Menteri ini orang muda, faham dan saya fikir, sudah sampai waktunya kita memperluaskan pasukan bomba sukarela ini ditempatkan juga di kampung-kampung tradisi, di kampung-kampung yang saya sebutkan tadi supaya ditingkatkan perkhidmatan kita untuk membantu dan menyelamat.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan di sini ialah P.43 Butiran 04000 – Program Pembasian Kemiskinan Bandar. Oleh sebab hari ini dalam keadaan yang semakin berubah, walaupun kita tahu bahawa pelbagai usul kita buat untuk meningkatkan pendapatan rakyat, tetapi hakikatnya juga kita tahu dan kerajaan juga faham tentang perlunya program-program sumbangan dan bantuan kepada golongan miskin bandar ini diperluaskan. Saya harap program-program sebelum ini yang memang dibuat, ditambah. Tumpuan juga selain dipenuhi di kawasan-kawasan bandar besar, saya harap di kawasan-kawasan kecil seperti di kawasan saya iaitu Lenggong juga diberi perhatian utama kerana di kawasan berkenaan juga terdapat kalangan golongan-golongan yang memerlukan perhatian dalam soal membantu dalam mengatasi masalah kemiskinan baik rumah, sewa rumah, program-program bantuan dan sebagainya.

Perkara terakhir, ringkas sahaja. Butiran 02101, Butiran 02102 dan Butiran 02104 – Landskap Negara. Yang Berhormat Menteri, saya minta bantuan Yang Berhormat Menteri untuk membuat projek mengindahkan kawasan perbandaran ini. Oleh sebab di kawasan saya adalah kawasan Lembah Lenggong Tapak Warisan Dunia dan ketika ini nampaknya apabila selepas pengisytiharan, ia dikunjungi oleh ramai pelancong dari luar negara termasuk pengkaji-pengkaji dari seluruh dunia. Saya harap, mohon bantuan Yang Berhormat Menteri diperuntukkan kewangan yang boleh membantu untuk meningkatkan kemudahan landskap di kawasan *buffer zone* di bawah Tapak Warisan Dunia ini yang kebanyakannya adalah di dalam kawasan majlis perbandaran supaya kawasan berkenaan dapat diindahkan dengan landskap yang baik. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membantu.

Untuk tujuan tersebut, saya percaya pihak majlis perbandaran tempatan di kawasan saya telah pun mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak kementerian. Saya minta supaya ini diberi perhatian supaya ia dapat menjadikan kawasan berkenaan kawasan yang cantik dan sudah tentu ia membantu. Selain daripada mengindahkan kawasan berkenaan, ia dapat meningkatkan

kehadiran ramai pelancong dan sudah tentu membantu untuk meningkatkan pendapatan negara. Saya fikir itu sahaja Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

### 6.53 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas berkaitan dengan Butiran 030000 berkenaan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Seterusnya, saya akan berbahas sedikit mengenai Butiran 040000 – Perumahan Negara. Pertamanya mengenai Tribunal Tuntutan. Kalau berdasarkan laporan ini, dinyatakan bahawa *filings* case, kes-kes yang difailkan di Tribunal ini pada tahun 2012 adalah sebanyak 3,193 kes. Akan tetapi pada tahun 2013, ia menurun kepada 1,100 kes dan diramalkan pada tahun 2014 akan naik semula kepada 4,200 kes.

Persoalan saya yang pertama Yang Berhormat Menteri, mengapakah berlakunya penurunan terhadap pemfailan kes ini? Adakah kerana masalah-masalah teknikal atau sebagainya? Minta Menteri perjelaskan. Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya rasa daripada segi kesedaran rakyat berkaitan dengan kewujudan Tribunal ini dan fungsi Tribunal ini juga mungkin masih belum lagi menyeluruh. Saya harap pihak Menteri boleh membuat sesuatu untuk memberikan kesedaran khususnya kepada pembeli-pembeli rumah tentang kewujudan Tribunal ini. Ini kerana dengan kewujudan Tribunal ini, sedikit sebanyak ia boleh mengurangkan birokratik kalau pergi ke mahkamah dan juga kos-kos.

Cumanya satu Yang Berhormat Menteri, saya rasa seperti mana Tribunal Pengguna, apabila ada wujudnya Tribunal ini, selalunya masalah yang berlaku adalah selepas keputusan yang dibuat itu, apabila mana-mana pihak yang tidak berpuas hati akan memfailkan semakan kehakiman, *judicial review*. Kalau kita lihat dalam kes-kes yang melibatkan Tribunal ini, biasanya pembeli ini boleh dikatakan pihak yang lemah lawan dengan pemaju yang mungkin daripada sumber kewangan mereka lebih kukuh. Jadi, kita akan berhadapan dengan ....*versus* .... ini.

Jadi saya ingin mencadangkan, kalau perlu ada satu perundangan supaya ada satu *cap*, maknanya daripada segi kos untuk *filings judicial review* ini. Saya percaya, apabila kita pergi Tribunal Pengguna ini, tidak ada elemen kos. Akan tetapi apabila kita bawa kes ke mahkamah, diandaikan pengguna kalah dan dia hendak cabar keputusan Tribunal itu di mahkamah melalui semakan kehakiman, isunya ialah isu kos. Mereka terpaksa *engage lawyer* dan kalau kalah pula akan dibayar kos yang mungkin tinggi dan sebagainya. Jadi, saya harap kementerian boleh memikirkan bagaimanakah untuk kita– Kita hendak tutup pintu *judicial review* mungkin susah sebab mungkin juga keputusan itu ada kesilapan. Akan tetapi, kebimbangan tentang kos ini menyebabkan kadang-kadang mereka tidak dapat pembelaan dan sebagainya. Itu yang pertama Menteri.

Kedua, tentang isu Perumahan Negara. Kalau ikut dalam laporan ini, Projek Perumahan Rakyat ini tahun 2012 yang telah pun siap adalah sebanyak tiga projek, tahun 2013 sebanyak tujuh projek dan tahun 2014 diramalkan sembilan projek. Saya ingin fokus kepada Daerah Sepang

ataupun Parlimen Sepang. Persoalan pertama Menteri, berapakah projek perumahan rakyat yang telah dibina di Parlimen Sepang? Itu yang pertama. Keduanya, berapakah yang kerajaan telah bina dan berapakah yang telah siap ataupun yang akan siap dan sebagainya? Ketiganya, berapa banyakkah projek-projek perumahan yang terbengkalai di Daerah Sepang dan apakah langkah-langkah telah diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan isu tersebut?

Ketiga, lebih spesifik Menteri iaitu berkaitan dengan isu pemendapan tanah di Taman Indah KLIA yang melibatkan 44 buah rumah. Mereka telah datang kepada saya membuat kompelin dan saya lihat banyak dokumen, surat-menyurat yang dihantar kepada pihak-pihak yang berkaitan. Jadi, saya mengharapkan Menteri boleh melihat isu ini sebab mereka sudah beli rumah, tetapi keadaan rumah itu berlakunya pemendapan tanah. Oleh itu, mereka amat bimbang dengan keselamatan. Saya harap isu ini dapat diselesaikan. Biasanya bila kita hantar surat, ada sedikit *follow up*, mereka pergi dan tampal-tampal, selepas itu ada berlaku lagi. Saya lihat tidak ada satu penyelesaian yang menyeluruh, yang memuaskan hati pembeli ini. Jadi saya harap, Menteri boleh melihat perkara ini dan mencari satu formula penyelesaian.

Seterusnya Menteri, lagi satu isu yang saya rasa isu yang penting dan juga telah menjadi satu berita besar juga di dalam media berkaitan dengan kes – Walaupun kes ini melibatkan luar Sepang, tetapi isunya adalah melibatkan prinsip yang saya rasa perlu Menteri beri penjelasan. Berkaitan dengan isu beberapa buah rumah, pembeli-pembeli di Taman Suria Permai, Taiping yang melibatkan – Kes ini adalah satu kes klasik yang mana pembeli menjadi pihak yang menjadi mangsa.

Untuk makluman Parlimen, bahawa dalam kes ini, pembeli-pembeli telah pun membeli rumah daripada pihak pemaju iaitu KS Properties. Selepas dibeli itu, mereka telah bayar harga rumah dan ada yang telah selesaikan pembelian itu, tetapi apa yang berlaku adalah pemaju telah meminjam wang daripada pihak bank iaitu Maybank dan telah mencagarkan keseluruhan tanah-tanah pembeli ini kepada pihak bank. Ini saya rasa ada– Nanti saya akan jelaskan. Apabila berlaku begitu, akhirnya kita tahu pemaju telah gagal membayar hutang itu dan hutang itu diklasifikasikan sebagai *non-performing loans* (NPL) dan akhirnya, pihak bank telah pun menjual NPL itu kepada syarikat asing iaitu *Gale Force Sdn. Bhd., foreign debt collection agency*, dengan izin.

#### ■1900

Akhirnya syarikat asing ini ingin mendapatkan rumah itu. Jadi ini satu keadaan yang betul-betul mendatangkan kezaliman kepada pihak pembeli. Mereka telah beli rumah dan sudah bayar habis, pemaju cagarkan tanpa pengetahuan mereka. Bank pula jual NPL itu dan akhirnya mereka pula yang terpaksa menjadi mangsa sampai berlaku seperti mana yang dilaporkan dalam *BH* bagaimana kezaliman yang diberikan sampai dipotong air, TNB potong elektrik. Selepas itu bila pergi mahkamah pula dengan hanya satu surat bukan daripada perintah mahkamah, hanya satu surat daripada *Deputy Registrar* Mahkamah Tinggi Taiping, Raja Shahrin Anuar Raja Baniamin meminta supaya pihak tersebut melakukan perkara itu. Jadi ini telah menimbulkan satu isu yang besar.

Jadi saya merasakan isu ini timbul kerana adanya kelemahan-kelemahan dalam akta *Housing Development Act* itu di mana kita tahu dalam akta yang berkenaan S&P ini ataupun perjanjian jual beli ini adalah satu yang berbentuk *statutory*. Dengan lain perkataan perjanjian jual beli ini bukan satu perjanjian yang boleh kita suka-suka pihak pembeli dan penjual bersetuju dengan terma-terma. Ini adalah satu perjanjian yang telah ditetapkan. Apabila telah ditetapkan, dia mengandungi beberapa *loophole* dengan izin. Saya mengharapkan pihak Yang Berhormat Menteri mengambil berat tentang isu ini.

Antara kelemahannya ialah tidak ada peruntukan yang menghalang pihak pemaju daripada mencagarkan keseluruhan tanah itu. Maknanya pembeli bayar dengan pemaju, pemaju cagarkan tanah, dia boleh *charge the whole land* dan bila tidak bayar, Apa yang lebih baik sebelum jual mereka boleh *charge*, selepas jual itu mereka boleh *charge* beberapa kali. Boleh buat pinjaman beberapa kali. Jadi di situ ada kelemahan dalam undang-undang dan juga dalam S&P itu.

Jadi saya mengharapkan supaya pihak kementerian kalau kita *legislate a law* untuk *amend*, buatlah. Apa yang penting sekarang ini pembeli mestilah dibela. Tidak mengalami *nightmare*, seperti ini dengan izin. Sudah beli rumah, sudah bayar, sudah duduk lama situ tiba-tiba tanah hendak dilelong oleh syarikat luar pula itu. Apa yang hairannya macam mana Bank Negara boleh meluluskan? Ini kerana dalam laporan ini ada menyatakan bagaimana, apa yang dilakukan itu bertentangan dengan BAFIA. Jadi ini semua isu-isu yang sepatutnya tidak berlaku. Jadi saya harap kementerian boleh mengambil berat tentang perkara ini sebab kita tidak mahu perkara ini boleh berulang lagi. Jadi saya mengharapkan satu penjelasan dan juga satu campur tangan daripada pihak kementerian berkaitan dengan perkara ini.

Terakhir Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan golongan pemilik ini. Saya merasakan Yang Berhormat Menteri memanglah— saya tidak cakap kerajaan. Kerajaan mungkin juga memikirkan perkara ini tetapi saya merasakan bahawa walaupun kita menetapkan untuk mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, kerajaan akan menawarkan membuat rumah-rumah yang mampu milik yang dalam harga RM42,000 dan sebagainya. Akan tetapi yang kita khuatir Yang Berhormat Menteri, dengan suasana hidup sekarang ini, dengan kenaikan bahan binaan khususnya harga simen.

Mungkin selepas ini akan berlakunya GST, harga barang naik, inflasi dan apabila berlakunya tarif air, tarif elektrik akan dinaikkan, maknanya *cost of living* ini makin lama makin meningkat. Jadi ketika itu, kalau mereka beli pun, kita khuatir mereka tidak akan dapat dengan izin *service the loan* itu. Jadi kita harap ada satu mekanisme dibuat supaya satu rumah mampu milik ini bukan sahaja mereka dapat beli tetapi mereka tidak terasa bimbang apabila mereka beli rumah itu. Rumah itu tidak akan dilelong kalau tidak dapat bayar.

Jadi saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri supaya kalau boleh kita ambil sistem yang dibuat oleh Kerajaan Singapura berkaitan dengan perumahan SDB. Di sini saya ingin berkongsi dengan pihak Parlimen tentang bagaimakah Kerajaan Singapura antara lain menyelesaikan masalah perumahan di negara mereka di mana SDB ini ditubuhkan sejak tahun

1960 lagi untuk antaranya menyelesaikan masalah perumahan ini. Kita tahu di Singapura sekarang SDB telah berjaya menyelesaikan masalah perumahan ini. Apa yang dinyatakan di sini ialah antara usaha untuk Kerajaan Singapura memberikan peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah ini, pertamanya mereka konsep sewa beli tadi.

Sebagai contoh mereka dibenarkan sewa untuk beberapa tahun dan selepas beberapa tahun itu keutamaan diberi kepada penyewa ini untuk memiliki rumah ini dengan melihat pendapatan mereka. Oleh sebab apa? Apabila pendapatan mereka— maknanya setiap orang berbeza. Pendapatan dia itu akan dinilai dari segi untuk jumlah pembayaran balik pinjaman. Saya hendak bacakan di sini. Antaranya dia kata, SDB penjualan rumah *flat* kepada penyewa yang sedia ada pada kadar diskaun dengan harga 100% pembiayaan. Itu langkah pertama yang dibuat. Maknanya dia jual rumah *flat* kepada penyewa. Penyewa menyewa dan selepas itu dijual dengan diskaun dengan 100% pembiayaan. Itu yang pertama.

Kemudian SDB juga akan membeli balik *flat* tiga bilik dari pasaran terbuka untuk dijual kepada harga bersubsidi kepada keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada SGD1,500 pada ketika itu. Subsidi adalah sebanyak SGD50,000 untuk setiap *flat* tiga bilik. Selepas itu penjualan *flat* empat bilik dengan kawasan lantai sedikit kecil dengan siapan yang lebih ringkas, penyewa yang memohon untuk *flat* empat bilik di bawah sistem pendaftaran *flat* diberi permulaan awal selama enam bulan berbanding dengan para bukan penyewa dalam pemberian *flat*. Syarat daripada ini ialah para penyewa adalah merupakan pembeli kali pertama dan menduduki *flat* sewaan sekurang-kurangnya lima tahun.

Selepas itu skim sewa dan beli akan membenarkan keluarga dengan pendapatan bulanan yang rendah antara SGD800 hingga SGD1,500 untuk pada awalnya menyewa dan kemudiannya membeli *flat* itu. Jadi saya rasa skim *hire purchase* ini adalah satu skim yang paling *viable* sebab untuk seperti mana rakyat yang tidak mampu membeli kenderaan, dengan adanya skim sewa beli ini mereka boleh lebih mudah untuk memiliki kenderaan. Jadi saya harap skim sewa beli ini mungkin diperkenalkan ataupun diperluaskan dalam industri perumahan ini.

Itulah yang saya ingin sampaikan dan saya harap Yang Berhormat Menteri dalam ucapan di peringkat dasar, saya ada tanya Yang Berhormat Menteri tentang isu *flat* Taman Dengkil itu, *flat* Taman Permata. Yang Berhormat Menteri kata sudah ada Cahaya di hujung terowong. Sekarang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, adakah Cahaya itu betul-betul sudah ada? Apakah yang terbaru yang telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri berkaitan dengan pembinaan rumah untuk diberikan kepada penduduk-penduduk *flat* itu? Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Titiwangsa.

**7.08 mlm.**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan B.43 Butiran 020300. Dalam butiran ini terdapat lesen pemberi pinjaman wang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa dalam laporan yang kita lihat dijangkakan terdapat 1,500 lesen yang akan diperbaharui dalam tahun 2014 yang akan datang. Dijangkakan akan diperbaharui. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapakah kes-kes penipuan melalui pemberi pinjaman wang berlesen ini serta adakah terdapat kes-kes yang dikategorikan seperti kes peras ugut sewaktu untuk mengutip pinjaman yang telah diberi? Ini kerana rata-rata pada sekarang ini saya lihat banyak pemberi-pemberi pinjaman ini menggunakan lesen yang *legitimate* ini tetapi menjalankan perniagaan ala along di mana menggunakan kekerasan untuk mengutip wang-wang ini dan tidak menggunakan proses pengutipan yang biasa dilakukan oleh bank-bank ataupun *finance company*.

Kedua, saya juga ingin bertanyakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian mempunyai kepakaran untuk memantau dan menjalankan penguatkuasaan kepada pemegang-pemegang lesen ini?

#### ■1910

Ini kerana kalau kita tahu di peringkat bank, Bank Negara begitu efisien dari segi *monitor* bank-bank ini, dari segi pemantauan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Akan tetapi, untuk kes-kes lesen peminjaman wang ini, lazimnya mereka ini kebanyakannya syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kakitangan seperti mana yang ada di dalam bank. Jadi, saya hendak tahu, bagaimana pemantauan ini dilakukan, adakah kementerian mendapat panduan daripada Bank Negara Malaysia?

Ketiga, saya juga ingin tahu, berapakah jumlah faedah maksimum yang boleh dikenakan oleh syarikat pemberi pinjaman wang ini? Adakah lesen-lesen mereka ini akan ditarik balik sekiranya mereka melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan?

Seperkara lagi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 090000 di bawah sub-Butiran 090100 iaitu Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya lihat peruntukan yang diperuntukkan ini begitu besar. Cuma, saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri tentang cadangan kerajaan untuk mewujudkan pembinaan *incinerator* yang bakal diperkenalkan di negara kita. Walaupun agak terlambat, tetapi *incinerator* ini saya percaya adalah satu teknologi penghapusan sisa pepejal yang sangat diperlukan kalau kita mahu menuju ke negara maju.

Kalau kita lihat banyak komen ataupun rungutan yang kita dapat daripada NGO-NGO tempatan bahawa mereka agak kurang percaya kepada *incinerator* ini. Maka, saya ingin mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, bolehkah memperuntukkan sebahagian daripada bajet untuk bawa NGO-NGO ini ke negara-negara seperti *Singapore*, Korea, Taiwan, Jepun dan juga negara-negara di Eropah untuk melihat bagaimana mereka mengendalikan *incinerator* ini. Sebahagian daripada *incinerator* ini terletak dalam kawasan perumahan. Ia boleh mengelakkan perjalanan sesuatu sampah itu seperti mana yang kita lakukan hari ini, kita terpaksa bawa sampah-sampah daripada *transfer station* di Taman Beringin 50 kilometer ke Bukit Tagar.

Jadi, dengan adanya *incinerator* ini, kalau kita dapat bawa NGO-NGO atau kumpulan-kumpulan masyarakat ataupun pemimpin-pemimpin masyarakat ini melihat bagaimana operasi ini dijalankan di negara-negara maju, sudah tentu ia akan mengurangkan ketidakfahaman atau tekanan daripada masyarakat secara keseluruhan di sesuatu kawasan di mana tempat *incinerator* ini akan dilakukan.

Seterusnya, Butiran 130100, saya lihat ada *One Off payment* RM35.5 juta. Saya kurang pasti tetapi ini adalah pembayaran kepada operator fasiliti pelupusan di stesen pemindahan Taman Beringin. Kalau tidak silap saya bahawa Taman Beringin ini dikendalikan oleh pihak Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah bayaran ini adalah sebahagian daripada peruntukan yang diberi oleh KPKT kepada DBKL untuk menampung kos yang telah dikeluarkan oleh pihak DBKL?

Kemudian saya juga ingin bertanyakan kepada Butiran 04000 -Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, sebanyak RM55.1 *million*. Bolehkah saya tahu daripada pihak kementerian, jenis bantuan yang diberi kepada masyarakat bandar untuk membasmi kemiskinan bandar ini? Adakah ia melibatkan pembayaran sewa percuma, rumah-rumah PPR kepada mereka yang layak?

Akhir sekali, saya ingin merujuk kepada Butiran 01513 – Program Perumahan Rakyat Dimiliki. Seperti mana yang kita tahu bahawa, hari ini terutama di kawasan Wilayah Persekutuan, ada juga rumah-rumah PPR yang telah ditawar kepada pemilik, kepada penyewa-penyewa untuk membeli dengan harga RM35,000 sedangkan pembinaan rumah PPR ini saya difahamkan untuk membina sebuah unit rumah PPR memakan belanja RM160,000. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian bahawa, dasar untuk meletakkan dalam sesuatu blok rumah PPR itu di mana ada sebahagian menyewa dan sebahagian memiliki harta tersebut, lazimnya pengalaman yang saya lihat, agak sukar untuk ditadbir dari segi *collection of* ia punya *service* untuk dikutip daripada pemilik-pemilik rumah tersebut.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, boleh tidak kita melihat rumah PPR ini- kita bagi kepada dua kategori? Satu kategori ialah rumah-rumah PPR yang *purely* untuk disewakan sahaja. Kedua, ialah kerajaan mencari tanah, kemudian tanah ini di subsidi secara sepenuhnya kepada pihak swasta dan memohon pihak swasta untuk membina rumah-rumah PPR ini, tetapi rumah-rumah PPR yang dibina ini dijual secara terus kepada sesiapa atau mereka yang layak untuk membeli dengan harga RM100,000 atau RM170,000 atau RM180,000 atau bawah daripada RM200,000, dengan kos tanah itu disubsidi oleh kerajaan.

Di banding dengan apa yang kerajaan buat hari ini, tanah kerajaan punya, bangunan kerajaan punya, dan kemudian dijual RM35,000. Kemudian, kita bercampur dengan masyarakat yang mempunyai rumah dan yang tidak mempunyai rumah. Jadi, saya mohon kalau dapat, satu dasar untuk kita membezakan bantuan daripada kerajaan ini dari segi untuk membantu rakyat di bandar khususnya untuk mendapatkan rumah untuk dimiliki. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

### **7.17 mIm.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050100 - Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa kerajaan tempatan sangat berkuasa kerana ia menentukan kadar cukai, dan juga sama ada projek diluluskan ataupun tidak dan juga perancangan bandar dan desa. Kalau kita lihat dalam kerajaan negeri, kita ada Menteri Besar selepas itu *Exco*. Kalau kita lihat kerajaan tempatan dalam sebuah negeri, di mana sebenarnya YDP atau Datuk Bandar itu, kalau kita lihat itu adalah kerajaan negeri yang kecil, YDP atau Datuk Bandar itu adalah Menteri Besar dan kaunselor- Ahli Majlis itu sebenarnya adalah *Exco* kepada satu kerajaan kecil.

Dan di sini saya rasa agak kesal di mana dalam sistem kita yang ada sekarang ini, pegawai kerajaan tempatan ini semua berada dalam satu *closed service*. Jadi, kalau ia dilantik, dia digaji sebagai seorang pegawai dalam satu *Local Council*, jadi dia akan berada di sana selama-lamanya. Kalau pegawai itu ada kepakaran dan berpotensi ataupun memang cerdik pandai, dia masih tetap berada dalam kerajaan tempatan itu dan tidak boleh dipindah, mungkin ke kementerian, ataupun mana-mana agensi yang lain kecuali mereka boleh dipinjam.

Di bawah Kerajaan Negeri Selangor, kita pernah cuba, kita bagi pengalaman yang pelbagai tempat kepada pegawai di tahap pengarah dalam kerajaan tempatan, dan kita mungkin cuba *transfer* pegawai di Majlis Perbandaran Subang Jaya kepada Majlis Perbandaran Sepang, dan PJ itu *transfer* ke Klang dan sebagainya. Akan tetapi, kalau mengikut undang-undang, ia tidak sepatutnya dilakukan. Dan kita pernah cuba memindah seorang pegawai pada tahap pengarah, hendak *transfer* dia dari PJ ke Klang. Selepas itu dia enggan pergi, kerana dia rasa ini adalah turun pangkat bagi dirinya. Sebenarnya ini bukan tujuan kerajaan negeri. Selepas itu, pegawai itu membawa kes ini ke mahkamah. dan dia menang dalam mahkamah. kerana kalau digaji oleh satu *Local Council*- let say MPPJ, ia akan berada di sana selama-lamanya.

### **■1920**

Kita menghadapi masalah ini kerana kalau seseorang pegawai dalam satu jawatan berpuluhan-puluhan tahun, jadi dia ada *network* dia. Jadi dia sudah akan menjadi seperti ‘raja’ di satu bidang yang mana semua orang dalam keadaan terpaksa – kita kata ‘*kautau*’ kepada dia, kalau dia pengarah yang baik serta pegawai yang baik, tidak ada masalah kerana semua orang senang hati. Akan tetapi kalau pegawai itu memang ada masalah dari segi perangai dan sebagainya, dia berada selama-lamanya dan memang akan susah untuk *transfer* dia. Dia terpaksa berada di sana dalam satu kerajaan tempatan.

Sebenarnya saya pernah mencadangkan di dalam Dewan ini semasa Yang Berhormat Menteri menjadi *backbencher* lagi, dia pun bersetuju dengan saya melalui SMS. Yang Berhormat Menteri yang pernah bersetuju dengan saya secara *private*, bolehkah kita melihat sama ada kita boleh mengubah dari segi struktur pegawai kerajaan kita ini di mana kita semua di bawah satu *pool*

pegawai seperti PTD officer dan mereka boleh *transfer* supaya mereka juga ada pengalaman yang berlainan di *local council* yang lain.

Kalau yang baik mungkin kementerian hendak mengambil dia menjadi pegawai atasan dalam satu kementerian. Saya rasa dengan cara ini adalah lebih mudah bagi kerajaan negeri dan juga kita boleh menggunakan kepakaran seseorang pegawai yang berkhidmat dalam kerajaan tempatan itu secara baik. Ini adalah satu cadangan selepas saya melihat macam mana kerajaan tempatan di negeri Selangor ini beroperasi. Jadi saya memang berharap agar kementerian boleh melihat dan mengkaji cadangan ini.

Kedua ialah tentang pengiraan cukai pintu. Kita tahu sekarang di Kuala Lumpur kecoh apabila DBKL hendak membuat penilaian tahunan bagi kesemua harta tanah ini sudah 21 tahun tidak buat sekarang buat memang semua masyarakat di Kuala Lumpur ini akan kecoh. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan ini kesian dengan dia, tiap-tiap hari dia ditanya oleh pemberita, tiap-tiap hari keluar kenyataan berlainan. Kadang-kadang bercanggah dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, kadang-kadang pegawai lain akan bercakap hal lain, kita pun agak keliru melihat apakah episod selepas ini.

Kita rasa sebab ia berlaku adalah kerana DBKL kalau boleh menaikkan cukai pintu naikkan sedikit sahaja, beberapa peratus sahaja. Akan tetapi kalau mengikut Akta Kerajaan Tempatan, sememangnya kadar pengiraan cukai pintu adalah tetap (*fix*) dan tidak ada ruang lain bagi DBKL untuk membuat *adjustment*. Jadi kita lihat sekarang berlaku di sesetengah kawasan di mana cukai pintunya naik beberapa peratus, jadi semua orang menjerit kepada Menteri, kepada wakil rakyat kita.

Saya rasa mungkin sudah tiba masanya bagi kementerian untuk melihat dari segi pengiraan cukai pintu ini, mungkin kita boleh memberikan cadangan pertama dan kedua iaitu memberikan ruang kepada kerajaan tempatan dari segi membuat justifikasi ataupun kalau hendak menaikkan cukai pintu, ada ruang dan cara yang lain. Buannya pada kadar atau cara yang sekarang termaktub di dalam undang-undang kita sahaja. Saya minta pihak kementerian melihat hal ini.

Isu ketiga ialah dari segi projek pembinaan. Sekarang kita ada kategori komersial, kategori kediaman *residential* dan *industrial*. Di Subang Jaya kita sekarang menghadapi satu masalah di mana sebuah hotel yang mahu diperbesarkan dengan membina beberapa blok lagi tetapi caranya ialah dia mahu menjual bilik hotel. Sebenarnya ia sepatutnya dibenarkan. Kalau di negara lain, ia dibenarkan di mana bilik hotel tersebut boleh dijual dan kita boleh beli dan selepas itu diserahkan semula kepada pihak pengurusan hotel dan kita sebagai pelabur mungkin pada akhir tahun boleh mendapatkan keuntungan seperti *service apartment*.

Sekarang masalah projek itu ialah kerana ia hotel dan mahu memperbesarkannya tetapi mereka memohon daripada pihak kementerian dalam kategori *service apartment*, jadi kita ada masalah. Kalau hotel, kita tahu bahawa ruang parkir tidak perlu banyak kerana orang-orang yang datang hanya tinggal untuk satu malam atau dua malam dengan teksi sahaja atau mungkin dengan

*tour bus.* Tetapi kalau ia dijadikan *service apartment* di mana mereka sama ada pelajar, doktor ataupun profesional, mereka suka tinggal di mana bilik hotel dijadikan sebagai studio *apartment* jadi ada masalah. Mungkin kalau mereka adalah pasangan suami isteri dua buah kereta akan masuk. Jadi hotel di Subang Jaya sudah menghadapi di mana jalan terlalu sesak. Apabila dua atau tiga buah kereta masuk ke tempat *parking* dan ia tidak cukup tempat tersebut akan kecoh. Selepas itu apabila penduduk buat bising, kes itu dibawa ke mahkamah sekarang.

Oleh itu cadangan saya ialah bagi pihak kementerian mungkin harus mengkaji, kalau sekarang kita ada trend di mana hotel boleh dijual, bilik hotel boleh juga dijual, mungkin kita harus mengadakan satu kategori baru untuk hotel di mana ia boleh dijual kepada *public* dan tempat letak kereta bagi projek seperti ini harus ditambah lagi. Saya minta kementerian melihat isu ini kerana isu seperti ini telah menjadi satu ketegangan yang begitu serius di Subang Jaya di antara persatuan penduduk dan pihak hotel serta MPAJ. Kalau hendak mengelakkan kekecohan seperti ini berlaku, selagi kementerian pinda peraturan ada sekarang bagi pihak pemaju ini, saya rasa kalau tidak kes seperti ini akan terus berlaku sama ada di Kuala Lumpur atau di tempat-tempat lain di Selangor, jadi akan menjadi lebih kekecohan dari segi ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik.

#### 7.26 mlm.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membincangkan P.43 dengan B.43 iaitu pertama Kepala Pembangunan dan Pelaksanaan di bawah KPPT ini. Pertama sekali ialah berkenaan dengan jalan-jalan yang berturap di dalam kawasan majlis daerah. Saya minta tolong supaya tidak berlaku pembaziran di mana kadang-kadang kita melihat mungkin wang lebihan, awal tahun sudah diturap, hujung tahun jalan yang sama kita turap semula di kawasan-kawasan majlis daerah.

Walau bagaimanapun saya berterima kasih kepada kerajaan kerana sehingga hari ini boleh dikatakan di kawasan Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Pangkalan Hulu, kawasan-kawasan taman dan juga kawasan dalam majlis daerah, peruntukan untuk jalan baik, cuma masih ada lagi yang terlopong berkurangan, mohon supaya di bawa Butiran 020100 dan juga Butiran 00100 ditambahkan peruntukan untuk jalan-jalan dalam Majlis Daerah Pangkalan Hulu dan juga Majlis Daerah Gerik.

Begitu juga saya merasakan di kawasan Majlis Daerah Gerik dan Juga Majlis Daerah Pangkalan Hulu perlu dibina jalan kaki kerana sekolah-sekolah menengah dan rendah sama ada di daerah kecil di Majlis Daerah Gerik ataupun Majlis Daerah Pangkalan Hulu berdekatan dengan taman dan juga pekan. Kalau kita membina jalan kaki boleh memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar yang berjalan kaki balik ke rumah ataupun di kawasan yang bersekitaran dengan sekolah dan juga kawasan taman.

Perkara kedua yang saya hendak tengok iaitu Butiran 020400 – Kesejahteraan Bandar. Saya minta ditambahkan lagi peruntukan untuk Azam bandar di mana bantuan kepada penduduk-

penduduk miskin tegar dalam kawasan Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Pangkalan Hulu ditambah. Saya lebih suka mencadangkan supaya mereka yang miskin, yang telah menjalankan perniagaan, kita berikan bantuan Azam bandar ini sama ada seperti kereta tolak ataupun kelengkapan-kelengkapan yang boleh merubah mereka daripada miskin di bandar mungkin menjadi kelas pertengahan. Sekurang-kurangnya geran yang pertama kali kita bantu ditambah lebih ramai sama ada melibatkan semua kaum Melayu, Cina, India mungkin yang duduk di pekan termasuk Orang Asli dan juga Siam.

#### ■1930

Perkara yang seterusnya yang saya hendak tengok ialah tentang perumahan negara kepala 01513 yang juga 040100 iaitu saya mencadangkan kepada kementerian melihat semula tanah-tanah kerajaan negeri yang telah kita *reserve* kan menjadi kawasan rumah murah. Terus kita tengok kawasan-kawasan yang ada ini kita bangun. Kalau tidak nanti kalau tidak dibangunkan bila peringkat kita dulu mencadangkan supaya dibangunkan rumah murah kerana macam saya dalam Parlimen saya sendiri sebenarnya harga rumah melambung. Walaupun di *border*, rumah kedai RM400,000, RM500,000 dan rumah kediaman paling rendah RM200,000 mana mungkin penduduk luar bandar mampu membeli. Akhirnya pihak daripada luarlah yang membeli rumah tersebut.

Saya berpandangan kita ada beberapa tapak yang *direservekan* untuk buat rumah kos rendah. Saya takut satu, kalau pihak *federal* tidak mencari peruntukan untuk membangunkan rumah tersebut, akhirnya kerajaan negeri mungkin akan menswastakan tanah yang telah *direservekan* ini kepada pihak swasta yang lain yang akhirnya mereka tukar tajuk daripada rumah kos rendah menjadi rumah kos pertengahan, rumah kos sederhana ataupun kos-kos yang lebih tinggi lagi. Oleh kerana kadang-kadang pihak yang mendapat projek ini lebih memikirkan keuntungan, tidak memikirkan kebaikan rakyat terutama di kawasan luar bandar.

Dalam masa yang sama saya juga ingin merujuk kepada P.43 Butiran 31000 dan juga 050200 iaitu saya berterima kasih kepada kementerian kerana telah mewujudkan JKKK di kawasan Kampung Baru Cina yang telah sekian lama ada ketua kampung, ada JKKK. Manakala di kawasan taman perumahan baru di fahamkan akan ada JKKKP pula yang boleh membantu kita untuk pengurusan di peringkat taman-taman yang banyak dibangunkan.

Apa yang penting ialah untuk JKKK ialah saya berkeyakinan pihak *federal* telah mengiktiraf mereka dengan cop-cap rasmi menggantikan ketua kampung. Akan tetapi JKKKP, Jawatankuasa Keselamatan Penduduk ini ia perkara yang baru. Maka diharapkan pihak kementerian mestilah memberikan pengiktirafan kepada pengurus taman untuk dia ada cop dan copnya tadi boleh diterima oleh pihak sekolah dan juga mana-mana untuk pengesahan kepada mereka mewakili penduduk-penduduk taman yang berkenaan.

Perkara-perkara lain saya yakin kali ini jawatankuasa penduduk ada elau untuk Pengerusi dan jawatankuasa di samping saya yakin bantuan pengurusan persatuan penduduk pun pihak kementerian akan beri dan bagi memastikan selari dengan kalau di kampung, di luar bandar, di kampung-kampung kita ada ketua kampung, di kawasan taman kita ada pengerusi taman yang

bertaraf macam ketua kampung. Harapan saya perkara ini boleh membantu perancangan dan juga segala yang kita hendak buat untuk Kementerian Perumahan dan juga lain-lain di bawah pengurusan Kerajaan Persekutuan.

Dalam masa yang sama saya juga hendak membincangkan tajuk Butiran 060100 berkenaan dengan Landskap Negara. Cumanya kita melihat kerajaan berbelanja cukup banyak bukan sekadar di kawasan Parlimen saya, di seluruh negara untuk landskap di kawasan Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Dewan Bandaraya.

Yang menjadi rasa agak pelik ialah kadang-kadang kita tengok tidak sampai setahun, pokok yang ditanam ditukar balik, dikorek. Tanam elok-elok pokok kelapa merah tadi, bila tengok tahun depan pula tanam pokok lain pula. Akhirnya kita melihat kerajaan membazirkan wang. Jadi inilah yang sebenarnya pihak kementerian bersama dengan pihak berkuasa kerajaan negeri kena melihat supaya jangan duit dibazirkan tetapi yang penting kita hendak melihat landskap yang cantik di kawasan Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya.

. Saya yakin perkara ini kalau sama-sama memantau wang yang banyak tadi kita boleh bantu untuk lain, untuk pembangunan yang lain. Jalan mungkin lebih elok lagi, titi.

Sebenarnya di kawasan majlis daerah ini pelbagai masalah yang timbul. Hari ini kita melihat kenapa rakyat dalam kawasan Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya menentang Kerajaan Barisan Nasional. Bermakna di sinilah kita kena tengok kuncinya bahawa kalau kita boleh menyelesaikan bukan 100%, sekurang-kurangnya 60% atau 70% di ketiga-tiga Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya, saya yakin untuk PRU yang keempat belas mungkin penduduk-penduduk tadi akan beralih menyokong kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Seterusnya saya juga ingin membincangkan iaitu berkenaan dengan Butiran 00100 dengan Butiran 070200 iaitu Perancang Bandar dan Desa. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilamana kita telah bercadang sesuatu kawasan yang pihak perancang bandar pun bersetuju buat satu perancangan, tiba-tiba di peringkat daerah yang dah dipersetujui tadi dibuat perancangan lain. Apakah tidak ada satu akta ataupun satu undang-undang kalau kita kata kawasan itu kawasan industri, maka di kawasan tersebut kita perlu membangunkan industri. Kalau kawasan tersebut kita kata hendak bangun perumahan, maka kita bangunkan perumahan. Kalau kawasan tersebut kita hendak buatkan kawasan pertanian, kita bangunkan pertanian.

Saya tidak berapa tahu dari segi undang-undang perkara tersebut minta penjelasan daripada pihak kementerian melalui perancang bandar dan desa dan kita harap satu perkara lagi supaya kementerian membantu di mana perancang bandar di peringkat daerah ini kalau kita jemput untuk berbincang soal perancangan di kawasan baru kita mereka memberi kerjasama untuk memastikan perancangan mengikut yang kita kehendaki.

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya?

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Dalam pada itu saya juga hendak berbincang Butiran 08000 dengan P.43 Butiran 01513 iaitu balai bomba di pekan Gerik. Hari ini balai bomba yang ada di pekan Gerik agak di tengah-tengah pekan, kecil dan memberi kesesakan dalam Bandar Gerik itu sendiri. Saya berkongsi dengan bahagian Lenggong di Parlimen Lenggong di mana sebenarnya satu tanah yang berada di Padang Kunyt hampir-hampir tidak silap saya 20 ekar atau 10 ekar sebenarnya pengambilan tanah ini semasa saya belajar di Tingkatan Dua tahun 1971.

Beberapa kali kerajaan berjanji untuk membina balai bomba yang baru, sampailah saya jadi Ahli Parlimen masih tidak nampak pembangunan balai bomba. Konon-konon lima tahun dahulu kata dah ada peruntukan dibawa lari pergi ke Taiping. Saya berharap kali ini minta, tadi Yang Berhormat Lenggong pun minta, saya pun minta. Waktu pengambilan itu saya mengajar Ahli Parlimen Lenggong itu dia baru tingkatan berapa dulu kan? Dia sampai hari ini tidak tahuhul sampai kita pun rambut daripada hitam jadi putih agak-agak nak wujud balai bomba baru yang tidak menyesakkan di tengah Bandar Gerik. Jadi itulah di antara yang saya hendak memperkatakan. Dengan ini Yang Berhormat Gerik menyokong peruntukan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

### 7.39 mIm.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa *point*. satu di bawah Butiran 010200 berkenaan dengan Rumah Pangsa Kos Rendah. Pada masa ini pengendalian rumah-rumah pangsa kos rendah masih kurang memuaskan. Sekarang ada banyak masalah yang dihadapi oleh komiti untuk kutip wang. Oleh kerana wang yang dikutip tidak besar sangat, mungkin RM30 sebulan, susah untuk mereka pergi ke mahkamah untuk paksa orang yang tidak bayar. Itu akan mengambil kos jauh lebih tinggi. Bila satu minoriti tidak bayar duit dan mereka dibiarkan sahaja, lain pun tengok kenapa dia tidak bayar, kenapa saya bayar? Dia pun hentikan. Banyak *flat-flat* kos rendah ini masalah dia mereka tidak dapat duit, mereka tidak dapat kendalikan pengurusan dan *flat* ini menjadi macam dengan izin, *urban slump*.

### ■1940

Dia kotor dan tidak dicat, *corridor light* tidak berfungsi dan lif-lif tidak *repair*. Satu masalah yang besar. So saya ingin syorkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kaedah yang dipakai di Singapura di mana kerajaan tempatan diberi tanggungjawab menjaga, mungkin harus dipakai untuk *flat-flat* kita di mana unit-unit dia berharga RM100,000 ke bawah. Untuk *high cost flat* iaitu apartmen kita boleh biar mereka jaga macam sekarang tetapi yang *low cost* itu kita kena buat satu pendekatan di mana ini dijaga oleh kerajaan tempatan di situ.

Bila satu kerajaan tempatan dijaga 10 ke 15, dia pun ada *economic of skill* kerana ada satu akauntan ke satu ofis boleh jaga semua, lima. So ini saya harap ini akan dikaji dan mungkin kita pun boleh bawa satu ruang untuk menubuhkan satu jawatankuasa penduduk. So mereka diberi kesempatan untuk beri maklum balas. *Could you have the feedback system?* So saya rasa ini

harus dikajilah kerana sekarang di bandar-bandar besar kita ada banyak *flat* kos rendah yang sudah menjaga *urban slump* dan ini ada bawa masalah-masalah sosial kepada kita.

Kedua ialah Butiran 010500 – Undang-undang. Di sini saya hendak sentuh satu isu kumpulan miskin di bandar kita. Mereka ini telah membina rumah mereka tetapi tanah itu bukan tanah mereka sendiri. Itu tanah orang swasta, *private land*. Mereka dalam *English* dipanggil, dengan izin *ground tenant*, penyewa tanah. Rumah sendiri tetapi tanah tersendiri. So biasanya apa berlaku bila pembangunan sampai di situ, tanah itu dibeli oleh seorang pemaju dan dia halaukan orang-orang ini walaupun mereka di sana 30 atau 50 tahun, mereka kena halau. Ada ramai macam ini di Sungai Siput dan di Ipoh. *Ground tenant* ini banyak *and then*, pada setakat ini langsung tiada perlindungan di sisi undang-undang. Bila seseorang beli tanah itu dia dapat *the full right*. Walaupun *ground tenant* telah ada di situ selama 30 atau 40 tahun, mereka dihalau sahaja.

Jadi saya mahu meminta di bawah undang-undang di bawah seksyen ini untuk kaji semula untuk Kanun Tanah Negara dan tengok bolehkah kita masukkan syarat-syarat yang boleh melindungi situasi *ground tenant* iaitu penyewa tanah ini bila tanah mereka dibeli oleh pihak yang lain dan dimajukan. Saya juga mahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kaji jika kita boleh ambil alih? Bolehkah kerajaan tempatan macam di Sungai Siput ada satu kampung iaitu Kampung Kapor di Karai? Di mana ada 150 buah keluarga yang semua ini *ground tenant*. Ada empat blok tanah yang dimiliki oleh pihak swasta dan keluarga ini semua ada bina rumah mereka. Bolehkah kerajaan memperuntukkan satu dana untuk bantu kerajaan negeri mengambil tanah ini atau pengambilan tanah ambil tanah ini dan jual. Kutip RM150 daripada penduduk di situ, kutip premium daripada mereka dan bayar kepada lima orang pemilik tanah itu. So kita akankekalkan mereka di tanah itu, beri mereka geran di situ kerana Menteri sendiri kata kita ada RM1.7 million juta orang yang tiada rumah. Jika orang macam ini pun kita jadikan mereka *homeless* dan kita kena cari rumah untuk mereka juga.

So saya rasa bolehkah kita kekalkan mereka di situ dengan pakai satu peruntukan, kutip daripada mereka, bayar balik kepada pemilik tanah dan kekalkan mereka sebagai satu kampung *heritage*. Saya harap jika ini boleh dicuba di Sungai Siput, *very welcome in*lah kerana ini adalah satu kampung yang cantik di situ.

Isu yang ketiga yang saya hendak bawa ialah di bawah Butiran 040000 – Perumahan Negara. Dalam pembentangan belanjawan, Perdana Menteri telah menyebut *My Home Scheme* di mana satu, dengan izin, *Private Affordable Ownership Scheme* dimana subsidi sebanyak RM30,000 akan diberi untuk pihak swasta membina tiap unit rumah di situ dan rumah ini harus dijual dengan harga mampu milik RM45,000 ke atas dan 10,000 unit dicadangkan untuk tahun hadapan. Di Sungai Siput, saya sedang buat satu senarai orang-orang yang tidak ada rumah. Ini orang setinggan. Kita panggil dia bandar. Orang macam ini *ground tenant* ya, penyewa tanah. Orang yang sewa rumah di taman-taman dan orang yang telah beli rumah tetapi telah hilang rumah itu. Dia ditarik balik dan dilelong oleh bank, *terror list*.

Terdapat 200 lebih buah keluarga yang perlukan rumah. So saya pohonlah jika 10,000 ini yang dicadangkan ini, bolehkah 200 buah rumah dibina di Sungai Siput? Ada tanah banyak tanah kerajaan, ada berekar-ekar tanah kerajaan yang boleh dipakai. Bolehkah kita buat satu *pilot project* di situ untuk bina rumah tetapi saya mintalah kita mesti jual rumah ini hanya pada mereka yang tidak ada rumahlah. Ia tidak boleh dibuat spekulasi. Kita kena buat senarai, tengok siapa yang betul-betul tidak ada rumah, kita jual kepada mereka dengan harga yang kurang.

Isu keempat yang saya hendak bawa ialah di bawah Butiran 070000 di bawah Perancangan Bandar dan Desa. Isu banjir kilat ya. Kejadian ini sedang jadi lebih kerap dan lebih seriuslah di bandar-bandar kita dan ia banyak berkaitan dengan corak pembangunan kita. Kawasan hutan ataupun kawasan pertanian, ia boleh menakung jauh lebih air hujan. Bila hujan turun atas kawasan hutan ataupun dalam satu estet, ini sebab air yang masuk ke dalam longkang pergi ke sungai dalam enam jam pertama itu banyak kurang. Ia mungkin hanya 25% sahaja kerana air hujan itu akan resap ke dalam tanah dan akan ditakung di dalam tasik kolam tanah paya. Akan tetapi bila pembangunan berlaku, semua tanah disimen. Semua kolam ditambah. So nisbah air yang jatuh atas tanah, yang masuk ke longkang dan sungai, 80% atau 90%. Itulah puncanya banjir kilat.

Saya tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah keluarkan satu *paper* yang mengatakan bagaimana taman-taman mesti sediakan padang-padang permainan umpamanya yang boleh menakung air pada masa hujan. Ia mestikekalkan kawasan kolam-kolam. Akan tetapi adakah ini berlaku? Adakah sesiapa yang memantau di setiap kawasan ini? Adakah langkah-langkah yang disyorkan oleh kementerian diikut? So saya harap kementerian ini boleh buat *spotcheck* di beberapa kawasan bandar untuk tengok, adakah pemaju patuhi langkah-langkah ini? Jika tidak kita kena libatkan diri.

*Last sekali, saya hendak bawa kepada kerajaan tempatan ya, Butiran 050100. Saya muh minta kementerian kaji baliklah kaedah kita menswastakan tugas-tugas kerajaan tempatan kepada kontraktor. Macam di Sungai Siput ya, kita dapat pengutipan sampah diswastakan, pembersihan longkang dan pemotongan rumput semuanya diswastakan. Alasannya ialah lebih efisien dan akan keluarkan kos untuk kerajaan. Akan tetapi macam pengalaman saya di Sungai Siput, taman-taman mereka tidak buat. Satu tahun pun mereka tidak bersihkan longkang. Kita kena telefon dan kompelin baru longkang itu dapat dibersihkan. So ini satu isu yang saya ingat kita kena kaji baliklah. Adakah ini betul-betul cara yang jimatkan kos untuk kerajaan ataupun adakah ia jadi satu cara untuk cari untung untuk beberapa kontraktor yang rapat dengan pihak kerajaan tempatan? So saya harap ini akan dikaji.*

*Last sekali, ada isu pilihan raya tempatanlah kerana jika kita ada pilihan raya tempatan, kerajaan tempatan itu akan jadi lebih responsif pada penduduk di situ dan jika kerajaan tidak muh jadikan ia 100% *elected*, mungkin daripada 24 buah kerusi itu kita boleh buka 16 buah kerusi untuk pilihan raya. Hanya lapan yang lain-lain kita boleh lantik. So kita masih ada kontrol. Kita boleh masukkan orang yang profesional. So saya harap ini akan dikaji. Terima kasih.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Labuan.

#### **7.49 mIm.**

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Labuan sedikit sahaja bagi Butiran 0151301600 – Program Perumahan Rakyat Dimiliki dan Program Perumahan Rakyat Disewa.

#### **■1950**

Di Labuan, walaupun pesat membangun tetapi sebenarnya *demand*, dengan izin untuk rumah mampu milik ini memang amat tinggi. Baru-baru ini memang ada diumumkan bahawa rumah mampu milik akan diperuntukkan lebih RM10 ribu untuk Labuan. Daripada RM10 ribu ini sebenarnya, melebihi separuh adalah daripada kategori yang diperlukan iaitu rumah rakyat untuk disewa dan rumah rakyat yang murah walaupun mungkin sebahagian lagi adalah rumah mampu milik yang di bawah RM250,000.

Jadi, memandangkan Labuan kekurangan tanah dan tanahnya adalah mahal, saya ingin memohon kepada kementerian supaya memberi bajet yang cukup untuk tujuan pembelian tanah bagi kedua-dua program rumah rakyat dimiliki dan rumah rakyat disewa ini. Di Labuan ini sebenarnya, kita juga mempunyai empat buah kampung air yang padat penduduknya dan juga beberapa kawasan setinggan. Di kawasan kampung air ini mungkin juga disebabkan oleh budaya selama ini yang mana dalam sebuah rumah itu ia didiami oleh tiga keluarga ataupun lebih. Mungkin pada zaman-zaman lampau ia boleh *tolerate*, dengan izin oleh penghuni ataupun keluarga dan anak-anak.

Akan tetapi, buat masa sekarang ini, dengan *demand*, dengan izin kehidupan yang lebih tinggi dan ia sudah menjadi sesuatu yang membebankan. Di mana saya sendiri sebagai wakil rakyat berkali-kali mendapat kunjungan dan permintaan daripada beberapa keluarga yang tinggal di sebuah rumah yang terpaksa berpindah dengan segera ataupun *immediately* disebabkan oleh percaduhan yang sudah tidak boleh dikawal. Mereka datang dengan begitu emosi dan kes ini sebenarnya bukan kes yang *isolated* tetapi ia seperti satu fenomena yang memang perlu ditangani.

Jadi saya rasa benda yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan rumah kampung air di sebelah Sabah. Saya rasa, Yang Berhormat Menteri pun tidak susah untuk faham. Jadi, keperluan untuk perumahan rakyat disewa ini memang amat penting untuk kita boleh memindahkan keluarga-keluarga yang mempunyai masalah ini ke rumah-rumah rakyat itu.

Pada masa yang sama, Labuan juga memerlukan pengurusan sisa pepejal yang lebih teratur. Jadi, diharapkan bajet yang cukup juga akan diperuntukkan. Memang sudah juga di dalam perbincangan selama ini untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal di Labuan. Diharapkan ia dapat dilaksanakan pada tahun 2014 ini.

Selain daripada itu, saya cuma ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah meluluskan pembinaan bomba yang memang *long overdue* di Labuan, sebuah stesen bomba

yang berkaitan, yang lebih siap bersedia untuk menangani kebakaran-kebakaran bahan kimia ataupun minyak dan gas. Saya berharap, bajet juga akan diperuntukkan untuk latihan-latihan disebabkan ia adalah satu mekanisme yang baru untuk mereka melaksanakan program *fire fighting* ini. Kalau boleh, memandangkan Labuan mempunyai *environment* ataupun industri minyak dan gas yang sudah ada, ia juga dijadikan sebagai tempat latihan kepada program-program bomba untuk industri tersebut.

Memandangkan banyak industri ini sedang berkembang di kawasan-kawasan lain di sekitar Labuan seperti Sipitang dan Kimanis, ia sedikit sebanyak akan menyumbang kepada ekonomi Labuan. Begitu juga dengan program-program lain yang telah dilaksanakan di Labuan walaupun *local government* di Labuan bukannya di bawah KPKT tetapi KPKT juga telah melaksanakan bermacam-macam program termasuklah basmi tikus dan sebagainya. Terima kasih. Dengan itu, Yang Berhormat Labuan mohon menyokong.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

#### **7.57 mlm.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Pengurus. Saya akan berbahas berkenaan dengan B.43 Butiran 100100 iaitu Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILPKT). Saya mengharapkan supaya institut ini dijadikan sebagai pusat untuk melatih ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan terutamanya supaya mereka ini boleh kita pertingkatkan daripada segi kualiti keahlian mereka. Kalau yang telah sedia ada, supaya mereka ini dipertingkatkan daripada segi keilmuan dan juga daripada segi keterampilan mereka sebagai seorang ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang kita anggap satu institusi yang penting di dalam kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi.

Maka, kita harapkan supaya ahli-ahli Majlis ini bukanlah hanya semata-mata mereka ini untuk hendak tidak tahu tentang fungsi mereka sebagai *check and balance* di dalam sebuah kerajaan negeri khususnya di dalam pengendalian yang berada di bawah kerajaan tempatan. Terutama kita hendak supaya ahli Majlis ini menjaga hak-hak dan juga membawa suara daripada kalangan pembayar-pembayar cukai yang berada di bawah pengendalian kerajaan tempatan ini. Itu satu.

Keduanya ialah berkenaan dengan B.43 Butiran 080500 berkenaan dengan Keselamatan Kebakaran. Jadi, apabila tragedi yang berlaku pada 31 Oktober yang lalu iaitu enam unit *flat* di Kampung Kerinchi yang terbakar - itu semua merupakan satu takdir yang berlaku tetapi kita harapkan antaranya ialah supaya - memang kebakaran yang berlaku di kawasan itu memang menghadapi masalah walaupun sudah ada 11 dalam kalangan pasukan kereta bomba untuk hendak memadam api di tingkat 17 di *flat* Kampung Kerinchi yang pada saya ialah supaya

kementerian perlu perbanyakkan, tidak silap saya sudah ada empat kalau ikut rekod yang saya tengok di dalam portal mengatakan bomba ini ada 14 iaitu Unit Udara yang berpusat di Subang.

Cuma persoalan saya, adakah itu hanya khusus untuk kebakaran yang berlaku kepada kapal terbang sahaja ataupun kepada rumah-rumah yang kita tengok seperti *flat* dan juga kondominium yang terdapat di sekitar bandar raya terutamanya dan juga di tempat-tempat lain yang terdapatnya *flat* yang tinggi, yang berada di bandar-bandar besar yang tidak sampai melalui tangga biasa kereta bomba?

#### ■2000

Ini perlu difikirkan supaya pihak bomba memiliki pasukan bomba yang terlatih untuk menghadapi kebakaran-kebakaran di bangunan pencakar langit di sini. Begitu juga kita mengharapkan supaya di dalam konteks yang ada pada hari ini berkenaan dengan latihan terhadap anggota-anggota bomba terutama di dalam pengendalian berkenaan dengan kes-kes yang berpunca daripada radioaktif, punca daripada bahan biologi, bahan kimia dan bahan mudah meletup yang sejauh manakah mereka ini perlu diberikan latihan dari semasa ke semasa kerana punca kebakaran hari ini tidak sahaja berpunca daripada api biasa, maka ia perlu kepada latihan, yang peningkatannya perlu ada di kalangan anggota-anggota bomba.

Saya pernah lihat di hadapan mata saya sendiri, yang berlaku di kawasan Parlimen saya, waktu itu kita tengok sama ada *wallahualam*, oleh kerana mungkin sudah lama tidak gunakah, alat bomba ini kah, atau pun alat itu sudah rosak, saya tidak pasti. Berapa kali pasang kemudian ia punya tempat paip itu terbuka, kemudian terbuka. Jadi saya rasa itu saya harapkan ia merupakan satu perkara yang tidak boleh berlaku di tempat lainlah kerana kita bimbang ini akan mengorbankan nyawa dan juga harta benda.

Akhir sekali ialah, saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan apa *indicator* atau pun kayu ukur dalam untuk kita hendak menempatkan satu balai bomba? Memandangkan di tempat Parlimen saya itu dia kalau dekat dengan kawasan DUN Trong, ia agak jauh. Kalau di situ hanya mengharapkan daripada Balai Bomba Taiping dan juga Balai Bomba di sekitar Manjong, Daerah Manjong sana. Maka sebab itu saya mengharapkan kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri boleh melihat dan meninjau untuk menempatkan juga satu balai bomba kecil yang berada dekat dengan Trong untuk ia *cover* Daerah Trong dan juga dekat dengan Batu 9 dan juga Batu 8 yang terdapat di dalam daerah Parlimen Bukit Gantang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### 8.02 mlm.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta tentang Butiran 070000 – 070300 berkaitan dengan Perancangan Bandar. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat bahawa dalam kita membangunkan sebuah pembangunan

sama ada perumahan atau pun projek-projek yang berkaitan dengan pelancongan, kita lihat banyak kaedah baru yang perlu kita lihat. Saya mohon pihak kementerian supaya melihat semula kepada garis panduan perancangan dan juga garis panduan bangunan iaitu *uniform building by law*, yang mana kalau kita lihat terdahulu kita lihat bahawa setengah-setengah perkara itu sememangnya tidak praktikal lagi. Sebagai contohnya, kalau kita lihat barisan pembinaan perumahan rumah teres contohnya, terdapat keperluan untuk mengadakan *setback* 10 kaki ke 15 kaki bergantung kepada kerajaan tempatan. Sebenarnya kawasan ini tidak menjadi satu kawasan keperluan lagi kerana pada asasnya dahulu bahawa ini seolah-olah untuk memberi laluan kepada bomba jikalau ada berlaku kebakaran atau pun kecemasan. Jadi kalau kita mansuhkan contoh-contoh begini mungkin kita dapat kepadatan rumah itu dalam satu ekar itu, lebih.

Kalau kita lihat *back lane* atau pun laluan-laluan belakang di rumah sebenarnya menjadi satu kawasan pembuangan sampah, tempat orang menyimpan barang-barang lama dan juga laluan kepada penceroboh-penceroboh. Jadi saya rasa sekadar untuk mengadakan perparitan dan juga *boundary* atau pun sempadan belakang menghadap ke belakang dengan jiran kita adalah cukup memadai. Seterusnya menolak atau pun perkara-perkara yang berlaku di dalam *back lane* ini tidak menjadi satu masalah lagi kepada skim-skim perumahan. Begitu juga dengan panduan kepada *setback* kepada rancangan-rancangan dan juga perancangan-perancangan untuk membangunkan bangunan-bangunan pelancongan contohnya.

Kita mahu membina rumah-rumah hingga ke- di atas air, di pergigian pantai, di pergigian air atau pun di sisir sungai, laut dan juga tasik. Oleh kerana adanya kekangan dan juga perancangan yang memerlukan satu *setback* yang jauh berantai-rantai, ratusan kaki. Maka perkara ini perlu dilihat semula supaya ada fleksibiliti dalam kita untuk memohon kebenaran dalam perancangan kita supaya perkara-perkara yang dilihat yang telah diamalkan di negara-negara lain supaya perancangan atau pun pembangunan seperti ini dapat kita laksanakan. Maka terdapatlah wujudnya pembangunan di tepi, di sisir tasik, di tepi sungai malahan di atas laut.

Ini ada juga dilaksanakan oleh dua tiga tempat kerajaan tempatan. Oleh kerana desakan atau pun *political will*, maka ini berlaku dan saya harap perkara ini dapat dilihat sebagai menyeluruh terdapatnya penyelarasan dan *uniformity* dan *flexibility* dalam kita mengadakan perkara-perkara yang boleh membangunkan dan juga mencorakkan supaya pelancongan dan juga bangunan-bangunan yang sedemikian dapat dilaksanakan di negara kita. Peranan kementerian untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan yang meluluskan projek-projek pembangunan ini perlu kita lihat dan berseiringan dengan kementerian supaya perkara-perkara ini dapat kita jalankan dan kita laksanakan projek-projek yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang.

#### **8.06 mlm.**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada B.43 Butiran 090000 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara atau pun *National Solid Waste*

*Management* dengan izin di bawah perbelanjaan pengurusan. Jumlah yang diperuntukkan adalah RM497.5 juta untuk tahun 2014. Jumlah untuk mengendalikan sisa pepejal ini amat besar dan akan meningkat setiap tahun kerana kadar pengeluaran sisa pepejal di Malaysia ini kian meningkat. Pada tahun 2012, sisa pepejal yang mesti diuruskan adalah lebih kurang 33,000 tan setiap hari. Pada tahun 2005, hanya 19 tan setiap hari sahaja. Malangnya pada masa yang sama kementerian telah gagal untuk melaksanakan tugas dalam meningkatkan kadar mengitar semula atau pun *recycling rate* dengan izin kepada satu tahap yang memuaskan.

*Recycling rate* negara kita adalah 5% sahaja pada tahun 2005 dan telah menaik sampai ke tahap 9.7% pada tahun 2012. Jikalau kita hendak buat perbandingan, *recycling rate* di negara jiran kita iaitu Singapura telah melebihi 50% pada waktu sekarang. Di setengah-setengah tempat di negara maju seperti di San Francisco, *recycling rate* telah mencecah 75%. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah sebab kegagalan untuk menaikkan *recycling rate* kita ke tahap negara maju? Saya juga hendak Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini, apakah rancangan umum untuk meningkatkan *recycling rate* negara kita dan apakah sasaran yang hendak dicapai?

Pada masa yang sama, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada zero waste policy ini dengan izin adalah satu sasaran yang hendak dicapai oleh pihak kementerian terutamanya di kawasan bandar, di mana *economy of scale* untuk mengurangkan sisa pepejal ke tahap sifar lebih senang untuk dicapai sebagaimana yang sedang dirancang oleh bandar-bandar di negara maju seperti San Francisco.

Pada masa yang sama, saya juga hendak bertanya, apakah kegunaan peruntukan yang diberikan untuk *public awareness campaign* bagi *Solid Waste Management* di bawah Butiran 140700? Adakah peruntukan ini digunakan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap pengitaran semula atau pun peruntukan ini akan digunakan untuk propaganda membina satu *incinerator* di Taman Beringin, Kepong. Salah satu daripada akibat kegagalan kerajaan untuk meningkatkan *recycling rate* di negara kita ialah tekanan untuk membina lebih banyak *landfill* untuk membuang sampah. Tambahan lagi, pihak kementerian telah sekali lagi merancang untuk membina satu loji *incinerator* di tepi tapak *transfer station* di Taman Beringin, Kepong. Saya hendak mengingatkan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2003 kerajaan telah mencadangkan untuk membina satu loji *incinerator* di Broga, Semenyih. Akan tetapi telah membatalkan rancangan ini pada tahun 2006 oleh kerana bantahan yang kuat daripada penduduk di sana.

## ■ 2010

Pada masa yang sama, pembayaran pampasan juga telah diberi kepada syarikat Jepun iaitu Ibara Corp. yang pada mulanya diberi kontrak untuk membina *incinerator* di Broga, Semenyih. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada cadangan untuk membina satu loji *incinerator* di Taman Beringin ini mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa yang mewajibkan lokasi untuk tapak *incinerator scale* besar untuk dibina di sempadan kawasan pembangunan ataupun luar pembangunan dengan jarak

minimum dari kawasan tumpuan pembangunan sekurang-kurangnya 50 kilometer radius. Taman Beringin di Kepong ini memang adalah satu tempat di mana ada penduduk yang padat. Jadi dengan itu kenapa loji *incinerator* masih dicadangkan di sana?

Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan di Parlimen pada 12 November 2013 bahawa satu tender terbuka akan dilaksanakan pada bulan Disember dan akan terbuka kepada semua teknologi dan bukan sahaja *incinerator*. Saya hendak dapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa *incinerator* hanya adalah salah satu daripada pilihan untuk menangani masalah sisa pepejal di negara kita dan khususnya di Taman Beringin di Kepong. Pada satu taklimat yang diberikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Dr. Nadzri Yahaya kepada penduduk Taman Beringin di Kepong, beliau telah memberi jaminan bahawa semua tawaran ataupun *bid* yang diterima oleh kementerian untuk kawasan Taman Beringin ini akan diterbitkan secara terbuka kepada semua orang awam untuk menilai dan juga mengkaji.

Saya mahu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa apa yang dijanjikan oleh Dr. Nadzri Yahaya akan juga dilaksanakan oleh kementerian iaitu untuk *make public* dengan izin semua tawaran untuk segala teknologi yang dicadangkan ataupun yang *dibid* oleh syarikat-syarikat tertentu di Taman Beringin, Kepong. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab soalan-soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut.

#### **8.12 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah membawa perubahan yang banyak kepada kementerian ini khususnya dalam melestarikan keperluan rakyat. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah kementerian ini.

Pertamanya, tentang perkara di bawah Kepala 010200 mengenai penelitian terhadap kawasan-kawasan perumahan yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah ditentukan. Contohnya, penyediaan kawasan lapang yang mencukupi, keperluan-keperluan tambahan seperti padang-padang permainan dan juga bagi sesetengah kawasan yang perumahannya bersebelahan. Kawasan baru bersebelahan kawasan yang sedia ada, kadang-kadang terdapat pihak pemaju berkongsi jalan yang sudah sedia ada. Jadi dengan adanya pengawasan yang lebih terperinci yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan, ia akan dapat menjamin keperluan-keperluan yang sepatutnya diadakan dapat ditunaikan.

Perkara kedua ialah menyentuh tentang Kepala 040100 – Perumahan Negara. Saya mengharapkan agar peruntukan ini dapat dilebarkan kepada kawasan di bandar Jerantut khususnya kerana keadaan harga rumah di bandar Jerantut kini naik begitu mendadak termasuk rumah-rumah kedai hingga ada di antara harga rumah kedainya menghampiri harga rumah kedai di bandar-bandar besar. Ini termasuk juga rumah-rumah yang mungkin tidak mampu dijangkau oleh

pembeli-pembeli yang berpendapatan rendah di kawasan bandar Jerantut. Dengan adanya projek perumahan kerajaan di bandar ini, sedikit sebanyak akan dapat mengawal kenaikan harga yang berlaku sekarang.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah saya ingin menyentuh tentang Kepala 080300 – Keperluan balai bomba yang agak munasabah di Jerantut ini kerana sesuai dengan perkembangan bandar yang begitu pesat. Jadi keadaan balai bomba yang ada di Jerantut sekarang ini sangat wajar diberikan pembangunan yang baru berserta dengan kemudahan-kemudahan yang sesuai dengan keperluan itu. Ini kerana untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Balai Bomba Jerantut ini juga merangkumi keperluan di pekan Kuala Krau iaitu di kawasan Tuan Pengerusi sendiri. Jaraknya lebih kurang 30 kilometer. Jadi dengan adanya keperluan yang standard, yang seragam dan mencukupi untuk Balai Bomba Jerantut ini, sudah pasti langkah-langkah untuk mengatasi ataupun menyelamatkan harta benda dan juga nyawa bila berlaku kebakaran dapat diatasi dengan lebih baik dan lebih cepat.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang kesejahteraan bandar iaitu perkara 141100 dan 141300 iaitu mengenai dengan NRKA, 1AZAM Bandar dan Kios Program. Saya mengharapkan agar peruntukan ini juga dapat diperluaskan ke Jerantut memandangkan bandar Jerantut juga mempunyai penduduk ataupun masyarakat yang mempunyai pendapatan yang rendah dan dengan adanya program ini dapat dibawa ke Jerantut, insya-Allah dapat mengatasi kemiskinan bandar yang ada di kawasan bandar Jerantut.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada Parlimen Jerantut. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Ramai lagi? Satu, dua, tiga, empat, lima dan enam. Boleh seorang lima minit, ya.

#### 8.16 mlm.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sanggup duduk di sini untuk mendengar perbahasan dan ini adalah satu teladan yang baik. Saya ingin mulakan dengan Kepala B. 43 iaitu 040100 – Perumahan Negara. Kita tahu bahawa selama ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah peneraju untuk membina rumah-rumah kos rendah dan juga PPR di kawasan-kawasan. Akan tetapi tugasnya sekarang telah diambil alih oleh PR1MA, satu badan di bawah JPM. Itu sebab saya rasa adalah sesuatu yang tidak kena walaupun ini ada sedikit tentang dasar tetapi saya rasa Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kena masukkan dalam Kabinet dan cuba dapatkan balik daripada PR1MA sebab kita tidak mahu banyak jawatankuasa-jawatankuasa. Ia mengelirukan rakyat.

Saya hendak beritahu kerana sekarang, kalau dengan adanya PR1MA, rakyat terpaksa daftar dengan PR1MA untuk membeli rumah PR1MA dan pada asasnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Jabatan Perumahan, kita

sudah ada senarai di mana rakyat yang perlukan perumahan, sudah ada satu senarai. Dulunya dengan PPR, kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan sudah ada pendaftaran. Senarai penduduk yang memerlukan rumah. Sekarang adalah PR1MA, orang yang dulu daftar dengan Jabatan Perumahan, sekarang mereka boleh dapat. Maka mengelirukan. Ada banyak *list*. Ramai yang terpaksa register dua atau tiga kali dan ada yang sudah lama daftar tetapi tidak dapat dan orang yang baru daftar dapat.

Jadi saya rasa kalau boleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan cuba bincangkan dengan Kabinet supaya PR1MA dimasukkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Isu kedua adalah tentang PP1M yang merupakan satu program yang cukup baik kerana kalau kita tengok di merata tempat di kawasan bandar seperti di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, Selangor dan sebagainya, banyak rumah kos rendah ataupun PPR ataupun rumah kos sederhana sekarang dalam keadaan usang. Seperti Yang Berhormat Sungai Siput kata ada *urban slump* di banyak tempat kerana rakyat tidak mampu membayar *maintenance cost*. Apabila dia punya cat sudah luntur, apabila *water tank* mereka sudah bocor, mereka tidak mempunyai duit *maintenance* yang cukup untuk membaiki walaupun kita ada kenalkan *maintenance cost* tetapi rata-rata perangai orang Malaysia yang kadangkala saya pun rasa tidak memadai sebab mereka sanggup bayar ASTRO dan mereka sanggup bayar macam-macam tetapi mereka tidak sanggup bayar RM35 atau RM45 *maintenance cost*.

## ■2020

Walau bagaimanapun, ini adalah *reality on the ground* di mana ramai tidak sanggup bayar *maintenance cost* dan akhirnya apabila sesuatu yang besar berlaku atau *tank* karat atau bocor maka mereka tidak dapat membayar dan terpaksa mencari wakil rakyat untuk membantu mereka. Dengan adanya TP1M saya rasa TP1M ini boleh membantu. Walau bagaimana pun saya nampak bahawa dahulu KPKT umumkan bahawa ada RM500 juta untuk TP1M.

Akan tetapi apabila saya bertanya Yang Berhormat Menteri kebelakangan ini pada 24 September 2013, Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa sehingga 31 Ogos 2013 anggaran TP1M yang diperuntukkan adalah sebanyak RM40 juta. Saya nampak bahawa projek-projek di Johor sebanyak 13 projek, Melaka – 8 projek, Perak – 13 projek, Pulau Pinang – 4 projek, Kedah – 1 projek, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 64 projek. Total anggaran kos peruntukan sebanyak RM40 juta. Apabila kita tanya Menteri, Menteri kata peruntukan sudah habis untuk tahun 2013. Maka ini adalah satu kemusyikan. Di manakah RM500 juta yang dijanjikan? Kenapa hanya setakat RM40 juta sahaja?

Saya hendak maklumkan kepada Menteri bahawa di Pulau Pinang kita ada sebanyak 114 projek. Di kawasan Bayan Baru sahaja ada 18 projek yang dikemukakan. Di antara 114 projek di Pulau Pinang dan di serata Malaysia, saya rasa mungkin 1,000 projek. Kenapa *stop at RM40 million only*? Kenapa tidak gunakan peruntukan RM500 juta tersebut? Rakyat sekarang memang dalam keadaan yang teruk. Rumah-rumah pangsa dan saya rasa rakyat sanggup untuk bayar 30%

atau 10% yang rakyat daripada GMB. *No problem.* Akan tetapi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria? Ini sebab apabila saya tanya apakah kriteria, Yang Berhormat Menteri ada jawab, dia kata perumahan mesti didiami lebih daripada 10 tahun, GMB mempunyai dana yang mencukupi, kerosakan bangunan harta bersama, memudaratkan keselamatan dan keselesaan penghuni.

Ini adalah *generate answer*. Apabila 114 projek daripada Pulau Pinang, apabila 18 projek daripada Bayan Baru dihantar kepada KPKT, siapakah yang dapat dan siapakah yang tidak dapat? Siapa priority? Adakah *first come first serve* atau tengok keadaan. Saya tidak berapa faham dan saya rasa ragu-ragu serta curiga kenapa Wilayah Persekutuan dapat 64 projek? Kenapa Kedah satu projek dan kenapa Pulau Pinang empat projek sahaja? Pada hakikatnya Pulau Pinang mempunyai bangunan strata *low cost* atau rumah kos rendah yang amat banyak di Pulau Pinang.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh jangan pinggirkan atau dianaktirikan Pulau Pinang terutamanya bagilah di Bayan Baru. Oleh kerana kami berusaha membantu Menteri juga. KOMTAR pun mahu juga kita mintalah kalau boleh Yang Berhormat bayar *spend the money RM500 million* yang sudah ada di dalam dana. Pakailah untuk demi rakyat.

Satu isu lagi adalah berkenaan dengan JPP atau Jawatankuasa Perwakilan Penduduk. Apabila Yang Berhormat Menteri jawab saya pada peringkat dasar, Menteri tidak menafikan bahawa JPP ini adalah berupa kaunselor yang cuba menjadi orang tengah mendapatkan suara daripada rakyat untuk disalurkan kepada pegawai kementerian. Mereka ini akan dilantik. Jadi semua *features* yang telah dinyatakan oleh Menteri memang seperti *Federal Counselor*, Memang macam satu Ahli Majlis Persekutuan. Jadi saya tidak pertikaikan tetapi saya rasa – apabila Menteri respons kepada *reporter*, kata inisiatif baru ini adalah hasil maklum balas semasa PRU13 yang lalu yang menunjukkan rata-rata penduduk bandar tidak memahami dengan jelas tentang program dan dasar kerajaan.

Saya rasa masalah dengan JPP ini adalah kita terlalu banyak jawatankuasa. Selalunya kalau ada masalah, okey. *Set up* satu jawatankuasa. Peruntukan RM63 juta, satu wang yang cukup banyak. A *redundancy*. Kalau kita sudah ada ahli Majlis, biarlah kuasa kepada ahli Majlis. Bagi mereka buat kerja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bagi peruntukan kalau mereka tidak buat kerja tetapi kita beri peruntukan yang lebih untuk mereka jalankan kerja dengan baik. Sekarang kalau kita adakan mesyuarat selalunya saya hendak bagi tahu, selalunya ada banyak mesyuarat. Hari-hari Yang Berhormat Menteri kena mesyuarat. Jadi masa kita wakil rakyat, Ahli Majlis, Menteri semuanya digunakan untuk mesyuarat sahaja. Akan tetapi kalau kita kurangkan jawatankuasa-jawatankuasa yang tidak perlu, kita boleh ada lebih masa tumpukan *solve problem, problem solving* yang memerlukan arahan daripada wakil rakyat. Memerlukan arahan daripada Ahli Majlis. *Solve problem on the ground, less meeting*.

Jadi ini adalah pada saya sesuatu yang amat cukup tidak memerlukan. Kalau boleh, kita mahu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk lebih efektif, kita adakah pilihan raya kerajaan tempatan. *That is the ultimate.* Kalau ahli Majlis yang dipilih oleh rakyat mereka akan bertungkus-lumus membuat kerja kerana mereka mahu menang dalam pilihan raya lagi. Mereka boleh ada autoriti sebab mereka dipilih oleh rakyat. Jadi kalau kita selalu lantik orang, lantiklah. Okeylah JPP nanti lantik AJK bahagian UMNO, AJK bahagian MCA. Itu hanya *political appointees.* At the end of the day, mereka *beholden to the political master* bukan *beholden to the rakyat.*

Jadi isu sekarang adalah *return the power to the rakyat.* Pulangkan kuasa kepada rakyat. Bagi kuasa kepada rakyat. Pilihlah ahli Majlis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi ini akan menjadikan kerajaan efektif. Maka rakyat akan sokong balik Barisan Nasional kalau kerajaan tempatan adakan pilihan raya kerajaan tempatan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak minta isu tentang Akta Strata yang baru. Ini adalah suara daripada pegawai-pegawai COB. Mereka merasa masalah tentang sita. Ada peruntukan untuk menyita orang-orang yang tidak membayar *maintenance fees* di bawah Akta *Strata Title* yang baru. Walau bagaimana pun *guideline* itu belum ditetapkan oleh KPKT supaya satu prosedur, SOP bagaimana mereka boleh sita rumah-rumah yang tidak membayar *maintenance fees.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, cukuplah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Last, last.* Satu minit sahaja. Akhir sekali ialah Butiran 090100 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. *Recycling rate* tadi saya sokong Yang Berhormat Serdang bahawa *recycling rate* amat terlalu rendah.

Saya hendak beritahu sekarang Yang Berhormat Serdang tadi *mentioned about San Francisco.*

## ■2030

Saya tinggal di San Francisco enam tahun. Jadi saya hendak beritahu cara bagaimana orang San Francisco membuat *recycling.* Dia setiap minggu dia sediakan empat tong. Satu tong *newspaper and paper*, satu tong botol *and cans*, tong yang ketiga *garbage*, tong yang keempat *yard waste.* Jadi setiap minggu mereka akan hantar *recycle* yang berbeza untuk kutip keempat-empat tong tersebut. Jadi apabila ia setiap Isnin *you* hanya hantar *you* punya tong ke tepi jalan. Mereka akan kutip mengutip keempat-empat tong tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah lama sangat Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, okey. Jadi ini adalah sesuatu yang berjaya. Saya rasa dan saya hendak cadangkan kepada KPKT kalau boleh jalankan *the recycling because it is*

*very important* kalau kita boleh kurangkan dan kita boleh meningkatkan *recycle rate* maka sisa pepejal akan dikurangkan. Dengan kata-kata itu sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

### 8.31 mlm.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah Butiran 020000 - Dasar dan Pembangunan dan tajuk kecil 024400 - Kesejahteraan Bandar. Suka saya mengambil kesempatan di sini untuk memohon jasa baik pihak kementerian mengkaji semula tentang peranan JMB ini di bawah kesejahteraan bandar kerana kita lihat di mana-mana kawasan yang mempunyai JMB ini peranan mereka bolehlah kita simpulkan sebagai gagal kerana masalah penduduk tidak membayar apa yang mereka patut bayar menyebabkan kawasan itu akhirnya kotor dan terbiar. Jadi adalah lebih elok jika masalah ini dikembalikan kepada majlis-majlis perbandaran dengan kaedah-kaedah tertentu supaya kawasan tersebut akan nampak bersih dan terjaga.

Di bawah Butiran 050000 - Kerajaan Tempatan dan Butiran kecil 050200 - Kemajuan Perkampungan. Kita banyak lagi kampung-kampung di kawasan saya daripada Pasir Gudang kami mempunyai lebih kurang 11 lagi kampung yang tentunya ingin kami pelihara kerana kita tak nak satu hari selepas mungkin lagi 10 tahun anak-anak kita apabila membesar, mereka tidak tahu apa itu suasana kampung.

Jadi dengan baki-baki kampung yang ada, kami berharap pihak kementerian dapatlah bekerjasama mencari cara terbaik bersama dengan kerajaan negeri agar kampung-kampung ini dapat dipelihara dan kemudahan-kemudahan dalam kampung ini disegerakan pembinaannya sama ada dari sudut jalan raya, perparitan dan juga kemudahan asas. Banyak kampung mengalami lagi masalah gangguan internet ini.

Di bawah Butiran 070000 - Perancangan Bandar dan Desa, 070200 - Rancangan Pemajuan. Kita berharap dengan rancangan yang dibuat supaya apabila sahaja ada perumahan baru yang dibina, kerajaan tempatan mengambil inisiatif, saya selalu dengar biasa itu adalah jawapan yang diberi urusan kerajaan negeri tetapi sebagai kerajaan tempatan dapatlah kiranya memberi arahan kepada majlis-majlis apabila satu pembangunan dilaksanakan, katakanlah ada satu perumahan yang sangat besar, perumahan yang akan dibina dengan ratusan atau ribuan rumah. Jadi pastikanlah kita ikut contoh-contoh negara asing.

Pastikan *developer* itu menyediakan kemudahan asas supaya kemudahan itu tidak berbalik semula kepada kerajaan. Antaranya kemudahan seperti kadang-kadang surau, masjid sendiri dan juga sekolah yang sangat penting kalau kita ikut di Thailand apabila kawasan itu *develop* dengan siap hospital pun disuruh bina oleh pemaju itu tetapi harga mereka tidaklah melambung tinggi. Di kawasan saya itu orang industri ada cakap sebelum ini tetapi rumah sudah mencecah hampir RM1 juta. Siapa yang hendak beli? Tanah, tanah orang Malaysia tetapi yang datang duduknya orang Singapura seramai-ramai tidak. Adakah ini adil untuk warganegara kita sendiri?

Seterusnya di bawah Butiran 080000 - Bomba dan Penyelamat Malaysia, Butiran kecil 080200 - Latihan. Kita tahu sekarang masalah kebakaran ini bencana kita tidak tahu bila terjadi. Jadi saya suka hendak mencadangkan agar pihak kementerian dengan penubuhan Jawatankuasa Penduduk dan sekarang ini apa yang dipanggil sebagai JPP diwujudkan satu sukarelawan untuk menghalang ataupun melawan kebakaran diadakan kursus kepada jawatankuasa ini, kepada yang berminat agar jika bomba lewat, mereka boleh melakukan sesuatu. Tetapi perlu diingat bila bomba sukarelawan ini ditubuhkan, pihak kementerian juga perlu melihat kepada masalah insurans. Jika tidak ada insurans, jika ada kemalangan berlaku akan balik semula kepada keluarga mereka.

Di bawah tajuk 110000 - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), 110100. Saya ramai juga orang agak tidak berpuas hati dengan monopoli yang dilakukan oleh SWM ini. Servisnya amatlah tidak baik. Sampah-sampah tidak diangkat sekeraap di kawasan saya tinggal dahulu semasa walaupun mereka ada menggunakan kontraktor yang sama tetapi tidak *direct* pemantauan di bawah majlis, dahulu kalau sampah itu boleh dikatakan hampir setiap hari diangkat. Ini di kawasan-kawasan tertentu seminggu kadang-kadang dua kali nasib juga diangkat. Perkara ini menjadi rungutan kepada penduduk-penduduk setempat.

Bawah Butiran 130000 - Dasar Baru, 130800 - Kenaikan Gaji Tahunan. Saya suka mencadangkan di sini supaya pihak kementerian berilah kenaikan yang sewajarnya kepada pegawai bomba kita kerana saya mendengar banyak rungutan tentang tugasan mereka yang agak berbahaya tetapi gaji yang mereka perolehi tidak setimpal dengan tugas yang mereka laksanakan.

Terakhir saya ingin mencadangkan di bawah 01513 - Program Perumahan Rakyat dimiliki. Saya mohon supaya Program Perumahan Rakyat dapatlah dibina di kawasan saya dan kita dapat membantu mereka di bawah pendapatan RM3,000 kerana masalah harga rumah yang terlampau-lampaunya tinggi di dalam Parlimen Pasir Gudang ini. Itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Mohon diberi perhatian sewajarnya dan saya Pasir Gudang menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

### 8.39 mlm.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada 020000 - Dasar dan Pembangunan. Di sini saya hendak bangkitkan tentang konsep bina kemudian jual di mana pada penggal pertama saya ada timbulkan konsep ini. Pada masa itu menteri orang lain, bukan Yang Berhormat Kota Belud dari MCA di mana dia memang ada janji, dia ada kata dasar ini dia akan memperkenalkan, dia ada bagi *time frame*. Kalau saya tidak silap tahun 2015 ia akan hendak capai tahap *at least* 30% konsep ini di mana konsep sekarang jual kemudian bina itu memang ada masalah kerana kita mengalami banyak masalah rumah terbengkalai, projek di mana gagal disiapkan oleh pemaju.

### ■2040

So, konsep ini saya sudah ada bangkitkan di Parlimen yang mana kita bukan kata 100% pemaju kena menanggung semua kos ini. Tidak. Di mana kerajaan perlu teliti, memperkenalkan

konsep ini iaitu bina, kemudian baru jual yang mana kita kutip 10% nisbah 10:90 supaya kita menggalakkan pemaju untuk bina dahulu, untuk mengelakkan projek terbengkalai, mengelakkan pemaju ini lari, *bankrupt*. Itulah yang telah diperkenalkan di banyak negara seperti di Thailand, New Zealand, Australia, banyak negara sudah memperkenalkan konsep ini.

Akan tetapi, Malaysia ini masih kita guna masalah sekarang ini yang mana masalah sekarang adalah konsep jual, kutip duit dahulu, baru bina. Banyak yang mana bina sampai setengah, *bankrupt*, projek tidak dapat dijalankan. So, saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri supaya bagi satu *time frame*. Jangan kata bagi masalah, sengaja katakan pemaju tidak beri kerjasama tetapi kita tidak langsung bagi galakan insentif. Daripada segi cukai, kita tidak bagi. Saya rasa, kementerian perlu melihat perkara ini dengan serius. Memperkenalkan konsep ini, boleh *selective* beberapa pemaju untuk kita jalankan supaya kita boleh laksanakan dengan secepat mungkin. Saya hendak tahu tentang konsep ini. Sekarang ini, di tahun 2013, berapakah konsep bina, kemudian jual telah dilaksanakan oleh pemaju di Malaysia ini? Berapa peratusan?

Kalau katakan tahun 2015 hendak capai 30%, saya rasa tidak mungkinlah. Kalau kita tidak jalankan sekarang ini, tidak mungkin akan mencapai tahap ini. So, saya hendak tahu juga kerana konsep jual kemudian bina ini, masalah banyak rumah terbengkalai berlaku di Malaysia ini. Banyak lagi rumah terbengkalai, projek terbengkalai tidak dapat disiapkan, tidak dijalankan. Di kawasan saya, ada dua projek terbengkalai. Sudah lebih 10 tahun tidak siap lagi. Tunggu-tunggu, sampai sekarang tidak berjalan lagi.

Pertama, di PJS 1 di Taman Petaling Utama, Blok E. Projek ini dijalankan pada tahun 2003, sekarang tahun 2013. 10 tahun sudah. Masih timbul masalah kerana bank yang mana pembeli masih perlu membayar faedah bank. Rumah tidak dapat, rumah kos rendah ini. Macam pemaju tidak minat untuk melaksanakan, teruskan projek ini. Blok E Taman Petaling Utama PJS1.

Kedua, Villaria Apartment di PJS 5 di tepi kawasan saya. Ia di bawah Kelana Jaya tetapi di sebelah PJS 2. Ini pun kalau tidak silap sudah 15 tahun dah projek *apartment* ini masih di sana tetapi tidak siap. Siap lebih kurang 70%. So, saya hendak minta, adakah kementerian ini berhasrat bila hendak jalankan, hendak pulihkan dua projek terbengkalai ini di kawasan saya?

Saya hendak merujuk kepada perkara kedua iaitu Butiran 080000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia. Saya memang memberi pujian kepada Balai Bomba Jalan Penchala, PJ kerana mereka begitu pantas, begitu efisien untuk menyelamatkan harta dan nyawa semasa kebakaran. Saya memang puji tetapi mereka mengalami satu masalah yang sangat besar di kawasan saya. Semasa mereka sampai ke tempat kejadian, tekanan air pili bomba teruk, tidak ada air. Bayangkan mereka hendak padamkan api menggunakan air di longkang. So, pili bomba, *maintenance* ini tidak dijalankan.

Saya sudah pun bangkitkan dahulu di Taman Dato' Harun. Itu salah satu kawasan tetapi kawasan di PJ Old Town Seksyen 1, Seksyen 2 yang mana ada dua kali berlaku kebakaran. Tidak ada air. Mereka mengalami masalah air. Pili bomba tidak di *maintenance*. So, saya haraplah pihak KPKT ini boleh menjalankan usaha kerja ini supaya pastikan pili bomba yang sedia ada ini dikawal

selia, dijaga dengan baik. Pastikan tekanan air yang cukup supaya kalau berlaku kebakaran, kita boleh memadamkan api dengan sebaik mungkin.

Saya juga hendak bangkitkan perkara yang ketiga iaitu Butiran 01604 – Pemulihan dan Penyelenggaraan. Masalah *maintenance* di pangsapuri, *flat* kos rendah ini. Di kawasan saya terutama di Taman Medan banyak pangsapuri kos rendah mengalami masalah yang mana ramai penghuni tidak membayar *maintenance* dan banyak rumah disewa oleh orang asing. Mereka tidak tinggal di sana so orang asing tidak bayar *maintenance* dan masalah yang mana lif tidak diselenggarakan, tidak di *maintenance* dan berlaku masalah lif rosak di banyak pangsapuri kos rendah dan juga masalah sistem pembetungan yang rosak, sampah yang tidak dikutip, tempat letak kereta yang tidak mencukupi dan juga masalah yang mana mereka sewa kepada orang asing yang saya timbulkan tadi.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ini tentang soal *maintenance*. *Maintenance* tadi telah disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru yang mana di rumah pangsapuri kos rendah ini memang kita tidak boleh harap JMB. JMB ini mereka tidak ada pengalaman, mereka setiap hari hanya tumpukan kepada kerja-kerja harian mereka. Mereka merupakan kalangan yang berpendapatan rendah. Jangan harap mereka boleh *organize* JMB secara baik. Tidak. Mereka langsung tidak ada pengalaman. Mereka menjalankan kerja-kerja JMB ini secara sukarela. Kalau mereka berpendapatan rendah, pendapatan tidak lebih RM1,500, bayangkan macam mana mereka hendak kutip *maintenance*. So, ada rang undang-undang diperuntukkan boleh bawa kes ini ke mahkamah tetapi kes mahkamah ini adalah proses yang sangat lambat.

COB pun tidak berfungsi. COB langsung tidak ada pengalaman hendak jalankan kerja. Di MPPJ terutamanya, COB ini ia bukan terletak di MPPJ. Officenya disewa di bangunan lain. COB yang pegawai *in charge* ini langsung tidak ada pengalaman.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat, habiskan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Macam mana hendak tolong penghuni yang tinggal di *flat* kos rendah ini? So, saya hendak minta, saya rasa tiba masanya kerajaan mengubah rang undang-undang dan pastikan penghuni yang tinggal di *flat* kos rendah ini, betul-betul dia membayar *maintenance* supaya *maintenance* untuk lif boleh dijalankan. Kalau tidak, setiap kali lif rosak, tanggungjawab kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan juga tanggungjawab Kerajaan Pusat juga perlu keluarkan peruntukan untuk membaiki lif-lif yang rosak ini. So, saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya cadangkan agar perbahasan kita akhirkan jam 9 dan beri ruang kepada Yang Berhormat Menteri satu jam setengah untuk menjawab.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** 10 minit tidak sempat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana yang tidak sempat panggil itu dukacitalah Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Sik.

**8.49 mIm.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan B.43 Butiran 080400 – Operasi Kebombaan dan Penyelamat, B.43 Butiran 31000 – Perolehan Kenderaan, Helikopter dan Kelengkapan Bomba. Tidak termasuk helikopterlah. Di kawasan saya terdapat satu balai bomba dengan satu lori bomba yang besar iaitu jenis Scania. Kalau kita lihat di Parlimen Sik memanglah ada jalan yang besar-besar tetapi lebih banyak kawasan kampung yang terdiri daripada jalan mini tar dan jambatan-jambatan kecil.

**■2050**

Banyak kebakaran yang berlaku tetapi tempat kebakaran itu jauh di dalam dan kenderaan Scania yang besar itu tidak dapat sampai ke tempat kemalangan. Ini menyebabkan kebakaran tidak dapat diselamatkan. Oleh itu saya cadangkan kepada kementerian dan kepada Menteri supaya menyediakan kenderaan yang lebih kecil iaitu seperti *pickup* yang lengkap dengan alat kelengkapan. Ini supaya boleh sampai ke tempat kebakaran dan kebakaran boleh diselamatkan. Tuan Pengerusi saya ingat itu sahaja daripada saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing boleh sambung.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Mersing lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada, ada dua minit sahaja Yang Berhormat.

**8.51 mIm.**

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Seminit sahaja. Tuan Pengerusi terima kasih *injury time* ini, tetapi sempat juga nasi Arab. Ini Butiran 050000 - Kerajaan Tempatan. Saya hendak cerita sedikit fasal kedai mamak Tuan Pengerusi. Kita hendak pergi ke negara maju kedai mamak ini dia 24 jam, tidak ada *control* dan dia sudah jadi cendawan. Jadi isu dia tidak ada negara maju atau negara jiran dalam ASEAN yang ada kedai makan sampai 24 jam. Saya lihat area-area tempat makan ini adalah satu tumpuan pada anak-anak muda. Saya fahamlah lepas EPL dia tengok bola, lepas tengok bola dia '*mengeteh*' tetapi pada waktu yang sama ia menunjukkan satu tempat lepak yang tidak sihat. Malah ia juga tempat penjenayah kecil relaks sekejap sementara menunggu sasaran mereka.

Jadi saya mohon walaupun saya tahu Kerajaan Pusat KPKT tidak ada kuasa penuh, ia adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Akan tetapi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dengan negeri-negeri kalau dapat kita elok kita hadkan mungkin sampai pukul 2 pagi sahajakah? Ini supaya ada waktu untuk pengusaha bersihkan tempat, ruang makan supaya kelihatan bersih dan kita dapat *Maintain* elemen-elemen pencegahan penjenayah. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**8.53 mIm.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengurus kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkaitan dengan B.43 di bawah Butiran 010000. Saya ada dua isu tempatan. Pertama saya telah menerima aduan daripada beberapa orang penduduk Taman Menglembu Impiana Adril. Mereka mengadu bahawa mereka telah membeli rumah pada tahun 2002 dan semasa mereka beli rumah itu didapati ada banyak kerosakan pada dinding, bumbung dan sebagainya. Masalah ini telah diberitahu kepada pemaju tetapi pemaju tidak mengambil inisiatif yang secukupnya, hanya buat *repair* sedikit-sedikit sahaja. Tidak buat selesaikan masalah itu dan masalah itu berterusan sampai ke hari ini.

Sekarang, pada hari ini beberapa orang yang terlibat dalam masalah ini terpaksa berbelanja beribu-ribu ringgit untuk membuat kerja-kerja baik pulih. Ini menjadi satu masalah kepada mereka. Mereka telah membuat aduan tentang perkara ini kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), tidak ada apa-apa tindakan diambil. Mereka juga telah membuat aduan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan masih lagi tidak mendapat apa-apa *feed back*. Mereka hanya diminta untuk memberi bukti-bukti, gambar-gambar dan sebagainya. Semuanya telah dihantar kepada kementerian tetapi setakat hari ini tidak ada apa-apa tindakan telah diambil.

Jadi ini mungkin bukan satu-satunya masalah, bukan satu-satunya taman yang menghadapi masalah seperti ini. Akan tetapi saya pasti banyak lagi kawasan-kawasan perumahan juga mengalami masalah yang seperti ini. Apa remedii untuk mangsa-mangsa seperti ini apabila pemaju telah siap selesai membina dan CF diberi mereka menduduki rumah, ada kerosakan tidak disiapkan, tidak diperbaiki dan masalah ini berterusan. Ini masalah pertama.

Kedua adalah berkaitan dengan Butiran 020100 – Pembangunan dan Pelaksanaan Projek. Ini juga masalahnya lebih kurang sama iaitu di Taman Lembah Permai, Batu Gajah. Projek perumahan oleh Juta More Sdn. Bhd. Projek ini pun telah bermula 10 tahun yang lalu, pada lebih kurang pada tahun 2002. Projek sudah bermula, orang sudah beli sampai hari ini belum dapat rumah. Apa yang peliknya mereka telah mendapat pinjaman daripada bank dan bank telah selesai membayar kepada pemaju perumahan dan tiap-tiap bulan mereka terpaksa membayar ansuran kepada bank. Rumah belum dapat, terpaksa bayar ansuran pada bank dan mereka tidak ada rumah, mereka terpaksa sewa lagi. Jadi ini menjadi satu bebanan kepada pembeli-pembeli rumah di Taman Lembah Permai ini. Mereka telah datang berjumpa dengan saya, mereka telah mengadu kepada saya untuk minta supaya perkara ini diketengahkan kepada pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini secepat yang mungkin. Mereka juga telah membuat aduan kepada pelbagai pihak dan setakat hari ini masih tidak ada apa-apa maklum balas yang mereka terima.

Seterusnya berkaitan dengan Butiran 080000 iaitu berkaitan dengan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Saya ada satu isu iaitu berkaitan dengan Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang sedang dibina di kawasan Parliment Batu Gajah. Saya hendak dapatkan sedikit maklumat berkaitan dengan projek ini daripada Menteri. Bilakah projek ini akan siap dibina? Berapakah orang akan dilatih di pusat latihan ini mengikut tempoh? Berapakah kos pembinaan

keseluruhan untuk projek ini? Bagaimana projek ini boleh membawa faedah kepada Batu Gajah dan sekitarnya? Berapakah luas tanah yang akan digunakan untuk projek tersebut?

Akhir sekali saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 050100 mengenai Kerajaan Tempatan. Saya sangat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Siput iaitu berkaitan dengan menswastakan beberapa kerja yang dibuat oleh Kerajaan Tempatan. Terutamanya kerja-kerja membersihkan longkang, memotong rumput, mengutip sampah dan sebagainya. Adakah kita mendapat melihat faedah sebenar apabila kerja-kerja ini diswastakan? Ini sebab memang di kawasan saya pun saya tahu menghadapi masalah yang besar, setelah projek-projek ini telah diswastakan. Saya dapat bahawa kerja-kerja tidak dapat dibuat dengan betul. Ada banyak setiap kali kita lihat rumput panjang, aduan dibuat kepada wakil rakyat, kepada ADUN dan Ahli Parlimen. Bila longkang tersumbat orang panggil Pejabat Ahli Parlimen untuk mengadu tentang longkang tersumbat. Bila ada sampah tidak dikutip pejabat ADUN dan Pejabat Ahli Parlimen menjadi mangsa.

Kami terpaksa mendengar semua masalah ini dan bila kita beritahu masalah ini kepada Majlis dia kata, “Oh! Kami akan hubungi kontraktor.” Kontraktor pula akan mengambil masa yang lebih lama untuk menyelesaikan masalah-masalah yang kecil seperti ini. Jadi saya juga memintalah supaya mengkaji semula adakah dasar penswastaan untuk projek-projek seperti ini membersihkan longkang, memotong rumput, mengutip sampah, membina jalan dan kerja-kerja kecil seperti ini. Perlu ataupun tidak ataupun adakah ia lebih baik kalau ia diselenggarakan oleh pihak kerajaan itu sendiri. Itu sahaja terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: [Bangun]**

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: [Bangun]**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, setakat Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Silam. Lima minit seorang Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu.

#### ■2100

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua tiga perkara sahaja. Yang pertama, 030000 – Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya menyokong jumlah yang ditetapkan, RM4.4 juta dan ini adalah merupakan satu jalan mudah, murah dan juga cepat. Walau bagaimanapun saya dapat bahawa terdapat dakwaan bahawa tuntutan jenis kerosakan iaitu tuntutan teknikal adalah kurang popular memandangkan prosesnya yang agak memakan masa. Ini kerana di pihak tribunal, bilangan jurutera yang bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan dan sebagainya adalah terhad bilangannya. Jadi pertanyaan saya, sejauh manakah kebenaran tentang dakwaan tersebut serta sekiranya ada, apakah langkah dalam mengatasi masalah ini.

Yang keduanya adalah berkenaan dengan 050200 – Kemajuan Kampung. Saya juga menyokong RM15.2 juta lebih kurang. Ini adalah perlu agar infrastruktur asas serta kemudahan

sosial di kampung-kampung diadakan bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Jadi kemudahan yang diberikan secara tidak langsung akan membantu merancakkan sosioekonomi mereka. Jadi saya cadangkan agar kampung-kampung dinaikkan taraf sesuai dengan hasrat kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Jadi saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan bekalan air paip yang dirawat. Peratus adalah meningkat daripada tahun ke tahun, begitu juga dengan bekalan elektrik, juga meningkat. Jadi saya cadangkan supaya agar lebih banyak lagi lah kawasan ditingkatkan liputan daripada segi bekalan air, elektrik, kemudahan jalan raya dan juga termasuk perkhidmatan jalur lebar.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh berkenaan dengan 040000 – Perumahan Negara. Saya juga menyokong RM29.1 juta lebih kurang. Jadi senario di Malaysia pada hari ini adalah pemaju lebih gemar untuk membina rumah mewah berbanding rumah yang mampu milik. Ini didorong oleh sikap mengutamakan keuntungan semata-mata. Jadi rumah yang kos sederhana yang dibina pula tidak memenuhi kualiti standard yang sepatutnya. Jadi menurut daripada hasil kajian *International Real Estate Federation* bahawa peningkatan kadar pendapatan adalah kira-kira 10% setiap tahun manakala nilai harta tanah meningkat sebanyak 20% setiap tahun. Jadi sesetengah pemaju ini diajual secara blok kepada pelabur-pelabur. Jadi akan menimbulkan spekulasi dan sebagainya berkenaan dengan harga.

Jadi harga rumah di kawasan bandar jauh lebih mahal berbanding dengan luar bandar. Jadi saya cadangan supaya agar tanah-tanah di kawasan bandar dan juga yang kedudukannya strategik yang dimiliki oleh kerajaan dan sebahagiannya dikhaskan untuk pembangunan rumah kos sederhana bagi menampung permintaan rumah yang semakin tinggi. Saya lihat juga daripada segi langkah-langkah yang dicadangkan oleh Pakatan Rakyat agak nampak indah kalau kita lihat tetapi kalau dikaji secara mendalam, mungkin ramai yang tidak sedar bahawa harga rumah yang melambung tinggi adalah di Selangor disebabkan tindakan kerajaan negeri yang mengenakan caj tambahan 30% daripada setiap rumah yang disiapkan oleh pemaju di Selangor berdasarkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 iaitu kaedah-kaedah caj pemajuan 2010.

Jadi caj pemajuan ini dikenakan Kerajaan Negeri Selangor kepada pemaju apabila menyiapkan mana-mana projek menjadi antara punca harga rumah negeri itu meningkat secara mendadak. Kita boleh lihat dalam kalau dilayari internet, boleh lihat dalam <http://www.hmetro.com.my> artikel caj 30% lonjak harga rumah. Jadi kita boleh lihatlah juga boleh dirujuk kepada Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 25 November 2010.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat habiskan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada sikit lagi. Kemudian rakyat berpendapatan rendah di negeri ini juga semakin terdesak untuk memiliki kediaman sendiri apabila kerajaan, ini cerita berkenaan dengan Pulau Pinang pula. Mengikut laporan akhbar bertarikh 3 Jun 2012, rumah mampu milik di Pulau Pinang sepatutnya RM42,000 tetapi ditetapkan sebanyak RM72,000. Ini menyusahkan rakyat dah ada juga yang janji daripada Pakatan Rakyat dalam

membina nasib turut mempertikaikan apabila janji mereka untuk menyelesaikan masalah penduduk Kampung Buah Pala, ha itu dah diketahui umum. Selepas PRU 2008, tidak dikotakan. Ini amat menyentuh perasaan hati kerajaan. Itulah kerajaan terpanggil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Pengerusi, apa kena mengena dengan KPKT ini? Saya nak tanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak apalah, Menteri akan jawab semua Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Perumahan ya? Okey, itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri selepas itu Yang Berhormat Silam. Menteri jawab selepas itu ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak apa, Menteri boleh jawab dah.

#### **9.06 mIIm.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada Bakri. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 43 Butiran 020000 – Dasar dan Pembangunan. Ketika ini, kompleks kolam renang ‘biawak’ di Muar telah dirobohkan. Apakah perancangan kerajaan terhadap kawasan tersebut, siapakah yang mengeluarkan arahan dan memberikan kebenaran merobohkan kompleks kolam renang ‘biawak’ tersebut? Siapakah yang diberikan tender pembangunan kawasan tersebut, nilai projek dan tarikh siap projek tersebut. Adakah terdapat sebarang rancangan pembangunan di sekitar kompleks tersebut yang melibatkan kawasan padang golf dan kompleks rumah rehat.

Jika ya, apakah projek pembangunan yang dirancang dan nilai projek. Syarikat apakah yang diberikan tender dan bilakah tarikh siap kesemua projek pembangunan di kawasan tersebut? Adakah ketika ini terdapat garis panduan yang melarang pembinaan bangunan melebihi enam tingkat di Bandar Muar. Jika ya, apakah rasional garis panduan ini diadakan dan akhir sekali, saya nak memuji Menteri dan Timbalan Menteri yang mengambil berat duduk di Dewan menjawab soalan kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

#### **9.08 mIIm.**

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.43 di bawah Butiran 040100 iaitu Perumahan Negara. Akhir-akhir ini Tuan Pengerusi, masalah perumahan di kawasan saya amat gawat lebih-lebih lagi apabila telah diumumkan oleh ESSCOM bahawa beberapa kawasan perkampungan air akan dirobohkan dan ini memanggil kepada Jabatan Perumahan Negara untuk mengambil tindakan bekerjasama dengan ESSCOM. Jadi saya merayu kepada kementerian supaya apabila rumah-rumah ini dirobohkan,

kalau boleh jangan dipindah ke tempat lain, di bina di kawasan yang sama supaya ia tidak menyusahkan kepada penduduk di sana. Kawasan ini adalah kawasan di dalam bandar dan kalau ia dibina dengan baik, ia akan menjadi satu kawasan perumahan yang amat menarik kepada pelancong dan juga kepada penduduk tempatan.

Kita harus tahu juga bahawa penduduk yang tinggal di rumah-rumah kampung air ini adalah orang-orang tempatan, pada asalnya adalah orang-orang tempatan tetapi apabila kemudiannya datang orang-orang PTI ini duduk bersama mereka. Maka adalah tidak adil kalau kita susahkan kepada penduduk tempatan ini hanya disebabkan oleh penduduk-penduduk ataupun orang-orang pendatang haram ini. Saya menyarankan supaya pihak keselamatan akan mengambil tindakan mengusir penduduk-penduduk pendatang haram ini supaya tidak mengganggu kawasan-kawasan kampung air ini. Saya juga ingin menyentuh Butiran 08000 iaitu Bomba dan Penyelamat Malaysia.

#### **■2110**

Di Lahad Datu ataupun di kawasan saya Silam hanya ada dua balai bomba. Satu, di Lahad Datu dan satu, di Kunak tetapi sebenarnya harus kita faham bahawa Parlimen Silam ini lebih besar daripada negeri Selangor. Jadi, dua stesen bomba ini adalah tidak mencukupi malahan di Lahad Datu sendiri memerlukan dua buah stesen bomba. Akan tetapi di Tungkuk tidak ada satu buah stesen bomba pun. Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian kalau boleh difikirkan supaya menambah sebuah lagi stesen bomba di Tungkuk. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 020400 iaitu Kesejahteraan Bandar. Saya agak berbeza pendapat dengan Yang Berhormat Bayan Baru berhubung dengan jawatankuasa perwakilan penduduk.

Sebenarnya di kawasan saya amat diperlukan jawatankuasa perwakilan penduduk ini sebab di kawasan-kawasan perumahan tidak perwakilan, tidak ada jawatankuasa yang mengambil perhatian tentang permasalahan di perumahan-perumahan. Berbeza dengan di kampung-kampung di mana kita ada JKKK yang mengambil perhatian tentang keadaan kemajuan di kawasan. Jadi, itu sebabnya di perumahan-perumahan yang ada di kawasan saya di Lahad Datu, masalah parit tersumbat dan masalah jalan rosak tidak dapat disuarakan sebab tidak ada perwakilan.

Jadi, saya amat bersetuju dengan kementerian ini supaya jawatankuasa perwakilan penduduk ini dilaksanakan. Cuma saya agak terkilan sedikit sebabnya saya difahamkan hanya 148 zon sahaja yang telah dikenal pasti di seluruh negara sedangkan di kawasan saya banyak perumahan yang memerlukan jawatankuasa perwakilan penduduk ini. Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian ini kalau boleh ditambah jawatankuasa perwakilan penduduk ini supaya bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi juga di perumahan-perumahan supaya kepentingan penduduk di perumahan-perumahan ini dapat dijaga dan dapat diatasi permasalahan mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **9.12 mlm.**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd.**

**Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya bermula dengan Yang Berhormat Lenggong. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong yang telah mengiktiraf Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah memberikan pengiktirafan, bukan saja pengiktirafan tetapi ucapan terima kasih. Inilah yang dialukan oleh anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bila mana mereka setiap hari bertarung dengan segala bencana dan nyawa dipertaruhkan dan kata-kata sokongan seperti inilah yang dinanti-nantikan oleh mereka.

Yang Berhormat Lenggong ada bertanyakan tentang bantuan kepada orang miskin bandar di Lenggong. Saya memohon kepada Yang Berhormat Lenggong untuk mengemukakan nama-nama penduduk miskin untuk dikemukakan kepada Majlis Daerah Lenggong supaya mereka dapat dipertimbangkan untuk diberikan bantuan-bantuan tersebut. Tuan Pengerusi sebenarnya meneliti kepada banyak ucapan yang dibuat tadi, sebenarnya banyak berbentuk cadangan, pandangan dan juga permohonan-permohonan projek. Jadi, saya akan cuba pendek-pendekkan jawapan ini supaya kita boleh pergi kepada isu-isu yang lebih relevan untuk perbahasan kita pada malam ini.

Yang Berhormat Lenggong juga bertanyakan tentang projek pengindahan perbandaran Lenggong supaya KPKT membantu Majlis Perbandaran... tidak dapat baca ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sambung sama macam...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Majlis Daerah, Majlis Daerah Lenggong.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Pokok pangkalnya berhubung dengan cadangan untuk meningkatkan landskap di projek Lembah Lenggong ialah akan diberikan perhatian oleh KPKT melalui Jabatan Landskap Negara dengan mengambil kira sumber-sumber semula jadi yang ada dan keperluan teknikal setempat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini akan bergantung kepada peruntukan yang ada pada 2014 tetapi saya akan bagi pertimbangan kerana disebut tadi ini adalah kawasan warisan. Itu saya akan saya kemukakan, taman warisan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Lenggong juga ada bertanyakan Balai Bomba Lenggong untuk dinaiktarafkan dan juga membina balai bomba di Kampung Kunyit. Balai Bomba dan Penyelamat Lenggong telah dibina 1964, lebih tua daripada Yang Berhormat. *[Disampuk]* Jabatan telah memohon projek naik taraf di Balai Bomba dan Penyelamat Lenggong dalam *rolling plan* keempat tahun 2015 dengan kos sebanyak RM3 juta untuk 2015. Pada masa kini kawasan Kampung Kunyit adalah di bawah jagaan Balai Bomba dan Penyelamat Gerik. Gerik yang berjarak 2.9 kilometer dengan masa bertindak lebih kurang lima minit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jabatan menetapkan beberapa kriteria sebelum pembinaan sesebuah balai bomba iaitu tahap risiko, jarak masa bertindak ataupun *respond time*, kepadatan penduduk dan keperluan strategik. Saya sudah kata 2015 Yang Berhormat. Tidak payah lagilah. Nanti saya tarik balik. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan Yang Berhormat, yang saya maksudkan dua tempat. Di Pekan Gerik, balai bomba perlu naik taraf yang disebut oleh...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi tidak apalah, nanti perincikan itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak apalah Yang Berhormat. Nanti saya akan perincikan dengan Yang Berhormat. Saya kena cepat ini sebab saya hanya ada lebih kurang sejam sahaja. Kemudian Yang Berhormat Lenggong sekali lagi meminta sekali lagi supaya bomba sukarela diperluaskan di kampung-kampung tradisi. Dasar penubuhan pasukan bomba sukarela (PBS) ialah di kawasan yang berada di luar atau jauh daripada *respond time* yang ditetapkan oleh jabatan di samping ianya mempunyai risiko kebakaran yang rendah untuk menujuhkan sebuah balai bomba. Jabatan tiada halangan bagi kampung-kampung tradisi untuk menujuhkan PBS. Jabatan akan memberikan bantuan dari aspek latihan, pakaian perlindungan diri dan peralatan serta jentera bomba.

Buat masa ini terdapat sejumlah 316 Pasukan Bomba Sukarela yang aktif dengan keanggotaan berjumlah 12,389 orang dan mereka ini telah berdaftar dengan ROS. Jadi, saya alu-alukan kampung tradisi. Itu Lenggong. Kemudian Yang Berhormat Sepang. Kes Taman Suria Permai, Taiping yang telah dikatakan tadi iaitu rumah telah siap diduduki tetapi pemaju berhutang, tidak menjelaskan hutang bank lalu rumah telah dilelong oleh *third party* iaitu Gale Force yang membeli NPL atau *non-performing loan* daripada bank. Isu ini adalah isu penjualan NPL atau *non-performing loan* oleh Gale Force, pembeli NPL dari bank. Ini ialah isu Bank Negara dan Kementerian Kewangan, Yang Berhormat dan telah pun dijawab oleh Kementerian Kewangan bagi pihak Bank Negara Malaysia dalam Dewan Rakyat sesi yang lalu.

Dalam kes ini pemaju telah digulung dan pemaju juga telah meninggal dunia. Peguam yang mengendalikan S&P antara pemaju dan pembeli juga telah meninggal dunia. Jadi, kes ini melibatkan *cash purchases* dengan izin, yang mana selepas pembayaran peguam dan pemaju tidak mendapat *letter of disclaimer* ataupun *redemption letter* agar hak milik rumah dikeluarkan dan dicaj kepada bank. Kes ini telah dibawa ke Mahkamah Tinggi dan Gale Force telah mendapatkan *judgment* untuk melelong rumah tersebut. Walau bagaimanapun seperti mana saya katakan tadi ini adalah di bidang kuasa Kementerian Kewangan kerana ini ada kaitan dengan Bank Negara, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya jelas sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri ada dua aspek. Satu, dari segi aspek Bank Negara tetapi saya rasa bagi mengelakkan kejadian ini mungkin berlaku

di masa akan datang sebab dalam kes pembeli dalam keadaan dianaya sebab mereka telah bayar harga rumah tetapi kesilapan daripada pemaju yang tidak bayar kepada bank menyebabkan rumah mereka dilelong. Jadi, persoalannya ialah saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kita mengelakkan kejadian seperti ini akan berlaku lagi? Jadi, sebab itu saya kata tadi dan kalau Yang Berhormat Menteri betul-betul tadi lihat saya cakap, saya kata antaranya kelemahan perundangan, dari segi *sale and purchase agreement* itu, di mana ada saja ruang-ruang yang mana pemaju boleh *charge the whole land* kepada pihak bank.

Jadi, saya mengharapkan ada satu usaha daripada pihak kementerian untuk cari penyelesaian ini supaya tidak berlaku lagi. Apa yang sudah berlaku itu sudah berlakulah tetapi untuk hendak elakkan berlaku lagi, saya rasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh mengambil inisiatif untuk kaji benda ini. Kaji sebagai *case study* untuk kita perbaiki dan melindungi hak pengguna. Terima kasih.

## ■2120

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, pembelian *cash* ini melibatkan *cash purchases*, tidak melibatkan pinjaman kewangan di mana selepas pembayaran, peguam, pemaju tidak mendapatkan *letter of disclaimer*.

Jadi, walau bagaimanapun, apa pun kelemahan yang Yang Berhormat sebut tadi, akan saya notakan dan kita akan perhatikan. Yang Berhormat Sepang juga bertanyakan berapa banyak PPR yang telah dibina di Parlimen Sepang. Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga kini KPKT tidak melaksanakan sebarang projek PPR di Parlimen Sepang. Belum lagilah. Itu jawapan saya.

Yang Berhormat bertanyakan tentang projek terbengkalai di kawasan Sepang. Terdapat dua projek terbengkalai di kawasan Sepang iaitu Taman Topaz, Dengkil sedang dipulihkan Yang Berhormat. Hampir siap, dijangka CFO pada bulan Disember 2013. *Topping up* peruntukan kerajaan, kerajaan akan memperuntukkan lebih kurang RM7 juta untuk menyelesaikan masalah rumah terbengkalai, projek terbengkalai di Taman Topaz di Dengkil ini Yang Berhormat. Keduanya di Taman Kenanga, Salak Tinggi sedang dipulihkan oleh pemaju penyelamat iaitu NCT United, dijangka siap pada April 2014.

Yang Berhormat mengatakan tentang *service loan*, supaya rumah mampu milik tidak dilelong dan mengambil contoh di Singapura sebagai cara yang paling baik iaitu sewa beli. Pinjaman diberikan kepada yang layak berdasarkan kemampuan kewangan pembeli dan pembeli perlu mengekalkan kemampuan ini dengan *prudent financial management*. Kegagalan menguruskan kewangan peribadi adalah antara punca rumah yang dilelong.

Perkara ini perlu diurus oleh pembeli sendiri kerana kerajaan hanya dapat menyediakan rumah tetapi pengurusan pembiayaan tanggungjawab individu itu sendiri Yang Berhormat. Kita terus kepada Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang ditanya oleh Yang Berhormat Sepang tadi yang menyatakan bilangan pemfailan kes di tribunal menurun iaitu tahun 2012 sebanyak 3,163 kes manakala tahun 2013 hanya sebanyak 1,660 kes difailkan di tribunal.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurangan kes mungkin disebabkan pembeli berpuas hati di atas kualiti rumah yang dibeli oleh mereka. Bagi tahun 2013 iaitu sehingga 26 November 2013, sebanyak 1,743 kes telah difailkan di tribunal. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,274 kes telah berjaya diselesaikan manakala baki masih lagi dalam proses pendengaran di tribunal. Walaupun begitu, tribunal telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program-program promosi melalui media massa dan edaran brosur serta menyertai pameran-pameran harta tanah untuk meningkatkan kesedaran rakyat berhubung fungsi tribunal.

Selain dari itu, melalui Strategi Lautan Biru, tribunal juga telah menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan telah membuka kaunter bergerak dan turun padang di UTC Perak, UTC Melaka dan pembukaan kaunter di DBKL pada hari Rabu, minggu ketiga setiap bulan untuk memudahkan orang ramai berurusan dengan tribunal. Tadi Yang Berhormat Sepang juga ada bertanyakan tentang isu kesedaran rakyat belum menyeluruh berhubung...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, pasal tentang tribunal tadi, saya ada bangkitkan pasal kalau sekiranya mereka tidak puas hati mereka failkan *judicial review*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Apa dia?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apabila ada pihak *judicial review* dan yang saya khuatir sekarang ini adalah apabila *judicial review* ini kos, isu kos sedangkan dalam tribunal perumahan tidak ada kos. Jadi saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri mungkin boleh memikirkan bagaimanakah untuk hendak satu macam kita *kept* lah satu harga tertentu. Kalau katakan mereka failkan, mereka kalah pun mereka akan hanya kena bayar kos yang telah ditetapkan. *It's a ... cost*, bukan kos yang *dispersion of the judge* yang mungkin akan tinggi dan sebagainya. saya harap Yang Berhormat menteri boleh melihat perkara ini berkaitan dengan tribunal ini. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kita kena teruskan usaha untuk melihat bagaimana untuk membantu mereka yang terlibat dalam *judicial review* tadi. Cadangan itu akan dipertimbangkan. Itu adalah berbentuk cadangan dan kita akan fikirkan nanti. Okey, untuk...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Taman Indah KLIA, pasal pemendapan 44 buah rumah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya belum mendapat maklumat. Cuma kalau mungkin, saya bagi peluang untuk pegawai untuk melihat yang taman, tetapi ini secara spesifiklah Yang Berhormat. saya kira kalau...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, kalau Yang Berhormat Menteri tak boleh bagi jawab, saya minta Yang Berhormat Menteri bagi jawab bertulislah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya, boleh tak saya bagi jawab bertulis? Cuma saya hendak bawa ke perhatian Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan Dengkil ini Taman Permata. Untuk

makluman, buat masa ini tanah telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti mana yang saya katakan tempoh hari.

Cuma permasalahan kita ialah hanya dari segi untuk menentukan bagaimana sama ada mereka akan membeli rumah di tanah yang baru yang kita akan bina itu. Ini pegawai saya telah berjumpa dengan SUK kerajaan negeri dan mereka telah memikirkan cara yang terbaik untuk memindahkan mereka ke kawasan yang baru ini. Akan tetapi persoalannya sekarang ialah sama ada mereka mampu ataupun perlu membeli rumah yang baru ini atau tidak. Jadi ini dalam perbincangan Yang Berhormat. itu sebab saya katakan tadi, *there's a light at the end of the tunnel*, untuk isu ini dengan izin.

Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Titiwangsa ada mengatakan, bertanyakan tentang apakah KPKT mempunyai kepakaran untuk menguatkuasakan undang-undang mengenai pemberi pinjaman wang yang berlesen.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk menguatkuasakan undang-undang iaitu Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 atau Akta 400, kementerian mempunyai pegawai-pegawai polis yang berjawatan kader daripada PDRM di samping pegawai awam. Ini mereka ini berada di dalam kementerian saya. Di samping pegawai awam yang dilantik sebagai Inspektor Pemberi Pinjam Wang dan *standard operating procedurenya* atau SOP nya adalah seperti yang ditetapkan di dalam [Akta 400].

Untuk makluman Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tentang sama ada peras ugut dan sebagainya itu berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah dan jenis aduan pemberi pinjam wang bagi bulan Januari hingga Disember 2013, saya ada statistiknya di sini. Untuk semua negeri-negeri yang aduan diterima berkenaan dengan peras ugut hanyalah sembilan sahaja Yang Berhormat. Yang paling banyak ialah aduan ataupun kesalahan tidak ataupun lewat menghantar rekod transaksi mereka kepada kementerian iaitu 673.

Jadi kalau melihat dari segi statistik ini Yang Berhormat, saya kira peras ugut ini dalam ruang lingkup perniagaan pemberi wang berlesen ini tidaklah begitu teruk sangat dan buat masa ini tiada sabitan kes sehingga kini untuk aduan peras ugut.

Yang Berhormat Titiwangsa juga bertanyakan tentang apakah mendapat panduan daripada Bank Negara Malaysia dalam isu ini? Untuk makluman Yang Berhormat, [Akta 400] adalah di bawah kawal selia penuh kementerian. Oleh itu tiada bantuan atau pun panduan diterima dari Bank Negara Malaysia. Yang Berhormat juga ada bertanyakan tentang berapakah kadar kaedah maksimum pinjaman?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, seksyen 17A(1) [Akta 400] telah menetapkan bahawa pemberi pinjam wang berlesen boleh mengenakan kadar faedah tidak melebihi 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan kadar faedah tidak melebihi 18% setahun bagi pinjaman tidak bercagar. Perlanggaran ketetapan di bawah seksyen ini jika disabitkan kesalahan

akan menyebabkan pemberi wang berlesen berkenaan didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali.

Yang Berhormat Titiwangsa juga bertanyakan tentang jenis-jenis bantuan miskin untuk masyarakat di bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan miskin bandar ini adalah antara lainnya ialah bantuan membina rumah iaitu RM40,000 seunit, bantuan sewa rumah RM1,488 setahun, bantuan membaiki rumah, program latihan keusahawanan dan kemahiran, kiosk penaja RM15,000 seunit dan juga *program food basket* ataupun pemberian *food basket* bernilai RM80 sebulan.

Yang Berhormat Titiwangsa juga ada menyebutkan tentang *incinerator* di mana beliau mencadangkan supaya NGO-NGO ini dibawa ke negara-negara yang maju seperti Singapura, Taiwan, Jepun dan Eropah untuk melihat bagaimana *incinerator* ini dapat beroperasi dengan lebih baik dan berada dalam kawasan metropolitan bandar besar mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita telah bincangkan di dalam kementerian kita untuk membawa beberapa orang pemimpin NGO ini dalam lawatan kita di negara-negara Yang Berhormat sebutkan tadi, untuk mereka melihat sendiri bagaimana keadaan dan pengurusan *incinerator* ini selamat dibina di kawasan perbandaran dan juga di tengah-tengah bandar raya mereka.

Soalan Yang Berhormat Titiwangsa seterusnya ialah RM35 juta untuk *facility transportation* di Taman Beringin. Beliau bertanyakan apa sebenarnya RM35 juta ini? Kalau dia adalah *tipping fee*, apakah ini adalah wang yang akan disalurkan melalui DBKL Yang Berhormat. Itu yang ditanyakan tadi. Jadi RM35 juta ini adalah termasuk pembayaran untuk lain-lain *facility* selain daripada Taman Beringin.

### **■2130**

Kalau Yang Berhormat tengok, memang *misleading* sedikit tetapi kalau Yang Berhormat tengok kepala Butiran itu memang sebenarnya apa yang kita maksudkan ialah pembayaran untuk lain-lain *facilities* seperti *landfill*, *transfer station* untuk RM34 juta, selebihnya itu adalah untuk *tipping fees* di beberapa tapak pelupusan. *It is not necessarily* di *transfer station* Taman Beringin dengan izin Yang Berhormat.

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya ingin meminta penjelasan. Yang Berhormat Titiwangsa itu sokong *incinerator* letak di kawasan Kepong kerana bukan kawasan dia. Hari itu penduduk yang membantah *incinerator* itu, mereka sudah berarak berapa kilometer datang ke Parlimen, buat bising dekat sana, Ahli Parlimen Yang Berhormat Kepong dan yang lain dalam keadaan banyak tekanan besar, yalah Yang Berhormat boleh kata, saya sendiri pun pernah sendiri jumpa, lihat *incinerator* di Jepun, di mana-mana tempat di sekitar kawasan kediaman.

Akan tetapi bagi orang tempatan mereka tidak percaya berlaku di Malaysia dan juga mereka tidak mahu lihat lori-lori mengangkut sampah, dari jauh semua datang ke kawasan penempatan mereka. Mereka tidak dapat bayangkan bagaimana boleh berlaku.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa. Sebentar Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bawa ke Titiwangsa lah.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat, saya akan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Titiwangsa, pindah ke sana.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak boleh Yang Berhormat, tanya sama saya lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Ketawa]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya tengok Taman Beringin ini sebenarnya adalah tempat di mana memang hari ini kawasan itu digunakan untuk *transfer station, that places*. Kalau tidak silap saya Taman Beringin ini juga adalah tempat *landfill* yang telah tutup.

Kalau kita lihat di Korea, di Seoul saya pernah pergi satu tempat bahawa ia menggunakan tempat *landfill* yang telah ditutup untuk dibuat *incinerator*. Saya rasa elok kalau Yang Berhormat Menteri bawa Yang Berhormat Seputeh ini pergi dan Kepong bawa. Kalau saya punya kawasan ada tempat macam ini luas 30 ekar seperti Taman Beringin, saya ingat saya akan benarkan untuk kerajaan buat *incinerator* di situ.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tentukanlah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, saya...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tukarlah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekejap-sekejap Yang Berhormat Batu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh tidak tahu kawasan itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya kira kalau soal tentang *incinerator* ini kita boleh berbahas apabila saya menjawab nanti Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *But*, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Seputeh, saya rasa Yang Berhormat Seputeh belum pergi ke *transfer station* itu. Kalau tidak Yang Berhormat akan tahu bahawa pertamanya *the transfer station* itu kapasiti sepatutnya 1,700 tan sehari, tetapi sekarang ini beroperasi dengan kapasiti 2,400 tan Yang Berhormat. *Whether the incinerator is there or not* 2,400 tan sampah, *solid waste* akan pergi ke situ untuk *dicompress*kan dan dibawa ke Bukit Tagar.

*So, now your fact*, saya kira ini adalah sebahagian daripada permasalahan kita apabila ramai yang ingin komen tentang isu ini tidak mengetahui secara terperinci, apa yang sebenarnya isu yang sedang kita bincangkan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri, penjelasan saja, penjelasan saja, penjelasan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap-sekejap, keduanya saya setuju dengan Yang Berhormat Titiwangsa, tapak ini yang telah digazetkan untuk pelupusan sampah. Pada mulanya dulu pun memang ada di sana *landfill* kemudian kita tutup, selamat. Lepas itu kita bina *transfer station*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Untuk makluman Yang Berhormat, *transfer station* ini jauh lebih berbau daripada *incinerator*. Saya pernah pergi ke *transfer* itu Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat tidak pernah pergi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya kalau saya pergi ke *transfer station* Yang Berhormat, saya terpaksa tutup mulut.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Penjelasan

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sebab pertamanya seperti mana yang saya katakan tadi, kapasiti yang melebihi. Jadi mereka terpaksa longgokkan kadang-kadang sampah itu di kawasan lapang yang menyebabkan kawasan perumahan di situ mengalami bau yang begitu busuk. Sekarang ini kalaular *incinerator* atau pun *waste energy plan* ini dibina kita akan mampu untuk melupuskan sampah itu pada masa itu juga. Tidak payah lagi dihantar pada Bukit Tagar.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Bolehkah? *I'll come to you when..*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ini tentang soalan Yang Berhormat Titiwangsa, ini soalan tentang Yang Berhormat Titiwangsa, sekejap saja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Batu.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Kerana Yang Berhormat Titiwangsa itu tanya bayaran kepada operator *facility* pelupusan dan *station* pemindahan Taman Beringin JPSPM ini Butiran 30100 ini adalah jumlah sebanyak RM35.5 juta.

Jadi ini memang daripada huraiyan yang diberikan di bawah butiran ini, memang adalah bayaran kepada Taman Beringin saja bukan ke tempat-tempat yang lain. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada ini adalah satu pembayaran *tipping fee* atau pun ini adalah pembayaran untuk menyediakan tapak ini untuk satu *waste ke thermal plan* yang sedang dirancangkan. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, ya terima kasih. Taman Beringin itu kawasan saya. Itulah sebab saya rasa penduduk di sana memang sudah lama

untuk minta *transfer station* itu tidak lagi berada di sana. Akan tetapi dengan *incinerator* ini tidak selesaikan masalah sebab sejarah di Taman Beringin dulu ialah ia berada di pinggir bandar pada 20 atau 30 tahun yang lalu.

Akan tetapi sekarang, Taman Beringin merupakan tempat yang berpenduduk padat dan juga potensi akan lebih banyak lagi rumah. So, itu sebab saya rasa kerajaan belum justifikasi apakah *option-option* yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak tambah lagi sikit saja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak payahlah Yang Berhormat Seputeh sudah banyak dah, ini bukan kawasan Yang Berhormat Seputeh

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sikit saja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Seputeh tidak payahlah Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Nama kementerian sudah nampak Kementerian Kesejahteraan Bandar. Jadi demi kesejahteraan penduduk di Kuala Lumpur dan keharmonian masyarakat kita lebih baik *incinerator* di pindahkan ke tempat lain. Pindah ke tempat yang tidak begitu padat penduduk di kawasan itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menjawab untuk Yang Berhormat Serdang. Saya tidak tahu bahasa Melayu Yang Berhormat atau bahasa saya ini kita baca sama. Untuk Yang Berhormat kata tadi bayaran kepada *operator facility* pelupusan dan *station* pembinaan Taman Beringin. *It is not the same*, itu bukan tapak pelupusan, itu adalah *station-station* pemindahan, so *it is* ruang lingkupnya ialah kita juga bayar *tipping fee* kepada tapak-tapak pelupusan di seluruh negara. So, *that's clear ya?* Ini bukan *some biotical*, satu agenda jahat kerajaan untuk mengambil RM35 juta untuk mempromosikan *incinerator* Yang Berhormat tuduh tadi. So, *it is clear*.

Keduanya Yang Berhormat, ini soal tentang Yang Berhormat Seputeh dan juga Yang Berhormat Batu sekalilah. Ini kesejahteraan bandar ini, kesejahteraan rakyat ini, siapa sebenarnya rakyat ini? Apakah penduduk Taman Beringin saja rakyat? Yang Berhormat mesti ingat, Yang Berhormat datang daripada Ahli Parlimen daripada Kuala Lumpur ya, Wilayah Persekutuan. *I have said before.*

Kalau kita menyatakan tentang kesejahteraan bandar, Taman Beringin penduduk di situ pada pandangan saya memang berhak untuk membantah tetapi pada masa yang sama kerajaan terpaksa melihat jutaan penduduk Kuala Lumpur yang juga rakyat yang memerlukan pembelaan daripada kerajaan kita. So, *we have a problem here*. Kita mempunyai masalah, *of course* kalau Yang Berhormat Batu kata tadi kalau hendak letak tempat lain, boleh, memang boleh.

Akan tetapi ada lagi pertimbangan lain dan pertimbangan lain Yang Berhormat ialah kos, *it's cost*. Kalau kita mampu, kalau PBT rakyat, kita baru saja hendak cadangkan kenaikan *assessment* contohnya. Okeylah, *you have a problem with the contempt, fine. But the fact of the matter is* kita memang liat hendak bayar apa-apa yuran kepada kerajaan, kita sudah nampak *trend*

ini. Jadi kalau rakyat tidak mahu berkongsi kos ini dengan kerajaan, kita akan berdepan dengan apa yang berlaku di Itali Yang Berhormat. *We have a problem* nanti.

Sebab itu sekarang ini pun 1,700 tan di Taman Beringin itu *actually* saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita boleh selesaikan masalah bau tersebut kerana *incinerator* atau pun *waste to energy* yang akan kita bina di situ adalah mempunyai *chamber negative pressure*. Apa maksudnya Yang Berhormat? Apabila sampah dilonggokkan di situ, angin tidak keluar, ia akan *suck in the air as part of the*, dengan izin Yang Berhormat *as part of the* proses pelupusan sampah, pembakaran sampah. Angin ditarik masuk ke dalam.

Sekarang ini apabila kita pergi ke *transfer station* Taman Beringin *I mean* MP Kepong tiada di sini, kalau kita pergi ke situ *you* berdiri ke situ *you* akan pengsan kalau *you* tidak biasa. Tetapi kalau ada *incinerator* atau pun apa teknologi yang kita pakai di situ nanti kita akan pastikan *it's a negative chamber*. Saya baru berada di Singapura dua minggu yang lepas bersama dengan pegawai-pegawai tertinggi saya, saya pergi ke *incinerator* di Tuas, saya berdiri di depan *incinerator* itu Tuan Pengurus, *I did not even smell anything, I did not smell anything*.

#### ■2140

Saya cuma berdiri di situ, sampah yang saya bau hanyalah sewaktu mereka mencuci, membersihkan lori yang telah membuang sampah. *Other than that, stink.* Baunya tidak ada kerana *negative chamber*. So, kalau difikirkan daripada segi kesejahteraan bandar, dengan adanya *incinerator* ini Yang Berhormat, akan memberikan keselesaan kepada penduduk di situ kerana baunya tidak akan keluar lagi. So, *this is-* saya mempunyai masalah ini Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat betul-betul memikirkan kesejahteraan bandar, *be with us on this one*.

Ya jangan terlalu politikkan dan jangan terlalu panaskan hati orang dan saya hanya tidak boleh memikirkan tentang Taman Beringin. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya memikirkan tentang penduduk di Seputeh, penduduk di Batu, di Titiwangsa, semua jutaan penduduk di Kuala Lumpur yang terpaksa kita jaga untuk ini ya. Jadi kita cuba yang terbaik. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Seputeh, Seputeh lagi. Pegawai PBT adalah *closed service*. Yang Berhormat pernah jadi Exco Kerajaan Tempatan. Perkhidmatan PBT ini adalah di bidang kuasa kerajaan tempatan. So...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh tidak tahu Yang Berhormat Menteri. Tidak kerja itu hari.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tadi sahabat saya, timbalan saya tadi berdiri di sini, dia katakan kenapa Yang Berhormat Seputeh tanya sedangkan ini adalah bidang kuasa negeri Selangor. So, bermulalah dengan negeri Selangor untuk membuka servis pegawai-pegawai PBT ini..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, sebab itu tidak jadi sudah exco Yang Berhormat, sebab tempat kerja itu hari.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini di bawah Akta lah tetapi yang saya rasa kita harus lihat *civil service in total*. Kita lihat, bukan sahaja ini berlaku di Selangor, di seluruh negara kita juga hadapi masalah yang sama. Jadi, saya ingin cadangkan kementerian buat kajian bersama dengan JPA... *[Dewan riuh]* Jadi tidak salah, saya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini Yang Berhormat Seputeh cakap saja, kerja tidak buat juga. Sebab itu tidak jadi exco sekarang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini tidak tahu apa *you* cakap.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, cara-caranya kita akan cadangkan tetapi seperti mana Yang Berhormat tahu ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Lenggong, bila Jadi Menteri? Bila jadi Menteri Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Gerik. Keperluan balai bomba di kawasan Kampung Padang Kunyit, saya ada jawab tadi, ya dengan Yang Berhormat Lenggong. Kemudian, hal ehwal berkaitan tanah, bidang kuasa kerajaan negeri Yang Berhormat, sekali lagi. Yang lain-lainnya adalah merupakan cadangan dan juga permohonan-permohonan. Jadi, sementara saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik kerana memberikan pandangan yang cukup baik kepada kementerian, saya akan pastikan bahawa makluman dan juga cadangan dan permohonan Yang Berhormat itu akan diberikan perhatian. Saya pun rapat dengan Yang Berhormat. Jadi kalau ada masalah jumpa saya pun boleh.

Yang Berhormat Sungai Siput, kajian kepada – tentang apa ini? Penyewaan tanah. Yang Berhormat ada di sini? Apa nama tadi ini, *ground tenancy*. *Ground tenancy* ya. Pertamanya ini memerlukan kajian kepada Kanun Tanah Negara 1965. Kajian kepada Kanun Tanah Negara 1965 ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. *But I think is*, satu perkara yang agak menarik juga dan tadi Yang Berhormat kata tadi 200 untuk yang perumahan MyHome. Saya sebenarnya memang minat dengan Yang Berhormat. Dia bukan macam Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat berdiri dengan *gentleman*, bercakap dengan baik, bukan macam Yang Berhormat Seputeh kadang-kadang dia hanya... *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat, saya kalau boleh, kalau ada cadangan, kita minta *developer* ini di kawasan Yang Berhormat untuk memohon dana di bawah MyHome ini, *insya-Allah*. Kita akan melihat dan saya akan beri pertimbangan yang sewajarnya untuk permohonan Yang Berhormat.

Seperti mana yang dikatakan tadi, ada beberapa perkhidmatan PBT telah diswastakan dan sepatutnya tidak diswastakan kerana mutu perkhidmatan tidak elok. Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 *[Akta 672]* tidak diguna pakai di negeri Perak. Belum lagi. Apa yang berlaku adalah PBT di Perak sama ada menjalankan perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sendirian atau untuk subkontraktor sendiri. Di negeri seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah dan Perlis, penswastaan yang dilakukan oleh KPKT telah menunjukkan perkhidmatan yang lebih baik daripada sebelum diswastakan. Jadi kita mungkin berfikir, kita berfikir untuk berbincang sekali lagi dengan

negeri Perak untuk membawa akta ini ke negeri Perak dan mudah-mudahan dengan adanya keseragaman nanti, *insya-Allah*, kita akan memikirkan perkhidmatan yang terbaik.

Yang Berhormat Labuan, harap bajet yang cukup diperuntukkan untuk pengurusan sisa pepejal dan minta Pengurusan Sisa Pepejal diswastakan. Ini pula minta diswastakan. Pada ketika ini, KPKT sememangnya telah memberi peruntukan kewangan kepada Labuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan sisa pepejal. Antaranya bagi membeli kenderaan dan peralatan serta juga bantuan beli tanah untuk tapak pelupusan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Labuan juga telah meminta supaya PPR disewa di Labuan. Pada dasarnya, kerajaan telah bersetuju untuk membina satu projek PPR di Labuan yang akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun hadapan, untuk makluman Yang Berhormat.

Untuk projek Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Wilayah Persekutuan Labuan dan balai bomba baru di Labuan yang diminta oleh Yang Berhormat Labuan, jabatan telah meluluskan projek Ibu Pejabat JBPM Wilayah Persekutuan Labuan di Ranch-Rancha dalam *Rolling Plan* ketiga tahun 2013 dengan kos projek sebanyak RM23.2 juta. Komponen projek ini melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran, balai bomba, stor logistik negeri, bengkel kejuruteraan, dewan serba guna, kuarters kakitangan dan *marine base* bagi mempercepatkan *response time* jika berlaku kebakaran di kawasan perairan.

Untuk Yang Berhormat Bukit Gantang, fungsi Unit Udara Bomba dan helikopter bomba yang ditanya, di bangunan-bangunan tinggi iaitu *high rise building*, dengan izin, sememangnya mempunyai sistem melawan kebakaran di dalam bangunan-bangunan tersebut seperti yang disyaratkan di Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) seperti:-

- (i)     pancur basah;
- (ii)    pancur kering; dan
- (iii)   *hose reel* dan lain-lain.

Strategi melawan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi ialah melalui kaedah *internal firefighting* yang mana anggota-anggota bomba akan masuk ke dalam bangunan dan menggunakan sistem yang ada untuk melawan kebakaran.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga meminta latihan kepada anggota bomba di dalam menangani insiden bahan-bahan kimia berbahaya radioaktif dan letupan. Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menukuhan pasukan khas di setiap negeri iaitu Pasukan HAZMAT yang dilengkapi dengan jentera HAZMAT yang lengkap dengan peralatan bagi menangani insiden yang melibatkan bahan-bahan kimia berbahaya, biologi dan radioaktif. Pasukan khas ini memang dilatih secara berterusan bagi memastikan tahap kecekapan anggota-anggota dan latihan HAZMAT ini dikendalikan oleh tenaga pakar luar negara dan tempatan.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga bertanyakan tentang peranan dan fungsi helikopter bomba. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara fungsi dan kegunaan helikopter bomba ialah untuk menyelamat, pengangkutan logistik, tinjauan udara, pemadam api hutan dan juga gambut, dan juga penerbangan ihsan. Di dalam kejadian kebakaran rumah *flat* di Kampung Kerinch,

penggunaan helikopter adalah tidak sesuai kerana putaran kipas helikopter akan menyebabkan kemerebakkan api yang lebih cepat kerana ada angin dan juga *downwash*. Pada waktu tersebut, tiada keperluan kerja-kerja menyelamat melalui udara yang perlu dilaksanakan. Saya ingin mengucapkan terima kasih juga lah kepada Yang Berhormat Lembah Pantai yang telah menulis *Twitter* kepada saya, memuji keberkesanan Jabatan Bomba dan Penyelamat di dalam insiden Kampung Kerinch ini. Ini *better than* Yang Berhormat Seputeh sedikit. *[Ketawa]* Yang Berhormat Lembah Pantai, dia tahu kalau dia kata ini, dia hantar SMS, dia *Twitter* kepada saya. *[Dewan riuh]*

Okey, Yang Berhormat Bayan Baru...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, BFF kah dengan Yang Berhormat Lembah Pantai? BFF kah? *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat ada lagi PKR mahu keluar parti.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Bayan Baru, bertanyakan tentang perbezaan antara PPR dan PR1MA. Untuk makluman Yang Berhormat, PPR dilaksanakan bagi menyediakan rumah kepada golongan berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM2,500 sebulan. PR1MA pula dilaksanakan bagi rakyat dalam kalangan berpendapatan sederhana di antara RM3,000 hingga RM7,000 sebulan. Pada masa ini, tiada cadangan untuk meletakkan PR1MA di bawah KPPT. *It is a different, too different market*, dengan izin Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Walaupun saya faham apa Yang Berhormat katakan tadi tetapi JPM kita selama ini hanya melihat kepada kos rendah dan tidak ada masalah daripada segi koordinasi kerana saya telah mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi di antara JPM, PR1MA, SPNB, UKAS dan semua agensi kerajaan negeri yang membina rumah, *affordable house* ini dalam satu mesyuarat. Dalam ucapan Bajet Perdana Menteri baru-baru ini ada Majlis Perumahan Negara yang akan lebih meneliti kepada perkara-perkara yang menjangkaui, melepas sempadan kementerian seperti Bank Negara dan juga sistem perbankan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Make it short.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■2150

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak keliru tentang PR1MA dengan PPR. Sememangnya saya berharap kalau boleh PR1MA itu diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya Yang Berhormat Menteri tidak payah banyak sangat *enter* kementerian punya *meeting* supaya kesemua masalah perumahan boleh diselesaikan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya hendak sokong Yang Berhormat Menteri untuk dapatkan kuasa. Ini *openly*. Okey, *openly*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *[Ketawa]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *The problem is I am taking a kuasa from Yang Berhormat Menteri Kewangan. So, Yang Berhormat terima kasih atas sokongan tetapi buat masa ini, seperti mana yang kita maklumkan tadi belum ada lagi cadangan untuk meletakkan PR1MA di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya faham apa Yang Berhormat kata. Nanti kita akan bawa juga isu-isu yang berbangkit ini dalam Majlis Perumahan Negara.*

Yang Berhormat juga berkata tentang isu JPP di kawasan bandar. Saya telah menjawab isu ini banyak kali bukan sahaja di Dewan yang mulia ini tetapi juga dalam media tentang JPP ini. Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa JPP adalah berbeza dengan status Ahli Majlis PBT ataupun PBT itu sendiri. Pihak berkuasa tempatan Yang Berhormat adalah sebuah pertubuhan perbadanan ataupun *body corporate* dan merupakan satu entiti undang-undang dan merupakan agensi penguatkuasaan dan juga memungut cukai atau mengenakan cukai. Fungsi JPP hanyalah untuk membantu penduduk dalam satu-satu komuniti untuk bergiat aktif di kawasan mereka.

Yang Berhormat, fikirkanlah ini sebagai satu cara untuk kita mendekatkan diri dan memberikan kesejahteraan bandar. Apabila kesejahteraan bandar, portfolio ini dimasukkan di dalam kementerian saya, kita terfikir cara bagaimana untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk penduduk di bandar. Sebanyak 70% rakyat Malaysia sekarang ini berada di kawasan perbandaran. Kerajaan Persekutuan mempunyai perkhidmatan jauh lebih banyak daripada kerajaan negeri dan juga PBT di kawasan PBT. Hospital, polis, sekolah, hampir kesemuanya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Jadi kita mahu memberikan satu peluang kepada penduduk bandar untuk boleh berdiskusi, bermesyuarat dengan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan yang mana sekarang ini mereka tidak mempunyai peluang untuk bertanyakan kepada Ketua-ketua Jabatan Persekutuan contohnya.

Contohnya kalau macam di dalam taman di dalam bangunan kondominium. Kita ada *joint management bodies* tetapi mereka ini ditubuhkan di bawah ROS dan mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif ataupun kuasa *authority* untuk memanggil ketua-ketua jabatan untuk masuk ke dalam mesyuarat mereka. Ini yang *the missing link*, Yang Berhormat. Jadi sebab itu saya katakan tadi JPP ini adalah untuk *compliment*. Melengkapkan lagi tugas-tugas PBT. Saya ingin maklumkan sekali lagi kepada Yang Berhormat. Tugas untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk bandar dan membina perbandaran dalam menyediakan kesejahteraan ini adalah bukan milik mutlak PBT dan kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan juga berhak untuk berada di situ untuk membangunkan kawasan perbandaran sama penting dengan kerajaan negeri dan juga PBT. Itu asasnya penubuhan JPP ini.

Jadi kita jangan terlalu memikirkan. Saya tahu Yang Berhormat akan mengatakan kenapa tidak bagi kepada PBT? Bukan senang, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hanya memikirkan PBT yang mempunyai kewangan yang kukuh, itu mungkin satu kaedah yang bagus. Akan tetapi majoriti daripada 148 PBT di negara ini, pertamanya mempunyai masalah. Membayar

gaji pun masalah. Bayar gaji masalah. Dari segi kepakaran tidak ada. Mereka juruteknik pun tidak cukup. Macam-macam bermasalah. Jadi caranya ialah untuk kita memberikan satu landasan yang baru yang mempunyai *authoritative*, yang mempunyai autoriti untuk mendekatkan rakyat di kawasan bandar ini dengan Kerajaan Persekutuan ataupun Jabatan-jabatan Persekutuan. Tidak lebih daripada itu, Yang Berhormat. Jangan putar belit ini mengatakan ini adalah cara untuk kita berpolitik berterusan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak cuba politikkan sebab apa yang saya cakap ialah apa yang *diquote* oleh Yang Berhormat Menteri sendiri sebab Yang Berhormat Menteri kata PRU ke-13 itu orang tidak sokong Barisan Nasional. Itu sebab kena tubuhkan JPP. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekarang, isunya adalah pegawai tidak dapat berjumpa dengan penduduk. Saya tidak bersetuju dengan begitu sebab pegawai sepatutnya berjumpa dengan penduduk. Kalau ada satu taman, ada RA ingin berjumpa dengan pegawai, tulis satu surat dan mereka boleh adakan dialog penduduk. Ini adalah tugas pegawai dan wakil rakyat pun boleh bantu fasilitet.

Jadi persoalan saya adalah kenapa kita *create another* birokrasi di mana lantikan politik *and then* mereka jadi satu perantara. Tidak payah. Wakil rakyat boleh buat kerja itu, ini adalah tugas wakil rakyat. Kalau wakil rakyat tidak boleh, ahli Majlis pun boleh tulis kepada kementerian. *I am sure* kementerian akan hantar pegawai untuk berjumpa dengan mereka.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Last point, last point.* Kalau kementerian betul-betul begitu hendak membantu rakyat, bagilah – kita tahu bahawa ada PBT yang tidak cukup kewangan. Bagilah *block grant*. Bagilah duit kepada PBT. Kuatkan dan kukuhkan PBT. Ini adalah spirit *decentralization*. *This is spirit of federalism.* Inilah yang kita mahu, Yang Berhormat Menteri. Janganlah semua memusatkan kuasa kepada Putrajaya. Bagilah kuasa balik kepada negeri dan kuasa balik kepada PBT.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey. Satu-satu Yang Berhormat. Yang Berhormat, sekali lagi Yang Berhormat, walaupun menidakkannya benda ini sebagai isu politik tetapi dari segi nada dan juga pendekatan Yang Berhormat itu, saya kira ada kekhuitiran. Saya sekali lagi ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita dalam Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan adalah ikhlas. Ingat, kita bagi. Yang Berhormat kata tadi bagi peruntukan untuk PBT. Kita telah belanjakan RM300 juta untuk diberikan kepada PBT setiap tahun. *RM300 million is not a small money*, Yang Berhormat. Kita tidak pernah lari daripada tanggungjawab untuk membantu PBT. Kita mempunyai masalah dan saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. Tadi kata kononnya kenapa dipusatkan kepada Kerajaan Persekutuan kuasanya. Saya hendak beritahu kalau kita cerita pasal politik.

*How many times*, dengan izin Tuan Pengurus. Berapa kali PBT, pemimpin-pemimpin kerajaan negeri di negeri pembangkang yang berenerima kasih dan memberitahu kepada rakyat di

situ bahawa peruntukan ini daripada Kerajaan Persekutuan. *How many? You talk about separation of power, you want to talk about fairness.* [Disampuk]

*It is not and you are not being fair. Majority PBT di kawasan-kawasan yang diwakili oleh pembangkang tidak memberi pengiktirafan seinci pun kepada Kerajaan Persekutuan. That is the main problem. So if you want to be fair...*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, sekejap. Sekejap Yang Berhormat. I will give you a chance. Sekejap. Kalau kita hendak berlaku adil, *you must also say* dengan izin *that* Kerajaan Persekutuan membantu. Kita buat jalan, kita pungut sampah. Macam-macam kita buat, Yang Berhormat. Akan tetapi *I can tell you*, kita tidak mendapat pengiktirafan daripada kerajaan ini. Jadi bagilah kami peluang, Kerajaan Persekutuan untuk mendekati rakyat di situ bukan kerana kami Barisan Nasional tetapi kerana perkhidmatan di kawasan perbandaran itu saya kira 70% adalah diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. *As simple as that.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. So, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** So Yang Berhormat tidak payahlah apa ini sangat tentang isu ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, sikit respond tentang isu ini. *This is the problem* dengan Kerajaan Barisan Nasional sebab *you expect* rakyat berterima kasih. *You expect people to but we have to know.* Kita kena tahu bahawa duit itu adalah daripada rakyat. [Dewan riuh] [Disampuk] Rakyat bayar cukai. Maka kalau kita jalankan tugas dengan baik terutamanya di kawasan-kawasan bandar, orangnya mempunyai maklumat yang cukup baik.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Mereka boleh tahu siapa yang belanja tentang itu. Akan tetapi isu pokoknya adalah kita tidak boleh minta terima kasih daripada orang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, itu bukan soal terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak cakap pun kena cakap terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini tanggungjawab kerajaan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya cuma kata iktiraf. Masalahnya di pembangkang sekarang ini bukan sahaja diiktiraf. Dia kata Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional tidak pernah memikirkan tentang mereka di bandar. *That's more problem.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya hendak beritahu, bukan hendak kata terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi orang di bandar membayar cukai yang paling banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** No, no, no. Sekejap, sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru, duduk dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi kita mempertikaikan bahawa orang di kawasan luar bandar perlukan perkhidmatan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak apalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul. Akan tetapi kita mahu supaya rakyat ini yang bayar cukai haruslah diberi sesuatu perkhidmatan yang munasabah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Betullah. Beginilah munasabah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi jangan kita ada sentimen minta rakyat kena berterima kasih kepada kita kerana kita bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini bukan isu ini. Dari segi demokrasi, kita kena menghormati keputusan rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Beginilah penghujung bicara untuk JPP ini. Saya pun penat hendak berulang kali macam ini. Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, sebenarnya kita mendengar banyak hujah mereka. Di dalam Dewan, di dalam surat khabar, di dalam ceramah.

## ■2200

Saya tanya satu sahaja. Mereka kata JPP ini ambil kuasa PBT dan sebagainya. Sampai sekarang saya tidak tahu mana peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia atau pun undang-undang di mana JPP ini mengambil kuasa PBT. Tidak satu pun di antara mereka yang menunjukkan kepada saya peruntukan Perlembagaan. So *I raise my case*. Yang Berhormat, *recycling rate too low*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Pernahkah Barisan Nasional berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak cakap terima kasih. Saya tidak pernah cakap terima kasih tadi. Saya cuma kata beri pengiktirafan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah, jadi kenapa kita di sini boleh berterima kasih kepada Barisan Nasional?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini kadang-kadang bagi peruntukan MARRIS. Selepas itu gunakan duit MARRIS untuk benda lain. Saya tahu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *We are ten players. We contribute most states in the country.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *I know what is going on in Selangor* Yang Berhormat. Yang Berhormat, MARRIS pun digunakan untuk benda lain. Anyway Yang Berhormat, *recycling rate too low*. Saya habis pukul berapa Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** 10.30 malam.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Oh, 10.30 malam. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Setengah jam lagi. Boleh sambung 15 minit lagi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Bayan Baru juga ada mengatakan tentang *recycling rate*. Kadar kitar semula ini terlalu rendah. Yang Berhormat, kalau ayat itu digunakan – siapa tadi Yang Berhormat? Oh Yang Berhormat Serdang tadi cakap. Mula ayat ini kerajaan gagal. Sebenarnya Yang Berhormat, isu kitaran semula ini bukan sahaja kerajaan yang bertanggungjawab. Penduduk. *No matter how much money you spent*, dengan izin, ratusan juta pun kalau penduduk tidak mahu berubah, kerajaan mana pun yang diletak di sini kadar itu akan bertambah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [Bangun]**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *So it's a misconception.* Kalau katakan adalah kegagalan sebab kita telah membelanjakan banyak wang dan banyak aktiviti yang kita buat untuk memastikan kitaran semula kita ini dapat dinaikkan dengan kadar yang lebih munasabah.

Jadi pada tahun 2020 kalau saya tidak silap kita menganggarkan 22%. Sekarang ini lebih kurang 10%. Lebih sedikit daripada 10%. Tahun 2020 lebih kurang 22%.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kitar semula pun hendak bertanya juga?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, memang. Siapa dulu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang dahululah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Biar saya dahulu. Boleh saya tanya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *I first.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya setuju kata kitar semula saya tidak mahu kata gagal sebab belum lagi kita *implement*. Saya masih ingat tahun 2006 sepatutnya adalah *date line* untuk memastikan semua kawasan pengutipan sampah iaitu *household disposable solid waste* harus dibahagikan mengikut benda yang boleh *recycle* dan kita tidak lagi buang dalam satu tong yang sama.

Kalau itu dilaksanakan dahulu selepas itu barulah kita kata pelupusan dengan melalui *incinerator*. Kalau tidak tabiat orang ialah semua akan dicampuradukkan. Yang boleh kitar dan tidak boleh kitar masuk untuk dibakar. Jadi saya agak itu langkah yang pertama sepatutnya dilaksanakan tetapi kerajaan pun belum mula untuk melaksanakan ini. Di semua negara lain sudah ada pembahagian sampah ini mengikut material yang kita buang. Saya ingin mendapat komen adakah kerajaan masih komited untuk *dividing out the garbage*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Hendak tambah, hendak tambah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yes, we are committed. Kita komited untuk mengasingkan sampah ini atau *waste management* ini daripada sourceny, daripada rumah.

Yang Berhormat kita ada banyak kekangan lain. Hendak cakap kerajaan perlu buat itu saya pun setuju. *I would probably* - saya mungkin Menteri yang akan berterima kasih kalau kita mampu lakukan tetapi kita ada kekangan yang lain. Kekangan yang lain Yang Berhormat dari segi bajet. Dari segi kemampuan dan kesukarelawan atau *willingness* penduduk-penduduk untuk membayar kepada *services* ini. Ini semua memerlukan lori yang bertambah. *Are we willing too?* Adakah kita sebagai penduduk di kawasan perbandaran ini mampu atau pun sanggup untuk membayar? Of course kita kata kerajaan buat semua tetapi kerajaan juga mempunyai kewangan yang terhad. Oleh sebab itu ada kawasan-kawasan yang telah kita buat Yang Berhormat. Bukan semuanya kita tidak buat. Ada yang kita buat tetapi hendak katakan keseluruhan Malaysia, saya adalah orang yang pertama mengatakan kita tidak mampu lagi untuk menguruskan sisa pepejal sebegini. Akan tetapi itu tidak menidakkannya tentang keperluan untuk mewujudkan *incinerator* atau *waste to energy plan* di Taman Beringin. Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tadi Yang Berhormat Titiwangsa telah mencadangkan supaya membawa satu rombongan NGO ke tempat yang melaksanakan *incinerator*. Kenapa beliau tidak mencadangkan untuk membawa satu rombongan untuk kaji semula misalnya polisi di San Francisco atau pun Singapura dari segi meningkatkan kadar *recycling*? Kenapa orang Singapura sangat berbeza berbanding dengan orang Malaysia di mana mereka boleh membuat *recycling* sampai 50% atau 60%? Kenapa di bandar seperti Kuala Lumpur ini tidak boleh buat – beri saya hendak panjangkan sedikit sahaja.

Ini kerana apabila saya duduk di Amerika Syarikat ini tempat yang kecil, Durham, North Carolina, di mana Duke University berada. Kerajaan tempatan itu memberikan ruang dan kesenangan untuk membuat *recycling* seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Kerajaan itu salurkan tong-tong yang berlainan supaya kita boleh mengasingkan *waste* dari *source* tetapi kita tidak tengok apa yang diberi oleh Kementerian KPKT ini dari segi *sorting* untuk menjadi lebih senang untuk *recycle*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, saya sendiri pun duduk di Amerika Yang Berhormat. San Francisco – *I was there for five years*. Samalah kita. You enam tahun, saya lima tahun.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Kenapa tidak belajar?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita sama sekampung ya Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Akan tetapi Yang Berhormat hanya melihat perbezaan besar di antara San Francisco dengan Salak Tinggi atau Jerantut, minta maaf ya, ialah budaya Yang Berhormat dan juga jenis makanan atau pun sampah yang dibuang. Kita ada kari. Kita ada di situ kering. Kebanyakannya kering. *So there is lot of problems. I am with you* Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat kena juga mesti apabila kita ingin meningkatkan perkhidmatan ini...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Semua daripada USA Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Seputeh duduk dahulu. Saya tidak nampak Yang Berhormat Serdanglah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bukan Serdanglah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** USA semua bangun.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *My line of sight* tidak dapat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Ha itu Yang Berhormat Serdang nampak.

Sekejap Yang Berhormat ya. Selepas ini. Saya hendak bagi tahu *you know it's all about culture*. *The Singaporean* itu pun, *come on* lah Yang Berhormat, saya pun baru juga melawat Singapura tetapi Singapura walau pun kita boleh melihat dari segi dasar tetapi untuk melihat Singapura sebagai contoh yang kita boleh aplikasikan di negara kita, *you know it is not possible*.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sejak balik cuti sakit ini kali pertama dapat bercakap.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setujukah dengan saya kalau kita tengok pada malam yang berbahagia di Dewan yang mulia ini nampak di sebelah sana parti pembangkang cukup kononnya kita tidak berterima kasih rakyat Barisan Nasional, macam-macamlah tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Jelutong panggil menggelarkan kucing kurap kepada siapa? *[Dewan riuh]* Selepas itu ditegur pula oleh Yang Berhormat Nibong Tebal suruh dia tarik balik.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Serius. Come onlah...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Baling, *you cakap ikut sinilah.. Tolong jangan politiklah.*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mereka sendiri tidak berterima kasih. Mereka sendiri hendak tangkap kucing kurap. Hari ini kerana mereka... Kononnya... Jangan buat sandiwaralah!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah! Kita cakap pasal *recycling* dia pergi cakap pasal apa ini?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Jelutong, hendak malukan kami di sini konon.*[Dewan riuh]* Hendak jadi hero, hendak bela rakyat!

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Balik, balik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, kesian dia baru balik. Baru balik. Tidak mengapa, maafkan dia.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Setujukah Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Pengerusi, kalau kata-kata itu datang daripada Pengerusi Lembaga Tabung Haji saya setujulah. *[Ketawa]* Saya amat setuju sebab Lembaga Tabung Haji ini dia orang baik-baik.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam subjek yang sama masalah *recycling* semua tadi Yang Berhormat telah berkata tentang masalah budaya masyarakat. Kita sedar saya ingat kebanyakannya baik di bandar apatah lagi di luar bandar orang melihat bahawa apabila tugas mengutip sampah, mengurus sampah PBT dan pekerja-pekerja sama ada E-Idaman, Alam Flora dan sebagainya. Rakyat berkata tugas buat sampah adalah tugas kita.

Jadi sejauh manakah kementerian bercadang dari segi *educating the public* bajet untuk memberi kesedaran bahawa tanggungjawab bersama untuk menjaga kebersihan. Kalau tidak ada sampah maka kuranglah kerja pekerja PBT dan bajet itu boleh digunakan untuk tugas kerja-kerja lain. Sila komen.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya setuju.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Point* yang sama. Sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu sebab saya katakan Yang Berhormat soal tentang kitar semula ini tidak boleh dilonggokkan di bahu kerajaan.

## ■2210

*It's all about individual* Yang Berhormat. *It's all about* budaya kita. Saya hendak katakan di sini, oleh kerana di negara kita ini sampohnya itu agak basah dengan karinya, dengan segala macamnya, jadi kita juga mempunyai masalah, kita terpaksa tambah lori yang berbeza dan sebagainya. Semua ini kos. *It is all about cost*. Jadi kita kena imbangkan semuanya. Semua kita kena hendak yang baik boleh tetapi *are we willing to pay for it? That's all. The bottom ...*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya Menteri, sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejaplah Yang Berhormat, saya habis bercakap, sekejap. *But* soal pokoknya ialah apakah kita mampu ataupun berupaya ataupun sanggup untuk membayar perkhidmatan yang kita kehendaki ini? *That is the bottom line*. Kalau kerajaan diminta untuk membayar, pun boleh juga *but what is the other side? The other side is* kurang hospital, kita tidak akan cukup jalan raya dan bermacam-macam. Pertimbangan inilah yang hari-hari kami di pihak Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan ini, fikirkan. Sebelah sana cuma mahu sahaja tetapi kita *is the zero something*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya, saya ...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, *very brief*. Saya tidak mahu polemikkan politik. Saya hendak bahas untuk mencadangkan supaya kerajaan, tidak kira Barisan Nasional atau siapa untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk selamatkan alam sekitar. Saya

dengar tadi dengan tekun, kita sebut Korea, Jepun ada *incinerator* tetapi apabila sampai tabiat manusia Malaysia ini, kita pula kata tidak perlu kita ikut orang Korea, ikut Jepun.

Kita ada tanggungjawab bersama supaya kita untuk *shape a new culture* supaya kita dapat bersama-sama mengambil tanggungjawab. Bagi saya ialah tidak salah kalau kita hendak bersama-sama untuk memulakan budaya *recycle* ini. Katalah cadangan saya ialah kita bahagikan *two simple division*, satu ialah asingkan organik dengan *in organic*. Biarlah *private sector* untuk kutip balik yang *in organic* ini sebab mereka akan dapat keuntungan daripada *recycling*. Kita boleh bagikan yang kerajaan buat hendak bakar atau hendak jadikan baja *then ambil sahaja yang organik*.

So kalau ini boleh dilakukan, kita akan mengurangkan dan saya khuatir *especially* dengan *incinerator* itu. Bahagian kita hendak buat kaca, plastik semua letak dalam yang akan dibakar. Itu bukan sahaja akan menyebabkan pencemaran tetapi ia juga membazir *resources* yang sangat *precious*. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri bahawa budaya *recycling* ini sebenarnya ia boleh diamalkan apabila kita mempunyai teknologi *incinerator*. Sebab apa saya beri begitu kerana apabila negara kita membudayakan *incinerator* ini, secara tidak langsung kita ada dua *level of segregation of the waste*. Pertama, di rumah-rumah. Kedua, kalau mana-mana rumah tidak melakukan *segregation* tetapi apabila ia sampai ke *transfer station* yang ada *incinerator*, maka secara automatik teknologi itu mengasingkan barang ini kerana ia meninggikan kadar *fit value* untuk mendapat *power* yang lebih daripada pengasingan ini.

Jadi secara tidak langsung, apabila pengasingan ini dilakukan di peringkat *incinerator*, over the years baru budaya ini sampai ke rumah-rumah kediaman. Saya lihat di Korea, ia mengambil masa 22 tahun untuk membudayakan rumah itu membezakan *waste* mereka di antara yang boleh *direcycle* dan terus dibuang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Titiwangsa, *I think is opposite*. Ada pembahagian dan pengasingan dahulu, baru ada *incinerator*. *I think this is not the other way round*.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** No, no.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ada teknologi, banyak teknologi Yang Berhormat. Yang Berhormat, apa Yang Berhormat Titiwangsa katakan itu ada juga betulnya sebab di Semenyih contohnya, ada *materials separations*. Yang Berhormat kata itu *is incinerator*. So it is two different technologies. Both are right but I tend to believing Yang Berhormat Titiwangsa ini...[Ketawa]

Yang Berhormat, *again*. Saya hendak bagi satu contoh di Putrajaya. Di Putrajaya ini, bukan semuanya ada sistem kitar semula ini. Ada kawasan-kawasan yang kita panggil *communal bin*, di tempat pusat setempat. *[Disampuk]* Pusat kitar semula setempat. Maknanya, kita kena buang sampah itu, kita pergi, *start enjin* kereta pergi ke situ. Buang minyak, buang kertas, buang macam-macam di situ. *It is separation. How many are doing it? Nobody.* Kita bercakap sahaja. Jadi,

soalnya sekarang, *bottom line is work with the government my dear friends from the opposition side, work...*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya bagi satu contoh? Tengok kafeteria itu. Minum sedikit air kosong, selepas itu, buang *cup* itu ke dalam *dustbin*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya setuju kita ..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tengok! Apakah *culture*? Yang Berhormat Arau dengar kah? Mula daripada Menteri, kafeteria kita ini buat dahulu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey Yang Berhormat Bayan Baru. Saya hendak beralih sedikit. *I think* ini - saya sekali lagi agak kecewa sedikit Yang Berhormat sebab kadang-kadang kalau isu ini tidak dijawab dalam Parlimen, akhirnya akan menjadi masalah di peringkat ceramah-ceramah setiap malam DAP di Pulau Pinang. Yang Berhormat mengatakan tentang peruntukan RM40 juta untuk TP1M tidak mencukupi dan minta KPKT mempertimbangkan permohonan daripada Yang Berhormat Bayan Baru untuk meneruskan permohonan TP1M.

*Then*, Yang Berhormat mengatakan bahawa sebelum ini, saya sendiri telah mengatakan bahawa RM500 juta telah diperuntukkan untuk TP1Malaysia ini. Jadi insinuasi Yang Berhormat katakan tadi ialah *what happen to the RM500 million?* Kenapa hanya RM40 juta? Akan tetapi kalau Yang Berhormat betul-betul teliti jawapan, Yang Berhormat akan faham bahawa RM500 juta yang telah disebut itu adalah untuk peruntukan RMKe-10 *between* tahun 2011 hingga tahun 2015. Jadi jangan bagi insinuasi bahawa kita ini menghilangkan wang dan bermacam-macam lagi. Jadi sebenarnya, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk pelaksanaan projek TP1M ini dan juga Program Penyenggaraan Perumahan ini sepanjang RMKe-10. *It is not even TP1M. Sorry, it is PPP. I did not say TP1Malaysia yang RM500 juta itu. Itu Projek Penyenggaraan Perumahan. So, get the fact right* Yang Berhormat.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Serdang. Yang Berhormat Serdang sudah jawab kah tadi?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *International bid.* Adakah maklumat itu akan diterbitkan secara terbuka?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Oh! Ya. Untuk makluman Yang Berhormat, ada juga yang mengatakan Yang Berhormatlah dalam satu kenyataan akhbar mengatakan bahawa Ketua Pengarah saya telah mengelirukan Menteri. Sebenarnya orang yang keliru ialah Yang Berhormat sendiri...[Ketawa] Menteri tidak keliru, Menteri begitu fokus kepada kerjanya. *We know what we are doing*, ya. Ketua Pengarah saya antara yang terbaik. Jadi, ini Ketua Pengarah Yang Berhormat ..

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Itu perkataan dia, bukan perkataan saya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya, ya saya tahu tetapi Yang Berhormat *spin it out of context*. Itu biasalah. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, sebetulnya memang betul dahulu kita fikirkan tentang *incinerator*. *Incinerator* adalah salah satu daripada teknologi yang boleh diguna pakai. *But incinerator* ini Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata tentang Broga. Ada banyak perbezaannya. Dahulu, kita buat begitu, ada bantahan, maka kita tidak buat.

Sekarang ini, kita telah belajar daripada beberapa kelemahan di dalam Projek Broga tersebut. Pertamanya, kita mahu supaya teknologi yang diguna pakai adalah teknologi yang sudah dewasa, *is a mature technology* yang telah diguna pakai berpuluhan-puluhan tahun oleh negara-negara di seluruh dunia. Keduanya, *must be value for money*. Tidak ada gunanya kita gunakan teknologi tetapi kosnya terlalu tinggi. Ketiganya, *environmental friendly*. *Three things*, tiga perkara.

Jadi, apabila saya bercakap tentang *incinerator*, sebab kita fikirkan itu yang terbaik tetapi apabila kita mengadakan satu mesyuarat yang dipanggil *Problem Solving Meeting* di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan saya sebagai Menteri sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini Tuan Penggerusi, *he is very focus*. *There is a problem*, kita mesyuarat 10 minit, *you must convince the Prime Minister*. Ini Yang Berhormat Pekan. *You do not have to say hello, good morning Sir, no nothing. Sit down* beritahu, selesaikan masalah. So dalam *Problem Solving Meeting* itu, kita mengambil pendekatan supaya kita lebih *transparent* seperti mana Yang Berhormat hendak, kita buka teknologi kepada semua syarikat yang ingin memberikan teknologi daripada seluruh dunia.

*So, once we - tender ini adalah tender antarabangsa, tender terbuka antarabangsa yang akan diiklankan dan akan pamerkan segala data Yang Berhormat hendakkan. You know Yang Berhormat, kita tidak mahu seperti mana yang saya katakan, kita mahu yang terbaik untuk rakyat dan penduduk Kuala Lumpur. Jadi, itu jawapan saya. Lain-lain Yang Berhormat, ada 10 minit lagi.*

## ■2220

Yang Berhormat Jerantut bertanyakan tentang kawasan lapang di Jerantut. Kerajaan melalui Majlis Perancangan Fizikal Negara telah menetapkan supaya setiap 1,000 orang penduduk kita mempunyai dua hektar kawasan lapang. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa perancangan tempatan perlu menetapkan supaya 10% daripada kawasan yang dicadangkan untuk kemajuan dirizabkan sebagai kawasan lapang yang kemudiannya perlu diwartakan oleh kerajaan negeri dan dibangunkan mengikut tujuannya iaitu untuk rekreasi awam.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan akan membantu PBT untuk membangunkan kawasan lapang yang bersambungan di kawasan bandar untuk pelan jangka panjang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat juga mengatakan tentang memohon Program Azam Bandar di Jerantut. Saya ambil maklum Yang Berhormat, ini adalah sebahagian daripada ucapan-ucapan yang berbentuk permohonan tadi.

Yang Berhormat Kuala Kangsar mengatakan terdapat sesetengah perkara dalam garis panduan perancangan dan undang-undang kecil bangunan seragam atau pun *Uniform Building By-Laws (UBBL)* tidak praktikal seperti mengenai lorong belakang dan *set back* dan perlu mempunyai fleksibiliti dan *uniformity*. Kita faham dan maklum tentang perkara itu Yang Berhormat dan *Uniform Building ByLaws* ini adalah dinamik dan sentiasa disemak dari semasa ke semasa bagi mengambil kira keperluan dan kehendak semasa. Saya kira Yang Berhormat telah pun membangkitkan ini dua,

tiga kali. Kalau boleh Yang Berhormat bagi saya satu surat rasmi tentang isu tersebut dan kita akan bawa dalam Mesyuarat Negara Mengenai Kerajaan Tempatan (MNKT).

Isu banjir kilat Yang Berhormat Kuala Kangsar. Penyediaan kolam takungan adalah syarat yang digariskan Jabatan Parit dan Saliran di mana bertujuan untuk mengawal potensi berlakunya banjir kilat di sesuatu kawasan. Saiz kolam takungan adalah bergantung kepada skala sesuatu pembangunan dan syarat-syarat tersebut akan dikenakan kepada sesuatu pemajuan oleh pihak JPS dan PBT sebelum lulusan pelan dikeluarkan. Perkara ini termaktub di bawah seksyen 21 Akta Perancangan Bandar dan Desa di mana perlu mendapat kebenaran merancang di PBT sebelum melaksanakan sesuatu pemajuan dan pembangunan.

Yang Berhormat Pasir Gudang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh *South West Management*. Saya pun tidak boleh baca ini Tuan Pengerusi, sama ada...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]**

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** *[Ketawa]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri belum jawab 50 km punya isu.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Ya, ya Yang Berhormat, minta maaf. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Berbalik kita kepada *incinerator* di Taman Beringin ini. Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa *requirement* daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ialah 50 km mesti di *observe*. Untuk makluman Yang Berhormat, syarat itu telah tidak diguna pakai. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah pun menurunkan, telah memadamkan syarat tersebut daripada *website* mereka. Itu adalah syarat yang lama.

Sekarang ini kita bergantung kepada Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar mengatakan bahawa kalau didapati oleh mereka, bukan oleh kami, oleh Jabatan Alam Sekitar bahawa *incinerator* atau pun *waste to energy plant* ini walaupun berdekatan dengan penduduk perumahan tetapi didapati selamat, ia boleh diluluskan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Akan tetapi saya masih boleh cari syarat itu dalam *website* Jabatan Perancangan Bandar dan Desa?

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** No, no. We are *already said* mungkin yang lama tetapi kita sudah berbincang. Ini jawapan rasmi saya kepada Yang Berhormat okey. *You don't have to read the website. You take it from the horses mouth* dengan izin Yang Berhormat. Saya beritahu bahawa syarat itu telah tidak diguna pakai dan saya bersetuju kalau ada masa nanti, Yang Berhormat kalau bercuti hujung tahun ini pergilah ke Tokyo. Tengok betul-betul tentang *incinerator* di situ.

Jadi, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, projek terbengkalai. Dari tahun 2009 hingga 31 Oktober 2013, 136 projek terbengkalai telah siap dan selesai dipulihkan. Sebanyak 44 projek sedang dipulihkan dan 25 projek dalam perancangan awal. Mengenai dua projek terbengkalai di PJS 1 dan PJS 2, maklumat dari Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tadi tidak begitu jelas. Minta Yang Berhormat memanjangkan maklumat kepada KPKT untuk siasatan lanjut dan maklum balas akan diberikan secara bertulis.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, tadi saya sudah beritahu.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Ya, tidak begitu jelas pada dia orang.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Jelas.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** No, mungkin dia tidak tangkap. *Never mind, I deduct or we go to the Hansard ya.*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Okey.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** But *I promise*, saya berjanji kita akan bagi maklumat bertulis kepada Yang Berhormat. Lagipun terlalu spesifik Yang Berhormat. *You should know this your second term already*. Tuan Penggerusi, lima minit lagi ya.

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Okey. Saya cuma ingin mengucapkan ribuan terima kasih. Walau yang lain itu hanya berbentuk cadangan ...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tentang perkara konsep bina kemudian jual.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Okey, bina dan jual. Yang Berhormat, saya baru baca di sini. Pada masa ini terdapat beberapa pemaju yang sedang menggunakan konsep bina kemudian jual. Ini termasuk beberapa GLC. Kebanyakan negara mengenakan konsep bina kemudian jual selari dengan konsep jual kemudian beli. Sama seperti di Malaysia iaitu *sell and build*. Pemaju kurang berminat dengan konsep BKJ ini atau pun bina dahulu kemudian jual kerana ianya memerlukan pembiayaan kewangan yang terlalu tinggi dari bank dan syarikat mereka sendiri. KPKT masih sedang mencari kaedah yang paling baik untuk pelaksanaan konsep BKJ.

Walau pun begitu, saya maklum yang Menteri sebelum saya telah menjanjikan bahawa pada tahun 2015 konsep ini akan diperkenalkan. Akan tetapi Yang Berhormat keadaan agak dinamik. Salah satu kenapa kita mempunyai masalah harga rumah yang terlalu tinggi ini ialah kerana penawaran rumah baik daripada pemaju perumahan yang besar-besar atau pun yang kecil ini tidak mencukupi. Saya khuatir satu sahaja Yang Berhormat. Walaupun saya faham tentang kehendak Yang Berhormat, saya khuatir nanti kalau kita gunakan konsep ini bina dahulu kemudian jual, yang akan menjadi masalahnya ialah pemaju-pemaju perumahan yang kecil-kecil ini akan tutup kedai. Mereka tidak akan mampu untuk mendapatkan *bridging fund, financing fund*. Yang besar-besar macam GLC dan pemaju-pemaju yang sudah besar itu mungkin akan boleh hidup dalam keadaan itu.

Jadi, apa yang akan berlaku ialah di bandar-bandar kecil, bandar-bandar sederhana kecil, sederhana besar mereka tidak akan mampu untuk membina rumah dalam konsep ini. *But we have time* Yang Berhormat. Saya kira ada setahun lagi untuk kita fikirkan bersama tetapi dia banyak lagi dinamiknya. *It's not just about what you say just now*, pemaju perumahan ini akan manipulasikan dan akan lari. *That one* satu aspek daripada isu ini. Ada banyak lagi aspek yang terpaksa kita fikirkan bersama. Jadi Yang Berhormat ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Seputeh yes. Ya, ya apa dia Yang Berhormat Seputeh?

[Dewan riuh]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah. Itu hotel. Pengiraan cukai pintu. Dua-dua di sini dari FT Malaysia mereka juga sangat prihatin.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Tidak, lepas ini nanti. Yang Berhormat, nanti pasal cukai pintu selepas ini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu DBKL lah. Dia tidak tahu Menteri KPKT ini.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Ini Kementerian Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat boleh tanya dia. Saya cuma menjawab tentang lesen perumahan untuk Hotel Swiss tadi. Lesen perumahan dan permit iklan dan jualan yang telah dikeluarkan kepada Dorsett. *You mention the hotel tadi?*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Bukan saya *mention* lah nanti. Dorsett Hotel Swiss. Berdasarkan kepada kebenaran merancang dan pelan pembangunan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya. Dalam kebenaran merancang dan pelan pembangunan tersebut, MPSJ tidak membuat sekatan bahawa Hotel Swiss itu tidak boleh dijual. Lalu, lesen dan permit telah dikeluarkan oleh MPSJ.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Waktu itu Yang Berhormat Seputeh jadi Exco. Dia Exco waktu itu, dia Exco.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Jadi, mungkin Yang Berhormat waktu itu Exco.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Waktu itu dia Exco. Yang Berhormat Seputeh Exco waktu itu.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Hotel Swiss boleh dijual seperti contohnya *Hotel Swiss di Four Seasons, St Regis* dan *West Residences*. *W Residences*, saya takut nanti salah. *W Residences it could be West* ya. dengan kebenaran merancang dan pelan pembangunan yang diluluskan oleh PBT. Walau bagaimanapun, lesen dan permit jualan untuk Dorsett Hotel Swiss digantung atau *suspended* sehingga keputusan mahkamah diperolehi oleh MPSJ. Itu jawapan saya Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tanya Ahli Majlis MPSJ. Nanti Yang Berhormat Menteri. Ahli Majlis MPSJ minta saya tanya Yang Berhormat kenapakah yang MPSJ luluskan itu adalah hotel. Buat satu hotel lagi. Akan tetapi kementerian bagi dia lesen untuk buat *service apartment*. Ini yang menjadikan mereka ada masalah.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Tidak apa lah Yang Berhormat. Nanti saya akan tengok. Ini ada satu jawapan di sini dan *it's very specific. I cannot answer you and I don't want to misquotes*. Tuan Penggerusi *because* ini ada kaitan dengan nama-nama besar, hotel-hotel dan kita tidak mahu

memberikan gambaran yang kurang baik kepada syarikat-syarikat ini sehingga saya mendapat maklumat yang betul.

Sebagai penutup, yang lain itu kalau belum lagi...

**Seorang Ahli:** Mersing.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Oh Mersing. Oh ya Mersing. Mana Yang Berhormat Mersing. Ini paling penting sebab berkenaan dengan budaya kita. Beliau minta supaya kedai mamak yang dibuka 24 jam itu ditutup pada pukul 2 pagi. *[Ketawa]* Kedai mamak ini Tuan Pengerusi adalah sebagai sebahagian daripada budaya dan ikon kehidupan kita dalam bandar. Saya tidak tahu lalih sama ada ini adalah cadangan yang boleh diterima oleh penduduk di bandar tetapi jawapan kementerian di sini ialah di bawah undang-undang trade, perniagaan dan perindustrian, PBT boleh menetapkan waktu operasi premis perniagaan.

Secara umumnya premis makanan dibuka sehingga jam 10 malam. Sekiranya ia ingin dibuka 24 jam kelulusan PBT harus diperolehi. Jadi, kita tidak boleh membuat *blanket service*. Sebagai penutup, yang lain itu saya minta kalau boleh saya jawab secara bertulis. Saya cuma ingin bawa satu fakta Tuan Pengerusi, saya ingin ucapkan - saya amat berbangga apabila baru-baru ini kementerian saya, Kementerian KPKT telah mendapat pengiktirafan, mendapat sijil ISO Syariah *Compliance*. Patuh Syariah kementerian ini.

**Seorang Ahli:** Macam Tabung Haji.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Macam Tabung Haji. Akan tetapi bezanya di sini keunikan sedikit KPKT ini pegawai yang betul-betul memastikan bahawa ISO ini dapat dipatuhi ialah seorang pegawai saya yang beragama Hindu dan bukan Islam. Bukan Hindu bukan Islam lah. Orang India dan bukan beragama Islam. Itu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana komitmen beliau untuk memastikan kementerian saya ini Patuh Syariah dan saya bagi pihak KSU, Timbalan saya yang hadir pada hari ini, yang hari ini...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Baling.

**Dato' Abd Rahman Dahlan:** Yang hadir hari ini bersama-sama dengan kita ucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai tersebut kerana telah memberikan nama yang cukup indah untuk KPKT. Sekian terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tahniah Yang Berhormat Menteri, tahniah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tidak habis lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,371,345,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM2,371,345,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,543,239,400 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,543,239,400 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua ([Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 27 November 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.33 malam]